

# SUHAKAM

## HAK ASASI UNTUK SEMUA

**LAPORAN TAHUNAN 2022**

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
(SUHAKAM)

SUHAKAM
HAK ASASI UNTUK SEMUA



# LAPORAN TAHUNAN 2022

## SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)

CETAKAN PERTAMA 2024

Hak cipta terpelihara Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM).

Kesemua atau mana-mana bahagian dalam buku ini boleh disalin dengan syarat perakuan sumber dibuat atau kebenaran diperolehi daripada SUHAKAM. SUHAKAM menyangkal sebarang tanggungjawab, waranti dan liabiliti sama ada secara nyata atau tidak terhadap sebarang salinan penerbitan yang dibuat tanpa kebenaran SUHAKAM.

Diterbitkan oleh
**SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)**
Tingkat 11, Menara TH Perdana
Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
E-mel : humanrights@suhakam.org.my
URL : http:www.suhakam.org.my

Dicetak oleh
**REKA CETAK SDN. BHD.**
14, Jalan Jemuju Empat 16/13D
Seksyen 16
40200 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
www.rekacetak.net

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan Dalam Penerbitan

ISSN: 2672 - 748X

# KANDUNGAN


| | | |
|---|---|---|
| | **PERUTUSAN PENGERUSI** | **6** |
| | **RINGKASAN EKSEKUTIF** | **11** |
| **01** | **PENDIDIKAN DAN PROMOSI HAK ASASI MANUSIA** | |
| | • Bahagian Pendidikan dan Kemasyarakatan | **32** |
| | • Bahagian Media dan Promosi | **51** |
| | • Bahagian Penerbitan dan Pengurusan Maklumat | **72** |
| | • Hari SUHAKAM dan Hari Hak Asasi Manusia | **77** |
| **02** | **PEMERKASAAN DASAR, PERUNDANGAN DAN KOORDINASI ANTARABANGSA BERKAITAN HAK ASASI MANUSIA** | |
| | • Bahagian Dasar | **92** |
| | • Bahagian Perundangan dan Triti Antarabangsa | **115** |
| | • Bahagian Koordinasi Antarabangsa | **125** |
| **03** | **ADUAN DAN PEMANTAUAN TERHADAP PELANGGARAN HAK ASASI MANUSIA** | |
| | • Bahagian Aduan dan Pemantauan | **146** |
| **04** | **PEJABAT PESURUHJAYA KANAK-KANAK** | **165** |
| **05** | **PEJABAT SUHAKAM SABAH** | **213** |
| **06** | **PEJABAT SUHAKAM SARAWAK** | **241** |
| **07** | **BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN** | **251** |

# LAMPIRAN


| | | | |
|---|---|---|---|
| **LAMPIRAN** | **I** | **Kenyataan Media** | **262** |
| **LAMPIRAN** | **II** | **Senarai Program SUHAKAM** | **264** |
| **LAMPIRAN** | **III** | **Senarai Ceramah, Mesyuarat, Bengkel dan Persidangan – Kebangsaan** | **275** |
| **LAMPIRAN** | **IV** | **Senarai Ceramah, Mesyuarat, Bengkel dan Persidangan – Antarabangsa** | **297** |
| **LAMPIRAN** | **V** | **Kehadiran Mesyuarat Bulanan Suruhanjaya** | **304** |
| **LAMPIRAN** | **VI** | **Sijil Ketua Audit Negara tentang Akaun Suruhanjaya Bagi Tahun 2022** | **305** |

**Senarai Singkatan** **333**

# ANGGOTA SURUHANJAYA **2022**



Prof. Dato' Dr. Rahmat bin Mohamad
**Pengerusi**



Datuk Mohamad Nordin Ibrahim



Dr. Chew Chee Ming



Ragunath Kesavan



Datuk Mary @ Mariati Robert



Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal



Nazira Abdul Rahim



Dato' Hasnal Rezua Merican Habib Merican



YM Tengku Mohamed Fauzi Tengku Abdul Hamid



# PERUTUSAN PENGERUSI

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Tahun 2022 menyaksikan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) menerima pelantikan barisan Pesuruhjaya baharu pada bulan Julai 2022 bagi meneruskan agenda perjuangan hak asasi manusia di Malaysia. Tahun ini juga Malaysia telah mengadakan proses Pilihanraya yang ke-15 dan Kerajaan Perpaduan yang ditubuhkan telah mengaku janji untuk memberikan perhatian kepada isu-isu hak asasi manusia antaranya hak kepada pendidikan, hak kewarganegaraan, pengukuhan ekonomi dan jaminan untuk menjaga hak rakyat tanpa mengira bangsa dan agama. SUHAKAM melihat ini sebagai satu peluang bagi mendapatkan komitmen Kerajaan baharu untuk tadbir urus yang baik dan hala tuju terhadap pengendalian isu-isu hak asasi manusia di Malaysia.

Kita sedia maklum bahawa dunia sedang dalam pemulihan daripada kesan pandemik COVID-19 dan rakyat sedang bergelut dengan kesukaran untuk meneruskan kehidupan mereka. SUHAKAM menyambut baik usaha Kerajaan untuk menangani kemiskinan terutamanya dalam kalangan kumpulan isi rumah B40, golongan rentan dan terpinggir dengan memastikan pengagihan peluang dan hasil yang lebih saksama serta tumpuan

**Dalam mengejar pembangunan, kita sering lupa akan kepentingan alam sekitar yang bersih, selamat dan mampan.**

**Dunia sedang mengalami krisis perubahan iklim dan perlu disedari bahawa sekiranya kita tidak memulakan langkah untuk memelihara alam sekitar dari sekarang, ia mungkin akan mencetus kesan rantaian yang boleh menjejaskan legasi kehidupan generasi akan datang.**

untuk menangani jurang pendapatan rakyat. SUHAKAM berharap agar sasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) untuk membasmi kemiskinan tegar menjelang 2025 dapat dicapai sepenuhnya dengan kerjasama yang kukuh oleh semua pihak yang terlibat.

Dalam usaha memastikan kelestarian ekonomi negara, SUHAKAM berusaha untuk memastikan entiti perniagaan menghormati hak asasi manusia dan menyediakan remedi yang efektif bagi sebarang pelanggaran hak asasi manusia akibat operasi perniagaan dengan berpandukan kepada Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (UNGP). Ini turut merangkumi isu buruh paksa, kemusnahan alam sekitar akibat perindustrian dan isu-isu lain yang melibatkan hak asasi manusia dan perniagaan. Antara usaha yang dijalankan oleh SUHAKAM adalah menyediakan latihan dan melaksanakan program kesedaran kepada pemegang taruh serta mengadakan sesi konsultasi yang melibatkan pelbagai sektor iaitu pembekalan perubatan, pembinaan, pembuatan dan perladangan bagi mengenal pasti isu dan mengesyorkan penyelesaian.

Dalam mengejar pembangunan, kita sering lupa akan kepentingan alam sekitar yang bersih, selamat dan mampan. Dunia sedang mengalami krisis perubahan iklim dan perlu disedari bahawa sekiranya kita tidak memulakan langkah untuk memelihara alam sekitar dari sekarang, ia mungkin akan mencetus kesan rantaian yang boleh menjejaskan legasi kehidupan generasi akan datang. Isu ini telah diberikan perhatian yang serius dan ia akan dijadikan sebagai salah satu agenda utama SUHAKAM untuk tahun hadapan.



Ratifikasi triti antarabangsa merupakan salah satu agenda hak asasi manusia yang diberikan perhatian oleh SUHAKAM. Dalam usaha mencapai matlamat ini, semakan semula serta pembaharuan undang-undang domestik perlu dilaksanakan agar ia selaras dengan prinsip undang-undang antarabangsa, seterusnya menjadikan Malaysia sebuah negara yang berwibawa dalam mendukung hak asasi manusia. Fokus SUHAKAM dalam semakan semula dan pembaharuan undang-undang antaranya adalah membangunkan kerangka undang-undang orang tanpa kewarganegaraan dan pelarian serta pindaan terhadap Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan untuk memasukkan hak kepada kehidupan yang merangkumi hak untuk hidup dalam persekitaran yang selamat, bersih dan mampan.

Kanak-kanak merupakan generasi masa hadapan yang akan menyambung legasi yang akan kita tinggalkan. Justeru, mereka perlu dilengkapkan dengan pengetahuan hak asasi manusia. Menyedari hakikat ini, SUHAKAM menawarkan pendidikan hak asasi manusia yang berterusan melalui program-program kesedaran seperti webinar, ceramah serta aktiviti yang dapat menyediakan mereka dengan pengetahuan hak asasi manusia. Selain itu, SUHAKAM turut memberikan perhatian kepada isu-isu yang berkaitan kehidupan kanak-kanak seperti buli, kewarganegaraan, buruh kanak-kanak, penderaan, tahanan kanak-kanak, jenayah melibatkan kanak-kanak dan sebagainya dengan menangani kes-kes aduan yang berkaitan, serta memajukan syor penambahbaikan kepada agensi yang bertanggungjawab agar masa depan mereka terus dipelihara.

SUHAKAM aktif bekerjasama di arena antarabangsa terutamanya melalui jaringan antarabangsa seperti Forum Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (SEANF), Forum Asia Pasifik (APF), Forum Komanwel Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (CHNFRI) dan Pakatan Global Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (GANHRI). SUHAKAM turut mengukuhkan hubungan dua hala dan pelbagai hala bersama Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRI) seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nepal dalam isu pekerja migran serta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Filipina (CHRP) dan Komisi Nasional Hak Asasi Manusia (Komnas HAM) melalui Memorandum Persefahaman berkenaan isu tanpa kewarganegaraan. SUHAKAM juga mengembangkan jaringannya dengan menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Suruhanjaya Bebas Tetap Hak Asasi Manusia (IPHRC) Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) untuk bekerjasama dalam arena hak asasi manusia, menyasarkan untuk menjalankan aktiviti dan program dalam lingkungan rangka kerja berasaskan kesaksamaan yang memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

Dalam mengukuhkan kerjasama dengan pemegang taruh, pada tahun ini, SUHAKAM telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia untuk bekerjasama memajukan hak asasi manusia dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 melalui pelbagai aktiviti dan perkongsian maklumat. SUHAKAM turut diberi kepercayaan oleh Kesatuan Eropah dengan penganugerahan dana bagi menjalankan penyelidikan, meningkatkan kesedaran dan mempromosikan prinsip-prinsip hak asasi manusia selama 3 tahun bermula pada tahun 2023.

Malaysia telah dilantik sebagai Ahli Majlis Hak Asasi Manusia PBB untuk penggal 2022 – 2024 di mana Kerajaan telah menyatakan komitmen untuk menyokong pengukuhan SUHAKAM sebagai Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan berstatus 'A' melalui semakan semula peruntukan dana dan undang-undang SUHAKAM serta menginstitusi proses keterlibatan agensi Kerajaan dalam memajukan hak asasi manusia di Malaysia. Dalam hal ini, SUHAKAM menerima sokongan penuh daripada Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU) dalam perbincangan ke arah pindaan Akta SUHAKAM, selari dengan proses berterusan re-akreditasi SUHAKAM dan juga pematuhan kepada Prinsip Paris yang menetapkan standard minimum yang perlu dipenuhi oleh NHRI dalam aspek, antaranya kebebasan, kuasa, mandat dan sumber untuk dipertimbangkan sebagai institusi yang dipercayai dan efektif. SUHAKAM menyambut baik seruan YB. Dato' Sri Azalina Othman Said dalam ucapan penutup Hari Hak Asasi Manusia yang menyatakan pembaharuan institusi perlu dimulakan bagi memastikan negara dilengkapi dengan infrastruktur yang berasaskan hak asasi manusia.

**SUHAKAM menyambut baik seruan YB. Dato' Sri Azalina Othman Said dalam ucapan penutup Hari Hak Asasi Manusia yang menyatakan pembaharuan institusi perlu dimulakan bagi memastikan negara dilengkapi dengan infrastruktur yang berasaskan hak asasi manusia.**

Laporan Tahunan ini mengandungi kesemua aktiviti, penemuan dan syor SUHAKAM sepanjang tahun 2022 dan diharap ianya dapat menjadi rujukan serta seterusnya dibahaskan di Parlimen demi menambah baik situasi hak asasi manusia di Malaysia. SUHAKAM akan terus mengenalpasti kelemahan dalam melaksana agenda hak asasi manusia dan berusaha menambah baik aktiviti serta program yang akan dijalankan pada tahun seterusnya bagi melindungi hak asasi manusia untuk semua. Kesemuanya perancangan ini akan dilaksanakan dengan kerjasama erat bersama pemegang taruh terutamanya pihak Kerajaan selaku pemacu ke arah mencapai SDG 2030 tanpa meninggalkan sesiapa.

Wabillahitaufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Profesor Dato' Dr. Rahmat Mohamad**
Pengerusi SUHAKAM



# RINGKASAN EKSEKUTIF

Aktiviti Pendidikan dan Kemasyarakatan (EOD) dirancakkan semula pada tahun 2022 dengan pelbagai program bersemuka setelah 2 tahun ditangguhkan kerana pandemik. Program-program tersebut selaras dengan Pelan Strategik SUHAKAM 2021 – 2025 yang menumpukan kepada 3 bidang keutamaan iaitu memperkukuhkan peranan dan kepimpinan SUHAKAM untuk melindungi dan memperkasa hak asasi manusia (HAM); memacu hak ekonomi, sosial dan kebudayaan golongan rentan; dan, memerangi rasisme, diskriminasi kaum dan xenofobia. Beberapa aktiviti yang telah dimulakan pada tahun 2021 diterus dan disempurnakan pada tahun 2022, antaranya pembangunan modul latihan dan kaji selidik Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah (ATHAM).

SUHAKAM dengan persetujuan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membangun dan menerbitkan Buku Panduan Cadangan Aktiviti ATHAM sebagai rujukan kepada sekolah-sekolah dalam menjalankan program ATHAM di sekolah masing-masing. Buku tersebut akan diedarkan ke semua sekolah ATHAM kelak.

SUHAKAM dengan kerjasama KPM, turut menganjurkan Pertandingan Bicara Berirama antara Sekolah ATHAM 2022 dengan tema 'Kesepaduan Sosial dalam Kemajmukan Bangsa Membina Sekolahku SEJAHTERA', bermula 25 April sehingga 14 Julai 2022. Matlamat penganjuran pertandingan tersebut adalah untuk mempromosi prinsip antidiskriminasi bagi memupuk budaya hormat-menghormati dan seterusnya mengukuhkan perpaduan dalam kalangan warga sekolah.

Sepanjang 2022, pelbagai siri bengkel telah dianjurkan oleh SUHAKAM antaranya Bengkel Hak Asasi Manusia dan *Training of Trainers* Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia (ATHAM) di Sekolah untuk Guru Besar dan Pengetua Sekolah-Sekolah ATHAM 2022 bagi memperkasa dan memperkukuhkan lagi pengetahuan sedia ada para guru sekolah ATHAM berkenaan ilmu hak asasi manusia dan hak kanak-kanak serta memantapkan lagi pelaksanaan ATHAM di sekolah yang terlibat.

Selain itu, SUHAKAM telah menganjurkan Bengkel Pemurnian Draf 'Modul Hak Asasi Manusia untuk Pendidik' bersama-sama 15 orang pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG) dari pelbagai kampus seluruh Malaysia dari 14 hingga 16 Jun 2022.

Siri Kedua Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) (Penguatkuasaan) bagi peringkat Zon Tengah telah diadakan pada 7 – 9 Jun 2022. Bengkel tersebut melibatkan penyertaan seramai 40 orang pegawai penguatkuasa AADK Negeri dan Daerah di Selangor, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan serta sebilangan pegawai yang menjaga lokap di negeri-negeri tersebut.

Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah (KBSJD) telah dianjurkan untuk Ketua-ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah (KBSJD) Zon Selatan. Objektif bengkel diadakan adalah untuk menggalakkan amalan piawaian hak asasi manusia dalam bidang tugas polis di Malaysia.

'Modul Hak Asasi Manusia untuk Polis Diraja Malaysia' berjaya disempurna dan dilancarkan secara rasmi oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Haji Abdullah Sani bersama-sama Pengerusi SUHAKAM, Tan Sri Othman Hashim di Maktab Polis Diraja Malaysia, Kuala Lumpur pada 18 April 2022.

Selain itu, sebanyak 3 siri ceramah kesedaran '*Youth for Rights'* bersama belia di institusi pengajian tinggi dan juga belia yang berada di bawah pemantauan AADK yang memfokuskan kepada tema memacu hak ekonomi, sosial dan kebudayaan golongan rentan; dan, memerangi rasisme, diskriminasi kaum dan xenophobia turut dianjurkan.

Aktiviti 'SUHAKAM Bersama Masyarakat' (SBM) berskala kecil telah dijalankan dengan kerjasama beberapa Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan Orang Kurang Upaya (OKU) di Lembah Klang dan Persatuan Nelayan Kawasan Kerian, Perak.

Pada 25 Oktober 2022, SUHAKAM telah mengadakan program Literasi Hak Asasi Manusia untuk para pegawai di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK) di Kepala

Batas, Kedah. Sehingga kini, SUHAKAM telah berjaya menganjurkan program ini kepada semua Jabatan Agama Islam Negeri kecuali Negeri Perlis, Terengganu dan Negeri Sembilan.

Sebanyak 25 kenyataan media telah dikeluarkan oleh SUHAKAM sepanjang tahun 2022 yang meliputi isu kewarganegaraan, hak kanak-kanak, hak pekerja migran, kematian dalam tahanan serta kerjasama dengan pemegang taruh dalam meningkatkan pematuhan terhadap hak asasi manusia di Malaysia. Selain itu, SUHAKAM turut mengeluarkan kenyataan yang menyentuh mengenai keperluan untuk mengkaji semula, meminda atau memansuhkan undang-undang dan dasar agar ia selaras dengan hak asasi manusia. Sejumlah 8 sesi sidang media yang memberi tumpuan kepada isu-isu perubahan iklim dan hak kepada alam sekitar yang bersih dan selamat, isu buruh paksa dalam sektor perladangan, hasil dapatan siasatan awam, hala tuju SUHAKAM dan juga aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh SUHAKAM telah diadakan sepanjang tahun 2022.

SUHAKAM mempunyai 4 media sosial rasmi yang iaitu *Facebook, Twitter, Instagram* dan saluran *Youtube* yang diyakini mampu meningkatkan keupayaan SUHAKAM dalam membina imej dan menjadi landasan untuk SUHAKAM menyebarkan maklumat mengenai pelbagai isu hak asasi manusia.

SUHAKAM dan gabungan ACT4CAT meneruskan program kesedaran dan promosi ke arah meratifikasi Konvensyen Menentang Penyeksaan Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan dan Menjatuhkan Maruah (UNCAT), dan mengadakan pameran Kartun MYACT bertemakan '*Re-imaging A Torture Free Nation*' yang diadakan pada 25 dan 26 Jun 2022 bersempena sambutan Hari Antarabangsa Memperingati Mangsa Penyeksaan.



**SUHAKAM mempunyai 4 media sosial rasmi yang iaitu Facebook, Twitter, Instagram dan saluran Youtube yang diyakini mampu meningkatkan keupayaan SUHAKAM dalam membina imej dan menjadi landasan untuk SUHAKAM menyebarkan maklumat mengenai pelbagai isu hak asasi manusia.**



SUHAKAM telah menjalankan satu kaji selidik dalam talian mengenai persepsi orang awam terhadap UNCAT bermula 22 Oktober hingga 31 Disember 2022. Rumusan hasil kaji selidik menunjukkan bahawa tahap kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap definisi 'penyeksaan' dalam konteks UNCAT adalah memuaskan. Walau bagaimanapun, majoriti sampel kajian tersebut masih mahu mengekalkan hukuman rotan dan hukuman mati bagi jenayah yang berat, ini termasuk mengekalkan kaedah penggunaan kekerasan dalam soal siasat bagi jenayah yang melibatkan ancaman terhadap keselamatan negara.

**SUHAKAM meneruskan usaha untuk menghasilkan teks khutbah Jumaat yang memfokuskan nilai hak asasi manusia dalam kehidupan seharian umat Islam sebagaimana yang diajar oleh Islam.**

SUHAKAM meneruskan usaha untuk menghasilkan teks khutbah Jumaat yang memfokuskan nilai hak asasi manusia dalam kehidupan seharian umat Islam sebagaimana yang diajar oleh Islam. Antara isu yang diangkat oleh SUHAKAM menerusi penghantaran 4 teks khutbah kepada Jabatan Agama Islam Negeri ialah topik pengukuhan institusi tahfiz, penjagaan kesihatan fizikal dan mental, hak golongan pelarian dan jenayah pemerdagangan manusia. Mesej mengenai hak asasi manusia dan Islam ini disebarkan melalui penyampaian khutbah Jumaat di seluruh masjid di Malaysia dengan kerjasama bersama pihak berkuasa agama Islam.

Bagi menambah koleksi terbitan untuk golongan kurang upaya, SUHAKAM telah menerbitkan 'Manual Rujukan Rumah Ibadat Mesra Orang Kurang Upaya (OKU)' dalam versi braille. SUHAKAM turut berusaha menempatkan perpustakaan mini khusus yang mempamerkan sebahagian besar koleksi penerbitan berteraskan hak asasi manusia dan sains sosial melalui penubuhan sudut hak asasi manusia. Ianya dilihat sebagai strategi dalam memberi promosi secara tidak langsung kepada Perpustakaan SUHAKAM, selain turut

menjadi pemangkin kepada agenda menyebarluas kesedaran mengenai hak asasi manusia.

SUHAKAM telah menubuhkan Sudut Hak Asasi Manusia di 9 buah lokasi termasuk di perpustakaan Universiti Teknologi Sarawak, Perpustakaan Negeri Melaka (Bukit Baru, Merlimau dan Jasin), Perpustakaan Sultanah Bahiyah di UUM, Sintok, Perpustakaan Negeri Kedah, (Alor Setar, Bandar Baharu, Kulim) dan perpustakaan Kolej Antarabangsa Kompas, Ipoh. Jumlah keseluruhan lokasi Sudut Hak Asasi Manusia ialah sebanyak 17 buah lokasi sejak pelancarannya pada tahun 2019.

Sempena memperingati sambutan 'Hari SUHAKAM', satu webinar bertemakan 'Kepentingan Mengutamakan Hak Asasi Ekonomi, Sosial dan Budaya (ESCR) dalam menyokong Pemulihan Negara dan Masyarakat di Malaysia' telah diadakan pada 9 September 2022. Selanjutnya, dengan kerjasama Kementerian Luar Negeri (KLN), Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Malaysia, SUHAKAM telah menganjurkan sebuah Forum Hari Hak Asasi Manusia bersempena sambutan Hari Hak Asasi Manusia Sedunia pada 12 Disember 2022 yang bertemakan 'Memperkasa dan Mempertingkat Hak Asasi Manusia Ke Arah Tiada Siapapun Ketinggalan'.

SUHAKAM terus memberikan tumpuan dan menjalankan kajian kepada isu-isu perniagaan dan hak asasi manusia, buruh paksa, alam sekitar dan tanpa kewarganegaraan. SUHAKAM sentiasa menggesa Kerajaan untuk membangunkan Pelan Tindakan Nasional Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR) bagi Malaysia. SUHAKAM telah bekerjasama dengan BHEUU bagi menawarkan nasihat dan input ke arah pembangunan NAPBHR. SUHAKAM berharap semua pihak yang terlibat akan menggunakan peluang ini untuk mengemukakan cadangan dan input kepada agensi-agensi ini serta melibatkan diri dalam sesi libat urus yang diadakan sepanjang pembangunan NAPBHR.

Pada 27 Julai 2022, SUHAKAM dengan kerjasama BHEUU dan *Collective of Applied Law dan Legal Realism (CALR*), dengan sokongan *Business and Human Rights Resource Center (BHRRC)* menganjurkan sesi konsultasi pertama *mengenai 'National Baseline Assessment as part of Malaysian NAPBHR'*, memfokuskan isu-isu berhubung pekerja asing, pekerja migran tanpa dokumen, pelarian dan pencari suaka.

SUHAKAM menyambut baik usaha Kerajaan dalam menangani isu buruh paksa di Malaysia. Antaranya pelancaran Pelan Tindakan Nasional Mengenai Buruh Paksa (NAPFL) 2021-2025 yang pertama, membuat pindaan terhadap undang-undang buruh (seperti Akta 446, Akta 265) dan meratifikasi Protokol 29 ILO berhubung buruh paksa.

SUHAKAM telah dilantik sebagai ahli Mesyuarat Jawatankuasa NAPFL 2021-2015. SUHAKAM menyuarakan isu pertindihan antara NAPFL dengan Pelan Tindakan Nasional (NAP) yang lain yang telah dan sedang dibangunkan oleh Kerajaan. Turut ditekankan adalah keperluan untuk mewujudkan penyelarasan antara kementerian daripada segi pelaksanaan NAP yang berlainan, memandangkan kebanyakan NAP adalah saling berkait dan saling bergantung antara satu sama lain. Selain itu, isu kekurangan kesedaran mengenai NAPFL dan usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan perlu dipertingkatkan, terutamanya dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

SUHAKAM dijemput untuk menghadiri mesyuarat 3 Jawatankuasa Teknikal (TC) iaitu *Labour Migration* (TC3), *Improved Legal Compliance and Enforcement* (TC2) dan *Access to Remedy, Support and Protection Services* (TC4). SUHAKAM telah mengutarakan beberapa isu berhubung buruh paksa berdasarkan pemerhatian terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan serta lawatan kerja ke ladang-ladang serta syarikat-syarikat pembuatan. Antaranya isu kekurangan pemeriksa buruh untuk membuat pemantauan, kekurangan kesedaran berhubung indikator buruh paksa serta kekurangan kesedaran berhubung NAPFL dan usaha-usaha kerajaan.

Pada 10 Mac 2022, SUHAKAM menganjurkan 'Konsultasi Pemegang Taruh Mengenai Isu Buruh Paksa dalam Industri Perladangan'. Objektif konsultasi ini adalah untuk membincang dan mendapatkan pandangan pemegang taruh mengenai isu buruh paksa dalam industri perladangan di Malaysia; menyediakan platform kepada perniagaan dan pengeluar untuk berkongsi kebimbangan serta cabaran dalam menangani isu buruh paksa dalam aktiviti mereka; serta menilai keberkesanan undang-undang, dasar serta amalan sedia ada dan mekanisme lain yang berkenaan dalam menangani isu buruh paksa di Malaysia; dan berkongsi amalan baik dan syor-syor.

SUHAKAM memutuskan untuk melaksanakan kajian mendalam mengenai hak asasi manusia dan tanpa kewarganegaraan di Malaysia dengan melantik penyelidik luar iaitu Assist. Prof. Dr. Melati Nungsari pada bulan Julai 2021, bagi memulakan kajian mengenai hak asasi manusia dan tanpa kewarganegaraan di Semenanjung Malaysia, dengan tujuan untuk mengkaji isu dan kebimbangan yang dihadapi oleh orang tanpa kewarganegaraan di negara ini. Kajian memfokuskan penilaian menyeluruh terhadap rangka kerja perundangan, dasar, pentadbiran dan institusi serta proses/amalan yang memberi kesan terhadap akses kepada kewarganegaraan di Malaysia. Kajian selama 9 bulan tersebut telah siap sepenuhnya pada bulan April 2022. Antara syor yang dicadangkan dalam Laporan Kajian:

i. Malaysia harus meratifikasi Konvensyen 1954, Konvensyen 1961, Konvensyen 1951, Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Sivil dan Hak Politik (ICCPR) dan Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD) sebagai asas untuk Kerajaan mula memenuhi kewajipannya bagi mencegah dan mengurangkan tanpa kewarganegaraan.

ii. Malaysia perlu menolak reservasi terhadap artikel berkaitan dengan hak kewarganegaraan dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC), Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dan Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD), dan meratifikasi Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Sivil dan Hak Politik (ICCPR) dan Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi (ICERD) kerana perjanjian hak asasi manusia antarabangsa teras ini mempunyai peruntukan mengenai hak kewarganegaraan yang akan melengkapi peruntukan dalam Konvensyen 1961, Konvensyen 1954 dan Konvensyen 1951. Kementerian Dalam Negeri (KDN) perlu menyemak semula lompang dalam undang-undang kewarganegaraan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan akta yang berkaitan, antaranya Akta Pendaftaran Kelahiran 1957, Akta Kesahtarafan 1961, Akta Pengangkatan 1952 dan Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952, serta melaksanakan pembaharuan undang-undang untuk meminda undang-undang kewarganegaraan bagi mencegah dan mengurangkan segala bentuk tanpa kewarganegaraan.

ii. Keperluan kepada penyediaan dan pengumpulan data yang lebih baik berkenaan isu tanpa kewarganegaraan.

iii. Kementerian/agensi berkaitan perlu membuat penambahbaikan kepada proses permohonan kewarganegaraan. Antaranya termasuklah memendekkan masa menunggu, menyediakan akses mudah untuk menyemak status permohonan, meningkatkan ketelusan berhubung urusan kepada permohonan kewarganegaraan, termasuk garis masa terperinci untuk proses itu, memaklumkan kepada pemohon sebab-sebab tertentu permohonan mereka ditolak supaya mereka boleh meminda permohonan masa depan mereka dengan sewajarnya, menyediakan senarai semak dokumen dan memaklumkan kepada pemohon cara untuk mendapatkan dokumen yang diperlukan.

Pada 1 Mac 2022, SUHAKAM menganjurkan satu Perbincangan Meja Bulat (PMB) Mengenai COP26: Malaysia dan Perubahan Iklim. Objektif perbincangan adalah untuk mengenal pasti impak perubahan iklim kepada hak asasi manusia; mengenal pasti komitmen kerajaan, perniagaan dan pihak kepentingan lain dalam menguruskan dasar perubahan iklim serta mengupas isu-isu penting yang dibincangkan di COP26 dan kaitannya dengan hak asasi manusia.



**SUHAKAM berpendapat bahawa usaha-usaha perlu digiatkan lagi untuk memastikan pelaksanaan syor-syor inkuiri Nasional, terutamanya yang melibatkan isu pewartaan tanah Orang Asli di bawah Akta 134.**

SUHAKAM mengambil peluang untuk membuat pembentangan kepada Mesyuarat Majlis Perundingan Orang Asli (MAPOA) mengenai 'Pelaksanaan Syor Laporan Inkuiri Nasional Berhubung Pewartaan Tanah Masyarakat Orang Asli Mengikut Seksyen 6 dan 7 Akta Orang Asli 1954'. Dalam pembentangan, SUHAKAM berkongsi perkembangan Inkuiri Nasional dan status pelaksanaan syor-syornya. Berdasarkan pemerhatian, SUHAKAM berpendapat bahawa usaha-usaha perlu digiatkan lagi untuk memastikan pelaksanaan syor-syor Inkuiri Nasional, terutamanya yang melibatkan isu pewartaan tanah Orang Asli di bawah Akta 134. SUHAKAM berpendapat bahawa isu pewartaan ini boleh dilaksanakan dengan sempurna dan dalam kadar segera dengan kerjasama Kerajaan Negeri.



SUHAKAM telah dirujuk dalam penggubalan dasar, draf dan semakan pada pelbagai peringkat bagi rang undang-undang (RUU) termasuk RUU Anti-Gangguan Seksual, Peraturan Pekerja Salon & Pusat Kecantikan Wilayah-Wilayah Persekutuan, Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, Akta Anti-Pemerdagangan Orang & Anti-Penyeludupan Migran 2022; dan Akta Mesin Cetak & Penerbitan 1984.

SUHAKAM berusaha untuk meminda Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 ke arah mengukuhkan mandat dan kuasa SUHAKAM. Pindaan yang dicadangkan termasuk daripada aspek pemilihan ahli SUHAKAM, komposisi keanggotaan SUHAKAM, tempoh jawatan Ahli SUHAKAM, kuasa Melawat Tempat Tahanan, kuasa untuk menjalankan fungsi timbangtara, perundingan dengan SUHAKAM mengenai penggubalan dan pindaan undang-undang, dana SUHAKAM, hubungan dengan Badan Kehakiman, kuasa berkaitan dengan siasatan, pengendalian siasatan oleh SUHAKAM, hasil siasatan dan Laporan Tahunan/Laporan Khas SUHAKAM.




SUHAKAM dengan kerjasama *United Nation Development Fund* (UNDP) dan Badan Kehakiman Malaysia telah menganjurkan kolokium kehakiman yang bertemakan 'Peranan Badan Kehakiman dalam Memperkasakan Hak Asasi Manusia melalui Prinsip-Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (UNGP) dan Agenda 2030 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)' pada 31 Mac 2022. Kolokium tersebut dihadiri oleh 120 orang hakim dan pegawai kanan kehakiman dari semua peringkat mahkamah sivil di Malaysia.

Pada 3 Mac 2022, SUHAKAM telah bekerjasama dengan *Anti-Death Penalty Asia Network* (ADPAN) untuk menganjurkan perbincangan meja bulat berkenaan pemansuhan hukuman mati bagi kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952.

Bermula dari aduan rasmi yang diterima daripada gabungan pertubuhan aktivis alam sekitar pada 7 Disember 2022 yang meminta SUHAKAM untuk campur tangan dalam menghentikan masalah jerebu di negara ini, satu sesi perbincangan meja bulat telah diadakan pada 9 dan 11 Mac 2022. SUHAKAM juga mencadangkan agar Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan memasukkan hak kepada udara bersih sebagai sebahagian daripada hak asasi yang dijamin oleh negara.

Sempena kedatangan bulan Ramadan, SUHAKAM dengan kerjasama Kongres Ulama Perempuan Indonesia (KUPI), Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Al-Quran, Jakarta dan KOMNAS Perempuan Indonesia telah menganjurkan sesi tadarus (pengajian) berkenaan dengan isu-isu hak asasi perempuan dan Islam.

Tema Hari OKU 2022 adalah 'Transformasi Ke arah Pembangunan Inklusif: Peranan Inovasi Dalam Memenuhi Aksesibiliti dan Kesaksamaan OKU'. SUHAKAM telah menyambut sambutan Hari OKU menerusi tayangan filem 'Garang: Aku Luar Biasa', yang merupakan platform untuk memupuk kesedaran pemegang taruh tentang hak OKU dalam mendapatkan akses kepada perkhidmatan seperti teater, panggung wayang, muzium dan lain-lain.

SUHAKAM mengambil inisiatif untuk melakukan penyelidikan yang relevan mengenai kesesuaian undang-undang sivil dan syariah dengan instrumen hak asasi manusia yang berkenaan. SUHAKAM akan terus mengadakan rundingan dengan beberapa kementerian mengenai saranan bagi mengatasi kelompangan pelbagai undang-undang atau isu sosial yang dikenal pasti bagi membuka jalan agar dapat membantu kerajaan menandatangani dan menyertai instrumen hak asasi manusia antarabangsa tersebut.

SUHAKAM telah menghadiri Sesi Konsultasi bagi Membincangkan Matriks Pemantauan Perkembangan Saranan Penilaian Berkala Sejagat (UPR) Ketiga Malaysia Siri 1/2022 yang dianjurkan oleh Kementerian Luar Negeri (KLN) bertujuan membincangkan status terkini petunjuk saranan UPR Ketiga dan status pelaksanaan petunjuk bagi tempoh jangka masa pendek dan pertengahan. Semasa sesi konsultasi tersebut, KLN memaklumkan bahawa KLN dengan kerjasama Pejabat Pesuruhjaya Tinggi bagi Hak Asasi Manusia (OHCHR) telah menterjemahkan kesemua 9 instrumen teras hak asasi manusia antarabangsa, Protokol Opsyenal dan Statut Rom ke Bahasa Malaysia. Sesi Konsultasi bagi Membincangkan Matriks Pemantauan Perkembangan Saranan UPR Ketiga Malaysia Siri 2/2022 pada 10 November 2022, telah turut membincangkan mengenai perkembangan terkini pelaksanaan aplikasi Pangkalan Data Pengesanan Syor Nasional (NRTD) untuk Malaysia oleh OHCHR.

Persidangan Tahunan SEANF kali ke-19 telah diadakan pada 28 hingga 29 November 2022 di Zamboanga, Filipina dan secara dalam talian. Bersempena dengan MoU mengenai Isu Tanpa Kewarganegaraan di Sabah antara SUHAKAM, Komnas HAM dan CHRP, Persidangan Tahunan ini dianjurkan dengan tema 'Peranan NHRI dalam Mencegah Tiada Kewarganegaraan dan Melindungi Hak Orang yang Berisiko Menjadi Tiada Kewarganegaraan: Perspektif dari Asia Tenggara'.

Mesyuarat Dwitahunan CFNHRI diadakan pada 16 dan 17 Jun 2022 secara fizikal di Kigali, Rwanda iaitu tempat yang sama berlangsungnya Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM). SUHAKAM telah turut sama menghadiri Mesyuarat Dwitahunan CFNHRI dan menjadi ahli panel untuk membincangkan topik 'Tiada sesiapa pun yang terpinggir: Bekerjasama untuk menormalisasikan hak asasi manusia dalam tindak balas kecemasan dan pemulihan'.

Semasa Sidang ke-49 Majlis Hak Asasi Manusia PBB yang berlangsung pada 28 Februari hingga 1 April 2022, SUHAKAM telah membuat 2 kenyataan menerusi rakaman video berdurasi 1 minit 32 saat iaitu semasa sesi dialog interaktif Pelapor Khas mengenai situasi pembela hak asasi manusia pada 11 Mac 2022 dan sesi dialog interaktif mengenai Laporan Pesuruhjaya Tinggi kepada Myanmar pada 21 Mac 2022.

Pada 22 Mac 2022, Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai Isu Tanpa Kewarganegaraan di Sabah antara NHRI Malaysia (SUHAKAM) dengan Indonesia (Komnas HAM) dan Filipina (CHRP) telah diperbaharui dan disambung untuk tempoh sehingga penghujung tahun 2022 bagi membolehkan kesemua aktiviti yang telah dirancang di dalam Pelan Tindakan MoU tersebut dilaksanakan.

SUHAKAM telah menerima sebanyak 738 aduan sepanjang tahun 2022. 355 daripada aduan tersebut telah dibuat di Ibu pejabat di Kuala Lumpur, 300 aduan di Pejabat Sabah dan 83 aduan di Pejabat Sarawak. Aduan tersebut telah diterima dalam bentuk memorandum, emel, surat, panggilan telefon, temu duga terbuka, sistem e-aduan dan penyerahan semasa program SUHAKAM Bersama Masyarakat (SBM).

**Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai Isu Tanpa Kewarganegaraan di Sabah antara NHRI Malaysia (SUHAKAM) dengan Indonesia (Komnas HAM) dan Filipina (CHRP) telah diperbaharui dan disambung untuk tempoh sehingga penghujung tahun 2022**



211 aduan adalah di luar bidang kuasa dan SUHAKAM telah menyelesaikan siasatan terhadap 137 kes daripada 527 aduan. Bakinya sebanyak 390 kes masih dalam siasatan. Kategori yang menerima bilangan aduan yang tinggi termasuk isu diskriminasi/hak kesaksamaan; tindakan seksaan/layanan atau hukuman zalim; tangkapan,tahanan dan pembuangan negeri; hak kepada pekerjaan dan hak pekerja migran; hak kepada taraf kehidupan yang mencukupi (makanan, pakaian, perumahan, penjagaan kesihatan) dan hak kanak-kanak. Selain itu, isu hak kewarganegaraan adalah kategori aduan yang paling tinggi diterima oleh Pejabat SUHAKAM Sabah.

Lawatan ke tempat-tempat tahanan yang dijalankan merangkumi 2 kategori iaitu: (i) lawatan berkala untuk melihat keadaan dan layanan di tempat tahanan; (ii) lawatan siasatan kes bagi kes-kes yang diadukan ke Suruhanjaya berhubung pelanggaraan hak asasi manusia di tempat tahanan.

Selain menjalankan 2 buah lawatan berkala dan 14 buah lawatan kes bagi menjalankan siasatan ke atas aduan di penjara seluruh Malaysia, SUHAKAM telah mengadakan lawatan berkala ke 4 buah lokap Polis Diraja Malaysia di bawah seliaan Ibu pejabat Polis Daerah Kuala Terengganu dan Ibu pejabat Polis Daerah Hulu Terengganu. Lokap-lokap yang dilawat adalah Lokap Balai Polis Kuala Telemong, Lokap Balai Polis Ajil, Lokap Balai Polis Kuala Terengganu dan Lokap Balai Polis Gong Badak. SUHAKAM mendapati banyak ruang penambahbaikan di penjara perlu diambil perhatian. Penambahbaikan ini bukanlah tanggungjawab pihak Jabatan Penjara semata-mata, sebaliknya agensi Kerajaan yang terlibat secara langsung juga perlu memainkan peranan masing-masing bagi memastikan penjara mematuhi standard tempat tahanan yang minimum.

SUHAKAM telah melawat 7 depot Imigresen untuk tujuan lawatan berkala dan lawatan kes termasuk Depot Imigresen Bukit Jalil, Semenyih, Beranang, Machap Umboo, Langkap, Tawau, dan Depot Imigresen Sementara Milenium Beranang dan Sungai Bakap. Isu-isu dan syor-syor utama yang telah dikenal pasti oleh Suruhanjaya telah dilaporkan kepada pihak berkenaan.

Didapati sebilangan tahanan yang berada di depot-depot imigresen adalah pencari suaka dan orang pelarian. Orang pelarian di dalam depot-depot ini mempunyai sama ada kad UNHCR yang didaftarkan di Malaysia atau kad UNHCR yang didaftarkan di negara Bangladesh atau Indonesia. Terdapat juga tahanan yang tidak mempunyai sebarang surat atau dokumen tetapi mendakwa diri mereka sebagai pencari suaka atau orang pelarian. SUHAKAM mengesyorkan supaya pihak UNHCR diberikan akses masuk ke dalam depot-depot Imigresen supaya dapat mengesahkan ketulenan kad tersebut dan sekaligus mengesahkan status seseorang tahanan tersebut samada pelarian atau sebaliknya.

SUHAKAM tetap komited untuk bekerjasama bersama PDRM dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memastikan penubuhan '*Custodial Health Unit' (CHU)* di lokap polis. SUHAKAM berharap dengan penubuhan CHU akan dapat mengatasi masalah kesihatan dan kes kematian dalam tahanan polis. Sehingga kini, 4 CHU telah mula beroperasi iaitu Lokap Berpusat Jinjang, Kuala Lumpu; Bayan Baru, Pulau Pinang; Indera Mahkota, Pahang dan di Kepayan, Sabah. SUHAKAM menyambut baik cadangan pihak PDRM yang ingin memperluaskan inisiatif penubuhan CHU ini ke lokap-lokap daerah lain di dalam Fasa 2. Selain itu, SUHAKAM juga telah menjalankan pemantauan ke dua lokap berpusat PDRM yang telah memulakan pengoperasian CHU iaitu Lokap berpusat Bayan Baru dan Lokap Berpusat Kepayan.

SUHAKAM telah menyiasat sebanyak 3 kes berkaitan kematian dalam tahanan. 3 daripada kes ini berlaku di Penjara dan satu kes di Depot Imigresen.

SUHAKAM telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Bagi Menangani *Scabies* di Tempat Tahanan pada tahun 2021 bagi mengkaji dan merancang pelaksanaan untuk mengatasi masalah kudis buta atau *scabies* mengikut kepakaran bidang masing-masing secara berperingkat supaya masalah ini dapat dikurangkan dan seterusnya dicegah pada masa akan datang. Mesyuarat jawatankuasa khas ini telah diadakan secara berkala iaitu 4 kali setahun di Pejabat SUHAKAM. Selain mengadakan mesyuarat berkala, ahli Jawatankuasa Khas ini telah mengadakan lawatan ke tempat-tempat tahanan serta rumah perlindungan yang dikendalikan oleh agensi yang terlibat. Satu pelan tindakan sedang disediakan bagi memastikan jalan penyelesaian sama ada jangka pendek, sederhana dan jangka panjang untuk mengatasi masalah *scabies* di tempat tahanan dapat dilaksanakan.

SUHAKAM telah mengadakan perbincangan bersama Bahagian Parol dan Perkhidmatan Komuniti, Jabatan Penjara Malaysia bagi membincangkan usaha yang telah dilakukan oleh Jabatan Penjara Malaysia dalam melaksanakan sistem parol dalam proses integrasi semula banduan dalam komuniti. Perbincangan ini merupakan tindakan susulan daripada Perbincangan Meja Bulat Reintegrasi Semula Bekas Banduan dalam Masyarakat anjuran SUHAKAM.

SUHAKAM telah selesai menjalankan siasatan awam mengenai kehilangan 2 orang individu bernama Joshua Hilmy dan Ruth Sitepu pada 20 Januari 2022. Siasatan awam telah bermula sejak daripada Februari 2020 dan berlangsung selama 23 bulan. Secara keseluruhannya, 22 sesi pendengaran secara fizikal telah dijalankan dan 8 sesi diadakan secara dalam talian. Panel Siasatan Awam telah memanggil 26 saksi dan sebanyak 126 eksibit telah dibentangkan di dalam siasatan awam ini. Keputusan akhir Panel Siasatan

Awam telah diterbitkan dan boleh dimuat turun di laman sesawang SUHAKAM.

SUHAKAM telah menerima sebanyak 7 aduan berkenaan buruh paksa yang melibatkan pekerja migran di Malaysia. 6 aduan telah selesai disiasat. Selain itu, SUHAKAM juga telah menjalankan lawatan pemantauan ke atas 8 buah ladang kelapa sawit dan 4 buah kilang pembuatan di Malaysia.

SUHAKAM telah menerima sebanyak 12 aduan melibatkan pencari suaka dan orang pelarian. Kebanyakan aduan ini melibatkan penahanan pencari suaka dan orang pelarian di depot-depot imigresen untuk tempoh masa yang lama khususnya melibatkan pencari suaka atau orang pelarian bukan daripada etnik Rohingya, Myanmar.

**SUHAKAM telah meneruskan semula siasatan terhadap bantahan Orang Asli ke atas pembinaan empangan Hidroelektrik Nenggiri di Kelantan setelah penangguhan dibuat pada tahun 2020 atas faktor penularan wabak COVID-19**

SUHAKAM telah menerima 3 aduan yang melibatkan hak Orang Asal, iaitu isu tanah di Negeri Perak dan Negeri Pahang dan percerobohan wilayah tanah adat Orang Asli untuk menjalankan aktiviti pembalakan tanpa mengadakan proses Izin Maklum Awal Bebas dan Telus (IMABT).

SUHAKAM telah meneruskan semula siasatan terhadap bantahan Orang Asli ke atas pembinaan empangan Hidroelektrik Nenggiri di Kelantan setelah penangguhan dibuat pada tahun 2020 atas faktor penularan wabak COVID-19. SUHAKAM akan memantau dan mendapatkan perkembangan dari semasa ke semasa daripada semua pihak bagi memastikan tidak berlaku sebarang pelanggaran hak asasi sepanjang pembinaan empangan tersebut.

SUHAKAM telah menjalankan siasatan terhadap kes kematian yang melibatkan seorang Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di Hospital Pulau Pinang yang ditemui

jatuh dari bangunan kediamannya pada 17 April 2022 yang lalu. PPS tersebut didakwa mengalami tekanan perasaan akibat dibuli semasa menjalani latihan PPS di Hospital Pulau Pinang. SUHAKAM mengambil maklum mengenai inisiatif Kerajaan dalam menyiasat isu ini menerusi penubuhan Pasukan Petugas Khas Bagi Penambahbaikan Budaya Kerja Perkhidmatan Kesihatan (*Healthcare Work Culture Improvement Task Force)* dan berharap tindakan penambahbaikan dapat dilaksanakan di kesemua institusi perkhidmatan kesihatan di seluruh negara.

Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak (OCC) telah meneruskan pemantauan (*watching brief*) bagi kes Kumpulan Sokongan Pasangan Warganegara Asing (FSSG). Kes di Mahkamah Rayuan ini melibatkan rayuan pihak Kerajaan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi pada 9 September 2021, yang memutuskan bahawa perkataan 'bapa' di Perkara 14(1)(b) Perlembagaan Persekutuan (PP) perlu dibaca merangkumi 'ibu'.

Pihak Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Jawatankuasa Cadangan Pindaan Perkara 14(1)(b) PP (Jawatankuasa) dan Jawatankuasa akan membentangkan hasil konsultasi dan kajian dalam tempoh 6 bulan selepas tarikh penubuhan. OCC menegaskan bahawa pindaan tersebut amat mustahak untuk dilaksanakan dengan segera di Parlimen, dan kelewatan dalam melaksanakannya akan menjejaskan hak kanak-kanak kepada kewarganegaraan di Malaysia.

OCC dengan kerjasama NGO Pembangunan Sumber Manusia Untuk Kawasan Luar Bandar (DHRRA) telah menganjurkan sesi dialog berfokus mengenai isu tanpa kewarganegaraan bagi kanak-kanak yang lahir di luar perkahwinan sah oleh bapa kandung warganegara Malaysia dan ibu kandung bukan warganegara, pada 26 Julai 2022.

OCC telah menganjurkan pelbagai program kesedaran dan pendidikan sepanjang tahun 2022. Antaranya ialah program kesedaran dan pendidikan berhubung isu hak kanak-kanak tanpa warganegara untuk tidak didiskriminasi kepada pegawai penguatkuasa Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan JKM yang telah diadakan pada 3 Ogos 2022. Selain itu, OCC turut menganjurkan 4 program pendidikan lain iaitu Ceramah Bersiri Hak Kanak-Kanak untuk Sekolah Tahfiz (Negeri Sabah dan Sarawak); Ceramah Hak Kanak-Kanak di Yayasan Kasih Sayang, Negeri Sembilan; Dialog Isu Kanak-Kanak Lahir di Luar Perkahwinan Sah oleh Bapa Kandung Warganegara Malaysia dan Ibu Kandung Bukan Warganegara; dan Program Kesedaran dan Pendidikan Isu Kanak-Kanak Tanpa Warganegara atau Dokumen untuk Pegawai Penguatkuasa. OCC dengan kerjasama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan dan Exco Pendidikan Negeri Kelantan telah menganjurkan Program

Pendidikan dan Kesedaran mengenai Hak Kanak-Kanak Kelantan yang melibatkan para imam dan masyarakat di sekitar jajahan Kota Bharu, Kelantan. Program yang bertujuan untuk memberikan pendidikan dan kesedaran mengenai isu semasa yang melibatkan kanak-kanak khususnya perkahwinan kanak-kanak di negeri Kelantan ini membincangkan mengenai takrifan dan had umur individu yang dikenal pasti sebagai kanak-kanak dalam Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611], proses keadilan serta statut di beberapa negeri di Malaysia. OCC juga telah menganjurkan satu siri Ceramah Hak Kanak-Kanak untuk Sekolah Tahfiz khusus buat pentadbir/pengusaha sekolah tahfiz yang berdaftar dan dalam proses pendaftaran di Sabah dan Sarawak.

OCC turut mengadakan lawatan ke sebuah pusat tahfiz di Kuala Selangor bagi menyiasat satu aduan berhubung isu buruh kanak-kanak di sebuah taman haiwan milik pusat tahfiz tersebut selain 2 lawatan lain ke Yayasan Chow Kit (YCK) dan Persatuan Kebajikan Suara Kanak-Kanak (SUKA Society) pada 26 September dan 17 Oktober 2022. YCK telah terpilih sebagai rumah perlindungan bagi pelaksanaan *Alternatives to Detention* (ATD) bagi kanak-kanak tanpa ibu bapa atau penjaga dan tidak mempunyai dokumen pengenalan diri. OCC difahamkan bahawa fasa satu masih belum berjaya dilaksanakan kerana Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) memaklumkan bahawa tiada kanak-kanak yang memenuhi kriteria. OCC berpandangan bahawa kriteria yang ditetapkan adalah tidak realistik dan mengesyorkan kepada pihak KDN untuk menambahbaik pelaksanaan projek ATD supaya menepati objektif asal penubuhannya.

OCC telah menganjurkan webinar secara dalam talian bertajuk 'Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dan Kesihatan Mental' oleh CCC pada 24 April 2022.

Pada 21 September 2022, OCC telah menganjurkan sesi konsultasi bersama kementerian dan jabatan berhubung pelaksanaan penyertaan kanak-kanak dalam merangka dasar dan belanjawan. Konsultasi ini dihadiri oleh 10 orang wakil kementerian/jabatan yang terdiri daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), KPM, Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Parlimen), Kementerian Kewangan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

OCC telah membuat beberapa lawatan pemantauan ke pusat tahanan/kebajikan kanak-kanak dan lawatan kerja ke agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan yang berkaitan kanak-kanak di seluruh Malaysia antaranya 4 buah institusi kanak-kanak di bawah JKM, di Kuching, Sarawak iaitu Sekolah Tunas Bakti (L) Kuching (STBKU), Asrama Akhlak (L) Kuching (AALKU), Taman Seri Puteri Kuching (TSPKU) dan Asrama Akhlak (P) Kuching (AAKU). Selain itu, OCC telah hadir ke 4 buah institusi kanak-kanak di bawah Jabatan

Penjara di Kuching, Sarawak iaitu Sekolah Henry Gurney, Kuching (SHGKU) dan Sekolah Integriti, Kuching (SIKU).

OCC telah menyertai program kesedaran hak asasi bersama komuniti di perkampungan Iban dan Penan di Niah-Suai dan Tinjar pada 15 hingga 17 Februari 2022 yang dianjurkan Pejabat SUHAKAM Sarawak berikutan aduan isu perkahwinan kanak-kanak dan keciciran pendidikan dalam kalangan kanak-kanak komuniti.

Semasa lawatan kerja ke Kota Kinabalu dan Kota Marudu, OCC telah melawat Rumah Kanak-Kanak Kota Kinabalu, Beringgis (RKB) diikuti Pejabat Daerah Kota Marudu.

Pada 4 hingga 7 Julai 2022, OCC telah menyertai Bahagian Aduan dan Pemantauan (CMD) dalam lawatan berkala ke 4 buah depot imigresen bagi menyiasat aduan mengenai kanak-kanak yang ditahan tanpa ditemani ibu bapa atau penjaga. OCC mendapati terdapat seramai 70 orang kanak-kanak Rohingya tanpa ibu bapa atau penjaga telah ditahan di Depot Imigresen Sementara Millennium, Beranang manakala di depot yang lain, kesemua kanak-kanak ditahan bersama ibu atau bapa.

**OCC mendapati terdapat seramai 70 orang kanak-kanak Rohingya tanpa ibu bapa atau penjaga telah ditahan di Depot Imigresen Sementara Millennium, Beranang manakala di depot yang lain, kesemua kanak-kanak ditahan bersama ibu atau bapa**

OCC telah dijemput oleh Pejabat SUHAKAM Sabah untuk menyertai satu lawatan kes ke 2 buah ladang kelapa sawit milik Syarikat Cepat Wawasan Group Sdn. Bhd dari 12 hingga 15 Julai 2022, untuk menyiasat kewujudan buruh kanak-kanak di ladang terbabit.

OCC telah mengadakan lawatan pemantauan ke Ibu pejabat Polis Daerah Keningau pada 13 September 2022. Lawatan tersebut bertujuan untuk memantau sebarang kes jenayah melibatkan pesalah kanak-kanak, melawat kemudahan lokap dan balai serta memantau isu kebajikan pegawai dan tahanan lokap.

OCC telah melawat Rumah Kanak-Kanak Tengku Budriah (RKKTB), Cheras dan Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi (STBSB) pada 3 dan 4 Oktober 2022, Rumah Kanak-Kanak Mini Kelantan (RKKMK) pada 30 Oktober 2022 dan Rumah Tunas Harapan Pakatan Kasih (RTHPK) pada 31 Oktober 2022.

OCC turut telah melaksanakan *watching brief* bagi 9 kes Mahkamah. OCC telah mengeluarkan sebanyak 8 kenyataan media melibatkan hak kanak-kanak dan mengadakan 1 sidang media.

Pejabat SUHAKAM Sabah telah memberikan tumpuan kepada beberapa isu tematik hak asasi manusia tematik seperti isu tiada kewarganegaraan di Sabah, isu hak tanah adat, serta perniagaan dan hak asasi manusia. Pejabat SUHAKAM Sabah juga cuba meningkatkan jaringan kerjasamanya dengan mengadakan perjumpaan dan sesi libat urus dengan pemegang taruh.

Pejabat SUHAKAM Sabah telah menerima sebanyak 300 aduan di mana 170 daripadanya dikategorikan sebagai kes hak asasi manusia dengan 104 aduan yang diterima adalah berkaitan isu hak kepada kewarganegaraan, 19 aduan mengenai hak tanah adat anak negeri, 13 aduan mengenai hak kepada kehidupan yang mencukupi iaitu meliputi isu infrastruktur, perumahan dan keperluan asas, dan 10 aduan adalah mengenai hak kepada pemilikan harta.

Isu hak kepada kewarganegaraan kebiasaannya melibatkan permohonan pengadu untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan Malaysia. Permohonan tersebut dibuat atas pelbagai sebab antaranya, kelewatan mendaftar kelahiran, perkahwinan yang tidak didaftarkan, serta individu yang mendakwa telah lahir di Sabah tetapi tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri. Isu lain yang berkaitan dengan permasalahan ini adalah akses kepada maklumat, iaitu kepentingan mendapatkan status terkini permohonan dokumen atau kewarganegaraan pengadu dan sebab-sebab penolakan sekiranya permohonan tersebut telah ditolak bagi membantu pengadu untuk mengemukakan permohonan baru atau memulakan proses rayuan.

Aduan mengenai hak tanah adat (NCR) melibatkan dakwaan seperti isu Permohonan Tanah (PT) yang tidak diproses atau lambat diproses, pertindihan PT antara dua atau lebih pemohon, pertikaian tanah NCR antara penduduk asal dan syarikat swasta atau syarikat milik kerajaan negeri, serta pertikaian mengenai status tanah seperti hutan simpan, kawasan tadahan air dan sebagainya. Pejabat SUHAKAM Sabah telah mengambil pendekatan dengan mendapatkan maklumat lanjut dan maklum balas daripada semua pihak yang terlibat seperti pengadu, penduduk kampung, pihak yang diadukan, pihak

syarikat dan agensi kerajaan antaranya Jabatan Tanah dan Ukur (JTU) Negeri Sabah, Penolong Pemungut Hasil Tanah (PPHT) dan Pejabat Daerah.

Pejabat Sabah telah mengadakan lawatan siasatan di Depot Tahanan Imigresen Tawau, Sabah pada 8 November 2022, untuk menjalankan siasatan dan pemeriksaan berikutan dakwaan bahawa jumlah kematian di depot ini adalah tinggi. Hasil daripada lawatan siasatan tersebut, Pejabat SUHAKAM Sabah berpandangan terdapat isu-isu yang perlu diberi perhatian segera.

Isu tanpa kewarganegaraan merupakan antara isu tematik yang menjadi perhatian Pejabat SUHAKAM Sabah. Acapkali isu ini berpunca daripada faktor sejarah dan corak migrasi semasa dengan orang tanpa kewarganegaraan berisiko untuk terdedah kepada eksploitasi dan menjadi mangsa kepada pelanggaran hak asasi manusia yang serius. Salah satu inisiatif yang telah dijalankan adalah melalui Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai Isu Tanpa Kewarganegaraan di Sabah yang telah diwujudkan menerusi kerjasama antara SUHAKAM dengan Indonesia (Komnas HAM) dan Filipina (CHRP). MoU ini telah mula ditandatangani pada tahun 2019; dan telah diperbaharui dan disambung sehingga penghujung tahun 2022 bagi membolehkan kesemua aktiviti yang telah dirancang di dalam Pelan Tindakan MoU tersebut disempurnakan.

Pejabat SUHAKAM Sabah telah bekerjasama dengan sekumpulan pensyarah dan penyelidik dari Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah (UiTM Sabah). 2 sesi konsultasi telah diadakan melalui webinar Perbincangan Meja Bulat (PMB) pada Mac 2022 untuk mendapatkan maklumat lanjut daripada pemegang taruh. Seterusnya, dapatan daripada sesi konsultasi tersebut berserta kajian sebelum ini telah diperhalusi dan akan disatukan dalam laporan. Laporan tersebut kini sedang berada dalam fasa akhir dan dijangka akan dimuktamadkan pada tahun 2023.

Di samping itu, Pejabat SUHAKAM Sabah dengan kerjasama *CSO Platform for Reform* telah turut menganjurkan Program Pengenalan Hak Asasi Manusia dengan Penduduk Kampung Bergusong, Tawau pada Februari 2022.

Pada 12 Disember 2022, Pejabat SUHAKAM Sabah telah memenuhi jemputan untuk mengadakan sesi perkongsian bersama pelajar-pelajar daripada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Sesi pertemuan dan perkenalan antara Anggota Suruhanjaya Pejabat SUHAKAM Sabah, Datuk Hajah Mariati Robert dan organisasi masyarakat sivil (CSO) yang berpangkalan di Sabah telah diadakan pada 1 Oktober 2022. Sesi tersebut diadakan secara hibrid di

Pejabat Sabah dan menerusi aplikasi dalam talian. Objektif program tersebut adalah untuk mengukuhkan jalinan kerjasama Pejabat SUHAKAM Sabah dan CSO berkaitan hak asasi manusia di Sabah selain memberi penerangan berhubung fungsi dan peranan Pejabat SUHAKAM Sabah.

Pada tahun 2022, Pejabat SUHAKAM Sarawak telah menerima 43 aduan serta pertanyaan mengenai hak asasi manusia daripada orang awam, di mana 18 aduan daripadanya mengenai hak kepada kewarganegaraan, 10 aduan berkenaan menentukan salah benar dan beragama, di samping aduan berkenaan kebebasan berfikir.

Isu utama berkaitan aduan yang diterima oleh Pejabat SUHAKAM Sarawak khususnya isu berkenaan dengan taraf kewarganegaraan kanak-kanak disebabkan oleh perkahwinan lelaki tempatan dengan ibu yang bukan merupakan warganegara Malaysia dan tidak didaftarkan dengan betul atau tidak didaftarkan langsung di Malaysia. Malah, isu ini lebih signifikan di kawasan-kawasan pedalaman di Sarawak. Punca utama kepada permasalahan ini ialah kurangnya kesedaran tentang kepentingan mendaftarkan perkahwinan mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri sama ada bagi perkahwinan sivil mahupun perkahwinan adat yang mana kebanyakannya berlaku di kawasan sempadan di antara Sarawak dan Indonesia. Selain itu, Pejabat SUHAKAM Sarawak mendapati bahawa masalah ini turut berpunca daripada kurangnya kesedaran terhadap kepentingan untuk mendaftarkan anak yang dilahirkan dengan segera di samping faktor kekangan ekonomi di mana mereka perlu bergerak jauh ke kawasan pekan atau bandar bagi mendaftarkan kelahiran anak.

Pejabat SUHAKAM Sarawak telah mengadakan beberapa pertemuan bersama CSO dan NGO bagi membincangkan potensi kerjasama pada masa hadapan dengan agensi Kerajaan Negeri; dan situasi semasa berkaitan hak asasi manusia di Sarawak khususnya berkaitan peluang pendidikan dan dokumentasi perundangan berkaitan kanak-kanak yang tidak memiliki taraf kewarganegaraan Malaysia di Sarawak.

Pejabat SUHAKAM Sarawak telah membuat lawatan kerja ke Majlis Adat Istiadat Sarawak (MAIS), agensi Kerajaan Negeri yang berperanan untuk mengawal selia hal-hal berkaitan adat di Sarawak. Dalam konteks aduan hak asasi manusia, antara jenis aduan yang paling banyak diterima oleh Pejabat SUHAKAM Sarawak ialah aduan yang berkait-rapat dengan adat seperti isu-isu perkahwinan adat dan hak tanah adat. Justeru itu, lawatan kerja ke MAIS pada 6 Oktober 2022 adalah mustahak kerana menerusi lawatan ini, kakitangan Pejabat SUHAKAM Sarawak mendapat pendedahan yang lebih mendalam mengenai isu-isu serta undang-undang berkaitan adat di Sarawak.



BAB 1

# PENDIDIKAN DAN PROMOSI HAK ASASI MANUSIA

- Bahagian Pendidikan dan Kemasyarakatan
- Bahagian Media dan Promosi
- Bahagian Penerbitan dan Pengurusan Maklumat
- Laporan Hari SUHAKAM dan Hari Hak Asasi Manusia

# BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN KEMASYARAKATAN

## GAMBARAN KESELURUHAN

Bahagian Pendidikan dan Kemasyarakatan (EOD) memulakan tahun 2022 dengan pelbagai program bersemuka setelah dua tahun ia ditangguhkan kerana pandemik. Program-program tersebut adalah selaras dengan Pelan Strategik SUHAKAM 2021 – 2025 yang menumpukan kepada tiga bidang keutamaan iaitu memperkukuh peranan dan kepimpinan SUHAKAM untuk perlindungan dan pemerkasaan hak asasi manusia; memacu hak ekonomi, sosial dan kebudayaan golongan rentan; dan, memerangi rasisme, diskriminasi kaum dan xenofobia. Beberapa aktiviti yang telah bermula pada tahun 2021 diteruskan dan diselesaikan pada tahun 2022 antaranya pembangunan modul latihan dan kaji selidik ATHAM. EOD juga menjalankan program kemasyarakatan seperti 'SUHAKAM Bersama Masyarakat' dan '*Youth for Rights*' susulan penstrukturan organisasi yang dilaksana pada penghujung 2021.

### 1. PROGRAM AMALAN TERBAIK HAK ASASI MANUSIA (ATHAM) DI SEKOLAH

#### a) Kaji selidik Keberkesanan Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia (ATHAM) di Sekolah-Sekolah Terpilih Seluruh Malaysia Dalam Meningkatkan Kefahaman Hak Asasi Manusia Dalam Kalangan Warga Sekolah

Sebagaimana dilaporkan pada tahun 2021, SUHAKAM telah melantik sekumpulan penyelidik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Institut Pendidikan Guru (Kampus Dato' Razali Ismail) untuk menjalankan satu kaji selidik bagi menilai keberkesanan pelaksanaan program ATHAM sejak tahun 2009. Kaji selidik ini telah mengambil masa selama 9 bulan bermula pada 1 Julai 2021 dan tamat pada 31 Mac 2022.

Secara ringkasnya, kaji selidik tersebut mendapati bahawa kumpulan sasaran termasuk pentadbir sekolah, guru-guru dan murid mempunyai pengetahuan yang baik tentang hak asasi manusia. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa masalah utama di peringkat pelaksanaan program ATHAM di sekolah dikenal pasti antaranya:

i. Tiada punca kuasa KPM untuk menjalankan program ATHAM;
ii. Kurang pengetahuan sekolah tentang program ATHAM;
iii. Sekolah tidak mempunyai sebarang dana untuk melaksanakan program ATHAM; dan,
iv. Kurang pemantauan pelaksanaan program ATHAM

Dalam menjalankan kaji selidik ini, penyelidik berhadapan dengan beberapa kekangan antaranya data hanya berjaya dikumpul daripada 53 buah sekolah berbanding keperluan kaji selidik sebanyak 56 buah sekolah. Ini berlaku kerana penarikan diri tiga buah sekolah pada saat-saat akhir tempoh kajian. Selain itu, sesi perbincangan kumpulan berfokus (FGD) bersama pemegang taruh termasuk SUHAKAM dan KPM juga tidak dapat dilaksana kerana halangan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Kaji selidik tersebut mengemukakan 7 cadangan utama yang mengandungi 31 aktiviti untuk memperkasa pelaksanaan program ATHAM. Setelah mempertimbangkan hasil dan cadangan daripada kajiselidik tersebut, SUHAKAM telah mengambil keputusan untuk melaksana sebahagian cadangan yang dikemukakan oleh penyelidik mengikut kemampuan SUHAKAM, mendapatkan maklum balas KPM terhadap cadangan yang berada di bawah bidangkuasa KPM dan memberikan konsep baru kepada program ATHAM berdasarkan kepada kriteria spesifik, boleh dinilai, boleh dicapai, realistik dan mempunyai tempoh masa (SMART).

**Sila imbas kod QR**
untuk memuat turun laporan kajiselidik.

**b) Buku Panduan Cadangan Aktiviti Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia (ATHAM) di Sekolah**

Sebagaimana dilaporkan di dalam Laporan Tahunan 2021, SUHAKAM dengan persetujuan KPM telah membangunkan buku panduan Cadangan Aktiviti ATHAM sebagai panduan kepada sekolah-sekolah untuk menjalankan program ATHAM di sekolah masing-masing. Pada tahun ini, SUHAKAM telah menerbitkan buku panduan tersebut dan ianya akan diedarkan ke semua sekolah ATHAM kelak.

**Sila imbas kod QR**
untuk memuat turun Buku Panduan Cadangan Aktiviti ATHAM.

### c) Pertandingan Bicara Berirama Hak Asasi Manusia Antara Sekolah 2022

SUHAKAM telah meneruskan acara pertandingan melibatkan sekolah-sekolah ATHAM susulan penerimaan dan sambutan yang menggalakkan pada tahun sebelumnya. Pada tahun ini, SUHAKAM dengan kerjasama KPM telah menganjurkan Pertandingan Bicara Berirama antara Sekolah ATHAM 2022 dengan tema "Kesepaduan Sosial dalam Kemajmukan Bangsa Membina Sekolahku SEJAHTERA", bermula 25 April sehingga 14 Julai. Walaupun pada awalnya, pertandingan ini hanya terhad kepada sekolah-sekolah ATHAM, namun atas permintaan daripada banyak sekolah lain yang turut berminat menghantar penyertaan maka ia dibuka kepada semua sekolah di bawah KPM. Matlamat penganjuran pertandingan ini adalah untuk mempromosi anti-diskriminasi bagi memupuk budaya hormat-menghormati dan seterusnya menggalakkan perpaduan dalam kalangan warga sekolah. Di samping itu, pertandingan seperti ini juga membantu memupuk keyakinan diri dalam kalangan pelajar yang menyertainya.

Memandangkan program ko-kurikulum masih belum dapat dilaksana secara bersemuka pada ketika itu, pertandingan ini telah dilaksana secara rakaman video. Sebanyak 51 penyertaan diterima oleh SUHAKAM untuk pertandingan tersebut. Setelah penelitian dibuat oleh juri daripada SUHAKAM dan KPM, sekolah-sekolah yang berjaya menjadi pemenang adalah seperti berikut:

**Sila imbas kod QR**
untuk menonton video bicara berirama pemenang

**Jadual 1: Senarai pemenang Pertandingan Bicara Berirama Hak Asasi Manusia Antara Sekolah 2022**

| Sekolah Rendah | | |
|---|---|---|
| **Juara** | **Naib Juara** | **Tempat Ketiga** |
| SK Seri Bintang Selatan, Kuala Lumpur | SK (A) Datuk Haji Abdul Kadir Hassan, Kuching, Sarawak | SK St. Mary, Kuala Lumpur |
| **Sekolah Menengah** | | |
| **Juara** | **Naib Juara** | **Tempat Ketiga** |
| SK St. Mary, Kuala Lumpur | SMK Seksyen 4, Kota Damansara, Selangor | SMK Seksyen 4, Kota Damansara, Selangor |
| | **Anugerah Pilihan Khas SUHAKAM** SMA MAIWP, Kuala Lumpur | |

## d) Bengkel Hak Asasi Manusia dan *Training of Trainers* Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia (ATHAM) di Sekolah untuk Guru Besar dan Pengetua Sekolah-Sekolah ATHAM 2022

Pada tahun ini, SUHAKAM dengan kerjasama KPM telah menganjurkan dua siri Bengkel untuk guru besar dan pengetua daripada sekolah ATHAM untuk memperkasa dan memperkukuhkan lagi pengetahuan sedia ada para guru sekolah ATHAM berkenaan ilmu hak asasi manusia dan hak kanak-kanak serta memantapkan lagi pelaksanaan ATHAM di sekolah yang terlibat.

**Jadual 2: Senarai Bengkel Hak Asasi Manusia dan *Training of Trainers* Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia (ATHAM)**

| Bil. | Zon | Tarikh | Lokasi Program | Jumlah Peserta |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Tengah | 6 - 8 September | Subang Jaya | 36 orang (21 guru besar dan 15 pengetua) |
| 2. | Selatan | 20 – 22 September | Johor Bahru | 22 orang (4 guru besar dan 18 pengetua) |

Antara pengisian bengkel adalah 'Pengenalan kepada Hak Asasi Manusia Dan SUHAKAM', 'Pengenalan Kepada Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC)', 'Taklimat Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia (ATHAM) di Sekolah' dan 'Pengenalan Kepada Konsep Sekolahku SEJAHTERA'. Peserta juga menjalankan demonstrasi pelaksanaan Modul Hak Asasi Manusia Untuk Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah.

Peserta diberikan ujian pemahaman umum hak asasi manusia sebelum dan selepas bengkel di mana purata markah peserta bagi ujian yang diambil sebelum bengkel adalah 48% bagi zon tengah dan 47% bagi zon selatan manakala markah ujian peserta bagi selepas bengkel adalah 85% bagi zon tengah dan 80% bagi zon selatan. Ini menunjukkan terdapat pertambahan pengetahuan peserta mengenai hak asasi manusia masing-masing sebanyak 37% dan 33% setelah mengikuti bengkel ini.

## 2. PEMBANGUNAN MODUL LATIHAN HAK ASASI MANUSIA

### a) Modul Hak Asasi Manusia untuk Polis Diraja Malaysia

Sebagaimana dilaporkan di dalam Laporan Tahunan 2021, 'Modul Hak Asasi Manusia untuk Polis Diraja Malaysia' akhirnya berjaya disempurna dan dilancarkan secara rasmi oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Haji Abdullah Sani bersama-sama Pengerusi SUHAKAM, Tan Sri Othman Hashim di Maktab Polis Diraja Malaysia, Kuala Lumpur pada 18 April 2022. Majlis pelancaran tersebut turut dihadiri seramai 300 hadirin yang terdiri daripada barisan pengurusan tertinggi PDRM, barisan Pesuruhjaya SUHAKAM, Penyelaras Residen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Malaysia, Singapura dan Brunei, wakil-wakil Kedutaan Luar di Malaysia serta pegawai dan anggota PDRM.

Modul tersebut telah diedarkan kepada semua 14 pusat latihan PDRM. Modul latihan ini mengandungi lima bahagian seperti berikut:

1. Modul 1: Pengenalan kepada Konsep Hak Asasi Manusia
2. Modul 2: Hak Asasi Manusia untuk Pegawai dan Anggota Polis
3. Modul 3: Hak Asasi Manusia dan Kepolisan
4. Modul 4: Aplikasi Prinsip Hak Asasi Manusia dalam Siasatan Polis
5. Modul 5: Larangan Penyeksaan dan Layanan Serta Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah

**Sila imbas kod QR**
untuk memuat turun Modul Hak Asasi Manusia untuk PDRM

SUHAKAM merancang mengadakan latihan untuk tenaga pengajar PDRM (TOT) menggunakan modul tersebut pada tahun ini, walau bagaimanapun, akibat kekangan masa kerana penglibatan PDRM dalam Pilihanraya Umum ke-15, maka TOT tersebut ditunda ke tahun hadapan.

### b) Modul Hak Asasi Manusia untuk Pendidik

Pada 14 hingga 16 Jun 2022, SUHAKAM telah menganjurkan Bengkel Pemurnian Draf 'Modul Hak Asasi Manusia untuk Pendidik' bersama-sama dengan 15 orang pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG) dari pelbagai kampus seluruh Malaysia. Hasil perbincangan bengkel tersebut, SUHAKAM dan IPGM bersetuju agar projek

rintis pelaksanaan modul tersebut dilaksana di 3 kampus terpilih pada tahun 2023. Tujuan projek rintis ini adalah untuk mengaplikasikan modul yang telah dibangunkan dan seterusnya menilai keperluan bagi menambah baik modul tersebut sebelum ianya dicetak dan diperluaskan pelaksanaannya di semua kampus IPG.

## 3. BENGKEL HAK ASASI MANUSIA UNTUK PENGUATKUASA

### a) Bengkel Hak Asasi Manusia Kepada Pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) (Penguatkuasaan) Zon Tengah

Siri Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) (Penguatkuasaan) telah diteruskan dengan siri kedua di Zon Tengah pada 7 – 9 Jun selepas mendapat maklumbalas positif daripada peserta siri pertama bengkel ini yang diadakan pada 23 – 25 September 2019 di Pahang. Bengkel ini melibatkan penyertaan seramai 40 orang pegawai penguatkuasa AADK Negeri dan Daerah di Selangor, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan serta sebilangan pegawai yang menjaga lokap di negeri-negeri tersebut.

Secara umumnya program latihan ini menyediakan medium kepada SUHAKAM dan AADK untuk bertukar-tukar fikiran dan membincangkan isu-isu berkaitan hak asasi manusia dalam penugasan pegawai Penguatkuasa AADK. Secara khusus, objektif bengkel ini adalah untuk mendedahkan pegawai AADK kepada piawaian hak asasi manusia yang berkaitan dengan tugasan mereka seperti tangkapan dan penahanan.

Pelbagai topik yang relevan dengan AADK dan tugas penguatkuasaan telah dikongsikan melalui sesi ceramah, perbincangan berkumpulan serta pelbagai aktiviti menarik seperti *role play* dan kuiz. Antara topik yang dibincangkan semasa bengkel adalah 'Hak Pegawai Penguatkuasa Undang-undang', 'Penggunaan kekerasan oleh Agensi Penguatkuasa' dan 'Piawaian Hak Asasi Manusia untuk AADK'. Ibu pejabat AADK juga telah diberikan satu slot khas untuk menerangkan kepada peserta berkenaan inisiatif yang diambil oleh AADK berkenaan Model I-Prihatin AADK.

Peserta juga diberikan ujian pemahaman umum hak asasi manusia sebelum dan selepas bengkel di mana purata markah ujian sebelum bengkel peserta adalah 59% dan markah ujian selepas bengkel adalah 84% yang menunjukkan terdapat pertambahan pengetahuan peserta mengenai hak asasi manusia sebanyak 25% setelah mengikuti bengkel ini.

## b) Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah (KBSJD) Zon Selatan

Bermula tahun 2017, SUHAKAM dengan kerjasama Bahagian Latihan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengadakan beberapa siri Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah (KBSJD) mengikut zon di seluruh Malaysia. Pada tahun ini, SUHAKAM melengkapkan siri bengkel berkenaan dengan menganjurkan bengkel tersebut kepada Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah (KBSJD) Zon Selatan. Bengkel-bengkel yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

**Jadual 3: Senarai Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah (KBSJD)**

| Bil. | Zon | Tarikh | Tempat | Jumlah Peserta |
|---|---|---|---|---|
| 1. | **Tengah**<br>(Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor dan Negeri Sembilan) | 25 – 27<br>September 2017 | Putrajaya | 35 orang |
| 2. | **Utara**<br>(Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak) | 23 – 25<br>Julai 2018 | Pulau Pinang | 34 orang |
| 3. | **Sabah dan Sarawak** | 28 – 30<br>November 2018 | Sabah | 30 orang |
| 4. | **Timur**<br>(Kelantan, Terengganu dan Pahang) | 4 – 6<br>November 2019 | Terengganu | 40 orang |
| 5. | **Selatan**<br>(Melaka dan Johor) | 25 – 27<br>Jun 2022 | Johor | 16 orang |

Secara khusus, objektif bengkel latihan ini adalah untuk menggalakkan pengamalan piawaian hak asasi manusia dalam bidang tugas polis di Malaysia. Pelbagai topik-topik yang relevan dengan PDRM dan tugas kepolisan telah dikongsikan bersama peserta antaranya mengenai 'Hak Pegawai Penguatkuasa Undang-undang', 'Penggunaan kekerasan oleh Agensi Penguatkuasa', 'Piawaian Hak Asasi Manusia untuk PDRM' serta 'Kematian Dalam Tahanan Polis'.

Ujian sebelum bengkel dan selepas bengkel diberikan kepada peserta untuk mengukur kefahaman peserta berkenaan topik yang disampaikan khususnya mengenai hak asasi manusia. Purata markah jawapan yang betul bagi ujian sebelum bengkel adalah 60%, manakala ujian selepas bengkel mencatatkan purata markah sebanyak 72%. Secara keseluruhan, peserta memberikan penyertaan dan komitmen yang sangat baik. Penceramah menggunakan pelbagai pendekatan termasuk menjalankan aktiviti dan perbincangan kes serta menggunakan alat bantu mengajar secara fizikal atau dalam talian untuk membantu meningkatkan pemahaman serta menggalakkan penyertaan peserta.




Pada bulan November, SUHAKAM telah mengedarkan satu kaji selidik dalam talian kepada semua peserta yang pernah mengikuti bengkel tersebut untuk mendapatkan respon mereka berhubung keberkesanan bengkel serta mendapatkan maklum balas sejauh mana peserta telah mengintegrasi piawaian hak asasi manusia yang dikongsikan semasa bengkel dalam tugas harian kepolisan. Secara khususnya, objektif kajian yang dikenali sebagai 'Kajian Keberkesanan Pelaksanaan Bengkel Hak Asasi Manusia kepada KBSJD di Seluruh Malaysia' ini adalah seperti berikut:

a) Untuk menilai sejauh mana bengkel yang dijalankan membantu KBSJD mengaplikasi prinsip hak asasi manusia dalam siasatan jenayah di peringkat daerah;

b) Untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh KBSJD dalam mengaplikasi prinsip hak asasi manusia yang dipelajari dalam penguatkuasaan undang-undang jenayah di peringkat daerah masing-masing; dan,
c) Untuk mengenalpasti usaha yang dijalankan bagi menambahbaik dan memperkukuh penghormatan dan perlindungan hak asasi manusia dikalangan pegawai dan anggota PDRM.

Dengan bantuan Bahagian Latihan PDRM, borang soal selidik ini telah diedarkan kepada 127 responden secara dalam talian bermula 8 November 2022 sehingga 16 Disember 2022. Namun begitu, maklum balas yang diterima kurang memberangsangkan dimana hanya 14 responden sahaja yang memberikan maklumbalas. SUHAKAM dimaklumkan bahawa hal ini berkemungkinan kerana kebanyakan responden tidak menyemak emel mereka kerana kerap berada di luar pejabat disebabkan tuntutan tugas hakiki, alamat emel tidak aktif, telah berpindah ke bahagian lain dan telah bersara.

Secara ringkasnya kajian ini antara lainnya mendapati pelaksanaan bengkel telah berjaya meningkatkan kesedaran peserta berhubung hak asasi manusia dimana kebanyakan responden mula peka terhadap kewujudan prinsip dan undang-undang antarabangsa berkenaan hak asasi manusia terutamanya berkaitan dengan garis panduan penggunaan kekerasan yang dibenarkan di dalam hak asasi manusia. Majoriti responden memahami bahawa pelaksanaan dan tatacara kerja PDRM tidak sewajarnya melanggar hak asasi manusia dan sekiranya berlaku, maka ia perlu diperbetulkan agar selari dengan prinsip-prinsip hak asasi manusia. Walau bagaimanapun, segelintir responden masih berpandangan bahawa mereka perlu mematuhi garis panduan dan amalan sedia ada, melaksanakan arahan pihak atasan serta lebih mengutamakan undang-undang domestik berbanding undang-undang antarabangsa khususnya pemakaian undang-undang antarabangsa hak asasi manusia yang menyebabkan pengaplikasian bagi sesetengah prinsip hak asasi manusia dalam siasatan jenayah sukar dijalankan.

Beberapa cadangan penambahbaikan telah dikemukakan untuk menambahbaik program latihan bersama PDRM pada masa akan datang.

## 4. PROGRAM *YOUTH FOR RIGHTS*

SUHAKAM meneruskan usahanya dalam meningkatkan kesedaran dalam kalangan golongan belia mengenai hak asasi manusia melalui program '*Youth for Rights*'. Program dijalankan dalam 2 format utama iaitu ceramah dan kem 2 hari bersama pemimpin pelajar.

Sepanjang tahun ini, SUHAKAM telah menjalankan sebanyak 3 siri ceramah kesedaran '*Youth for Rights*' bersama belia di institusi pengajian tinggi dan juga belia yang berada di bawah pemantauan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Selaras dengan Pelan Strategik SUHAKAM 2021-2025, program ceramah pada tahun ini memfokuskan tema memacu hak ekonomi, sosial dan kebudayaan golongan rentan; dan, memerangi rasisme, diskriminasi kaum dan xenofobia. Senarai penuh program adalah seperti berikut:

**Jadual 4: Senarai program ceramah '*Youth for Rights*'**

| Bil | Tarikh | Peserta | Tempat | Jumlah Peserta |
|---|---|---|---|---|
| 1. | 28 Mei | Mahasiswa/siswi Universiti Malaysia Kelantan | Kota Bharu, Kelantan | 39 orang |
| 2. | 29 Mei | Pelajar Kolej Poly-Tech MARA Kota Bharu | Kota Bharu, Kelantan | 36 orang |
| 3. | 14 November | Belia di bawah pemantauan AADK Daerah Sentul | Kuala Lumpur | 50 orang |



Pada 26 dan 27 November 2022, SUHAKAM telah menganjurkan Kem '*Youth for Rights*' kepada 47 pimpinan mahasiwa dari 9 institusi pengajian tinggi di selatan tanah air. Secara ringkasnya program ini mendapat sambutan yang baik dalam kalangan peserta malah SUHAKAM dimaklumkan bahawa peserta daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah mengadakan sesi *speaker's corner* di universiti mereka bagi berkongsi mengenai pengalaman dan ilmu yang diperolehi hasil daripada program yang dijalankan ini.

SUHAKAM mempunyai perancangan untuk menambahbaik dan memperkasakan pelaksanaan program ini pada tahun hadapan. Untuk itu, nama '*Youth for Rights*' akan dijenamakan kepada 'Belia Peduli Hak' dan salah satu penambahbaikan yang dirancang untuk dilaksanakan adalah pembangunan jaringan sukarelawan 'Belia Peduli Hak'. Sebagai permulaan, SUHAKAM telah mewujudkan satu kumpulan *Whatsapp* dengan peserta yang pernah mengikuti program ini bagi memudahkan sebarang perkongsian maklumat bersama SUHAKAM atau sesama peserta.

## 5. SUHAKAM BERSAMA MASYARAKAT

Pada tahun ini, SUHAKAM telah menganjurkan 2 siri program 'SUHAKAM Bersama Masyarakat' (SBM) berskala kecil dengan kerjasama beberapa Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan Orang Kurang Upaya (OKU) di Lembah Klang dan Persatuan Nelayan Kawasan Kerian, Perak seperti berikut:

**Jadual 5: Senarai program 'SUHAKAM Bersama Masyarakat'**

| Bil | Tarikh | Peserta | Tempat |
|---|---|---|---|
| 1. | 26 Mac 2022 | 35<br>Orang Kurang Upaya dan aktivis | Dewan *Spastic Children's Association of Selangor and Federal Territory*, Petaling Jaya, Selangor |
| 2. | 27 September 2022 | 86 orang nelayan dan warga emas | Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Tanjung Piandang, Kerian, Perak |

Matlamat program ini adalah untuk memberikan pendedahan berkaitan hak asasi manusia dan peranan SUHAKAM serta menyediakan ruang dialog antara SUHAKAM dan golongan rentan.

Antara isu dan cadangan yang dibangkitkan dalam sesi SBM Bersama OKU ialah seperti berikut:

| **1. Pesuruhjaya OKU di SUHAKAM** | |
|---|---|
| **Isu** | Terdapat isu-isu melibatkan golongan OKU tidak mendapat perhatian sewajarnya daripada pihak Kerajaan. Oleh itu, peserta mencadangkan agar ada Pesuruhjaya SUHAKAM dilantik dalam kalangan OKU bagi memastikan isu hak asasi OKU sentiasa disuarakan. |
| **Maklumbalas Kerajaan/ Tindakan SUHAKAM/ Cadangan** | SUHAKAM pernah menerima pelantikan seorang Pesuruhjaya kurang upaya bagi 2 penggal pada tahun 2013-2016 dan 2016-2019, iaitu Encik Francis Johen Adam. Beliau merupakan seorang individu kurang upaya fizikal dan diamanahkan untuk bertanggungjawab ke atas Pejabat SUHAKAM Sabah. Sepanjang pelantikan beliau di SUHAKAM, pelbagai isu OKU telah diketengah dan dibincangkan bersama pihak yang berkepentingan.<br><br>Selain daripada pelantikan Pesuruhjaya dalam kalangan OKU pada tahun tersebut, sejak penubuhannya SUHAKAM banyak menjalankan aktiviti kesedaran mengenai hak OKU. Ini termasuklah Seminar Rumah Ibadat Mesra OKU pada tahun 2018, membangunkan video berkenaan kepayahan OKU untuk mengamalkan agama susulan rumah mesra ibadat yang tidak mesra OKU pada 2019 serta menerbitkan Resolusi Rumah Mesra Ibadat pada tahun yang sama. Pada tahun 2013, SUHAKAM telah menjalankan kajian tematik mengenai Hak Kanak-kanak dengan Masalah Pembelajaran untuk Mendapatkan Akses kepada Pendidikan Rendah. |

| **2. Kemasukan OKU ke sekolah aliran perdana** | |
|---|---|
| **Isu** | Peserta mendakwa bahawa syarat kemasukan bagi golongan OKU ke sekolah aliran perdana masih bersifat berat sebelah dan mendiskriminasi antaranya iaitu hanya OKU penglihatan di bawah kategori B3 sahaja dibenarkan memasuki sekolah aliran perdana manakala OKU penglihatan bagi kategori lain perlu memasuki sekolah pendidikan khas. |
| **Maklumbalas Kerajaan/ Tindakan SUHAKAM/ Cadangan** | Kerajaan menerusi maklum balasnya terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM Tahun 2019 menyatakan, bagi memastikan setiap kanak-kanak OKU mendapat pendidikan arus perdana, maka Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan *zero reject policy* iaitu polisi yang tidak menolak mana-mana |

| | |
|---|---|
| | OKU yang mendaftar untuk sesi persekolahan. Selain daripada itu, terdapat 3 kategori pendidikan formal untuk kanak-kanak OKU juga disediakan iaitu:<br>i. Sekolah Pendidikan Khas;<br>ii. Program Integrasi Pendidikan Khas; dan<br>iii. Program Pendidikan Inklusif.<br><br>Bagi OKU yang tidak mampu untuk mengikuti pendidikan arus perdana, mereka akan dinilai dan sekiranya perlu, mereka akan ditempatkan di Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), di bawah JKM. |

| **3. Kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)** | |
|---|---|
| **Isu** | Peserta membangkitkan mengenai salah satu syarat kelayakan untuk memasuki Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) adalah sihat tubuh badan. Syarat ini dilihat mendiskriminasi golongan OKU dan terdapat permohonan OKU untuk memasuki IPTA tidak diterima disebabkan tidak mempunyai rakan pendamping bagi membantu mereka sepanjang proses pembelajaran di IPTA terbabit. |
| **Maklumbalas Kerajaan/ Tindakan SUHAKAM/ Cadangan** | SUHAKAM mengambil maklum terdapat IPTA yang menyediakan fasiliti mesra OKU seperti di Universiti Malaya. Walau bagaimanapun, SUHAKAM berpendapat bahawa isu ini masih perlu ditangani secara lebih menyeluruh oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). |

| **4. Kelas Pengajian Islam / KAFA bagi pelajar OKU** | |
|---|---|
| **Isu** | Peserta membangkitkan mengenai ramai pelajar OKU yang tidak berpeluang untuk mengikuti Kelas Pengajian Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) memandangkan kekurangan guru KAFA yang boleh berbahasa isyarat. Selain itu, peserta turut menyatakan bahawa kelas pengajian Islam bagi golongan OKU pendengaran yang dewasa juga sukar diperolehi dan ini menyukarkan mereka untuk mendalami ilmu agama dengan lebih mendalam. |
| **Maklumbalas Kerajaan/ Tindakan SUHAKAM/ Cadangan** | SUHAKAM mengambil maklum berkenaan inisiatif pihak JAKIM dalam mewujudkan aplikasi Glosari Islam (I-Sign) untuk OKU pendengaran. Aplikasi tersebut dibuat bagi membantu golongan OKU Pendengaran memahami istilah-istilah ajaran Islam yang merangkumi Akidah, Syariat dan Akhlak. |

Sehubungan itu, bagi mengukuhkan lagi pengajaran ilmu pendidikan Islam kepada golongan OKU Pendengaran, SUHAKAM mengesyorkan:

i. Menambah guru-guru KAFA dan Fardu Ain yang boleh berbahasa isyarat dengan insentif yang menarik;
ii. Menyediakan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Pendidikan Islam bagi golongan OKU.

## 5. Kekangan OKU dalam bidang pekerjaan

**Isu**

Beberapa peserta telah membangkitkan kekangan OKU dalam bidang pekerjaan sepertimana berikut:

- Peserta merupakan seorang OKU fizikal (berkerusi roda) dan bertugas sebagai guru di sekolah harian kerajaan. Walau bagaimanapun, beliau menghadapi masalah dengan Guru Besar di sekolah terbabit yang kemudian telah memberi kesan ke atas markah prestasi beliau. Beliau menyatakan peluang guru OKU untuk naik pangkat adalah sangat sedikit berbanding guru normal. Selain itu, persekitaran di sekolah tempat beliau bekerja juga tidak mesra OKU.
- Peserta menyatakan bahawa Kerajaan perlu menggunakan kaedah penilaian prestasi yang berbeza bagi guru OKU memandangkan kesukaran dan halangan yang terpaksa dihadapi oleh mereka sepanjang bertugas.
- Pertubuhan Bukan Kerajaan bagi OKU Pekak Malaysia ada menyediakan tadika khas untuk kanak-kanak OKU Pendengaran di Lembah Klang. Walau bagaimanapun, guru-guru yang mengajar di tadika terbabit tidak menerima elaun khas kanak-kanak.
- Seorang peserta membangkitkan mengenai peluang guru OKU untuk sambung belajar. Beliau menyatakan bahawa tiada dana diperuntukkan untuk membantu guru-guru OKU yang mengajar di pusat pembelajaran di bawah kendalian NGO menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Beliau mencadangkan agar Kerajaan menyediakan peruntukan kepada guru-guru di bawah NGO ini untuk menyambung pengajian.
- Terdapat dakwaan bahawa sesetengah majikan masih mengamalkan sikap mendiskriminasi terhadap OKU dalam pengambilan pekerja.

| | |
|---|---|
| **Maklumbalas Kerajaan/ Tindakan SUHAKAM/ Cadangan** | Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam maklum balasnya terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM Tahun 2019 menyatakan mereka telah menyediakan kertas cadangan Pelan Perancangan Bersepadu Penambahbaikan Penyertaan Orang Kurang Upaya Dalam Perkhidmatan Awam. Kertas ini telah dibentangkan dan diterima dalam Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan pada 26 November 2020.<br><br>Melalui cadangan ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan memainkan peranan utama untuk memantapkan program pembangunan kapasiti OKU ke arah meningkatkan kemahiran, keyakinan diri dan tahap kebolehgajian calon. |
| **6. Akses OKU kepada pendidikan** | |
| **Isu** | Peserta membangkitkan isu mengenai kanak-kanak OKU yang menghidapi *'Cerebral Palsy'* (CP) untuk ke sekolah. Menurut peserta, kebanyakan kanak-kanak CP ini berada dalam keadaan terlantar serta memerlukan bantuan. Dari aspek pendidikan, Pusat Spastik ada menyediakan latihan dan kemahiran kepada kanak-kanak CP, namun tidak mempunyai bilangan pengangkutan yang mencukupi bagi urusan penghantaran dan pengambilan kanak-kanak CP yang belajar di pusat tersebut. Peserta memohon bantuan untuk menangani masalah tersebut. |
| **Maklumbalas Kerajaan/ Tindakan SUHAKAM/ Cadangan** | Melalui Maklumbalas Kerajaan terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM 2013 dan 2014, Kerajaan menerusi JKM telah mengambil inisiatif untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan melalui Unit Penyayang Warga Emas (UPWE) bagi memenuhi keperluan warga emas untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan kesihatan di hospital atau klinik kesihatan. KPM dan JAKOA pula mengambil inisiatif melantik pengusaha van sekolah yang menguruskan pengangkutan pelajar Orang Asli ke sekolah untuk menggalakkan pelajar ini ke sekolah. Usaha seperti ini sepatutnya dipanjangkan kepada kanak-kanak lain termasuk OKU CP yang ingin mendapatkan pendidikan tidak formal di pusat-pusat pendidikan dan latihan swasta. SUHAKAM menggesa JKM untuk berusaha mengenalpasti jalan penyelesaian bagi isu ini contohnya dengan menjalin kerjasama bersama Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang mempunyai peruntukan di bawah program *'Corporate Social Responsible'* (CSR). |

| **7.** | **Meletakkan Jabatan Pembangunan OKU di bawah Jabatan Perdana Menteri** |
|---|---|
| **Isu** | Peserta membangkitkan mengenai status Jabatan Pembangunan OKU yang kini diletakkan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Beliau mencadangkan agar SUHAKAM mengesyorkan kepada Kerajaan supaya Jabatan Pembangunan OKU diletakan secara terus di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) agar setiap isu-isu melibatkan OKU dapat disalurkan terus kepada JPM. |
| **Maklumbalas Kerajaan/ Tindakan SUHAKAM/ Cadangan** | SUHAKAM menyahut baik cadangan Senator Datuk Ras Adiba Radzi agar Kerajaan membentuk sebuah suruhanjaya bebas yang dipertanggungjawabkan kepada Parlimen untuk memantau pelaksanaan perkara berkaitan pembangunan Orang Kurang Upaya (OKU), termasuk Akta OKU 2008. SUHAKAM menggesa Kerajaan untuk meneliti cadangan ini agar hak OKU dapat terus diperkasakan. |

| **8.** | **Rekabentuk rumah tidak mesra OKU** |
|---|---|
| **Isu** | Peserta membangkitkan ramai pemaju enggan menyediakan rumah yang menepati piawaian bagi kegunaan golongan OKU. Situasi ini menyebabkan pembeli rumah dari kalangan OKU terpaksa mengeluarkan bajet sendiri untuk mengubah suai kediaman baru tersebut bagi memastikan ianya senang diakses dan mesra OKU. |
| **Maklumbalas Kerajaan/ Tindakan SUHAKAM/ Cadangan** | Tanpa menafikan inisiatif yang diambil oleh Kerajaan dalam memperkukuh kerangka undang-undang berhubung keperluan bangunan kepada OKU seperti pindaan seksyen 34A Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984, *Guidelines on Buildings Requirements for Disabled Persons* 1999 serta Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*) Tahun 2010, namun undang-undang hanya terhad kepada bangunan awam dan tidak terpakai kepada bangunan perumahan persendirian. SUHAKAM menggesa Kerajaan untuk memperluaskan pemakaian undang-undang ini kepada pembinaan rumah kediaman. |

Bagi program SBM Bersama masyarakat nelayan pula, selain daripada maklumbalas yang diberikan kepada peserta semasa sesi soal jawab, SUHAKAM akan turut meneliti isu-isu lain yang dibangkitkan dan tindakan susulan akan diambil sekiranya ianya berada di bawah fungsi dan kuasa SUHAKAM.

## 6. PROGRAM LITERASI HAK ASASI MANUSIA UNTUK JABATAN AGAMA ISLAM

Pada 25 Oktober, SUHAKAM telah mengadakan program Literasi Hak Asasi Manusia kepada para pegawai di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK) di Kepala Batas, Kedah. Program ini adalah kesinambungan kepada siri program literasi hak asasi manusia untuk jabatan agama Islam yang telah dimulakan oleh SUHAKAM sejak 2017.



Seramai 60 peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Bahagian Pendakwaan, JHEAIK telah menghadiri program tersebut. Program dimulakan dengan ucapan perasmian oleh YBhg. Dato' Syeikh Ismi Anuar Haji Abd Halim, Timbalan Pengarah Bahagian Operasi, JHEAIK diikuti dengan pengisian daripada Datuk Mohamad Nordin Ibrahim, Pesuruhjaya SUHAKAM berkenaan 'Mandat dan Halatuju SUHAKAM'; Prof Madya Dr Nik Salida Suhaila Nik Saleh, Dekan Fakulti Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berkenaan 'Hak Asasi Manusia dalam Islam: Isu dan Cabaran' dan diakhiri dengan Profesor Datuk Noor Aziah Mohd Awal, Pesuruhjaya SUHAKAM berkaitan 'Hak Kanak-Kanak yang berkonflik dengan Undang-Undang Di Malaysia'.

Sehingga kini, SUHAKAM telah berjaya menganjurkan program ini kepada semua Jabatan Agama Islam Negeri kecuali kepada Negeri Perlis, Terengganu dan Negeri Sembilan. Untuk itu, SUHAKAM akan mengadakan perbincangan empat mata

bersama 3 Jabatan Agama Negeri ini pada tahun hadapan untuk menawarkan penganjuran program literasi ini bagi tujuan untuk melengkapkan siri Program Literasi Hak Asasi Manusia untuk Jabatan Agama Islam seluruh Malaysia.

## 7. UNDANGAN MENYAMPAIKAN CERAMAH DAN LATIHAN HAK ASASI MANUSIA

Sepanjang tahun ini, SUHAKAM menerima banyak undangan daripada pelbagai pihak untuk menyampaikan ceramah atau memberikan latihan tentang topik hak asasi manusia yang umum dan khusus secara bersemuka dan dalam talian. SUHAKAM berusaha memenuhi setiap undangan tersebut walaupun dalam masa yang sama keutamaan diberikan kepada program-program yang telah dirancang.

**Jadual 6: Senarai jemputan ceramah dan latihan hak asasi manusia pada tahun 2022**

| Bil. | Topik | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| 1. | Latihan Hak Asasi Manusia untuk Kursus Sijil Asas Pengurusan Penjara (KSAPP) Siri 1/2021 | 7 Januari | Penjara Taiping |
| 2. | Kursus Pemahaman Hak Asasi Manusia Dalam Pengurusan Banduan (Siri 1) | 12 Januari | Penjara Kajang |
| 3. | Kursus Pemahaman Hak Asasi Manusia Dalam Pengurusan Banduan (Siri 2) | 26 Januari | Penjara Kajang |
| 4. | Kursus Pemahaman Hak Asasi Manusia Dalam Pengurusan Banduan (Siri 3) | 2 Februari | Penjara Kajang |
| 5. | Ceramah Hak Asasi Manusia dan Perniagaan dalam *'Single Buyer Ethics and Compliance Seminar* 2022' | 23 Mac | Dalam Talian |
| 6. | Latihan Hak Asasi Manusia kepada 209 orang peserta Kursus Asas Kepolisan (PLAK) | 31 Mac | PULAPOL, KL |
| 7. | Latihan Hak Asasi Manusia kepada Peserta Kursus Sijil Asas Pengurusan Penjara (KSAPP) Siri 1.2022 | 17 Mei | Taiping |
| 8. | Ceramah Dalam Talian Mengenai Hak Asasi Manusia dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) kepada warga Universiti Teknologi Sarawak (UTS) | 23 Mei | Dalam Talian |

| Bil. | Topik | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| 9. | Ceramah 'Hak Asasi Manusia dan Perniagaan' kepada eksekutif Sumiputeh Steel | 24 Mei | Dalam Talian |
| 10. | Ceramah Hak Asasi Manusia dan Hak Pekerja kepada pekerja kilang Sumiputeh Steel | 10 Jun | Sumiputeh Steel, Shah Alam |
| 11. | Ceramah Hak Asasi Manusia kepada kakitangan Perpustakaan Negeri Melaka | 29 Jun | Perpustakaan Negeri Melaka |
| 12. | Ceramah ringkas Hak Asasi Manusia kepada Penduduk Taman Subang Mas | 3 Julai | Taman Subang Mas, Shah Alam |
| 13. | Latihan Dalam Perkhidmatan kepada tenaga pengajar di Pusat Latihan Polis KL (PULAPOL) | 15 September | PULAPOL, KL |
| 14. | Ceramah 'Hak Asasi Manusia dan Peniagaan' kepada Behn Meyer Specialties (M) Plt | 22 September | Dalam Talian |
| 15. | Ceramah Hak Asasi Manusia kepada kakitangan Perpustakaan Negeri Kedah | 17 Oktober | Perpustakaan Negeri Kedah |
| 16. | Ceramah Hak Asasi Manusia kepada murid-murid *Westley Methodist School*, Seremban | 19 Oktober | *Westley Methodist School*, Seremban |
| 17. | Ceramah '*Say No to Bully*' di SMK Bandar Baru Sintok anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM) | 26 Oktober | SMK Bandar Baru Sintok |
| 18. | Ceramah Hak Asasi Manusia dan Hak Kanak-Kanak dalam Kesejahteraan Hidup kepada pelajar SMK Taman Pelangi Indah | 23 November | SMK Taman Pelangi Indah, Johor |

# BAHAGIAN MEDIA DAN PROMOSI

## LATAR BELAKANG

Pasca pandemik COVID-19 menyaksikan situasi negara yang semakin pulih dan SUHAKAM melalui Bahagian Media dan Promosi (MPD) kembali giat menjalankan aktiviti promosi hak asasi manusia secara bersemuka dan aktiviti yang melibatkan media seperti sediakala.

Bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai hak asasi manusia, selaras dengan Pelan Strategik (2021-2025) SUHAKAM, fokus pada tahun ini lebih tertumpu kepada strategi pengukuhan peranan SUHAKAM sebagai NHRI yang bebas dalam melindungi dan mempromosi hak asasi manusia. Selain itu, objektif pada tahun ini juga memberi tumpuan untuk memajukan hak ekonomi, sosial dan budaya terutamanya yang melibatkan golongan rentan di Malaysia di samping kepentingan menyatupadukan rakyat dengan menentang diskriminasi kaum serta xenofobia.

## HUBUNGAN MEDIA

### 1. KENYATAAN MEDIA DAN SIDANG MEDIA

Akta 597 memberikan SUHAKAM kuasa untuk menjalankan fungsinya dengan berkesan. Di bawah Seksyen 4(2) Akta SUHAKAM, salah satu kuasanya adalah untuk mengeluarkan kenyataan umum mengenai isu hak asasi manusia. Sebanyak 25 kenyataan media telah dikeluarkan oleh SUHAKAM sepanjang tahun 2022 yang meliputi isu kewarganegaraan, hak kanak-kanak, hak pekerja migran, kematian dalam tahanan serta kerjasama dengan pemegang taruh dalam memajukan hak asasi manusia di Malaysia. Selain itu, SUHAKAM turut mengeluarkan kenyataan yang menyentuh keperluan untuk mengkaji semula, meminda atau memansuhkan undang-undang dan dasar agar ia selaras dengan hak asasi manusia. Senarai penuh kenyataan media bagi tahun 2022 boleh dirujuk di Lampiran 1 pada muka surat 262.

Pasca pandemik telah membolehkan SUHAKAM untuk kembali bertemu dengan pihak media secara bersemuka semasa sidang media diadakan. Pada tahun ini, SUHAKAM telah mengadakan 8 sidang media yang memberi tumpuan kepada isu-isu perubahan iklim dan hak kepada alam sekitar yang bersih dan selamat, isu buruh paksa dalam sektor perladangan, hasil dapatan siasatan awam, hala tuju SUHAKAM dan juga aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh SUHAKAM.

SUHAKAM akan terus menyuarakan pandangan dan pemerhatiannya terhadap isu-isu hak asasi manusia melalui kenyataan atau sidang media bagi menggalakkan perbincangan awam serta maklum balas agensi Kerajaan agar penambahbaikan dapat dilaksanakan ke arah kemajuan hak asasi manusia di negara ini.

Berikut adalah senarai penuh sidang media yang telah diadakan bagi tahun 2022:

| BIL | SIDANG MEDIA | TARIKH |
|---|---|---|
| 1. | Sidang Media COP26: Malaysia Perubahan Iklim | 1 Mac |
| 2. | Sidang Media Konsultasi Bersama Pemegang Taruh mengenai isu-isu Buruh Paksa dalam Industri Perladangan | 10 Mac |
| 3. | Sidang Media Perbincangan Meja Bulat Hak kepada Udara Bersih, Menangani Pencemaran Jerebu di Malaysia | 11 Mac |
| 4. | Sidang Media isu-isu semasa Lawatan SUHAKAM ke Sibu Sarawak | 14 Mac |
| 5. | Sidang Media Berkala Kumpulan Aduan dan Pemantauan 2022 | 11 April |
| 6. | Pengumuman Siasatan Awam Kehilangan Pastor Joshua Hilmy dan Ruth Hilmy | 15 April |
| 7. | Sidang Media Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak | 20 April |
| 8. | Sidang Media Memperkenalkan Barisan Pesuruhjaya Baharu dan Halatuju SUHAKAM | 10 Ogos |



**Sidang media memperkenalkan barisan Pesuruhjaya bagi penggal 2022-2025**

## 2. TEMUBUAL DAN PEMANTAUAN LIPUTAN MEDIA

SUHAKAM turut menyuarakan pendirian serta mengulas tentang pelbagai isu hak asasi manusia melalui temubual media elektronik dan media cetak seperti radio, televisyen dan juga akhbar. Antara isu yang dikupas meliputi isu hak ekonomi, sosial dan budaya, hak sivil dan politik, pembaharuan dan pindaan dasar dan undang-undang, kesihatan awam, peranan Malaysia sebagai Ahli Majlis Hak Asasi Manusia dan juga pandangan SUHAKAM mengenai situasi hak asasi manusia di Malaysia. Berikut adalah temubual yang diterima oleh SUHAKAM pada tahun 2022:

| BIL. | TEMUBUAL MEDIA | MEDIA | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 1. | Rasuah dan Hak Asasi Manusia | *The Vibes* | 31 Januari |
| 2. | Remaja didakwa kerana menyebabkan kematian bayi | Al-Jazeera | 21 Mac |
| 3. | Isu gaji minima dan pekerja migran | Malaysiakini | 15 April |
| 4. | Promosi Pameran SUHAKAM di JAKM Perak | Bernama FM | 1 Julai |
| 5. | Isu Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya<br>• Isu pekerja migran<br>• Krisis Prubahan Iklim<br>• SUHAKAM membawa budaya barat? | Bernama FM | 27 Julai |

| BIL. | TEMUBUAL MEDIA | MEDIA | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 6. | Demokrasi:<br>• Peranan Malaysia dalam Majlis Hak Asasi Manusia<br>• Pemerdagangan manusia<br>• Buruh paksa | Agenda Awani Asia | 28 Julai |
| 7. | Kematian dalam tahanan | FMT | 1 Ogos |
| 8. | RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok dan pandangan SUHAKAM | Astro Awani | 1 Ogos |
| 9. | Polis dan Hak Asasi Manusia | Sin Chew | 3 Ogos |
| 10. | Hala tuju dan fokus SUHAKAM | Malaysiakini | 7 September |
| 11. | Hukuman mati | Astro Radio | 23 September |
| 12. | Promosi Pameran SUHAKAM di JAKM Melaka | Bernama FM | 14 Oktober |
| 13. | Promosi Pameran SUHAKAM di JAKM Melaka | RTM (Melaka FM) | 15 Okober |
| 14. | Laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja Penemuan Kem Penempatan Sementara dan Kubur di Wang Kelian, Perlis | *The STAR* | 19 Oktober |
| 15. | Kematian dalam tahanan | Harian Metro | 19 Oktober |
| 16. | PSR-15: Hak Penyertaan Politik | *Bernama News Channel* | 17 November |
| 17. | Silibus Pendidikan Seks di sekolah | *Sinar Daily* | 5 Disember |
| 18. | Temubual sempena Hari Hak Asasi Manusia 2022 | FMT | 7 Disember 2022 |
| 19. | Bual Bicara dalam rancangan '*The Nation*' bertajuk '*Human Rights: Dignity, Freedom, and Justice for All*' | *Bernama News Channel* | 12 Disember 2022 |
| 20. | Temubual dalam rancangan Agenda Awani bertajuk Hak Asasi Manusia, '*Leave no one Behind*' | Astro Awani | 13 Disember 2022 |

SUHAKAM turut memantau liputan media bagi mengukur tahap keberkesanan komunikasinya dengan orang ramai selain daripada membantu SUHAKAM untuk merancang dan menguruskan sebarang situasi krisis berdasarkan analisis terperinci yang diperolehi daripada liputan berita dan reaksi orang ramai terhadap SUHAKAM. Analisis media yang komprehensif membantu SUHAKAM dalam usaha meningkatkan imej dan reputasinya dengan memberi maklum balas kepada orang ramai melalui kenyataan media, menulis artikel tentang isu hak asasi manusia yang khusus dan infografik dalam media sosial.

SUHAKAM amat menghargai kerjasama media dalam membuat liputan mengenai hak asasi manusia dan impaknya kepada masyarakat terutamanya isu-isu yang melingkari kehidupan golongan rentan. Ini bukan sahaja dapat memberikan gambaran tentang keadaan semasa, malahan ia boleh membantu SUHAKAM dan pihak yang berkaitan untuk membawa isu-isu tersebut kepada pihak yang bertanggungjawab agar kehidupan mereka terbela.


'Hak asasi manusia ikut acuan tempatan'
Agong perkenan lantikan lapan anggota Suhakam baharu
Abai, aniaya kanak-kanak: Suhakam dibenar lantik peguam pemerhati
New Suhakam commissioner vows to do his best
NGO tipu PTI, dakwa Suhakam
Ahli Parlimen pembangkang tuntut pendirian Suhakam
Legal scholar appointed new Suhakam chairman
Siasat tauke pusat rekreasi: Suhakam
人權委會：直接影響人權3主因 貧困收入差距工作效率降

Isu-isu hak asasi manusia yang mendapat perhatian media

## 3. MULTIMEDIA DAN KANDUNGAN KREATIF MEDIA SOSIAL

Media sosial merupakan medium perkongsian mengenai aktiviti yang dijalankan oleh SUHAKAM kepada masyarakat. Ia mampu meningkatkan keupayaan SUHAKAM untuk membina imej dan berperanan sebagai landasan untuk SUHAKAM menyebarkan maklumat mengenai pelbagai isu hak asasi manusia. Terdapat 4 media sosial rasmi yang dikendalikan oleh Unit Media iaitu *Facebook, Twitter, Instagram* dan juga saluran *Youtube.*

Bagi meningkatkan kesedaran hak asasi manusia melalui media sosial, SUHAKAM telah memuatnaik pelbagai bahan promosi hak asasi manusia serta menghasilkan beberapa infografik sambutan hari antarabangsa hak asasi manusia yang mengandungi data, maklumat ringkas dan pendirian SUHAKAM mengenai hari antarabangsa yang diraikan.

Berikut adalah senarai infografik yang telah dihasilkan pada tahun 2022:

| Bil. | Infografik | Tarikh |
|---|---|---|
| 1. | Hari Pendidikan Antarabangsa | 24 Januari |
| 2. | Hari Air Sedunia | 22 Mac |
| 3. | Hari Kesihatan Sedunia | 7 April |
| 4. | Hari Pelarian Sedunia | 20 Jun |
| 5. | Hari Antarabangsa Akses kepada Maklumat | 28 September |
| 6. | Hari Habitat Sedunia | 3 Oktober |
| 7. | Hari Menentang Hukuman Mati Sedunia | 10 Oktober |
| 8. | Hari Antarabangsa Penghapusan Keganasan Terhadap Wanita | 25 November |

Selain itu, SUHAKAM turut menghasilkan video bagi hebahan dalam media sosial antaranya video rangkuman Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) di mana SUHAKAM telah dijemput untuk membuka reruai pameran dan juga diberi slot persembahan pentas.

Penghasilan kandungan kreatif sebegini amat penting untuk mempromosi aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh SUHAKAM dan secara tidak langsung dapat membuka jalinan yang baik antara SUHAKAM dan orang ramai seterusnya membantu SUHAKAM menyebarkan maklumat hak asasi manusia dengan lebih meluas dan berkesan. SUHAKAM akan terus aktif dalam menghasilkan kandungan kreatif bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan hak asasi manusia kepada semua melalui media sosial.




**Infografik media sosial yang dihasilkan bagi mempromosi kesedaran hak asasi manusia**

## 4. ARTIKEL KESEDARAN HAK ASASI MANUSIA

Dalam memberikan maklum balas kepada masyarakat umum mengenai fungsi dan pendiriannya, SUHAKAM telah menghasilkan beberapa artikel yang bertujuan untuk mendidik dan menjelaskan dengan terperinci mengenai SUHAKAM serta pendiriannya terhadap isu-isu yang menjadi tumpuan masyarakat. Artikel-artikel ini telah dimuat naik ke laman sesawang SUHAKAM bagi rujukan dan bacaan masyarakat umum.

**Artikel: Ke arah Realisasi Hak Asasi Manusia**

Artikel ini memberikan fokus terhadap fungsi SUHAKAM sebagai NHRI di Malaysia yang menjalankan mandatnya untuk melindungi dan mempromosikan hak asasi manusia selaras dengan Akta 597 yang memberi kuasa kepada SUHAKAM untuk mengguna pakai Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) 1948, selagi ia tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Seksyen 2 Akta 597 mentakrifkan hak asasi manusia sebagai kebebasan asasi yang termaktub dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan.

Selaras dengan Perkara 8(1) dan (2) Perlembagaan Persekutuan Malaysia, SUHAKAM menangani isu hak asasi manusia dengan mengambil kira realiti kehidupan kumpulan rentan dan komuniti akar umbi termasuk wanita, kanak-kanak, orang kurang upaya, orang asli, pelarian, migran, dan ramai lagi. Dalam melaksanakan mandatnya, SUHAKAM turut berpegang kepada pendirian bahawa semua manusia, tanpa mengira latar belakang mereka, dilahirkan bebas dan saksama dari segi nilai, maruah dan hak mereka.

Dalam menyatakan pendiriannya mengenai hak asasi manusia, SUHAKAM secara konsisten telah menerima pakai pendirian yang bebas dan adil bagi menangani isu hak asasi manusia meskipun kenyataan yang dikeluarkan kadangkala kritikal terhadap beberapa dasar dan tindakan yang tidak selaras dengan prinsip dan norma hak asasi manusia antarabangsa. Pendirian SUHAKAM sentiasa bersifat konstruktif dan didorong oleh keperluan untuk menyokong negara ini ke arah menjadi sebuah negara yang mempunyai piawaian dan prestasi hak asasi manusia yang boleh dicontohi.

**Artikel: Diskriminasi kaum, perkauman dan xenofobia**

Artikel ini memberikan fokus ke arah mencapai keharmonian masyarakat melalui pembasmian diskriminasi kaum, sifat perkauman dan xenofobia dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, bangsa dan agama di Malaysia.

Diskriminasi kaum merupakan isu yang telah lama berlarutan dan memberi kesan kepada orang ramai di seluruh dunia. Penularan COVID-19 menyaksikan peningkatan diskriminasi kaum terhadap bukan warganegara dan minoriti di seluruh dunia termasuk di Malaysia. Ketika Malaysia bergelut dengan penularan wabak COVID-19, pelbagai kenyataan berbaur perkauman dan sentimen xenofobia terhadap warga asing di Malaysia termasuk desakan agar mereka pulang ke negara asal.

Artikel ini menyasarkan untuk memberikan kesedaran mengenai pentingnya untuk memupuk sikap bertoleransi sesama manusia dan menghindari segala prasangka perkauman kerana pada dasarnya, perkauman adalah salah dari segi moral dan hak asasi manusia. Sudah tiba masanya untuk masyarakat di negara ini maju ke hadapan melangkaui aras perpaduan dan membasmi diskriminasi kaum yang telah berdekad menjadi sistemik.

# PROMOSI HAK ASASI MANUSIA

## 1. PERLINDUNGAN TERHADAP PENYEKSAAN DAN HUKUMAN LAIN YANG ZALIM, TIDAK BERPERIKEMANUSIAAN, ATAU MENJATUHKAN MARUAH

### 1.1 Gabungan ACT4CAT

Tahun ini, Gabungan ACT4CAT meneruskan kesinambungan program kesedaran dan promosi ke arah meratifikasi Konvensyen Menentang Penyeksaan Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan dan Menjatuhkan Maruah (UNCAT) dengan menjalankan program usaha sama iaitu Pameran Kartun MYACT bertemakan *Re-imaging A Torture Free Nation* yang diadakan di Lostgens; Jalan Petaling, Kuala Lumpur pada 25 dan 26 Jun 2022 bersempena sambutan Hari Antarabangsa Memperingati Mangsa Penyeksaan pada 26 Jun, setiap tahun.

Para pengunjung yang kebanyakannya golongan belia menyertai pelbagai aktiviti sepanjang 2 hari program dijalankan antaranya pameran hasil seni lukisan para pemenang pertandingan melukis kartun MYACT, pameran informatif oleh wakil Gabungan ACT4CAT, sesi perkongsian pengalaman aktivis Khalid Ismath semasa beliau ditahan di bawah Akta ISA dan juga sesi perkongsian pengalaman oleh wakil-wakil APT dan *Cross Cultural Foundation* (CrCF) dari Thailand tentang amalan terbaik negara mereka dalam membasmi tindakan penyeksaan khususnya daripada golongan muda melalui konsep kesenian serta '*Hope-based Approach*' dalam memupuk kesedaran masyarakat awam.

Acara yang paling mendapat perhatian adalah acara melukis secara langsung oleh pelukis tanah air iaitu Zunar dan pelukis yang berasal dari Thailand, Tawan Wattuya serta forum perbincangan bertajuk '*Building a Torture-Free Nation – A Malaysian Perspective*' yang membincangkan mengenai cabaran ratifikasi konvensyen serta langkah strategi ke arah penyertaan Malaysia kepada UNCAT.

Selain itu, SUHAKAM turut menyertai sambutan Hari Menentang Hukuman Mati Sedunia yang dianjurkan oleh salah satu ahli Gabungan AC4CAT iaitu *Anti-Death Penalty Network* (ADPAN) bertajuk '*ADPAN's World Day Againts the Death Penalty: Journey to Death Row*'. Antara objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai perspektif banduan akhir yang melalui tekanan mental menunggu hukuman gantung menerusi penceritaan dalam bentuk seni lukisan dan penulisan.




**Gabungan ACT4CAT**
**Forum dan Pameran bertemakan '*Re-imagining A Free Torture Nation*' di Lostgens', Jalan Petaling, Kuala Lumpur**

### 1.2 Kaji Selidik Persepsi Orang Awam Tentang Konvensyen Menentang Penyeksaan Dan Layanan Atau Hukuman Lain Yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan Atau Menjatuhkan Maruah

SUHAKAM telah menjalankan satu kaji selidik persepsi orang awam mengenai Konvensyen menentang Penyeksaan dan Layanan atau Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah (UNCAT) yang dilaksanakan secara dalam talian bermula 22 Oktober 2022 dan berakhir pada 31 Disember 2022.

Matlamat kaji selidik ini adalah untuk mengukur tahap pemahaman orang awam berkaitan SUHAKAM dan hak asasi manusia, definisi penyeksaan dalam konteks UNCAT, layanan atau hukuman lain yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah (CIDT) serta contoh-contoh tindakan penyeksaan, dan pandangan mereka mengenai penyertaan Malaysia ke arah meratifikasikan UNCAT dan pemansuhan kesemua kaedah hukuman yang berbentuk penyeksaan dalam perundangan Malaysia.

Sejumlah 356 responden telah menyertai kaji selidik ini berikut adalah hasil dapatan bagi kaji selidik tersebut:

| Bil. | Butiran tinjauan persepsi awam mengenai UNCAT | Peratusan |
|---|---|---|
| 1. | **Bahagian I – SUHAKAM dan Hak Asasi Manusia** | |
| | a. Responden yang mengetahui tentang SUHAKAM serta fungsinya | 84.6% |
| | b. Responden tidak mengetahui tentang SUHAKAM | 15.4% |
| | c. Responden yang mengetahui bahawa SUHAKAM merupakan sebuah badan berkanun bebas | 49.8% |
| | d. Responden yang berpendapat SUHAKAM merupakan sebuah Badan Bukan Kerajaan (NGO) | 37% |
| | e. Responden yang berpendapat SUHAKAM adalah sebuah Jabatan/ Agensi Kerajaan | 13.1% |
| 2. | **Bahagian II - Definisi dan Contoh Penyeksaan** | |
| | a. Responden memahami definisi "penyeksaan" | 44.7% |
| | b. Responden yang berpendapat ianya merupakan kesakitan yang dilakukan pada tubuh badan atau perbuatan secara menghina | 37.9% |
| | c. Responden yang berpendapat ianya perbuatan yang dilakukan dengan tujuan untuk mencapat matlamat tertentu | 10.4% |
| | d. Responden yang berpendapat ianya dilakukan oleh pihak berkuasa atas kapasiti rasmi | 7% |
| | e. Responden yang bersetuju dengan hukuman berbentuk sebatan, merotan atau hukuman mati kepada pesalah yang didapati bersalah bagi kesalahan-kesalahan yang berat | 77.8% |
| | f. Responden yang tidak bersetuju dengan hukuman yang berbentuk penyeksaan | 18.3% |
| | g. Responden yang tidak pasti dengan bentuk hukuman yang berbentuk penyeksaan | 4.2% |
| | h. Responden yang bersetuju dengan penggunaan kekerasan semasa soal siasat demi mengelakkan kehilangan nyawa yang lain dalam konteks negara diancam oleh sekumpulan pengganas | 60.1% |
| | i. Responden yang tidak bersetuju dengan penggunaan kekerasan semasa soal siasat | 33.4% |
| | j. Responden yang tidak pasti dengan kaedah yang perlu dilaksanakan oleh pihak berkuasa | 6.5% |

| Bil. | Butiran tinjauan persepsi awam mengenai UNCAT | Peratusan |
| --- | --- | --- |
| 3. | **Bahagian III – CIDT** | |
| | a. Responden yang berpendapat bahawa layanan yang sewajarnya perlu diberikan kepada penjenayah yang berada di dalam pusat tahanan, antaranya akses kepada makanan berkhasiat, perubatan, serta kemudahan sel tahanan yang serba lengkap | 71.1% |
| | b. Responden yang tidak bersetuju dan berpendapat bahawa layanan demikian diperlukan sebagai pengajaran kepada penjenayah setimpal kesalahan yang dilakukannya | 23.6% |
| | c. Responden yang tidak pasti dengan layanan yang wajar diberikan kepada pesalah | 5.3% |
| 4. | **Bahagian IV – UNCAT** | 50.8% |
| | a. Responden tidak mengetahui tentang UNCAT | 30.1% |
| | b. Responden mengetahui tentang UNCAT | 19.1% |
| | c. Responden yang tidak pasti tentang UNCAT | |
| | d. Responden yang bersetuju bahawa hukuman sivil seperti merotan, sebatan dan hukuman mati dapat mengurangkan kadar jenayah di Malaysia | 59% |
| | e. Responden yang tidak bersetuju bahawa hukuman penyeksaan dapat mengurangkan kadar jenayah di Malaysia | 27.5% |
| | f. Responden yang tidak pasti bahawa hukuman penyeksaan dapat mengurangkan kadar jenayah di Malaysia | 13.5% |
| | g. Responden yang tidak bersetuju untuk Kerajaan memansuhkan semua kaedah hukuman berbentuk fizikal (merotan dan sebatan) atau mental (kondisi pusat tahanan yang teruk dan menunggu ke tali gantung) dalam sistem perundangan Malaysia | 60.7% |
| | h. Responden yang bersetuju untuk memansuhkan hukuman berbentuk penyeksaan | 28.1% |
| | i. Responden yang tidak pasti untuk memansuhkan hukuman berbentuk penyeksaan | 11.2% |

Berdasarkan kaji selidik persepsi orang awam mengenai UNCAT, dapat dirumuskan bahawa tahap kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap definisi 'penyeksaan' dalam konteks UNCAT adalah memuaskan. Walau bagaimanapun, majoriti rakyat Malaysia masih mahu hukuman rotan serta hukuman mati dikekalkan bagi jenayah

yang berat, ini termasuk mengekalkan kaedah penggunaan kekerasan dalam soal siasat bagi jenayah yang melibatkan ancaman terhadap keselamatan negara.

Hasil dapatan konteks penyeksaan daripada sudut CIDT menunjukkan bahawa masih terdapat ruang dan harapan negara dalam mencegah perbuatan tersebut sepertimana yang digariskan dalam Artikel 16, UNCAT. Hasil dapatan ini membuktikan bahawa tahap kesedaran masyarakat mengenai hak kepada tahanan adalah baik.

Secara umumnya, berdasarkan dapatan tersebut majoriti masyarakat berpendapat bahawa hukuman berbentuk penyeksaan masih efektif dalam mengurangkan kadar jenayah di Malaysia dan mereka tidak bersetuju hukuman demikian dimansuhkan. Selain daripada kekurangan pengetahuan umum tentang UNCAT, antara sebab lain adalah hukuman tersebut dilihat sebagai setimpal dengan tahap kesalahan pelaku serta hukuman-hukuman tertentu yang turut dibenarkan dalam konteks perundangan Syariah.

Hasil dapatan kaji selidik ini dapat dijadikan panduan kepada SUHAKAM serta pemegang taruh yang lain dalam mempromosikan UNCAT terutamanya kepada kumpulan-kumpulan sasaran yang menjalankan kerja advokasi ke arah penyertaan negara kepada UNCAT.

## 2. HAK ASASI MANUSIA DAN ISLAM

Berdasarkan Seksyen 4(1)(a) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597), salah satu fungsi SUHAKAM adalah untuk memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan berhubung hak asasi manusia kepada masyarakat umum. Selaras dengan fungsi tersebut, SUHAKAM bertanggungjawab untuk melaksanakan pelbagai program berbentuk kesedaran yang bertujuan meningkatkan kefahaman masyarakat umum tentang hak asasi manusia.

Dalam mencapai kemaslahatan prinsip hak asasi manusia dan Islam, SUHAKAM meneruskan usaha untuk menghasilkan teks khutbah Jumaat yang memfokuskan nilai hak asasi manusia sepertimana yang diajar oleh Islam dalam kehidupan seharian manusia khususnya dalam kalangan masyarakat Islam. Mesej mengenai

hak asasi manusia dan Islam ini disebarkan melalui penyampaian khutbah Jumaat di seluruh masjid di Malaysia dengan kerjasama bersama pihak berkuasa agama Islam.

Pada tahun ini, SUHAKAM telah menghantar 4 teks khutbah berkaitan topik pengukuhan institusi tahfiz, penjagaan kesihatan fizikal dan mental, hak golongan pelarian dan jenayah pemerdagangan manusia.

Berikut adalah senarai teks yang dihasilkan oleh SUHAKAM serta senarai Jabatan Agama Islam Negeri yang telah mengintegrasi, sama ada sepenuhnya atau sebahagian, input yang disediakan dalam teks-teks khutbah rasmi yang disediakan:

| BIL. | TEKS KHUTBAH OLEH SUHAKAM | BACAAN OLEH | TARIKH BACAAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Perkukuh Institusi Tahfiz | Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang | 18 Februari |
| 2. | Islam dan Hak terhadap Penjagaan Kesihatan | Jabatan Agama Islam Perak<br>Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah | 8 April<br>27 Mei |
| 3. | Nilai Kemanusiaan dan Rahmatan lil 'Alamin | Jabatan Agama Islam Pulau Pinang<br>Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah | 17 Jun<br>5 Ogos |
| 4. | Banteras Jenayah Pemerdagangan Manusia | Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah | 19 Ogos |

## 3. PAMERAN HAK ASASI MANUSIA

SUHAKAM kembali giat mengadakan pameran fizikal pasca pandemik COVID-19 dan pada tahun ini, SUHAKAM telah mengadakan 13 pameran fizikal dalam pelbagai acara pameran anjuran SUHAKAM dan program yang dianjurkan oleh agensi Kerajaan serta organisasi lain.

Program pameran sebegini memberi peluang kepada SUHAKAM untuk menyantuni segenap lapisan masyarakat dengan lebih dekat. Pada tahun ini, SUHAKAM diberikan peluang untuk menyertai 3 siri Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) dan ia telah digunakan sebaik mungkin untuk mempromosi kerja dan aktiviti SUHAKAM serta isu-isu hak asasi manusia melalui penerangan, aktiviti interaktif bersama

pengunjung dan edaran bahan-bahan infografik yang membantu meningkatkan pengetahuan mereka mengenai SUHAKAM dan hak asasi manusia.

Dalam usaha memberi pengetahuan dan meningkatkan kesedaran mengenai UNCAT dan hukuman mati, SUHAKAM turut bekerjasama mengadakan pameran melalui program anjuran Gabungan ACT4CAT dan ADPAN.

SUHAKAM juga dijemput menyertai program sambutan Hari Kanak-Kanak peringkat kebangsaan anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang bertempat di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTC) pada 27 November 2022. Selain daripada menyantuni golongan kanak-kanak, pelbagai aktiviti menarik telah disediakan bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran mengenai hak kanak-kanak.

Bersempena dengan sambutan Hari Hak Asasi Manusia, SUHAKAM turut membuka 2 reruai pameran berasingan dalam program '*Human Rights Festival*' anjuran Majlis Peguam Malaysia serta Forum Hari Hak Asasi Manusia anjuran bersama SUHAKAM, KLN, BHEUU dan PBB Malaysia.

Berikut adalah senarai pameran hak asasi manusia yang telah dijalankan pada tahun ini:

| BIL | TARIKH | PENGANJUR | BUTIRAN |
|---|---|---|---|
| 1. | 26 Mac | SUHAKAM | SUHAKAM Bersama Masyarakat Golongan Orang Kurang Upaya di Petaling Jaya |
| 2. | 31 Mac | SUHAKAM | Kolokium Kehakiman 2022 di Hotel Pullman, Kuala Lumpur |
| 3. | 2 - 4 Jun | JPM | Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia di Kuala Terengganu |
| 4. | 25 - 26 Jun | Gabungan ACT4CAT | Pameran '*MYACT: Re-imagining A Torture-Free Nation*' di Kuala Lumpur |
| 5. | 1 - 3 Julai | JPM | Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia di Pasir Salak, Perak |
| 6. | 3 Julai | Persatuan Penduduk Taman Subang Mas | Program Ceramah Hak Asasi Manusia di Subang Jaya, Selangor |
| 7. | 27 September | SUHAKAM | SUHAKAM Bersama Masyarakat di Kerian, Perak |

| BIL | TARIKH | PENGANJUR | BUTIRAN |
|---|---|---|---|
| 8. | 14 - 16 Oktober | ADPAN | Hari Antarabangsa Menentang Hukuman Mati |
| 9. | 14 - 16 Oktober | JPM | Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia di MITC Melaka |
| 10. | 20 November | JKM | Sambutan Hari Kanak-kanak peringkat Kebangsaan |
| 11. | 10 Disember | *Bar Council* | Karnival Hari Hak Asasi Manusia |
| 12. | 12 Disember | SUHAKAM, KLN, BHEUU, PBB Malaysia | Hari Hak Asasi Manusia |
| 13. | 23 Disember | *Malaysian Palm Oil Council* (MPOC) | Bengkel Pengenalan Standard MSPO & Aspek Sosial Dalam Perniagaan |



**Lawatan Perdana Menteri ke reruai pameran SUHAKAM di JAKM Terengganu**




**Kanak-kanak dan anggota tentera melawat reruai pameran SUHAKAM di JAKM Perak**




**Pelajar sekolah mengenali SUHAKAM dengan lebih dekat di JAKM Melaka**




**Reruai Pameran SUHAKAM sempena Sambutan Hari Kanak-kanak peringkat Kebangsaan anjuran JKM**

## 4. BAHAN PROMOSI HAK ASASI MANUSIA

### 4.1 Infografik, Video animasi dan Gegantung Bermaklumat

Selari dengan perubahan sosial dan ekonomi, SUHAKAM menyedari akan kepentingan untuk meningkatkan kreativiti dalam penghasilan bahan-bahan promosi hak asasi manusia secara digital dan bercetak. Pada tahun ini, SUHAKAM meneruskan usaha menghasilkan kandungan kreatif hak asasi manusia dalam bentuk infografik digital dan bercetak, video animasi dan juga gegantung bermaklumat yang menyasarkan untuk menyebarluas pendidikan hak asasi manusia kepada masyarakat melalui kepelbagaian medium dan dimensi.

Bahan promosi seperti infografik dibuat dalam 2 versi iaitu digital yang dimuat naik dalam media sosial serta versi cetakan yang diedarkan kepada orang ramai semasa program dijalankan.

Berikut adalah senarai infografik dan gegantung bermaklumat yang dihasilkan pada tahun 2022:

| Bil. | Infografik tentang Hak Asasi Manusia |
|---|---|
| 1. | Infografik Hak Asasi Warga Emas |
| 2. | Infografik Hak Asasi Manusia dan Pembasmian Kemiskinan |
| 3. | Infografik Xenofobia |
| 4. | Infografik Demokrasi dan Hak Asasi Manusia |
| 5. | FAQ mengenai ICERD |
| 6. | Gegantung maklumat fungsi SUHAKAM |
| 7. | Gegantung maklumat Pelan Strategik SUHAKAM 2021-2025 |
| 8. | Gegantung maklumat kempen UNCAT |
| 9. | Infografik Hak Asasi Manusia dan Demokrasi |




**Infografik dan brosur yang dihasilkan bagi mempromosikan kesedaran mengenai isu-isu tematik hak asasi manusia**




**Gegantung bermaklumat mengenai fungsi dan pelan strategik SUHAKAM serta kempen UNCAT bagi tujuan pendidikan kepada masyarakat umum**

### 3.2 Pertandingan Melukis Kartun bertemakan 'Hak Kepada Pendidikan'

Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa tidak boleh ada diskriminasi terhadap mana-mana warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan atau tempat lahir dalam pentadbiran mana-mana institusi pendidikan yang disenggarakan oleh suatu pihak berkuasa awam khususnya, kemasukan murid-murid atau pelajar-pelajar atau pembayaran fi. Perkara 26 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) turut menyatakan bahawa setiap orang adalah berhak kepada pendidikan percuma, sekurang-kurangnya pendidikan peringkat awal dan asas.

Menyedari akan kepentingan hak kepada pendidikan, Unit Promosi telah menganjurkan Pertandingan Melukis Kartun mengenai Hak kepada Pendidikan yang bertemakan 'Pendidikan Untuk Semua' dengan objektif seperti berikut:

i. Meningkatkan kesedaran masyarakat umum bahawa pendidikan adalah inklusif dan merupakan hak kepada setiap individu.
ii. Memberi peluang kepada masyarakat umum untuk mengekspresikan suara mereka dengan mengambil semangat Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan dan Perkara 13, Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) melalui kaedah seni lukisan.
iii. Menggalakkan masyarakat untuk membudayakan sikap anti-diskriminasi dalam sistem pendidikan Malaysia khususnya dalam memberikan peluang dan akses kepada pendidikan yang berkualiti terutamanya kepada golongan rentan.
iv. Mengasah bakat para peserta dengan menggabungkan elemen seni dan hak asasi manusia melalui daya imaginasi dan kreativiti.

Sebanyak 205 penyertaan telah diterima dan seramai 4 peserta memenangi hadiah utama berupa wang tunai sebanyak RM1,000.00 dan 8 peserta telah memenangi hadiah saguhati berupa wang tunai sebanyak RM300.00. Berikut adalah senarai nama pemenang utama pertandingan melukis kartun bertemakan 'Hak Kepada Pendidikan':

| Bil. | Nama Pemenang | Tajuk lukisan |
|---|---|---|
| 1. | Muhamad Saffiq Fitri | Pendidikan untuk Semua |
| 2. | Zahra Mohamad Zaki | Cita-cita |
| 3. | Ahmad Fidaa’ Ahmad Fadhli | Kegemilangan untuk Semua |
| 4. | Damia Wafiyya Mohd Irwadi | Sekolahku Bahagia |




**Karya yang berjaya memenangi hadiah utama**



**3 pemenang utama bersama barisan Pesuruhjaya, Pengurusan Tertinggi SUHAKAM dan juri profesional, Kartunis Pauh**




**3 daripada 4 orang pemenang utama yang menghadiri majlis penyampaian hadiah dan sijil penyertaan**

## HARAPAN MASA HADAPAN

Media dan promosi merupakan satu langkah proaktif oleh SUHAKAM dalam memastikan setiap aktiviti yang diadakan serta bahan promosi hak asasi manusia yang dihasilkan dapat disebarkan secara menyeluruh melalui pelbagai saluran bagi meningkatkan kesedaran masyarakat umum mengenai kepentingan hak asasi manusia.

Adalah diharapkan agar pada masa hadapan, lebih banyak aktiviti promosi dapat dijalankan dengan kerjasama bersama pemegang taruh seperti agensi Kerajaan, badan bukan kerajaan, masyarakat sivil, institusi pendidikan dan komuniti penduduk agar pengetahuan mengenai hak asasi manusia dapat disebar luas dengan lebih berkesan. Dalam merealisasikan objektif untuk meningkatkan hak asasi manusia, media turut berperanan penting untuk membawa suara rakyat kepada pihak yang bertanggungjawab dan adalah menjadi harapan SUHAKAM agar hubungan dengan pihak media dapat diperkukuh dan dipertingkatkan agar isu-isu hak asasi manusia yang mendesak dapat disuarakan melalui saluran media.

# BAHAGIAN PENERBITAN DAN PENGURUSAN MAKLUMAT

## PENGENALAN

Bahagian Penerbitan dan Pengurusan Maklumat (PIMD) telah ditempatkan di bawah Kumpulan Khidmat Korporat.

### 1. LAPORAN TAHUNAN

SUHAKAM amat berharap dengan pelantikan YB Menteri Undang-Undang dan Reformasi Parlimen di Jabatan Perdana Menteri ini akan meneruskan usaha dengan mengemukakan usul membahaskan laporan tahunan di Parlimen seperti yang dilakukan kepada Laporan Tahunan 2018 yang dibahaskan pada 2019.

SUHAKAM dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) dan Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah bekerjasama bagi memastikan usaha membentangkan dan membahaskan Laporan Tahunan 2020 pada tahun ini memperolehi kelulusan dan sokongan Kerajaan.

BHEUU juga bertanggungjawab dalam mendapatkan maklum balas daripada pelbagai kementerian dan agensi berkaitan bagi memastikan segala syor dan cadangan melalui program dan aktiviti yang dijalankan mendapat maklum balas yang sewajarnya daripada semua pihak yang berkepentingan.

SUHAKAM komited dan bertanggungjawab dalam memastikan semua aktiviti yang dijalankan dilaporkan secara telus dan dengan penuh amanah bagi memastikan integriti dan kredibiliti sebagai institusi hak asasi manusia negara terpelihara.

### 2. MANUAL RUJUKAN RUMAH IBADAT MESRA OKU – VERSI BRAILLE

Sebagai langkah ke arah membantu mereka yang cacat penglihatan, Unit Penerbitan meneruskan usaha mempelbagaikan penerbitan dengan mengambil inisiatif untuk menerbitkan sebuah terbitan versi braille bertajuk Manual Rujukan Rumah Ibadat Mesra Orang Kurang Upaya (OKU).

Ianya merupakan terbitan versi braille yang kedua selepas brosur Hak Asasi Untuk Semua yang telah diterbitkan pada tahun 2017. Diharapkan dengan kepelbagaian penerbitan ini akan dapat memberi kemudahan dan manfaat kepada kumpulan sasar dalam mewujudkan kesedaran kepada rakyat tentang hak asasi manusia terutama kepada golongan orang kurang upaya.

PIMD yakin ianya hanya sebagai langkah permulaan untuk menerbitkan pelbagai material lain yang boleh memberi kemudahan kepada golongan kurang upaya ini.




**Manual Rujukan Rumah Ibadat Mesra OKU – Versi Braille bersama Manual Rujukan Rumah Ibadat Mesra OKU – Versi Bercetak.**

## 3. SUDUT HAK ASASI MANUSIA

PIMD melalui Unit Perpustakaan meneruskan komitmen melalui sebuah program iaitu Sudut Hak Asasi Manusia yang memberi fokus selaras dengan mandat dalam memberikan pendidikan dan pendedahan mengenai hak asasi manusia menerusi medium bahan bacaan dan penerbitan di Perpustakaan.

Sebagai sebuah perpustakaan khusus yang menempatkan sebahagian besar koleksi penerbitan berteraskan hak asasi, kemanusiaan dan sains sosial maka penubuhan Sudut Hak Asasi Manusia ini dilihat sebagai strategi serampang dua mata dalam memberi promosi secara tidak langsung kepada Perpustakaan SUHAKAM selain turut menjadi pemangkin kepada agenda menyebarluaskan kesedaran mengenai hak asasi manusia.




**Sudut Hak Asasi Manusia di Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah Cawangan Kulim**

Menerusi jalinan kerjasama yang diatur bersama pelbagai agensi kerajaan dan pusat pengajian tinggi dengan memberi fokus khusus kepada kumpulan sasar iaitu lokasi yang mempunyai kemudahan perpustakaan selain dari masyarakat setempat.

Menyasarkan hanya 8 buah lokasi Sudut Hak Asasi Manusia pada tahun 2022, PIMD telah berjaya beroperasi melebihi dari sasaran awal iaitu di 9 buah lokasi seperti di lokasi yang berikut:

a. Perpustakaan Universiti Teknologi Sarawak, Sibu, Sarawak - Mac 2022
b. Perpustakaan Negeri Melaka, Bukit Baru, Melaka – Jun 2022
c. Perpustakaan Sultanah Bahiyah, UUM, Sintok, Kedah – Julai 2022
d. Perpustakaan Negeri Melaka Cawangan Merlimau – Ogos 2022
e. Perpustakaan Negeri Kedah, Alor Setar, Kedah – Oktober 2022
f. Perpustakaan Kolej Antarabangsa Kompas, Ipoh – November 2022
g. Perpustakaan Negeri Kedah Cawangan Bandar Baharu – November 2022
h. Perpustakaan Negeri Kedah Cawangan Kulim – Disember 2022
i. Perpustakaan Negeri Melaka Cawangan Jasin – Disember 2022

Ianya menyumbang kepada jumlah keseluruhan lokasi Sudut Hak Asasi Manusia sebanyak 17 buah lokasi sejak pelancarannya pada tahun 2019.




**Hebahan Oleh Perpustakaan Sultanah Bahiyah UUM berkenaan Sudut Hak Asasi Manusia di Universiti Utara Malaysia, Kedah Darul Aman**



**Usai Program Taklimat Hak Asasi Sempena Pengwujudan Sudut Hak Asasi Manusia di Kolej Antarabangsa Kompas, Ipoh, Perak**

Di sepanjang program Sudut Hak Asasi Manusia, pelbagai acara iringan dengan kerjasama bahagian lain turut dilaksanakan seperti taklimat kepada warga kerja Perpustakaan Negeri Melaka dan Kedah (Bahagian Pendidikan dan Kemasyarakatan) dan taklimat kepada warga kerja dan pelajar Kolej Antarabangsa Kompas serta warga kerja Perpustakaan Sultanah Bahiyah UUM (Bahagian Media dan Promosi).

PIMD juga menerima respon yang positif daripada pelbagai pihak yang berminat bekerjasama untuk menempatkan Sudut Hak Asasi Manusia ini di tempat mereka namun kerana kekangan bahan dan juga tenaga kerja, ianya akan dibawa untuk perbincangan lanjut bagi perlaksanaannya pada masa hadapan.

# HARI SUHAKAM DAN HARI HAK ASASI MANUSIA

## SAMBUTAN HARI SUHAKAM

### Webinar 'Kepentingan Mengutamakan Hak Asasi Ekonomi, Sosial dan Budaya (ESCR) Dalam Menyokong Pemulihan Negara Dan Masyarakat Di Malaysia'

SUHAKAM ditubuhkan oleh Parlimen di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] yang telah diwartakan pada 9 September 1999. Bagi memperingati 'Hari SUHAKAM', satu webinar bertemakan 'Kepentingan Mengutamakan Hak Asasi Ekonomi, Sosial dan Budaya (ESCR) dalam menyokong Pemulihan Negara dan Masyarakat di Malaysia' telah diadakan pada 9 September 2022. Selain memperingati penubuhan SUHAKAM, objektif utama webinar ini adalah untuk mendekati masyarakat umum serta mengukuhkan lagi kerjasama dengan pelbagai pihak pemegang taruh serta berkongsi visi dan misi SUHAKAM dalam menyokong fasa pemulihan negara. Webinar ini telah dihadiri oleh pelbagai pihak pemegang taruh termasuk Kementerian/Agensi Kerajaan, organisasi masyarakat sivil serta badan bukan kerajaan, komuniti/organisasi antarabangsa, institut pengajian tinggi dan media.

Webinar tersebut telah dimulakan dengan ucapan alu-aluan Pengerusi SUHAKAM, Prof. Dato' Dr. Rahmat Mohamad, yang berkongsi mengenai cabaran COVID-19 yang telah mengubah rutin kehidupan yang sedia kepada norma kehidupan baharu. Beliau menyatakan bahawa COVID-19 telah menjejaskan hak ekonomi, sosial dan budaya di mana ramai rakyat Malaysia telah kehilangan pekerjaan, penutupan perniagaan, khususnya peniaga kecil dan perindustrian desa serta peningkatan kadar kematian. Beliau menekankan bahawa SUHAKAM memandang serius akan isu hak asasi manusia yang melibatkan golongan rentan di Malaysia yang terkesan langsung dengan COVID-19 seperti keciciran pendidikan dalam kalangan anak-anak warganegara Malaysia serta anak-anak yang tidak mempunyai dokumen. Beliau turut menyatakan komitmen SUHAKAM dalam memastikan warga OKU tidak dipinggirkan, sebaliknya dilibatkan dalam perbincangan berkenaan dasar-dasar negara serta perundangan.

Pengerusi SUHAKAM turut menyentuh mengenai langkah-langkah penambahbaikan perundangan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk kebaikan rakyat, antaranya pindaan kepada Akta Kerja 1955 [Akta 265], Akta Antipemerdagangan Orang dan

Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan lain-lain. Berhubung kedudukan Malaysia yang masih kekal di tahap 3 Laporan Pemerdagangan Manusia 2022, Pengerusi SUHAKAM telah menyeru agar Kerajaan Malaysia menambah anggota penguatkuasaan untuk memantau aktiviti-aktiviti serta mengetatkan lagi sempadan negara bagi membendung isu pemerdagangan manusia.




Dalam ucapannya, Pengerusi SUHAKAM juga menekankan isu hak mendapatkan kerakyatan melalui kuatkuasa undang-undang seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 14 Perlembagaan Persekutuan. Beliau menyeru agar Kerajaan meminda peruntukan Perlembagaan Persekutuan untuk memastikan agar wanita warganegara Malaysia mendapat haknya yang setara bagi membolehkan mereka mewariskan kerakyatan secara kuatkuasa undang-undang kepada anak-anak mereka.

Webinar diteruskan dengan penyampaian ucaptama oleh Prof. Dato' Dr. Aishah Bidin, wakil Malaysia ke Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR Malaysia) 2022-2024. Beliau menerangkan bahawa Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya (ICESCR) adalah merangkumi hak bekerja, hak kesihatan, hak untuk keselamatan sosial, hak untuk pendidikan dan mengiktiraf hak yang sama rata untuk menikmati semua hak ekonomi, sosial dan budaya. Namun, sehingga kini, hanya 4 negara iaitu Brunei, Malaysia, Myanmar dan Singapura yang masih belum meratifikasi ICESCR.

Dalam ucaptamanya, beliau telah menyentuh 3 perkara iaitu hak ekonomi, sosial dan budaya dalam rangka kerja instrumen dan mekanisme serantau ASEAN; kepentingan hak ekonomi, sosial dan budaya dalam proses pemulihan; dan cabaran-cabarannya. Antara intipati yang disentuh dalam ucaptamanya adalah:



i. Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN (ASEAN *Human Rights Declaration*) juga menggariskan mengenai hak kepada pembangunan iaitu hak untuk menikmati dan mendapat manfaat secara saksama dan mampan daripada pembangunan hak. Terdapat beberapa instrumen ASEAN yang juga merangkumi hak ekonomi, sosial dan budaya, misalnya, Deklarasi Bali mengenai peningkatan peranan dan penyertaan orang kurang upaya dalam komuniti ASEAN (2011); Deklarasi Ha Noi mengenai peningkatan kebajikan dan pembangunan serta pembangunan wanita dan kanak-kanak ASEAN (2012); Deklarasi Brunei Darussalam mengenai pengukuhan institusi keluarga: penjagaan warga emas (2010). Malah hak ekonomi, sosial dan budaya juga telah terangkum dalam rangka kerja dan pelan Tindakan ASEAN iaitu Kerangka Pemulihan Komprehensif ASEAN, Pelan Induk Pengupayaan ASEAN 2025 (*ASEAN Enabling Masterplan 2025)* dan Pelan Tindakan AICHR 2021-2025;

ii. Krisis global seperti COVID-19, memberi peluang kepada Kerajaan dan perniagaan untuk memacu semula ekonomi yang berpaksikan hak asasi manusia dan merancakkan pemulihan serantau susulan penularan pandemik COVID-19. Melihat kepada skala dan kesan pandemik, ASEAN menyedari bahawa kerjasama dengan negara anggota yang lain adalah diperlukan dalam menangani krisis ini;

iii. Sementara itu, masih terdapat cabaran dalam proses menginstitusikan hak budaya, sosial, ekonomi ke dalam konteks nasional atau proses penerimapakaian undang-undang antarabangsa dalam undang-undang tempatan. Piawaian dan prinsip hak asasi manusia antarabangsa mestilah termaktub dalam perundangan negara sebagai langkah pertama selepas ratifikasi. Perundangan negara yang sedia ada wajar diselaraskan dengan obligasi konvenan antarabangsa. Perundangan dan peraturan sangat perlu untuk menentukan kelayakan, akses kepada perkhidmatan dan faedah dalam bidang seperti kesihatan, pendidikan, perumahan, pekerja atau keselamatan sosial; dan

iv. Cabaran kedua adalah ketiadaan mandat perlindungan dan mekanisme aduan. Hal ini kerana berdasarkan Artikel 6.8 Terma Rujukan AICHR yang menyatakan bahawa, AICHR ialah institusi hak asasi manusia yang mempunyai tanggungjawab keseluruhan dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di ASEAN. Tanpa kuasa untuk menyiasat, adalah sukar bagi AICHR untuk mengenal pasti pencabulan hak budaya, sosial dan ekonomi dan hak asasi manusia dalam sesebuah negara anggota.

### Sesi Panel

Webinar disusuli dengan sesi panel yang diwakili oleh Anggota SUHAKAM dengan tema 'Peranan SUHAKAM dalam Menangani Pelbagai Isu Hak Asasi Manusia'. Panel pertama, Datuk Mariati Robert berkongsi mengenai 'Kerjasama SUHAKAM dengan Kementerian/ Agensi Kerajaan untuk Mengenalpasti Penyelesaian Isu Kewarganegaraan di Negeri Sabah'. Menurut beliau, aduan berkaitan kewarganegaraan merupakan aduan tertinggi yang diterima Pejabat SUHAKAM Sabah. Beliau menekankan bahawa SUHAKAM komited untuk bekerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan demi menyelesaikan isu ini. Salah satu inisiatif yang dijalankan adalah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai isu tanpa kewarganegaraan di Sabah antara SUHAKAM bersama Komnas HAM dan CHRP. MoU ini adalah satu usaha untuk memastikan hak orang tanpa kewarganegaraan dihormati serta bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah dan agensi yang berkaitan dalam menyelesaikan isu tanpa kewarganegaraan di Sabah. Selaras dengan MoU, SUHAKAM turut mengadakan beberapa perbincangan dengan pihak pemegang taruh bagi meneroka peluang bekerjasama dengan pelbagai pihak.



Panel kedua, Dr. Chew Chee Ming telah membincangkan mengenai 'Hak Kepada Kesihatan Dan Kesedaran Berkenaan Kesihatan Mental Masyarakat Umum Di Malaysia'. Beliau menerangkan mengenai komitmen Malaysia dalam menyasarkan untuk menggandakan bajet penjagaan kesihatan awam kepada 5 peratus daripada keluaran dalam negara kasar dalam tempoh masa 8 tahun menjelang tahun 2030. Berhubung kesihatan mental, beliau menyatakan bahawa kemurungan dan kebimbangan merupakan penyakit mental yang menjejaskan 2.3% daripada populasi iaitu kira-kira setengah juta orang. Wanita dan kumpulan berpendapatan rendah adalah golongan yang paling berisiko tinggi. Sementara itu, bilangan kes bunuh diri terutamanya dalam kalangan orang muda semakin meningkat. Faktor utama kejadian ini adalah krisis kewangan, kemerosotan ekonomi, kekurangan peluang pekerjaan dan sebagainya. Berhubung inisiatif SUHAKAM berhubungan hak kesihatan, beliau menyatakan bahawa berdasarkan mandat, SUHAKAM telah mengadakan lawatan ke pusat-pusat tahanan termasuk penjara, di mana, SUHAKAM mendapati bahawa isu kesihatan perlu diberikan perhatian terutamanya berhubung penyakit-penyakit berjangkit seperti skabies, batuk kering dan sebagainya. Malah, SUHAKAM telah turut menganjurkan 'Perbincangan Meja Bulat dalam menangani *Scabies* di Pusat Tahanan' pada 22 Oktober 2020 bagi membincangkan masalah, cabaran serta langkah-langkah yang perlu diambil untuk menangani isu ini.

Panel ketiga, Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal telah membentangkan topik 'Mempertahankan Hak Ekonomi dan Sosial Golongan Wanita, Kanak-kanak Termasuk OKU'. Beliau menyatakan bahawa wanita, kanak-kanak dan orang kurang upaya merupakan 3 kumpulan rentan yang sering menjadi tumpuan masyarakat di Malaysia dan hak-hak mereka harus dipertahankan.

Isu ketidaksamaan gender antara lelaki dan wanita masih ketara di Malaysia. Beliau memaklumkan bahawa SUHAKAM menerima banyak aduan berhubung hak kewarganegaraan bagi anak yang lahir di luar negara hasil perkahwinan wanita Malaysia dengan lelaki bukan warganegara. Malaysia adalah salah satu daripada 25 negara di dunia yang tidak memberikan wanita hak untuk mewariskan kewarganegaraan kepada anak mereka secara sama rata dengan lelaki warganegara Malaysia. Beliau mengulangi seruan SUHAKAM agar semua pihak perlu bekerjasama untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran mengenai ketidaksamaan gender dalam masyarakat. Kerajaan juga perlu mengambil tindakan untuk mengukuhkan kesaksamaan gender dengan meminda undang-undang atau dasar yang melanggar prinsip kesaksamaan gender.

Berhubung hak kanak-kanak, Prof. Dato' Noor Aziah menyatakan bahawa Malaysia telah meratifikasi *Convention on the Rights of the Child* pada tahun 1995 sebagai komitmen untuk melindungi dan memperkasa hak kanak-kanak di Malaysia. Selaras dengan ratifikasi CRC, Akta Kanak-kanak 2001 [Akta 611] dan dasar Kerajaan seperti Dasar Kanak-kanak Negara diwujudkan untuk melindungi kanak-kanak. Malaysia juga meratifikasi Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa 182 (bentuk buruh kanak-kanak yang paling teruk) pada 10 November 2000. Walau bagaimanapun, terdapat banyak isu berkaitan ekonomi dan sosial kanak-kanak yang belum ditangani seperti kanak-kanak tanpa dokumen, perkahwinan kanak-kanak, keciciran pendidikan, buli di sekolah, keganasan terhadap kanak-kanak, kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang, eksploitasi kanak-kanak dalam talian dan di luar talian, buruh kanak-kanak, kesihatan mental kanak-kanak dan pengabaian serta penderaan oleh ibu bapa dan penjaga. Beliau turut mengesyorkan bahawa reservasi dalam CRC hendaklah ditarikbalik iaitu pada Artikel 2 (berhubung tidak didiskriminasi), Artikel 7 (Nama dan kewarganegaraan), Artikel 14 (kebebasan berfikir dan beragama) Artikel 28(1)(a) (Pendidikan sekolah rendah yang wajib dan percuma) dan Artikel 37 (penyeksaan dan kebebasan diri). Malah, adalah diharapkan bahawa Kerajaan akan menghantar laporan CRC yang tertunggak kepada Jawatankuasa CRC mengikut jadual. Turut disyorkan mengenai keperluan untuk meminda Akta Kanak-kanak 2001 terutamanya memperkenalkan peruntukan khusus berkenaan perkahwinan kanak-kanak; memperkukuh peranan Pelindung, menubuhkan Jabatan Kanak-Kanak dan lain-lain.

Sementara itu, berhubung hak OKU, beliau memaklumkan bahawa Kerajaan mempunyai komitmen yang tinggi untuk memperkasakan OKU menerusi pelbagai dasar. Namun, terdapat banyak kelompongan yang perlu diperbaiki demi mempertahankan hak OKU. Beliau turut berkongsi mengenai stigma dan diskriminasi masyarakat yang masih menebal terhadap OKU, misalnya, keraguan terhadap keupayaan OKU dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan, kekurangan kemudahan awam OKU dan penyalahgunaan kemudahan OKU oleh masyarakat serta kurang pemaparan mengenai hak-hak OKU di media. Turut disyorkan ialah penambahbaikan terhadap akses kepada kesihatan, pengangkutan awam, pendidikan dan bangunan terutamanya di kawasan luar bandar bagi mengurangkan risiko ketidayupayaan kekal dan membolehkan golongan OKU berdikari serta menyumbang kepada komuniti. Akhir kata, beliau menyeru semua pihak khususnya Kerajaan memainkan peranan bagi memastikan golongan wanita, kanak-kanak dan OKU tidak terabai dan hak ekonomi dan sosial mereka sentiasa dipertahankan.

Semasa sesi soal jawab, Pengerusi SUHAKAM menyatakan bahawa isu hak ekonomi dan sosial akan menjadi keutamaan SUHAKAM pada fasa pasca pandemik COVID-19 di samping terus memberi tumpuan terhadap isu inflasi yang memberi kesan kepada golongan B40. SUHAKAM akan terus melaksanakan mandatnya dalam menasihati Kerajaan berhubung penyertaan dalam triti antarabangsa selagi mana ianya tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

## SAMBUTAN HARI HAK ASASI MANUSIA

Hari Hak Asasi Manusia telah ditetapkan pada 10 Disember setiap tahun bersempena hari di mana Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNGA) menerimapakai Deklarasi Sejagat mengenai Hak Asasi Manusia (UDHR) iaitu pada 10 Disember 1948. Walau bagaimanapun, sambutan secara rasmi Hari Hak Asasi Manusia hanya bermula pada tahun 1950 untuk memperingati sebuah dokumen penting yang telah dibangunkan oleh wakil daripada pelbagai latar belakang dari segenap pelusuk dunia, yang telah menetapkan satu nilai sejagat untuk setiap orang. Secara umumnya, UDHR mengisytiharkan bahawa hak asasi manusia tidak dapat dipisahkan dan setiap orang mempunyai hak tanpa mengira bangsa, warna kulit, agama, jantina, bahasa, pandangan politik, tempat asal, harta, kelahiran atau sebarang status lain.

## Forum Hari Hak Asasi Manusia 2022

### Pengenalan

Bersempena Hari Hak Asasi Manusia pada tahun ini, Kementerian Luar Negeri (KLN), Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU), SUHAKAM dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Malaysia telah menganjurkan sebuah Forum Hari Hak Asasi Manusia pada 12 Disember 2022. Bertemakan ‘Memperkasa dan Mempertingkat Hak Asasi Manusia Ke Arah Tiada Siapapun Ketinggalan’, forum tersebut diadakan dalam keadaan dunia yang sedang berusaha untuk pulih daripada kesan pandemik COVID-19, tetapi jurang manfaat yang dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat dan negara adalah tidak sama rata. Oleh yang demikian, Agenda Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDG 2030) perlu digunapakai sebagai rangka kerja untuk menangani jurang hak asasi manusia dan ketidaksamarataan dalam fasa pemulihan pandemik supaya semua orang mendapat manfaat yang saksama.

Forum ini telah diadakan di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur dan telah dihadiri boleh pelbagai pihak pemegang taruh seperti agensi Kerajaan, ahli akademik, CSO, agensi PBB, duta asing, badan pemikir, belia, entiti perniagaan dan petugas media. Selain daripada memperingati Hari Hak Asasi Manusia, Forum ini juga bertujuan untuk:

i. Memupuk kesedaran dan menarik sokongan orang awam kepada hak asasi manusia dan peranan pelbagai organisasi, termasuk entiti Kerajaan Malaysia yang telah ditugaskan untuk mempromosi hak asasi manusia;
ii. Meningkatkan semangat kerjasama dan interaksi antara pemegang taruh terutamanya Kerajaan dan masyarakat sivil;
iii. Memberi kesedaran mengenai hubungkait antara hak asasi manusia dan SDG;
iv. Mengkaji perspektif dan pertimbangan hak asasi manusia dalam pelaksanaan Agenda SDG 2030 sehingga kini; dan
v. Mencadangkan strategi untuk mengukuh dan memperkasa hak asasi manusia dalam mencapai matlamat 'Tiada Siapapun Ketinggalan' dalam baki pelaksanaan Agenda SDG 2030.

**Forum Hari Hak Asasi Manusia 2022**

Forum dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi SUHAKAM, Prof. Dato' Dr. Rahmat Mohamad, mesej Hari Hak Asasi Manusia menerusi rakaman video oleh Setiausaha Agung PBB, Antonio Guterres dan ucapan pembukaan oleh Penyelaras Residen PBB bagi Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Karima El Korri.

Pengerusi SUHAKAM dalam ucapan alu-aluannya menyatakan kebimbangan beliau terhadap peningkatan kos sara hidup, kadar inflasi yang tinggi, pencerobohan Rusia terhadap Ukraine dan pandemik COVID-19 yang berlarutan sehingga membebankan banyak pihak. Dalam keadaan ini, semua pihak perlu komited untuk memastikan agar pertumbuhan yang berterusan dapat dinikmati oleh semua. Bagi mencapai hasrat tersebut, Kerajaan mempunyai peranan yang kritikal dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia supaya negara dapat kembali ke landasan yang tepat ke arah mencapai SDG pada tahun 2030. Menerusi rakaman videonya, Setiausaha Agung PBB mengetengahkan pelbagai cabaran yang perlu didepani termasuklah isu kebuluran dan kemiskinan, kemerosotan kebebasan media dan keselamatan pengamal media, perkauman, keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak dan juga perubahan iklim.

Penyelaras Residen PBB pula menyenaraikan 4 hala tuju yang utama bagi Malaysia untuk membina masa depan yang makmur dan lestari seperti berikut:

i. Meratifikasi baki triti hak asasi manusia antarabangsa yang utama;
ii. Menangani jurang dalam pendidikan, penjagaan kesihatan, dan taraf hidup untuk golongan rentan, termasuk pelarian dan pekerja migran;
iii. Pemerkasaan wanita dan kanak-kanak, dan melindungi mereka daripada sebarang bentuk keganasan; dan
iv. Memberi keutamaan kepada isu hak asasi manusia mengenai perubahan iklim dan alam sekitar dengan lebih meluas.

Ucapan Perasmian Forum Hari Hak Asasi Manusia 2022 telah disempurnakan oleh YB Senator Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Luar Negeri Malaysia menerusi rakaman video. Beliau menegaskan bahawa Malaysia akan terus memperkasa hak asasi manusia dengan mempromosi prinsip demokrasi, kedaulatan undang-undang dan memupuk integriti dan tadbir urus yang baik. Di peringkat antarabangsa, sebagai ahli kepada Majlis Hak Asasi Manusia PBB, Malaysia akan terus bekerjasama dengan semua pihak untuk mencapai matlamatnya termasuklah dengan meneruskan dan meningkatkan usaha untuk menangani masalah yang dihadapi oleh orang Palestin dan Rohingya, yang selari dengan prinsip SDG dan komitmen Malaysia untuk memperkasa hak asasi manusia untuk golongan rentan.

Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir telah berkenan untuk menyampaikan Ucapan Di Raja semasa Forum tersebut. Dalam ucapan tersebut, DYMM Tuanku telah menyatakan bahawa penerimaan terhadap Agenda 2030 oleh Kerajaan Malaysia adalah bukti terhadap komitmen Malaysia untuk melindungi hak asasi manusia. DYMM Tuanku juga menyenaraikan 3 kunci utama SDG iaitu kemiskinan, kesihatan dan pendidikan serta dalam masa yang sama mengucapkan tahniah kepada SUHAKAM dan Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) atas komitmen dan usaha yang berterusan untuk menamatkan perkahwinan kanak-kanak dan mengembalikan hak pendidikan kepada kanak-kanak termasuk kanak-kanak pelarian dan yang tidak mempunyai kewarganegaraan. Selesai Ucapan Di Raja tersebut, DYMM Tuanku perkenan melawat ruang pameran yang telah disediakan oleh pihak penganjur yang mengetengahkan pelbagai isu hak asasi manusia.

Forum diteruskan dengan sesi perbincangan panel bertajuk 'Memperkasa pelaksanaan Agenda 2030 melalui promosi dan perlindungan hak asasi manusia' untuk membincangkan mengenai hubungan antara hak asasi manusia dan SDG. Sesi perbincangan panel tersebut telah dikendalikan oleh Puan Suri Kempe, Presiden kepada *Family Frontiers* dan Pengasas Kemban Kolektif manakala ahli panel bagi sesi perbincangan adalah terdiri daripada pemegang taruh daripada latar belakang yang berbeza seperti berikut:

i. YBhg. Dato' Prof. Dr. Adeeba Kamarulzaman, Mantan Dekan Perubatan dan Profesor Perubatan dan Penyakit Berjangkit daripada Fakulti Perubatan, Universiti Malaya; dan Pesuruhjaya, Suruhanjaya Global Polisi Dadah;
ii. Encik Ragunath Kesavan, Anggota SUHAKAM;
iii. Cik Azlina Kamal, Pakar Pendidikan dan Peneraju, UNICEF Malaysia; dan
iv. YBhg. Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, Presiden, Persatuan Promosi SDG Malaysia dan Felo Kanan, ISIS Malaysia.

YBhg. Dato' Prof. Dr. Adeeba Kamarulzaman menyatakan bahawa pandemik COVID-19 telah menunjukkan kewujudan jurang dalam sistem penjagaan kesihatan di Malaysia. Sebagai contoh, orang di kawasan pedalaman mempunyai kesukaran untuk mendapatkan akses kepada penjagaan kesihatan yang asas manakala golongan rentan seperti orang tanpa kewarganegaraan dan pelarian tidak mendapat akses kepada hospital awam kerana bayaran yang tinggi dan hanya terpaksa datang untuk mendapatkan rawatan apabila keadaan kesihatan mereka merosot. Selain itu, terdapat juga kumpulan pesakit dan pasangan kanak-kanak yang didiskriminasi oleh petugas kesihatan kerana perbezaan agama dan pandangan. Sehubungan itu, beliau menegaskan bahawa semua pembuat dasar perlu membangunkan sesuatu dasar berasaskan data dan bukti yang jelas dan ini adalah batu loncatan kepada golongan rentan untuk mendapatkan layanan yang sewajarnya sebagai anggota masyarakat.

Encik Ragunath Kesavan menekankan bahawa walaupun Malaysia mempunyai dasar dan hala tuju, tetapi masih terdapat ruang untuk penambahbaikan terutamanya dari segi pelaksanaannya. Beliau menjelaskan bahawa pada tahun 2008, 80% daripada individu yang didakwa di mahkamah majistret tidak diwakili oleh peguam yang menyebabkan mereka tidak mengetahui hak mereka dan tidak mendapat akses kepada peguam. Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan tidak boleh diabaikan kerana mereka tidak mampu untuk mendapatkan khidmat guaman. Sehubungan itu, beliau meminta supaya Kerajaan dapat campur tangan dan membantu golongan tidak berkemampuan dalam isu ini bagi menunjukkan komitmen Kerajaan dalam merealisasikan SDG. Beliau juga menyeru

pemegang taruh yang ingin bekerjasama dengan SUHAKAM untuk memperkasa asas perundangan kebangsaan di Malaysia.

Cik Azlina Kamal menyatakan kebimbangan beliau terhadap krisis pembelajaran yang dihadapi oleh banyak negara termasuk Malaysia. Berdasarkan statistik dunia, kemiskinan pembelajaran telah meningkat daripada 53% kepada 63%. Bahkan di Malaysia, 58% kanak-kanak ditemui tidak mencapai tahap yang minima dalam membaca, menulis dan mengira. Beliau berpandangan bahawa setiap kanak-kanak mempunyai hak kepada pendidikan tanpa mengira latar belakang mereka dan dengan tidak memberikan pendidikan kepada kanak-kanak akan memberikan impak yang lebih besar kepada kanak-kanak tersebut. Sehubungan itu, beliau merasakan bahawa telah tiba masa untuk Malaysia meneliti semula cadangan untuk memberikan pendidikan percuma kepada semua kanak-kanak.

Menurut YBhg. Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, Malaysia telah menerimapakai SDG sejak September 2015 lagi dan telah menyesuaikan SDG dalam rancangan pembangunan seperti Rancangan Malaysia ke-11 dan ke-12 terutamanya bagi menangani isu kemiskinan dan kesaksamaan. Beliau juga berkongsi mengenai pendekatan yang telah diambil oleh Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG) untuk mengintegrasi hak asasi manusia dalam pelaksanaan SDG. Salah satu pendekatan tersebut adalah melalui peningkatan kapasiti dan kesedaran mengenai SDG kepada penjawat awam di peringkat akar umbi dan pelaksanaan. Ini kerana komitmen untuk mendapatkan keadilan kepada wanita, kanak-kanak dan golongan rentan bukan sahaja perlu dilakukan melalui akses kepada keadilan tetapi juga melalui akses kepada proses membuat keputusan disegenap lapisan yang melibatkan semua pihak.

Upacara penutup bagi forum ini dimulakan dengan majlis pelancaran taklimat advokasi bertajuk 'Ke Arah Menamatkan Perkahwinan Kanak-kanak di Malaysia: Advokasi Ringkas di dalam Bahasa Malaysia' iaitu melalui ucapan oleh Pesuruhjaya SUHAKAM, Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal. Menurut beliau, Malaysia masih lagi belum mencapai kejayaan dalam menamatkan perkahwinan kanak-kanak. Walau bagaimanapun, pada masa ini terdapat pelbagai pemegang taruh daripada Kerajaan dan persendirian yang komited untuk menamatkan perkahwinan kanak-kanak melalui pelbagai cara. Beliau juga menegaskan bahawa perkahwinan kanak-kanak tidak hanya unik kepada sesuatu komuniti atau negara tetapi bermula sebagai norma yang telah diterima dan diamalkan

di seluruh dunia sejak sekian lama. Pada masa ini, banyak negara telah berusaha untuk menamatkan perkahwinan kanak-kanak di negara mereka kerana ianya memberikan kesan kepada hak kanak-kanak.

Upacara penutup diteruskan dengan ucapan daripada Saskia Blume, Ketua Pelindung Kanak-Kanak, UNICEF Malaysia yang memaklumkan mengenai inisiatif Advokasi Ringkas Perkahwinan Kanak-Kanak yang telah bermula pada tahun 2018 iaitu apabila kajian mengenai perkahwinan kanak-kanak telah dijalankan bersama antara SUHAKAM dan UNICEF, dan bersedia untuk dilancarkan dalam versi Bahasa Malaysia pada Forum Hari Hak Asasi Manusia 2022. Pelancaran ini adalah bukti kepada komitmen Malaysia dalam mendukung prinsip Konvensyen Hak Kanak-Kanak dan SDG yang berkaitan iaitu menamatkan perkahwinan kanak-kanak pada tahun 2030.

Penutup bagi Forum Hari Hak Asasi Manusia 2022 disempurnakan oleh YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi). Dalam ucapan penutupnya, YB Menteri menyatakan bahawa beliau akan membawa agenda hak asasi manusia ke hadapan melalui beberapa agenda reformasi institusi, termasuklah penubuhan Jawatankuasa Khas mengenai Reformasi Institusi yang terdiri daripada pemegang taruh yang berkaitan dengan tujuan untuk melaksanakan kajian dan mencadangkan senarai reformasi institusi yang akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri. Selain itu, selari dengan semangat hak asasi manusia, beliau juga berhasrat memperkasakan SUHAKAM dengan meminda Akta SUHAKAM 1999 [Akta 597] dalam memberikan kekuatan institusi yang diperlukan oleh SUHAKAM untuk terus mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di Malaysia.

## HARAPAN MASA HADAPAN

Kerjasama antara Unit Media dan Promosi merupakan satu langkah proaktif SUHAKAM dalam memastikan setiap aktiviti yang diadakan serta bahan promosi hak asasi manusia yang dihasilkan dapat disebarkan secara menyeluruh melalui pelbagai saluran bagi meningkatkan kesedaran masyarakat umum mengenai kepentingan hak asasi manusia. Adalah diharapkan agar pada masa hadapan, lebih banyak aktiviti promosi dapat dijalankan dengan kerjasama pihak pemegang taruh seperti agensi Kerajaan, badan

bukan kerajaan, organisasi masyarakat sivil serta komuniti penduduk agar pengetahuan mengenai hak asasi manusia dapat disebar luas dengan lebih berkesan, selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan bersesuaian dengan acuan budaya dan masyarakat di Malaysia, demi kesejahteraan rakyat.

Hubungan media dan SUHAKAM juga diharapkan akan dapat diperkukuhkan lagi dengan dalam usaha menyampaikan maklumat kepada masyarakat mengenai hak asasi manusia. Media merupakan jentera untuk membawa isu-isu masyarakat rentan kepada pihak yang bertanggungjawab agar hak mereka dapat dipenuhi selaras dengan komitmen Kerajaan dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan, tanpa meninggalkan sesiapa.

SUHAKAM berharap agar komitmen yang telah dinyatakan oleh pemegang taruh terutamanya Kerajaan dalam memastikan pelaksanaan SDG, reformasi institusi dan pemerkasaan SUHAKAM akan dapat diteruskan dan direalisasikan. SUHAKAM bersedia untuk bekerjasama dengan semua pihak selaras dengan prinsip ‘tiada sesiapapun yang akan ketinggalan’ bagi mencapai Agenda Matlamat Pembangunan Mampan 2030.



BAB 2

# PEMERKASAAN DASAR, PERUNDANGAN DAN KOORDINASI ANTARABANGSA BERKAITAN HAK ASASI MANUSIA

- Bahagian Dasar
- Bahagian Perundangan dan Triti Antarabangsa
- Bahagian Koordinasi Antarabangsa

# BAHAGIAN DASAR

## LATAR BELAKANG

SUHAKAM melalui Bahagian Dasar terus menjalankan mandatnya di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] untuk menasihati Kerajaan dalam merumus dasar dan mengesyorkan langkah-langkah sewajarnya yang perlu diambil agar selaras dengan piawaian hak asasi manusia antarabangsa. Pada tahun ini, tumpuan diberikan kepada isu-isu perniagaan dan hak asasi manusia, buruh paksa, alam sekitar, tanpa kewarganegaraan serta menjalankan kajian. Beberapa aktiviti ini bermula pada tahun 2021, diteruskan dan diselesaikan pada tahun 2022 antaranya, Kajian Mengenai Isu Tanpa Kewarganegaraan di Semenanjung Malaysia.

### 1. PERNIAGAAN DAN HAK ASASI MANUSIA

Aktiviti perniagaan boleh mewujudkan kesan baik dan buruk terhadap hak asasi manusia. Walaupun kerajaan mempunyai peranan utama untuk melindungi, menghormati dan memenuhi hak asasi manusia, pemegang taruh lain termasuk entiti perniagaan mempunyai tanggungjawab yang penting dalam menghormati hak asasi manusia dengan memastikan aktiviti dan operasi perniagaan mereka, termasuk rantaian bekalan adalah selaras dengan prinsip-prinsip hak asasi manusia yang ditetapkan oleh pertubuhan antarabangsa.

Pada 2011, Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu secara sebulat suara menerima pakai Prinsip Panduan mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (UNGP). UNGP menggariskan 3 perkara utama iaitu tanggungjawab negara untuk melindungi hak asasi manusia, tanggungjawab entiti perniagaan untuk menghormati hak asasi manusia dan memastikan akses kepada remedi yang efektif sekiranya berlaku pelanggaran atau pencabulan hak asasi manusia. Sejak itu, banyak pemegang taruh telah menerima, menyokong serta menggunakan prinsip ini sebagai standard antarabangsa untuk memastikan tiada pelanggaran hak asasi manusia dalam urusan perniagaan.

Pada tahun 2014, Majlis Hak Asasi Manusia PBB menyeru semua negara ahli untuk membangunkan Pelan Tindakan Negara berkaitan Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR) bagi menggalakkan pelaksanaan UNGP dalam konteks negara masing-masing. Sehingga kini, sebanyak 26 negara telah membangunkan NAPBHR dan di peringkat Asia, dengan Thailand merupakan negara pertama yang membangunkan NAPBHR pada tahun 2019, diikuti Jepun (2020) dan Pakistan (2021).

SUHAKAM, sejak tahun 2010, menjalankan pelbagai aktiviti seperti forum, perbincangan, kajian dan siasatan ke atas kes-kes pelanggaran hak asasi manusia oleh entiti-entiti perniagaan. Pada tahun 2015, SUHAKAM dengan kerjasama pihak *United Nations Country Team* (UNCT) menerbitkan Rangka Kerja Strategik Pelan Tindakan Kebangsaan Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia. Sejak itu, SUHAKAM secara konsisten menggesa Kerajaan untuk menterjemahkan UNGP ke dalam NAPBHR bagi Malaysia.

## 1.1 Pelan Tindakan Nasional Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia

Pada tahun 2019, Kerajaan mengumumkan persetujuannya untuk membangunkan NAPBHR bagi Malaysia. BHEUU diberikan tanggungjawab sebagai agensi peneraju atau agensi fokal yang bertanggungjawab merancang pelan pembangunan NAPBHR yang telus dengan membentuk jawatankuasa-jawatankuasa bagi menyelaras dan membentuk pelan pembangunan dan pelaksanaan NAPBHR ini. Sepanjang tahun, SUHAKAM bekerjasama dengan BHEUU dan terus menawarkan nasihat dan input ke arah pembangunan NAPBHR.

### 1.1.1 Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu yang pertama diadakan pada 6 Julai 2021, telah dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang). Ini diikuti dengan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal yang diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia bagi tematik buruh; Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) bagi tematik alam sekitar; dan Pusat Tadbir Urus, Integriti dan Antirasuah Kebangsaan (GIACC) bagi tematik tadbir urus.

Pada 17 Januari 2022, Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal bagi Tematik Alam Sekitar Bil. 1/2022 diadakan. Manakala, pada 28 Januari 2022, Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal bagi Tematik Tadbir Urus Bil. 1/2022 diadakan bagi membincangkan dengan lebih lanjut isu-isu berkaitan kelemahan tadbir urus dalam aktiviti perniagaan. Ini diikuti dengan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Tematik Buruh (Bil.1/2022) yang diadakan pada 20 April 2022. SUHAKAM sebagai ahli Jawatankuasa Teknikal (bagi ketiga-tiga isu tematik) menghadiri mesyuarat tersebut serta memberikan input-input untuk dipertimbangkan. SUHAKAM ingin mengambil kesempatan ini untuk memberikan penghargaan kepada BHEUU dan ketiga-tiga agensi peneraju untuk menjemput badan-badan bukan kerajaan serta pemegang taruh lain untuk turut serta dalam mesyuarat-mesyuarat ini. SUHAKAM berharap semua pihak yang terlibat akan menggunakan peluang ini untuk mengemukakan cadangan serta input kepada agensi-agensi ini serta melibatkan diri dalam sesi-sesi libat urus yang diadakan sepanjang pembangunan NAPBHR.

### 1.1.2 Sesi Konsultasi *National Baseline Assessment (NBA)*

Di samping itu, proses *National Baseline Assessment* (NBA) turut dimulakan selepas mendapat persetujuan daripada Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal. Pihak Program Pembangunan PBB (UNDP) sebagai pembiaya bagi NBA melantik perunding yang terdiri daripada Encik Edmund Bon (AmerBon Advocates), Puan Tricia Yeoh (*Institute for Democracy and Economic Affairs*), Dr. Andika Ab Wahab (Universiti Kebangsaan Malaysia) dan Puan Ili Nadiah Dzulfakar (*Klima Action* Malaysia) untuk menjalankan NBA. Proses NBA telah secara rasminya dimulakan pada 8 Julai 2022 dan dijangka akan selesai pada pertengahan 2023.

Tujuan NBA adalah untuk menilai tahap pelaksanaan UNGP di peringkat perundangan dan dasar di Malaysia serta untuk mengenal pasti jurang utama dalam pelaksanaan UNGP dan tindakan yang perlu diambil oleh NAPBHR.

Pada 27 Julai 2022, SUHAKAM dengan kerjasama BHEUU dan *Collective of Applied Law dan Legal Realism (CALR*), dengan sokongan *Business and Human Rights Resource Center (BHRRC)* menganjurkan sesi konsultasi pertama *mengenai* Hak Asasi Manusia dan Perniagaan *'National Baseline Assessment as part of Malaysian National Action Plan on Business and Human Rights (NAPBHR)'*, memfokuskan kepada isu-isu berhubung pekerja asing, pekerja migran tanpa dokumen, pelarian dan pencari suaka. Konsultasi tersebut dihadiri oleh 38 peserta termasuk wakil, komuniti, badan bukan kerajaan dan organisasi masyarakat sivil. Pengerusi SUHAKAM, Prof. Dato' Dr. Rahmat Mohamed memberikan ucapan alu-aluan dan menyeru agar pihak konsultan mengadakan sesi libat urus secara menyeluruh, terutamanya dengan menjemput wakil-wakil kumpulan pemegang taruh yang terjejas akibat aktiviti perniagaan ke sesi-sesi libat urus.

SUHAKAM percaya bahawa pembangunan NAPBHR dapat membantu Kerajaan dalam mengawal selia serta mengurangkan isu-isu berkaitan pencabulan hak asasi manusia yang disebabkan oleh aktiviti perniagaan. SUHAKAM berharap BHEUU sebagai agensi fokal NAPBHR akan terus mengadakan sesi libat urus dengan pemegang taruh bagi memastikan NAPBHR mengambil kira pandangan dan cadangan daripada pelbagai pihak dan secara menyeluruh.



**Para peserta sesi Konsultasi NBA NAPBHR, 27 Julai 2022**

### 1.2 Mesyuarat dan penglibatan bersama pemegang taruh

Bagi menggiatkan usaha agenda perniagaan hak asasi, SUHAKAM meneruskan penglibatannya dengan menghadiri beberapa mesyuarat dan program. Malah, SUHAKAM juga menggunakan peluang ini untuk berkongsi pandangan serta pengalaman dalam mewujudkan kesedaran tentang kepentingan NAPBHR dan juga kepentingan perniagaan untuk memastikan aktiviti mereka selaras dengan prinsip UNGP.

| Bil. | Tarikh | Penganjur | Butiran |
|---|---|---|---|
| 1. | 25 Januari 2022 | Hong Leong Investment Bank | Webinar: *Foreign Labour Practices in Malaysia* |
| 2. | 28 Mac 2022 | *Federation of Malaysian Manufacturers* (FMM) | Webinar: *Addressing Forced Labour Issues* |
| 3. | 3 Jun 2022 | FMM | Mesyuarat Dalam Talian di antara SUHAKAM dan FMM berhubung kerjasama di antara kedua-dua institusi |
| 4. | 18 Mei 2022 | UNDP | Mesyuarat Projek Perniagaan dan Hak Asasi Manusia *(Business and Human Rights Project Meeting)* |
| 5. | 20 Mei 2022 | BHEUU | Bengkel Kumpulan Kerja Pembangunan Pelan Tindakan Mengenai Perniagaan Dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR) |
| 6. | 18 Mei 2021 | *Responsible Business Alliance* | Mesyuarat bersama *Responsible Business Alliance* mengenai NAPBHR |

## 2. BURUH PAKSA

Isu buruh paksa merupakan satu fenomena global. Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menganggarkan terdapat 24.9 juta orang di seluruh dunia yang menjadi mangsa buruh paksa. Buruh paksa adalah satu kesalahan jenayah dan pencabulan hak asasi manusia, yang memberi kesan negatif yang besar terhadap masyarakat, perniagaan dan ekonomi. Majoriti mereka yang menderita adalah kumpulan sosial yang paling miskin, paling terdedah dan terpinggir dalam masyarakat.

Isu buruh paksa yang berpanjangan di Malaysia amat membimbangkan. Isu buruh paksa bukan sahaja menjejaskan reputasi syarikat tempatan, tetapi, secara amnya memberi nama buruk kepada Malaysia. Malah, buruh paksa juga merupakan satu bentuk pencabulan hak asasi manusia yang serius. Terdapat banyak instrumen antarabangsa, serta akta dan juga Perlembagaan Persekutan Malaysia Perkara 6 melarang segala bentuk perhambaan dan kerja paksa.

SUHAKAM menyambut baik usaha Kerajaan dalam menangani isu buruh paksa di Malaysia. Antaranya pelancaran Pelan Tindakan Nasional Mengenai Buruh Paksa (NAPFL) 2021-2025 yang pertama, membuat pindaan terhadap undang-undang buruh (seperti Akta 446, Akta 265), meratifikasi *Protocol* 29 ILO berhubung buruh paksa. Memperkenalkan aplikasi *Working for Workers* (WFW) bagi menyediakan platform kepada pekerja untuk membuat aduan dan membuat permohonan untuk menyertai sebagai negara *Pathfinder* di bawah *Alliance 8.7.*

## 2.1 Pelan Tindakan Nasional Mengenai Buruh Paksa 2021-2022

Pada 26 November 2021, Kementerian Sumber Manusia (KSM) melancarkan Pelan Tindakan Nasional Mengenai Buruh Paksa (NAPFL) 2021-2025. NAPFL dibangunkan dengan kerjasama ILO yang menggariskan inisiatif-inisiatif Kerajaan ke arah menghapuskan gejala buruh paksa di Malaysia menjelang 2030. SUHAKAM sebagai Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan turut memberikan input-input bagi pembangunan NAPFL 2021-2025.

NAPFL merangkumi 4 Matlamat Strategik utama iaitu pencegahan, perlindungan, pendakwaan dan perkongsian. Bagi menyelaras dan melaksanakan inisiatif-initiatif di bawah NAPFL, Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal ditubuhkan.

### 2.1.1 Jawatankuasa Pemandu NAPFL

SUHAKAM dilantik sebagai ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu dan menghadiri mesyuarat Bilangan 1/2022 pada 26 April 2022. Mesyuarat ini dihadiri oleh wakil-wakil kementerian / agensi untuk membincangkan tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan oleh setiap Jawatankuasa Teknikal. Ketika Mesyuarat, SUHAKAM menyuarakan isu pertindihan antara NAPFL dengan pelan Tindakan Nasional (NAP) yang lain yang telah dan

sedang dibangunkan oleh Kerajaan. Turut ditekankan adalah keperluan untuk mewujudkan penyelarasan di antara kementerian dari segi pelaksanaan NAP yang berlainan, memandangkan kebanyakan NAP adalah saling berkait dan saling bergantung antara satu sama lain. Selain itu, isu kekurangan kesedaran mengenai NAPFL dan usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan perlu dipertingkatkan, terutamanya dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Ini adalah kerana kesedaran berkenaan buruh paksa dalam kalangan PKS masih rendah berbanding perusahaan atau syarikat besar.

### 2.1.2 Jawatankuasa Teknikal NAPFL

Empat Jawatankuasa Teknikal telah diwujudkan sepertimana terkandung dalam dokumen NAPFL bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dirancang, iaitu, Jawatankuasa Teknikal *Awareness*, Jawatankuasa Teknikal *Improved Legal Compliance dan Enforcement*, Jawatankuasa *Labour Migration* dan Jawatankuasa Teknikal *Access to Remedy, Support and Protection Services*.

SUHAKAM dijemput untuk menghadiri mesyuarat 3 Jawatankuasa Teknikal (TC) iaitu *Labour Migration* (TC3), *Improved Legal Compliance dan Enforcement* (TC2) dan *Access to Remedy, Support and Protection Services* (TC4). KSM sebagai peneraju TC3 mengadakan menyuarat pertamanya pada 19 Oktober 2022. Manakala, JTK sebagai agensi bertanggungjawab bagi TC2 mengadakan mesyuarat pertama pada 16 November 2022. Ini diikuti oleh mesyuarat pertama TC4 yang diadakan pada 7 Disember 2022, dipengerusikan secara bersama oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Pejabat Strategik Nasional, Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (NSO MAPO), Kementerian Dalam Negeri (KDN). Selain agensi-agensi kerajaan, wakil-wakil badan-badan bukan kerajaan, kesatuan pekerja dan Persekutuan Majikan-Majikan turut dijemput sebagai ahli-ahli Jawatankuasa ini.

SUHAKAM telah mengutarakan beberapa isu berhubung buruh paksa berdasarkan pemerhatian terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan serta lawatan kerja ke ladang-ladang serta syarikat-syarikat pembuatan. Antaranya isu kekurangan pemeriksa buruh untuk membuat pemantauan serta kekurangan kesedaran berhubung indikator buruh paksa serta kekurangan kesedaran berhubung NAPFL dan usaha-usaha kerajaan.

## 2.2 Konsultasi Pemegang Taruh Mengenai Buruh Paksa Dalam Industri Perladangan

Pada 10 Mac 2022, SUHAKAM menganjurkan 'Konsultasi Pemegang Taruh Mengenai Isu Buruh Paksa dalam Industri Perladangan'. Sesi konsultasi ini merupakan yang keempat diadakan oleh SUHAKAM. Sebelum ini, SUHAKAM menganjurkan sesi konsultasi berhubung isu buruh paksa dalam industri bekalan perubatan, pembinaan dan pembuatan.

Objektif konsultasi ini adalah untuk membincangkan dan mendapatkan pandangan pihak-pihak pemegang taruh mengenai isu buruh paksa dalam industri perladangan di Malaysia; menyediakan platform kepada perniagaan dan pengeluar untuk berkongsi kebimbangan serta cabaran dalam menanangani isu buruh paksa dalam aktiviti mereka; serta menilai keberkesanan undang-undang, dasar serta amalan sedia ada dan mekanisme lain yang berkenaan dalam menangani isu buruh paksa di Malaysia; dan berkongsi amalan baik dan syor-syor.

Sesi konsultasi ini diadakan secara hibrid. Seramai 86 peserta menghadiri konsultasi ini secara dalam talian dan juga secara fizikal. Para peserta terdiri daripada syarikat-syarikat perladangan, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, Majlis Peguam, kesatuan sekerja, wakil-wakil kedutaan dan individu-individu.

SUHAKAM turut menjemput wakil-wakil dari Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Perladangan, Industri dan Komoditi (KPK) serta syarikat FGV Holding Berhad untuk berkongsi pandangan serta cabaran yang dihadapi dalam mengendalikan isu buruh paksa.



**Sesi Konsultasi Pemegang Taruh yang keempat 'Mengenai Isu Buruh Paksa dalam Industri Perladangan'**

Antara isu serta syor yang dibangkitkan semasa perbincangan termasuklah:

i. Proses pengambilan pekerja yang adil

Proses pengambilan pekerja merupakan pemacu utama buruh paksa. Terdapat amalan pengambilan pekerja tertentu yang berpotensi untuk mewujudkan keadaan buruh paksa. Pengambilan pekerja bergantung kepada ejen ketiga dan sub ejen, 'orang tengah' serta broker-broker yang meningkatkan risiko buruh paksa akibat mengenakan bayaran tinggi  ke atas pekerja-pekerja migran. Bayaran yang tinggi menyebabkan para pekerja terpaksa memikul beban hutang yang tinggi, sekali gus menjadikan mereka terdedah dengan eksploitasi serta penindasan. Akibatnya, mereka terpaksa bekerja berjam-jam untuk membayar bayaran dan menjadi hamba hutang. Para peserta telah menekankan bahawa dalam mencapai pengambilan pekerja yang adil dan etika, Kerajaan perlu menyelaraskan proses pengambilan pekerja serta wujudkan mekanisme untuk memastikan agensi-agensi pengambilan pekerja mengikuti standard antarabangsa, termasuk piawaian ILO dan keperluan undang-undang tempatan. Pihak syarikat juga disarankan untuk menjalankan penilaian wajar hak asasi manusia secara proaktif untuk menilai kesan terhadap hak-hak yang akan ada pada operasi mereka.

ii. Memperkasakan sistem Pemeriksaan Pekerja

Pegawai pemeriksa buruh memainkan peranan penting dalam mencegah buruh paksa. Namun, hanya terdapat kira-kira 400 pemeriksa buruh di seluruh Malaysia dan jumlah itu adalah tidak mencukupi dalam memantau syarikat bagi menangani isu penyalahgunaan buruh paksa tersebut. Para peserta telah menyeru KSM untuk menambah jumlah pemeriksa selain meningkatkan usaha mengadakan pemeriksaan atau operasi berkala yang kerap serta menjalankan siasatan terhadap syarikat-syarikat sebagai satu usaha untuk membendung buruh paksa.

iii. Buruh Kanak-kanak

Kanak-kanak harus dibekalkan dengan persekitaran yang kondusif termasuk diberi peluang untuk belajar, bermain dan membesar dengan sihat dan yang paling penting dilindungi daripada sebarang bentuk eksploitasi, termasuk isu buruh kanak-kanak. Terdapat perdebatan berterusan sama ada kanak-kanak atau golongan muda yang membantu keluarga mereka, harus diklasifikasikan sebagai buruh kanak-kanak.

Berhubung isu ini, syarikat-syarikat perladangan seperti IOI Corporation Berhad (IOI) dan FGV menyatakan komitmen mereka untuk menamatkan buruh kanak-kanak dan bersama inisiatif ILO dalam menangani isu buruh kanak-kanak. Misalnya, syarikat IOI berkongsi akan usaha-usaha yang dilakukan, termasuk jalinan kerjasama dengan badan bukan kerajaan seperti *Human Child Aid Society* Sabah (HUMANA) dalam mendirikan sekolah dan memberikan pendidikan percuma kepada anak-anak pekerja. Inisiatif ini serba sedikit membantu untuk mengurangkan risiko kanak-kanak bekerja di ladang-ladang kelapa sawit terutamanya ketika cuti sekolah.

iv. Sesi Audit Dalaman

Para peserta menyeru pihak syarikat untuk mengadakan kerja audit dalaman sebagai langkah pertama penilaian berkaitan buruh paksa di dalam syarikat sebelum ianya melantik juruaudit bebas. Adalah disarankan bahawa di semua peringkat, termasuk pengurusan atasan harus memahami dan menghayati peraturan atas usaha yang diambil. Latihan kepada pihak pengurusan dan pekerja

harus diterjemahkan dalam petunjuk prestasi utama (KPI) syarikat dan bukan sahaja bahagian yang terlibat dengan usaha kelestarian tersebut.

## 2.3 Kunjungan Hormat SUHAKAM Ke Atas Menteri Sumber Manusia

Pada 25 April 2022, SUHAKAM mengadakan kunjungan hormat ke atas YB Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia di *Human Resource Development Corporation* bagi membincangkan mengenai isu buruh paksa di Malaysia. Tujuan utama kunjungan hormat ini adalah untuk memanjangkan isu-isu serta syor-syor yang dikemukakan oleh para peserta ketika sesi-sesi konsultasi yang dijalankan oleh SUHAKAM.



**Penyerahan isu-isu serta syor-syor yang dibangkitkan ketika sesi konsultasi kepada YB Menteri Sumber Manusia**

Ketika mesyuarat tersebut, SUHAKAM memaklumkan keprihatinannya terhadap isu buruh paksa yang disiarkan di media tempatan serta antarabangsa yang memberi gambaran kurang baik terhadap Malaysia. SUHAKAM turut berkongsi isu-isu yang dibangkitkan serta syor-syor yang diutarakan semasa sesi konsultasi yang dijalankan dari tahun 2020-2022, melibatkan 4 sektor iaitu bekalan perubatan, pembinaan, pembuatan dan perladangan. Malah, SUHAKAM juga berkongsi isu-isu yang dipantau menerusi lawatan-lawatan ke ladang-ladang serta kilang-kilang untuk memantau serta menyiasat berhubung isu buruh paksa.

Selain itu, SUHAKAM turut menyeru agar Laporan Jawatankuasa Bebas Khas Pengurusan Pekerja Asing diumumkan kepada orang awam dan mempercepatkan pelaksanaan saranan Jawatankuasa yang mengambil kira isu amalan tidak beretika, tidak sihat dan tidak adil dalam pengambilan pekerja asing dijalankan secara telus. SUHAKAM turut menyarankan agar KSM sentiasa mengadakan rundingan yang lebih bermakna dengan pihak pemegang taruh termasuk NGO.

## 3. TANPA KEWARGANEGARAAN

Tanpa kewarganegaraan merupakan isu hak asasi manusia global yang menjejaskan berjuta orang di seluruh pelusuk dunia. Seseorang individu dianggap sebagai individu tanpa kewarganegaraan apabila individu itu tidak memiliki kerakyatan yang sah, atau tidak memiliki sebarang dokumen yang menyokong status kewarganegaraannya. Artikel 15 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) memperuntukkan bahawa "setiap orang berhak mendapat kewarganegaraan" dan "tiada sesiapa pun boleh dilucutkan kewarganegaraannya dengan sewenang-wenangnya atau dinafikan hak untuk menukar kewarganegaraannya". Selain dilindungi di bawah Artikel 15 UDHR, hak asasi kepada kewarganegaraan juga diiktiraf di bawah semua perjanjian hak asasi manusia antarabangsa yang utama, antaranya ICCPR, CRC, CEDAW, ICERD dan CRPD.

Konvensyen Berkaitan Status Orang Tanpa Warganegara 1954 mentakrifkan orang tanpa warganegara sebagai:

***Artikel 1(1): "Bagi tujuan Konvensyen ini, istilah "orang tanpa warganegara" bermaksud seseorang yang tidak dianggap sebagai warganegara oleh mana-mana Negara di bawah kuatkuasa undang-undangnya"***

Seseorang yang tidak dianggap sebagai warganegara oleh mana-mana negara akan menjadi golongan rentan yang terdedah kepada pelanggaran hak asasi manusia secara kumulatif. Tanpa pengiktirafan kewarganegaraan atau mana-mana status undang-undang lain, orang tanpa warganegara - walaupun dilahirkan dan tinggal di negara itu sepanjang hayat mereka - berhadapan kesukaran untuk mengakses sepenuhnya hak asasi mereka seperti pendidikan, penjagaan kesihatan, pekerjaan, perumahan, jaminan sosial, pemilikan harta, kebebasan bergerak, penyertaan

politik dan hak mengundi, sepertimana yang dinikmati oleh warganegara lain. Selain itu, mereka ini juga berdepan risiko tinggi untuk dieksploitasi, ditangkap, serta ditahan dan diusir sewenang-wenangnya.

## 3.1 Laporan *'Human Rights and Statelessness in Peninsular Malaysia'*

Pada tahun 2020, SUHAKAM mengadakan dialog atas talian bertajuk *'Human Rights and Statelessness in Malaysia'.* Dialog tersebut merumuskan, antaranya, wujud jurang dalam undang-undang kewarganegaraan, penjagaan anak, prosedur berkaitan pendaftaran/permohonan kewarganegaraan yang tidak/ kurang telus dan tidak konsisten, dan isu tanpa kewarganegaraan yang rumit di Sabah.

Sebagai susulan kepada rumusan dialog tersebut, SUHAKAM memutuskan untuk melaksanakan kajian mendalam mengenai hak asasi manusia dan tanpa kewarganegaraan di Malaysia dengan melantik penyelidik luar. Pada bulan Julai 2021, SUHAKAM melantik Assist. Prof. Dr. Melati Nungsari bagi memulakan kajian mengenai hak asasi manusia dan tanpa kewarganegaraan di Semenanjung Malaysia dengan tujuan untuk mengkaji isu dan kebimbangan yang dihadapi oleh orang tanpa kewarganegaraan di negara ini.

Bagi memahami kerumitan dan dinamik yang menyelubungi isu tanpa kewarganegaraan di Semenanjung Malaysia, kajian ini memfokuskan kepada penilaian menyeluruh terhadap rangka kerja perundangan, dasar, pentadbiran dan institusi serta proses/amalan yang memberi kesan kepada akses kepada kewarganegaraan di Malaysia. Kajian selama 9 bulan tersebut telah siap sepenuhnya pada bulan April 2022.

Kajian ini secara khususnya memfokuskan 2 aspek iaitu yang pertama, semakan meja (*desk review*) secara teliti/terperinci berdasarkan rangka perundangan sedia ada dan maklumat sains sosial yang berkaitan dengan tanpa kewarganegaraan di Semenanjung Malaysia; dan yang kedua adalah melibatkan temubual dan pengumpulan data yang mendalam dan dilakukan secara fizikal bersama pihak pemegang taruh berkaitan dengan tanpa kewarganegaraan. Kajian yang dijalankan ini hanya menyentuh isu tanpa kewarganegaraan di Semenanjung Malaysia kerana isu tanpa kewarganegaraan merupakan isu

pelbagai yang menjejaskan/mempengaruhi pelbagai populasi di seluruh negara secara berbeza.

Kajian ini melibatkan isu tanpa kewarganegaraan di Semenanjung Malaysia, dengan memfokuskan kategori populasi orang tanpa warganegara seperti berikut:

1. Orang yang telah lama bermastautin sejak sebelum kemerdekaan dan keturunan mereka
2. Kanak-kanak terbiar yang lahir di Malaysia
3. Anak angkat di Malaysia
4. Kanak-kanak dilahirkan luar nikah atau sebelum perkahwinan didaftarkan
5. Kanak-kanak yang dilahirkan di luar Malaysia kepada; ibu warganegara Malaysia dan bapa bukan warganegara Malaysia
6. Orang Asli
7. Pelarian tanpa negara
8. Orang tanpa dokumen yang tidak termasuk dalam mana-mana kategori sebelumnya.

Kajian ini melihat kepada populasi tanpa kewarganegaraan di Semenanjung Malaysia dalam 2 konteks, iaitu tanpa kewarganegaraan *in situ (in situ stateless)* dalam konteks bukan migrasi, dan tanpa kewarganegaraan dengan konteks migrasi. Tanpa kewarganegaraan *in situ* ditakrifkan sebagai orang tanpa kewarganegaraan "yang berada di 'negara sendiri', yang bermaksud negara yang mempunyai hubungan penting dan stabil, antaranya, melalui kelahiran dan menetap untuk jangka panjang". Mereka adalah orang yang dilahirkan dan telah tinggal sepanjang hidup mereka di negara ini tetapi tidak dapat memperoleh kewarganegaraan kerana mereka mungkin kekurangan dokumentasi yang diperlukan. Tanpa kewarganegaraan seperti ini sering berlaku akibat daripada pembentukan dan pelaksanaan undang-undang kewarganegaraan.

Daripada 8 populasi tanpa kewarganegaraan seperti dinyatakan di atas, 7 daripadanya merupakan tanpa kewarganegaraan *in situ* iaitu orang yang tinggal lama sejak sebelum merdeka dan keturunan mereka, anak terbiar yang dilahirkan di Malaysia, anak angkat di Malaysia, anak hasil perkahwinan 'campur' atau kes di mana anak dilahirkan luar nikah, anak yang dilahirkan di luar Malaysia kepada ibu warganegara Malaysia dan bapa bukan warganegara Malaysia, orang asli dan orang tanpa dokumen.

Kesemua mereka ini boleh dianggap sebagai orang tanpa kewarganegaraan secara 'pentadbiran' kerana mereka berhak mendapat pengiktirafan undang-undang di negara ini tetapi tidak dapat mengakses kewarganegaraan kerana halangan pentadbiran, kewangan, undang-undang atau diskriminasi. Seseorang yang layak tetapi belum memperoleh kewarganegaraan dianggap sebagai tidak bernegara tanpa mengira tuntutan atau kelayakan kewarganegaraan masa lalu atau masa depan mereka.

## ISU-ISU UTAMA

Antara isu utama yang dibangkitkan:

i. Malaysia mengamalkan kewarganegaraan secara prinsip *jus soli* (berdasarkan kelahiran) dan *jus sanguinis* (berdasarkan kewarganegaraan ibubapa). Kelahiran di Malaysia tidak membolehkan seseorang memperoleh kewarganegaraan secara automatik. Sebaliknya, kewarganegaraan seseorang itu ditentukan oleh status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu dan bapa kandung semasa kelahiran berlaku. Ini selaras dengan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan, Peraturan Kewarganegaraan Malaysia 1964 dan perundangan berkaitan.

ii. Malaysia tidak mempunyai perundangan khusus atau takrifan mengenai orang tanpa kewarganegaraan; Kerajaan Malaysia enggan mengiktiraf kewujudan orang tanpa kewarganegaraan di negara ini, dan berpendirian bahawa orang tanpa warganegara tidak wujud di Malaysia kerana mereka tidak dibenarkan memasuki negara ini tanpa dokumen yang sah atau mereka tidak layak memperoleh kewarganegaraan Malaysia disebabkan kewarganegaraan dan/atau status perkahwinan ibu bapa mereka. Oleh itu, seseorang yang menetap di Malaysia hanya diklasifikasikan sebagai warganegara, bukan warganegara atau tidak dapat ditentukan *(undetermined*).

iii. Tiadanya pengiktirafan terhadap orang tanpa kewarganegaraan ini boleh mengakibatkan impak, antaranya:

   a. Ketiadaan data tanpa kewarganegaraan di Semenanjung Malaysia
   Tanpa definisi sah mengenai istilah tanpa kewarganegaraan bermakna

tiada data rasmi dikeluarkan oleh Kerajaan mengenai mana-mana orang tanpa kewarganegaraan di Semenanjung Malaysia. Bancian yang dijalankan oleh Kerajaan meletakkan orang tanpa kewarganegaraan, pelarian, migran dan orang tanpa dokumen dalam kategori yang sama. Oleh itu, tiada data berasingan yang dikutip bagi setiap kumpulan tersebut. Ketiadaan data komprehensif bagi menentukan kelaziman (*prevalence*) tanpa kewarganegaraan mengakibatkan keadaan tanpa kewarganegaraan yang berlaku di Semenanjung Malaysia masih belum direkodkan (*mapped*) dan amat kurang dilaporkan.

b. Keadaan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan
Wujud jurang yang besar antara bilangan kelahiran yang didaftarkan dengan jumlah kanak-kanak di Malaysia. Pada tahun 2018, daripada 2,595,300 kanak-kanak, hanya 513,586 kelahiran yang didaftarkan. Ini menunjukkan bahawa terdapat seramai 2,081,714 kanak-kanak yang mana kelahiran mereka tidak didaftarkan. Kanak-kanak yang tidak didaftarkan kelahiran berisiko untuk menjadi orang tanpa kewarganegaraan. Di samping itu juga, terdapat peningkatan yang tinggi dalam bilangan kanak-kanak bukan warganegara dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini. Pertambahan jumlah kanak-kanak tanpa kewarganegaraan, pelarian dan migran menjadikan mereka lebih rentan akibat ketiadaan akses kepada perkhidmatan asas seperti pendidikan, penjagaan kesihatan dan kebajikan.

c. Kesukaran mengakses sebahagian besar hak asasi yang asas
Orang tanpa kewarganegaraan biasanya berdepan dengan pelbagai kesukaran untuk mengakses dan menikmati hak-hak asasi yang asas. Antara kesukaran yang mereka hadapi akibat tiadanya pengiktirafan kewarganegaraan adalah kurang/tiada akses kepada perkhidmatan kewangan, masalah kesihatan mental yang teruk, tiada mobiliti dalam dan luar negara, dan masalah berterusan dalam mengakses peluang pendidikan dan ekonomi.

iv. Perlembagaan Persekutuan mempunyai beberapa perlindungan (*safeguards*) bagi orang tanpa kewarganegaraan yang lahir di Malaysia, terutamanya Perkara 14(1)(b), yang dibaca bersama Seksyen 1(e) dan Seksyen 2(3) di bawah Bahagian II Jadual Kedua. Walaupun begitu, secara amalannya, peruntukan dan perlindungan ini gagal untuk menghalang atau mengurangkan kes-kes tanpa kewarganegaraan.

Ini kerana tiadanya panduan atau prosedur pentadbiran berhubung pelaksanaan perlindungan dalam perlembagaan ini bagi mencegah tanpa kewarganegaraan. Keadaan ini mengakibatkan orang tanpa kewarganegaraan mempunyai remedi boleh laksana yang terhad dalam memperoleh kewarganegaan.

v. Malaysia masih belum menyertai 2 triti antarabangsa mengenai tanpa kewarganegaraan iaitu Konvensyen Berkaitan Status Orang Tanpa Warganegara 1954 dan Konvensyen Mengenai Pengurangan Tanpa Kewarganegaraan 1961. Selain itu, Malaysia juga belum menyertai Konvensyen Berkaitan Status Orang Pelarian 1951 dan Protokolnya walaupun mempunyai 179,779 pelarian dan pencari suaka, serta 111,298 orang tanpa warganegara yang berdaftar dengan UNHCR.

## SYOR-SYOR

Antara syor yang dicadangkan dalam Laporan Kajian:

i. Sebagai asas untuk Kerajaan mula memenuhi kewajipannya bagi mencegah dan mengurangkan isu tanpa kewarganegaraan, Malaysia harus meratifikasi Konvensyen 1954, Konvensyen 1961, Konvensyen 1951, ICCPR, dan ICERD. Penyertaan kepada perjanjian ini menyokong kewajipan Malaysia untuk melindungi dan memenuhi hak asasi manusia semua orang tanpa kewarganegaraan di Malaysia, seperti yang termaktub dalam kebebasan asas yang dijamin dalam Perkara 5 hingga 13 di bawah Bahagian II Perlembagaan Persekutuan. Perjanjian ini harus memastikan bahawa perundangan Malaysia mengenai kewarganegaraan mematuhi peruntukan perjanjian, serta bertindak sebagai mekanisme akauntabiliti untuk memastikan kewajipan Malaysia dipenuhi melalui pelaporan dan penelitian yang kerap oleh badan hak asasi manusia PBB.

ii. Malaysia perlu menolak reservasi terhadap artikel berkaitan dengan hak kewarganegaraan dalam CRC, CEDAW dan CRPD, dan meratifikasi ICCPR dan ICERD kerana perjanjian hak asasi manusia antarabangsa teras ini mempunyai peruntukan mengenai hak kewarganegaraan yang akan melengkapi peruntukan dalam Konvensyen 1961, Konvensyen 1954 dan Konvensyen 1951. Berbeza dengan Konvensyen 1951 dan 1954, kesemua perjanjian ini mempunyai badan pemantau yang terdiri daripada pakar hak asasi manusia yang berperanan memantau pelaksanaan Konvensyen masing-masing.

iii. Kementerian Dalam Negeri (KDN) perlu menyemak semula lompang dalam undang-undang kewarganegaraan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan akta yang berkaitan, antaranya Akta Pendaftaran Kelahiran 1957, Akta Kesahtarafan 1961, Akta Pengangkatan 1952 dan Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952, serta melaksanakan pembaharuan undang-undang untuk meminda undang-undang kewarganegaraan bagi mencegah dan mengurangkan segala bentuk tanpa kewarganegaraan.

iv. Terdapat keperluan kepada penyediaan dan pengumpulan data yang lebih baik berkenaan tanpa kewarganegaraan. Secara global, populasi tanpa warganegara melibatkan orang tidak berdokumen, tidak diiktraf, dan tidak dimasukkan dalam sistem pendaftaran negara dan bancian populasi. Tanpa pengumpulan dan penganalisaan data kuantitatif, adalah sukar untuk menilai setakat mana bilangan dan lokasi yang melibatkan populasi tanpa warganegara.

Kementerian/agensi kerajaan perlu saling bekerjasama dengan lebih baik untuk menghasilkan set data yang komprehensif yang melibatkan pembolehubah asas seperti jumlah bilangan individu tanpa kewarganegaraan dan bilangan kanak-kanak dalam pusat perlindungan kerajaan yang tiada warganegara. Pengumpulan data dan dokumentasi mengenai keadaan sebenar di lapangan perlu direkodkan supaya pemegang taruh dapat memahami bagaimana dasar yang dirangka boleh memberi kesan kepada komuniti tanpa kewarganegaraan ini.

v. Kerajaan dan kementerian/agensi berkaitan perlu membuat penambahbaikan kepada proses permohonan kewarganegaraan. Antaranya termasuklah memendekkan masa menunggu, menyediakan akses mudah untuk menyemak status permohonan, meningkatkan ketelusan berhubung urusan kepada permohonan kewarganegaraan, termasuk garis masa terperinci untuk proses itu, memaklumkan kepada pemohon sebab-sebab tertentu permohonan mereka ditolak supaya mereka boleh meminda permohonan masa depan mereka dengan sewajarnya, menyediakan senarai semak dokumen dan memaklumkan kepada pemohon cara untuk mendapatkan dokumen yang diperlukan.

vi. Sebahagian besar populasi orang tanpa kewarganegaraan di seluruh dunia terdiri daripada kumpulan minoriti etnik, agama dan lain-lain. Terdapat pertalian langsung antara ketidaksamaan, diskriminasi dan tanpa kewarganegaraan yang

mana ketidaksamaan dan diskriminasi boleh menjadi punca dan kesan kepada tanpa kewarganegaraan. Golongan tanpa kewarganegaraan lebih terdedah kepada diskriminasi, pencabulan, keganasan dan eksploitasi kerana mereka dinafikan hak-hak asas dan dipinggirkan daripada masyarakat. Oleh itu, penting untuk kita memahami impak ketidaksamaan dan diskriminasi yang menyumbang kepada isu tanpa kewarganegaraan dan menjadikannya lebih teruk supaya kita boleh menangani punca sebenar isu tanpa kewarganegaraan sehingga ke akar umbi.

SDG dilihat sebagai salah satu instrumen penting untuk menggalakkan Kerajaan Malaysia menangani isu tanpa kewarganegaraan memandangkan aspirasi SDG itu sendiri adalah untuk "*leave no one behind*" dan "*to reach the furthest behind first*". Banyak target SDG seperti SDG 1 (tiada kemiskinan), SDG 3 (kesihatan yang baik) dan SDG 4 (pendidikan berkualiti) berkaitan dengan menjamin akses kepada hak dan perkhidmatan asas untuk orang tanpa kewarganegaraan.

## 4. ALAM SEKITAR DAN HAK ASASI MANUSIA

Akses kepada persekitaran yang bersih, selamat, sihat dan lestari merupakan hak asasi manusia yang perlu dilindungi. Kemerosotan alam sekitar dan perubahan iklim bukan sahaja memberi impak terhadap kehidupan masyarakat, terutamanya golongan rentan seperti orang asal, warga emas, orang kurang upaya, wanita dan kanak-kanak serta pelarian, malah ia juga memberi kesan terhadap ekonomi negara.

Perubahan iklim bukan sahaja satu isu politik, tetapi juga isu hak asasi manusia. Sejauh mana isu perubahan iklim ditangani di peringkat nasional memainkan peranan penting dalam menentukan sama ada negara tersebut mengutamakan norma dan piawaian hak asasi manusia.

### 4.1 Perbincangan Meja Bulat Mengenai COP26 : Perubahan Iklim

Persidangan ke-26 Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) 2021, atau COP26, berakhir secara rasmi pada 12 November 2021, selepas berlangsung selama 2 minggu di Glasgow, Scotland. Hampir 200 negara yang mengambil bahagian menerima pakai Perjanjian Iklim Glasgow pada akhir sesi ke-26 persidangan COP26 dan mengumumkan komitmen nasional mereka untuk

memerangi perubahan iklim. Satu pakatan global, "*The Glasgow Climate Pact*", dicapai dalam menyokong usaha di peringkat global bagi memastikan maklamat mengehadkan pemanasan global kepada 1.5 darjah Celsius tercapai.

Sehubungan itu, pada 1 Mac 2022, SUHAKAM menganjurkan Perbincangan Meja Bulat (PMB) Mengenai COP26: Malaysia dan Perubahan Iklim. Objektif perbincangan ini adalah untuk mengenalpasti impak perubahan iklim kepada hak asasi manusia; mengenalpasti komitmen kerajaan, perniagaan dan pihak kepentingan lain dalam menguruskan dasar perubahan iklim serta mengupas isu-isu penting yang dibincangkan di COP26 dan kaitannya dengan hak asasi manusia.

Seramai 209 peserta telah menyertai perbincangan ini secara fizikal dan juga atas talian. Para peserta terdiri daripada wakil-wakil agensi kerajaan, kedutaan, universiti-universiti, badan bukan kerajaan dan individu-individu. SUHAKAM turut menjemput beberapa ahli panel untuk berkongsi pengalaman serta input-input mereka berhubung isu perubahan iklim serta COP26. Antaranya adalah, Puan Ili Nadiah Dzulfakar, Pengerusi *Klima Action Malaysia*, Puan Lakshmi Lavanya Rama Iyer, Ketua Bahagian Polisi dan Perubahan Iklim, *WWF Malaysia*, En. Nithi Nesadurai, Presiden *Environmental Protection Sociey Malaysia*, Encik Ahmad Farid Mohammed, Timbalan Setiausaha, Bahagian Perubahan Iklim, Kementerian Alam Sekitar dan Air, Puan Aznifah Isnariah Abdul Ghani, Setiausaha, *Multilateral Economic and Environment,* Kementerian Luar Negara, Puan Charlotte Wolff-Bye, *Chief Sustainablity Officer*, *Petroliam National Berhad* dan Puan Meenakshi Raman, Presiden Sahabat Alam Malaysia.

Antara isu yang dibangkit dan dibincangkan adalah mengenai mekanisme pasaran karbon di bawah Perjanjian Paris; pembiayaan perubahan iklim; isu pergantungan pada bahan api fosil; isu kerugian dan kerosakan yang tidak boleh diperoleh semula akibat kesan iklim seperti kehilangan nyawa; kewangan iklim di mana negara kaya menunaikan janji untuk menyalurkan AS$100 billion kepada negara miskin untuk membantu mereka menyesuaikan diri dengan kesan iklim.

Selain itu, PMB ini juga membincangkan perkaitan antara hak asasi manusia dengan alam sekitar, cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pembela hak asasi manusia, tanggungjawab kerajaan dan entiti perniagaan, dan sebagainya.

PMB juga menekankan kepentingan SUHAKAM sebagai institusi hak asasi kebangsaan untuk menerajui isu-isu alam sekitar dari perspektif hak asasi manusia serta mengesyorkan agar Kerajaan menjamin dan merealisasi komitmennya terhadap perjanjian serta perundangan antarabangsa berhubung perubahan iklim. Rakyat, terutamanya anak muda perlu memberi tekanan yang berterusan kepada Negara untuk memastikan agenda perubahan iklim diperkasakan dan menjadi keutamaan negara demi kelestarian alam sekitar.



**Sebilangan peserta Perbincangan Meja Bulat COP26, 1 Mac 2022**

COP 26 menumpukan perhatian dunia kepada keperluan mendesak untuk menangani perubahan iklim. Justeru, SUHAKAM menyeru Kerajaan untuk mengambil langkah segera dan berkesan untuk melaksanakan komitmen terhadap ikrar yang dibuat pada COP26 dan menangani keadaan perubahan iklim yang semakin meningkat. SUHAKAM ingin menegaskan kenyataan Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Hak Asasi Manusia, Michelle Bachelet mengenai COP26 bahawa 'tanpa planet yang sihat untuk didiami, tidak akan ada hak asasi manusia – dan sekiranya kita meneruskan laluan kita ini – mungkin tiada manusia' Justeru, Kerajaan dan pihak berkuasa lain, perniagaan dan individu mempunyai tanggungjawab bersama untuk mencegah, mengurang dan membetulkan kesan negatif terhadap hak asasi manusia akibat perubahan iklim.

## 5. TINDAKAN SUSULAN INKUIRI NASIONAL MENGENAI HAK TANAH ORANG ASAL/ORANG ASLI

Mesyuarat Penyelarasan Status Terkini Pelaksanaan Enam Rumusan Tindakan dan Hala Tuju Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Hak Tanah Orang Asal/asli (JKKHTOA) Bil. 1 diadakan pada 27 April 2022. Mesyuarat ini dikoordinasikan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) dan dihadiri oleh wakil agensi-agensi seperti Jabatan Bantuan Guaman, Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Institut Tanah dan Ukur Negara dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Walaupun SUHAKAM memandang positif usaha BHEUU mengadakan Mesyuarat JKKHTOA, namun, SUHAKAM amat kecewa dengan proses pelaksanaan syor-syor Inkuiri Nasional yang amat perlahan. Tindakan yang perlahan dalam pelaksanaan syor ini menyebabkan masyarakat Orang Asal/Asli masih terpinggir.

## 6. MAJLIS PERUNDINGAN ORANG ASLI

Pengerusi SUHAKAM Prof. Dato' Dr. Rahmat Mohamad telah dilantik sebagai Ahli Tetap Majlis Perundingan Orang Asli (MAPOA). Lanjutan daripada itu, SUHAKAM menghadiri Mesyuarat MAPOA Bil. 1/2022 yang diadakan pada 3 Oktober 2022 di Cyberview SPA & Resort, Cyberjaya, yang dipengerusikan oleh YB Dato' Seri Mahdzir Khalid, Menteri Pembangunan Luar Bandar. Mesyuarat ini dihadiri oleh YAB Menteri Besar Kelantan, Ahli-ahli Mesyuarat dan Exco Kerajaan Negeri, YB Senator Dato' Ajis Sitin, YB Dato' Ramli Dato' Mohd Nor, Ahli Parlimen Cameron Highlands, Ketua Setiausaha serta pegawai-pegawai Kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi Pusat dan Negeri yang terlibat, badan-badan bukan kerajaan serta wakil daripada kalangan masyarakat Orang Asli.

Mesyuarat MAPOA diadakan bertujuan untuk mewujud dan mengukuhkan kerjasama pelbagai pemegang taruh perkhidmatan utama di peringkat Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri yang akan membawa kesejahteraan dan kemajuan kepada masyarakat Orang Asli. Selain itu, MAPOA juga merupakan satu platform bagi Orang Asli dan pemegang taruh untuk memberi pandangan dan maklum balas berkaitan dasar serta strategi untuk menyelesaikan isu-isu yang berbangkit di peringkat nasional dan antarabangsa.



**Pengerusi SUHAKAM telah membuat pembentangan semasa Mesyuarat MAPOA**

SUHAKAM mengambil peluang untuk membuat pembentangan mengenai 'Pelaksanaan Syor Laporan Inkuiri Nasional Berhubung Pewartaan Tanah Masyarakat Orang Asli Mengikut Seksyen 6 dan 7 Akta Orang Asli 1954'. Dalam pembentangan, SUHAKAM memberikan perkembangan mengenai Inkuiri Nasional serta status pelaksanaan syor-syornya. Berdasarkan kepada pemerhatian, SUHAKAM berpendapat bahawa usaha-usaha perlu digiatkan lagi untuk memastikan pelaksanaan syor inkuiri Nasional, terutamanya yang melibatkan isu pewartaan tanah  Orang Asli di bawah seksyen 6 dan 7 Akta 134. SUHAKAM berpendapat bahawa isu pewartaan ini boleh dilaksanakan dengan sempurna serta dengan kadar segera dengan kerjasama Kerajaan Negeri.

SUHAKAM turut berkongsi akan kebimbangan berhubung kelewatan dalam pelaksanaan syor-syor Inkuiri Nasional yang menyebabkan pelanggaran hak asasi manusia masyarakat Orang Asli yang semakin berterusan. Malah, turut dikongsikan mengenai aduan-aduan yang diterima oleh SUHAKAM yang melibatkan hak kepada tanah adat, hak kepada pendidikan, hak kepada kesihatan, hak kepada alam sekitar, hak kepada kemudahan asas dan hak kepada nyawa. Beliau turut memohon agar Kerajaan Negeri dapat meneruskan komitmen dan mempertingkatkan kerjasama berhubung pelaksanaan syor-syor Inkuiri Nasional, terutamanya pewartaan tanah Orang Asli bagi memastikan hak asasi masyarakat Orang Asli terjamin.

# BAHAGIAN PERUNDANGAN DAN TRITI ANTARABANGSA

SUHAKAM melalui Bahagian Perundangan dan Triti Antarabangsa (LITD) terus menjalankan mandatnya di bawah Akta SUHAKAM 1999 untuk memberi nasihat dan membantu kerajaan dalam pembaharuan undang-undang supaya ia selaras dan menepati piawaian hak asasi manusia antarabangsa.

LITD juga memantau pelaksanaan Triti Antarabangsa dalam negara di bawah Konvensyen mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dan Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD). SUHAKAM mengulangi gesaan kepada Kerajaan untuk mempercepatkan penyerahan Laporan Kerajaan kepada badan-badan triti yang berkaitan dan penarikan balik reservasi yang selebihnya kepada 3 triti yang telah ditandatangani.

SUHAKAM terus dirujuk dan dijemput untuk menjadi ahli jawatankuasa khas yang ditubuhkan oleh agensi kerajaan untuk mengkaji, menggubal dan membuat semakan serta syor untuk pembaharuan undang-undang termasuklah mengenai gangguan seksual, kesamarataan gender, dan pemansuhan hukuman mati. Kerjasama dengan badan kehakiman, agensi kerajaan dan organisasi masyarakat akan diteruskan bagi mendapatkan pandangan mereka dalam merangka syor yang bernas dan efektif.

Usaha tanpa lelah turut diperkasakan supaya pindaan kepada Akta SUHAKAM 1999 yang telah dicadangkan mendapat kelulusan Parlimen serta dilaksanakan tanpa penangguhan lagi.

## 1. SEMAKAN UNDANG-UNDANG

SUHAKAM terus melaksanakan tanggungjawabnya untuk memantau dan mempromosikan pelaksanaan piawaian hak asasi manusia antarabangsa secara berkesan pada peringkat kebangsaan melalui semakan undang-undang. Pada tahun 2022, SUHAKAM telah dirujuk dalam penggubalan dasar, draf serta semakan pada pelbagai peringkat bagi rang undang-undang (RUU) termasuk:

i. RUU Anti-Gangguan Seksual;
ii. Peraturan Pekerja Salon & Pusat Kecantikan Wilayah-Wilayah Persekutuan
iii. Akta Dadah Berbahaya 1952;

iv. Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999; dan
v. Akta Mesin Cetak & Penerbitan 1984;

## Pindaan Kepada Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999

SUHAKAM telah mengulangi pendirian dan syornya agar Malaysia bersetuju dengan baki perjanjian hak asasi manusia antarabangsa sebagai menyahut seruan Kerajaan untuk meningkatkan hak asasi manusia Malaysia di peringkat dunia dan memastikan prestasinya setanding dengan pembangunan global.

SUHAKAM secara konsisten menyokong pindaan kepada Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 untuk mengukuhkan mandat dan kuasanya. Pindaan yang dicadangkan terdiri daripada yang berikut:

i. Pemilihan Ahli SUHAKAM – adalah dicadangkan supaya Pesuruhjaya dipilih dan dilantik secara terbuka dan telus;
ii. Komposisi keanggotaan SUHAKAM – Pesuruhjaya dicadangkan dilantik secara sepenuh masa atau separuh masa untuk memastikan Pesuruhjaya komited dengan peranan mereka dan mengelakkan sebarang konflik kepentingan di mana-mana peringkat;
iii. Tempoh jawatan Ahli SUHAKAM – adalah disyorkan supaya tempoh jawatan Pesuruhjaya disemak kepada satu tempoh 5 tahun, sekali gus menggalakkan kebebasan keahlian dan NHRI; ia juga akan membolehkan SUHAKAM melaksanakan fungsinya dan mengawasi pelaksanaan aktiviti dan cadangannya dengan lebih berkesan;
iv. Kuasa Melawat Tempat Tahanan – adalah dicadangkan SUHAKAM mempunyai mandat berkanun untuk melawat tempat tahanan tanpa notis awal bagi memastikan tempat-tempat ini mematuhi prinsip hak asasi manusia;
v. Kuasa untuk Menjalankan Fungsi Timbangtara – kami mencadangkan untuk memasukkan peruntukan nyata dalam Akta untuk SUHAKAM menjadi pengantara;
vi. Berunding dengan SUHAKAM mengenai penggubalan dan pindaan undang-undang – adalah dicadangkan peruntukan baharu mewajibkan kerajaan berunding dengan SUHAKAM mengenai penggubalan dan/atau pindaan undang-undang sebelum dibentangkan di Parlimen untuk perbincangan;

vii. Dana SUHAKAM - adalah dicadangkan dana SUHAKAM diperolehi terus daripada Parlimen, selepas menyemak cadangan belanjawan tahunan NHRI;

viii. Hubungan dengan Badan Kehakiman - dicadangkan peruntukan baharu membolehkan SUHAKAM tampil sebagai *amicus curiae* dalam kes mahkamah untuk menyerlahkan lagi peranan kami dalam membantu badan kehakiman dalam isu hak asasi manusia;

ix. Kuasa Berkaitan Dengan Siasatan – adalah dicadangkan supaya peruntukan punitif, berkaitan dengan kuasa SUHAKAM untuk mendapatkan dokumen, maklumat atau apa-apa perkara lain, diperkenalkan kerana kegagalan mematuhi notis sedemikian; dan satu lagi untuk melindungi saksi SUHAKAM daripada sebarang gangguan atau ugutan oleh mana-mana institusi, agensi atau individu;

x. Pengendalian Siasatan oleh SUHAKAM – adalah disyorkan supaya Seksyen 12(3) Akta induk dipinda supaya jelas dan jelas tentang perkataan "berhenti melakukan siasatan";

xi. Hasil Siasatan – adalah dicadangkan agar semua agensi yang berkaitan bertindak atas saranan SUHAKAM, termasuk, jika berkenaan, memulakan penyiasatan jenayah dan/atau pendakwaan sesuatu kesalahan;

xii. Laporan Tahunan/Laporan Khas SUHAKAM – adalah dicadangkan Seksyen 21 Akta 597 dipinda untuk menyatakan secara jelas bahawa Parlimen akan membahaskan laporan oleh SUHAKAM; dan

xiii. Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Hak Asasi Manusia – adalah dicadangkan supaya Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSC) dibentuk untuk SUHAKAM dan pihak berkepentingan lain untuk kerap membincangkan perkara hak asasi manusia dengan Parlimen.

## 2. KERJASAMA DENGAN BADAN KEHAKIMAN

### A. Kolokium Kehakiman

Sebagai salah satu daripada 3 organ Negara, badan kehakiman memainkan peranan penting dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia, sekaligus memenuhi tanggungjawab antarabangsa Malaysia. Peranan sedemikian dapat dipenuhi terutamanya melalui pelaksanaan prinsip Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) dan piawaian hak asasi manusia antarabangsa melalui proses kehakiman.

Bagi tujuan ini, SUHAKAM dengan kerjasama *United Nation Development Fund* (UNDP) dan Badan Kehakiman Malaysia telah menganjurkan kolokium kehakiman yang bertemakan "Peranan Badan Kehakiman dalam Memperkasakan Hak Asasi Manusia melalui Prinsip-Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (UNGP) dan Agenda 2030 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)" pada 31 Mac 2022. Objektif kolokium adalah:

- Mewujudkan platform kepada hakim untuk menyampaikan, bertukar pandangan dan pengetahuan mengenai hak asasi manusia dan pelaksanaannya terkait Perniagaan & Hak Asasi Manusia;
- Untuk membolehkan perbincangan kritikal Agenda 2030 dalam konteks peranan Badan Kehakiman khususnya dalam mempromosikan Matlamat 13 dan 16 SDG;
- Untuk memetakan dan mengenal pasti jurang perlindungan hak asasi manusia, isu dan langkah yang melaluinya mahkamah boleh menyumbang kepada pencapaian SDG Malaysia;
- Berkongsi amalan terbaik mengenai cara pelaksanaan prinsip dan piawaian hak asasi manusia antarabangsa dalam konteks sistem perundangan Malaysia; dan
- Mengukuhkan hubungan erat antara SUHAKAM, UNDP dan Badan Kehakiman Malaysia demi kerjasama yang berterusan dalam perlindungan hak asasi manusia ke arah mencapai piawaian hak asasi manusia dan SDG.

Kolokium ini telah dihadiri oleh 120 orang hakim dan pegawai kanan kehakiman daripada semua peringkat mahkamah sivil di Malaysia. Kolokium ini mengandungi 3 sesi tertutup seperti berikut:

i. Latar belakang Perniagaan & Hak Asasi Manusia, Peranan Mahkamah & Perlindungan Terhadap Hak Asasi Manusia
ii. Matlamat 13 SDG: Peranan Badan Kehakiman Di Dalam Melindungi Alam Sekitar & Guaman Strategik Terhadap Penglibatan Awam (SLAPP); dan
iii. Akses Kepada Sistem Pengadilan & Remedi – Perlindungan Terhadap Komuniti Rentan & Kesan Terhadap Perniagaan.

B. Pemerhatian Kes Di Mahkamah

Sejak 2011, SUHAKAM telah membuat pemerhatian dan membantu mahkamah dalam kes yang melibatkan pelbagai isu hak asasi manusia. SUHAKAM dengan itu berterima kasih kepada pihak mahkamah yang membenarkan SUHAKAM untuk membuat pemerhatian dalam kes-kes berikut:

i. Inkues J. Soosaimanickam;
ii. Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung lwn Kementerian Pendidkan Malaysia – hak kanak-kanak terhadap Pendidikan;
iii. Nalvin Dhillon – hak terhadap kewarganegaraan;
iv. Pendakwaraya lwn Hazrul Nizam;
v. Muhammad Adam Yusoff Abdul Hafiz & Satu Lagi lwn Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Seksyen 17 Shah Alam & 3 Lagi;
vi. Asylum Access Berhad & Satu Lagi lwn Ketua Pengarah Imigresen & 2 Lagi – Permohonan Semakan Kehakiman; dan
vii. Simon Momoh Adavize – Permohonan *Habeas Corpus*

## 3. TRITI ANTARABANGSA

**Penyediaan Laporan Paralel Konvensyen Terhadap Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita CEDAW**

Laporan berkala ke-6 Malaysia kepada Jawatankuasa CEDAW akan dibuat pada 31 Mac 2022. Pihak Negeri menyerahkan laporan kepada Jawatankuasa CEDAW setiap 4 tahun, dengan memberi tumpuan kepada pemerhatian akhir yang dibuat oleh Jawatankuasa dalam laporan berkala sebelum ini, melaporkan kemajuan yang dicapai dan keadaan semasa di bawah CEDAW.

Sebagai sebuah NHRI, SUHAKAM akan menghantar laporan selari bebasnya kepada Jawatankuasa CEDAW mengenai kemajuan hak wanita dan menikmati hak di bawah CEDAW di Malaysia dan memberikan laporan neutral dan objektif mengenai usaha Kerajaan dalam menegakkan hak yang sama.

Sebagai sebahagian daripada laporan CEDAW kami, SUHAKAM membuat beberapa penglibatan dengan MWFCD, masyarakat sivil dan pihak berkuasa, termasuk pihak berkuasa agama. Ini adalah untuk mendapatkan input neutral dan objektif mengenai hak wanita di Malaysia.

**Kursus Pembelajaran Bersepadu *Raoul Wallenberg Institute* Berkenaan Dengan Hak Asasi Manusia dan Undang-Undang Alam Sekitar dan Perubahan Iklim**

SUHAKAM menganjurkan Kursus Pendidikan Bersepadu tentang Hak Asasi Manusia dan Alam Sekitar/Perubahan Iklim bersama *Raoul Wallenberg Institute* (RWI). Ia dihadiri oleh 8 hakim, 6 pegawai Jabatan Alam Sekitar, 4 wakil SUHAKAM, 3 wakil dari Jabatan Peguam Negara, 2 wakil dari Jawatankuasa Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Majlis Peguam. Anggota Suruhanjaya Dato Mah Weng Kwai bercakap mengenai peranan NHRI yang lebih luas dalam memenuhi, menghormati dan melindungi hak kepada persekitaran yang sihat.

## 4. SESI PERKONGSIAN BERSAMA SURUHANJAYA PENGURUSAN AIR (SPAN) BERKENAAN DENGAN KAWAL SELIA SPAN DALAM INDUSTRI AIR

SUHAKAM telah menganjurkan satu sesi perkongsian besama dengan SPAN berkenaan dengan kawal selia industri air di Malaysia. Program ini telah dianjurkan pada 28 Januari 2022 secara dalam talian bersama dengan Ir. Azrul Raimee Ramli, Pengarah Bahagian Operasi Wilayah SPAN.

Dalam sesi ini, SPAN telah berkongsi tentang tugas dan fungsi SPAN, bidang kuasa dan peranan pemegang taruh industri perkhidmatan air di Malaysia, bidang kuasa Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) serta isu-isu pembahagian bidang kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dalam isu air.

Antara matlamat penganjuran sesi ini adalah untuk memberikan gambaran yang jelas kepada SUHAKAM berkenaan aspek teknikal kawal selia sistem pengurusan air serta memahami konflik bidang kuasa di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri serta bagaimana untuk menyelesaikan konflik berkenaan.

## 5. PERBINCANGAN MEJA BULAT: PEMANSUHAN HUKUMAN MATI BAGI KESALAHAN DI BAWAH AKTA DADAH BERBAHAYA 1952

Pada 3 Mac 2022, SUHAKAM dengan kerjasama ADPAN telah menganjurkan perbincangan meja bulat berkenaan dengan pemansuhan hukuman mati bagi kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952.

Perbincangan ini telah disertai oleh 31 organisasi bukan kerajaan, badan berkanun serta agensi kerajaan dan penguatkuasaan. SUHAKAM menegaskan bahawa pemansuhan hukuman mati adalah bertepatan dengan prinsip-prinsip hak asasi manusia sejagat. SUHAKAM juga menegaskan bahawa perlunya satu alternatif bagi menggantikan hukuman mati sedia ada.

Wakil ADPAN telah berkongsi hasil kajian bersama dengan Monash University berkenaan dengan kewajaran pemansuhan hukuman mati dalam kes-kes di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 serta penolakkan masyarakat khususnya dari kelas menengah tentang pemansuhan hukuman mati.

## 6. SESI PERBINCANGAN MEJA BULAT BERKENAAN DENGAN HAK TERHADAP UDARA BERSIH: MENINJAU ULANG ISU PENCEMARAN JEREBU DI MALAYSIA

Pada 7 Disember 2021 yang lalu, Gabungan Pertubuhan Aktivis Alam Sekitar telah memfailkan aduan rasmi kepada SUHAKAM, meminta campur tangan untuk menghentikan masalah jerebu di negara ini. Aduan tersebut merupakan yang pertama di Malaysia yang mengaitkan isu alam sekitar dengan hak asasi manusia. Hak rakyat kepada udara bersih mesti dilindungi dan SUHAKAM diminta untuk menjalankan siasatan awam mengenai tadbir urus pencemaran jerebu domestik dan rentas sempadan.

Berikutan aduan berkenaan, sesi perbincangan meja bulat telah diadakan pada 9 dan 11 Mac 2022 di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur. Seramai 41 orang pakar dari dalam dan luar negara telah diundang untuk menyampaikan pandangan mereka berkenaan dengan isu jerebu merentas sempadan di Malaysia.

Perbincangan bukan sahaja tertumpu kepada isu-isu perundangan tetapi juga isu ekonomi, wanita dan kanak-kanak, pekerjaan, orang asli serta bagaimana Kerajaan Persekutuan boleh menyediakan kerangka perundangan yang jelas berkenaan dengan isu ini secara dalaman dan serantau.

SUHAKAM juga telah mencadangkan agar Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan memasukkan hak kepada udara bersih sebagai sebahagian

daripada hak asasi yang dijamin oleh negara, selaras dengan keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes Tan Teck Seng lwn Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan & Lain-Lain [1996] 1 MLJ 261.

## 7. TADARUS RAMADAN: HAK ASASI WANITA & ISLAM

Bersempena kedatangan bulan Ramadan, buat julung kalinya SUHAKAM dengan kerjasama Kongres Ulama Perempuan Indonesia (KUPI), Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Al Quran, Jakarta dan KOMNAS Perempuan Indonesia telah menganjurkan sesi tadarus (pengajian) berkenaan isu-isu hak asasi perempuan dan Islam. Sebanyak 3 sesi tadarus telah dilaksanakan pada 7 April, 14 April dan 21 April 2022 dengan mengangkat tema:

i. Hak Asasi Wanita Muslim: Pengalaman Aktivis Wanita di Lapangan;
ii. Pengalaman Wanita Di Dalam Kekerasan Berbasis Gender; dan
iii. Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dan Islam.

Antara pembentang yang telah mengambil bahagian dalam siri ini adalah Dr. Nor Rofiah Bil Uzm, Dr Maria Ulfah Anshor dan Rozana Isa.

## 8. MAJLIS SAMBUTAN HARI ORANG KURANG UPAYA

Seluruh dunia menyambut Hari OKU pada 3 Disember setiap tahun. Tema yang diangkat oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi tahun 2022 adalah, 'Transformasi Ke arah Pembangunan Inklusif: Peranan Inovasi Dalam Memenuhi Aksesibiliti dan Kesaksamaan OKU'. Bersesuaian dengan tema ini, buat julung kalinya, SUHAKAM memilih untuk bersama-sama meraikan potensi kreatif, seni dan intektual OKU serta mencari jalan penyelesaian sebagai langkah perubahan dan inovasi akses ke tempat persembahan seperti teater, panggung wayang, muzium dan lain-lain.

Program Sambutan Hari OKU telah dihadiri oleh 126 orang. Sambutan ini menjadi platform untuk memupuk kesedaran pemegang taruh tentang hak OKU untuk mendapatkan akses kepada perkhidmatan seperti teater, panggung wayang, muzium dan lain-lain.

Program dimulakan dengan ucapan daripada Pengerusi SUHAKAM, Prof. Dato' Dr. Rahmat Mohamad. Antara intipati ucapannya menyentuh tentang kepentingan memperkasakan OKU, penambahbaikan yang perlu dilakukan terhadap Akta OKU 2008 [Akta 685] dan peranan Majlis Kebangsaan bagi OKU. Beliau turut menyentuh tentang peranan SUHAKAM dalam memastikan OKU turut mendapat penyertaan penuh dalam merealisasikan hak mereka.

Acara kemudiannya diteruskan dengan tayangan filem 'Garang: Aku Luar Biasa', disusuli dengan dialog awam. Dialog awam dianggotai oleh Puan Sakinah Bibi, Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya, En. Wong Yoon Loong, Ahli Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya dan Encik Mohd Hafiz Halim, Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Ketiga-tiga panel telah membincangkan isu-isu berikut:

i. Hak OKU untuk menikmati akses kepada tempat persembahan, termasuklah panggung wayang, teater dan muzium;
ii. Hak OKU untuk menikmati kemudahan seperti panggung wayang, teater dan muzium, terutamanya tentang keperluan kepada deskripsi audio; dan
iii. Langkah-langkah yang sesuai diambil bagi memastikan OKU mendapat peluang untuk dikembangkan potensi kreatif dan artistik.

Puan Sakinah Bibi turut menyatakan bahawa Petaling Jaya merupakan bandar mesra OKU. Pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mengambil langkah seperti mengadakan rundingan dengan pemaju bagi memastikan mana-mana bangunan termasuklah pawagam dibina berdasarkan reka bentuk sejagat yang sesuai diakses oleh OKU. Namun begitu, beliau turut mengakui masih banyak yang perlu ditambahbaik dan kerjasama daripada komuniti OKU adalah sangat penting. Beliau memberikan contoh tentang muzium kapal di Melaka yang mempunyai kesukaran untuk diakses. Oleh itu, beliau menyeru orang ramai untuk terus menyalurkan input kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkenaan isu ini. Selain itu, beliau turut menyebut tentang kepentingan memastikan rumah jagaan warga tua dan OKU yang mematuhi piawaan dasar keselamatan di samping menyeru agar OKU dilibatkan dalam keanggotaan PBT khususnya bagi tujuan penggubalan polisi.

Sementara itu, Encik Wong Yoon Long berkongsi tentang kesukaran orang buta untuk memahami filem terutamanya filem berunsurkan aksi. Menurut beliau di

Indonesia wujud sukarelawan 'bisik-bisik' khusus di panggung wayang. Manakala Korea dan China pula menggunakan teknologi deskripsi audio. Justeru, beliau berharap stesen televisyen dapat turut mewujudkan pilihan deskripsi audio. Teknologi yang sama juga sesuai digunakan untuk berita dan ramalan cuaca.

Selain dari itu, beliau turut berkongsi tentang kepentingan untuk mempunyai produk pelancongan yang mesra OKU agar tempat-tempat seperti muzium dan zoo turut dapat diakses oleh OKU. Beliau menitikberatkan 5 cara penyampaian maklumat kepada OKU iaitu, penerangan dalam braille, pengaktifan audio, alat pendengaran penerangan dalam pelbagai bahasa, pengaktifan berasaskan sensori, audio automatik, dan membenarkan OKU menyentuh bahan tersebut sebagaimana yang diimplementasi di Buckingham Palace di mana OKU penglihatan diberikan peluang untuk menyentuh takhta yang dipamerkan.

Manakala Encik Mohd Hafiz berbincang mengenai Seksyen 31 Akta OKU tentang kebolehaksesan kepada budaya, memperkasa OKU dan memperkayakan persekitaran. Beliau tu rut menyatakan peranan Kerajaan dalam mengupayakan potensi artistik mereka di peringkat dasar dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) dan agensi-agensi pelancongan.

Dalam hal ini, beliau telah mencadangkan agar:

i. Mempertimbangkan untuk perkara mengenai anti diskriminasi terhadap OKU disentuh di dalam Perlembagaan Persekutuan;
ii. Bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuklah Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA);
iii. Membuka ruang dan peluang kepada OKU untuk terus meningkatkan potensi mereka;
iv. Kepentingan badan-badan bukan kerajaan untuk menjadi suara kepada komuniti OKU;
v. OKU perlu dilibatkan dalam proses mencapai kata putus;
vi. OKU dilibatkan dan diasah bakat untuk berlakon;
vii. Kerjasama dengan pelbagai pemegang taruh termasuk penyedia perkhidmatan pawagam, muzium dan teater;
viii. Menyediakan sistem sokongan yang kuat; dan
ix. Memastikan Malaysia menjadi sebuah negara yang boleh diakses oleh OKU dan saksama bagi semua golongan.

**9. SYOR**

SUHAKAM kekal komited dan bersedia untuk menasihati dan membantu kerajaan dalam memastikan prinsip hak asasi manusia dipertimbang dan diserap dalam pelbagai undang-undang yang sedang diperbaharui, dipinda atau digubal. Kerajaan telah menunjukkan beberapa langkah ke arah penglibatan yang lebih besar dan menjadi lebih inklusif dalam memajukan agenda hak asasi manusia dengan perbincangan mengenai Rang Undang-undang Anti Gangguan Seksual dan pelantikan Penasihat Khas kepada Perdana Menteri, yang bertanggungjawab terhadap Undang-undang dan Hak Asasi Manusia.

SUHAKAM akan terus menjalankan tugas advokasi serta melakukan apa juga tindakan yang perlu untuk memudahkan usaha Malaysia menyertai atau meratifikasi triti hak asasi manusia. SUHAKAM mengakui terdapat beberapa cabaran atau halangan ke arah penyertaan tersebut. Oleh itu, SUHAKAM mengambil inisiatif untuk melakukan penyelidikan yang relevan mengenai kesesuaian undang-undang sivil dan syariah dengan instrumen ini. SUHAKAM akan terus mengadakan rundingan dengan beberapa kementerian mengenai saranan bagi mengatasi kelompongan pelbagai undang-undang atau isu sosial yang dikenal pasti bagi membuka jalan agar dapat membantu kerajaan menandatangani dan menyertai instrumen tersebut.

# BAHAGIAN KOORDINASI ANTARABANGSA

## LATAR BELAKANG

Meskipun fungsi dan kuasa SUHAKAM adalah untuk memajukan dan melindungi hak asasi manusia untuk semua di Malaysia, secara umum diketahui bahawa isu hak asasi manusia merupakan isu yang sangat luas dan melangkaui persempadanan negara. Bagi memastikan SUHAKAM dapat melaksanakan fungsinya dengan berkesan, adalah penting bagi SUHAKAM untuk meningkatkan lagi kapasiti dan peranannya sebagai institusi yang mendukung hak asasi manusia di dalam dan di luar negara menerusi penglibatan secara aktif dengan mekanisme dan organisasi hak asasi manusia di segenap peringkat.

Penglibatan aktif SUHAKAM di peringkat serantau dan antarabangsa tertumpu tetapi tidak terhad kepada jaringan institusi hak asasi manusia kebangsaan (NHRI) dan mekanisme hak asasi manusia antarabangsa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Sehingga kini, SUHAKAM merupakan anggota kepada 4 jaringan NHRI serantau dan antarabangsa. Sebagai anggota dan NHRI yang berstatus 'A', SUHAKAM bergiat secara aktif dalam aktiviti dan program yang telah dianjurkan oleh jaringan NHRI. SUHAKAM juga aktif mengambil bahagian dalam mekanisme hak asasi manusia antarabangsa PBB serta menjalinkan usahasama bersama organisasi hak asasi manusia yang lain.

Keterlibatan antarabangsa SUHAKAM juga terkesan akibat pandemik, tetapi pembukaan semula sempadan antarabangsa dan peralihan secara beransur-ansur ke fasa endemik COVID-19 telah membuka ruang kepada penganjuran lebih banyak mesyuarat dan program antarabangsa secara fizikal. Walau bagaimanapun, masih terdapat aktiviti yang dijalankan secara dalam talian melalui telesidang, ditangguh atau dibatalkan berdasarkan kepada situasi semasa negara penganjur.

Melalui keterlibatan antarabangsanya, SUHAKAM dapat berkongsi amalan terbaik dan cabaran dalam mendepani isu hak asasi manusia di Malaysia selain berpeluang untuk mempelajari dan mengadaptasi amalan terbaik yang telah dilaksanakan oleh rakan strategiknya. SUHAKAM turut menjalinkan hubungan kerja dalam isu hak asasi manusia merentas sempadan yang menjadi perhatian bersama, melalui pelbagai kerjasama termasuk memorandum persefahaman.

## 1. AKREDITASI SEMULA SUHAKAM

Bagi memastikan SUHAKAM dapat menumpukan usaha bagi merealisasikan 6 syor[1] yang telah dikemukakan kepada SUHAKAM semasa sesi akreditasi semula

---

[1] Enam Syor tersebut adalah seperti berikut:
- i. Proses pemilihan dan lantikan anggota Pesuruhjaya
- ii. Anggota Suruhanjaya sepenuh masa
- iii. Dana yang sewajarnya
- iv. Memperkasa kerjasama dengan badan hak asasi manusia yang lain
- v. Laporan Tahunan dan Khas diedarkan kepada umum, dibentangkan, dan dibincangkan oleh Badan Perundangan
- vi. Proses pemecatan anggota Suruhanjaya yang bebas dan objektif

oleh Jawatankuasa Kecil Akreditasi (SCA) Pakatan Global Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (GANHRI) pada 28 Jun 2021, SUHAKAM pada April 2022 telah menubuhkan Jawatankuasa Khas untuk Memantau Pelaksanaan Syor SCA GANHRI dan Pematuhan kepada Prinsip Paris. Jawatankuasa tersebut diketuai oleh Anggota Suruhanjaya, Dato' Hasnal Rezua Merican Habib Merican dan Datuk Hajah Mariati Robert.

Objektif Jawatankuasa ini adalah untuk memantau pelaksanaan syor SCA GANHRI, bekerjasama dengan pihak berkepentingan dengan matlamat untuk memastikan pelaksanaan syor, merekodkan sebarang tindakan dan usaha SUHAKAM, memantau pematuhan SUHAKAM dengan Prinsip Paris serta menjalankan persiapan bagi menghadapi pusingan akreditasi semula SUHAKAM yang ke-5 yang dijadualkan pada tahun 2026.

Pelaksanaan syor tersebut dan pematuhan kepada Prinsip Paris adalah merupakan 2 perkara yang menjadi keutamaan SUHAKAM terutamanya dalam memastikan supaya SUHAKAM dapat mengekalkan rekodnya sebagai NHRI dengan status 'A'.

## 2. PENILAIAN BERKALA SEJAGAT (UPR)

SUHAKAM telah menghadiri Sesi Konsultasi bagi Membincangkan Matriks Pemantauan Perkembangan Saranan Penilaian Berkala Sejagat (UPR) Ketiga Malaysia Siri 1/2022 yang dianjurkan oleh Kementerian Luar Negeri (KLN) pada 14 April 2022 secara dalam talian. Sesi konsultasi tersebut adalah bertujuan untuk membincangkan mengenai status terkini petunjuk saranan UPR Ketiga dan status pelaksanaan petunjuk bagi tempoh jangka masa pendek dan pertengahan.

Semasa sesi konsultasi tersebut, KLN turut memaklumkan bahawa mereka dengan kerjasama Pejabat Pesuruhjaya Tinggi bagi Hak Asasi Manusia (OHCHR) telah menterjemahkan kesemua 9 instrumen teras hak asasi manusia antarabangsa, Protokol Opsyenal dan Statut Rom ke dalam Bahasa Melayu. Terjemahan tersebut telah dibuat oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM). Sehubungan itu, KLN telah memohon pandangan dan bantuan SUHAKAM mengenai cara yang terbaik untuk menyebarkan terjemahan tersebut kepada golongan sasaran dan masyarakat umum.

SUHAKAM juga menghadiri Sesi Konsultasi bagi Membincangkan Matriks Pemantauan Perkembangan Saranan UPR Ketiga Malaysia Siri 2/2022 yang telah diadakan secara hibrid di Hotel Zenith, Putrajaya dan secara dalam talian pada 10 November 2022. Antara tujuan sesi konsultasi tersebut diadakan adalah untuk membincangkan mengenai perkembangan terkini pelaksanaan aplikasi Pangkalan Data Pengesanan Syor Nasional (NRTD) untuk Malaysia oleh OHCHR, status terkini petunjuk dan perlaksanaan UPR Ketiga Malaysia.

## 3. PENYERTAAN/ MESYUARAT ANTARABANGSA

Selaku ahli aktif dalam 4 jaringan NHRI di peringkat serantau dan antarabangsa, SUHAKAM sering terlibat dalam aktiviti yang telah dianjurkan oleh rangkaian NHRI atau menjadi tempat rujukan, selain turut menjadi penganjur bagi sesuatu program.

### i. Forum Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan Asia Tenggara (SEANF)

Forum Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan Asia Tenggara (SEANF) ialah rangkaian sub-serantau yang terdiri daripada 6 anggota NHRI iaitu Komisi Nasional Hak Asasi Manusia Indonesia (Komnas HAM), SUHAKAM, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Myanmar (MNHRC), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Filipina (CHRP), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Thailand (NHRCT) dan Institusi Hak Asasi Manusia Nasional Republik Demokratik Timor-Leste (PDHJ).

Berdasarkan Peraturan Prosedur (RoP) SEANF, jawatan Pengerusi SEANF dipilih secara bergilir antara setiap anggotanya setiap tahun mengikut turutan abjad. Sehubungan itu, SUHAKAM telah menyerahkan jawatan Pengerusi SEANF bagi tahun 2022 kepada CHRP selepas Persidangan Tahunan SEANF ke-18 pada Disember 2021.

Sorotan utama SEANF sepanjang tahun 2022 adalah seperti yang berikut:

a. Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal (TWG)

Mesyuarat TWG merupakan platform kepada anggota SEANF untuk membincangkan mengenai hal-hal SEANF antaranya termasuklah penubuhan

Sekretariat Tetap SEANF, pelaksanaan aktiviti yang telah dirancang dalam Pelan Strategik SEANF 2022 hingga 2026, serta berkongsi pengalaman dan amalan terbaik sesama anggota mengenai isu hak asasi manusia yang menjadi perhatian bersama di rantau Asia Tenggara antaranya seperti hak warga emas, kesan pandemik COVID-19 kepada hak ekonomi, sosial dan kebudayaan, hak untuk mendapatkan maklumat; dan isu hak asasi manusia yang merentas sempadan seperti isu tanpa kewarganegaraan, perniagaan dan hak asasi manusia, alam sekitar dan perubahan iklim.

Mesyuarat TWG 1/2022 telah diadakan pada 23 dan 24 Mac secara dalam talian manakala selepas pembukaan sempadan antarabangsa, Mesyuarat TWG 2/2022 telah diadakan pada 28 hingga 29 September 2022 secara hibrid di Manila, Filipina.

b. Kumpulan Kerja Semakan Teknikal (TRWG) SEANF

Memperkasakan SEANF sebagai sebuah institusi yang berwibawa, bebas dan berkesan adalah merupakan salah satu daripada 4 keutamaan strategik yang telah dipersetujui bersama dalam Pelan Strategik SEANF 2022 hingga 2026.

Bagi mencapai matlamat tersebut, SUHAKAM telah dipertanggungjawabkan untuk mengetuai pelaksanaan Bidang Keutamaan 4(a) Pelan Strategik SEANF 2022 hingga 2026 iaitu menyemak semula Proses dan Struktur SEANF. SUHAKAM telah menubuhkan Kumpulan Kerja Semakan Teknikal (TRWG) SEANF dan mengadakan mesyuarat sulungnya pada 21 Mac 2022 secara dalam talian. Ahli TRWG terdiri daripada wakil setiap anggota SEANF. Objektif TRWG adalah seperti berikut:

i. Untuk menyemak semula struktur dan proses SEANF yang tidak terhad kepada membuat keputusan dan maklum balas bersama semasa berlakunya pelanggaran hak asasi manusia yang serius atau krisis hak asasi manusia di rantau Asia Tenggara;
ii. Untuk menyemak semula struktur dan proses SEANF dalam membuat keputusan berhubung perkara dasar;
iii. Membuat semakan terhadap RoP SEANF antaranya seperti objektif, skop dan fungsi SEANF dan Pengerusi SEANF; dan

iv. Mengemukakan cadangan untuk tujuan penambahbaikan dan memperkasakan SEANF sebagai mekanisme hak asasi manusia serantau.

Bagi mencapai objektif tersebut, SUHAKAM telah membangunkan 2 set soalan kaji selidik untuk diedarkan kepada anggota SEANF dan rakan strategik SEANF bagi mendapatkan maklum balas berhubung struktur dan proses SEANF yang sedia ada serta sebarang cadangan untuk penambahbaikan. SUHAKAM telah mengedarkan soalan kaji selidik tersebut pada November 2022 dan dapatan awal kajian tersebut telah dibentangkan semasa Persidangan Tahunan SEANF kali ke-19 pada 28 dan 29 November 2022. Semasa persidangan tersebut juga, SEANF bersetuju untuk melanjutkan tempoh responden memberikan maklum balas kepada TRWG sehingga pertengahan Januari 2023 agar lebih banyak maklumat dan cadangan boleh diperoleh.

c. Mesyuarat antara SEANF dengan Suruhanjaya antara Kerajaan ASEAN mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR)

Mesyuarat AICHR-SEANF telah diadakan semasa Mesyuarat AICHR kali ke-35 pada 21 Jun 2022 secara dalam talian. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Keo Remy, wakil AICHR Kemboja dan Pengerusi AICHR bagi tahun 2022.

Antara isu yang dibincangkan adalah mengenai kerjasama antara SEANF dan AICHR terutamanya yang melibatkan bidang keutamaan SEANF seperti yang dinyatakan dalam Pelan Strategik SEANF 2022 hingga 2026 dan bidang keutamaan yang disenaraikan oleh Pelan Tindakan Lima Tahun AICHR 2021 hingga 2025.

Pengerusi SEANF juga mencadangkan supaya hubungan SEANF dan AICHR dapat dilaksanakan secara rasmi dengan mengadakan sekurang-kurangnya satu mesyuarat bersemuka dan satu program anjuran bersama setiap tahun. Hubungan rasmi ini boleh diinstitusikan sama ada dalam bentuk Memorandum Persefahaman (MoU) atau sebarang bentuk yang boleh dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. SEANF juga menggalakkan supaya Negara Anggota ASEAN yang masih tidak mempunyai NHRI untuk menubuhkan NHRI yang patuh kepada Prinsip Paris dan memperkasakan NHRI yang sedia ada. SEANF

dan SUHAKAM khususnya bersedia untuk memberikan bantuan teknikal berhubung perkara tersebut sekiranya diperlukan.

d. Persidangan Tahunan SEANF kali ke-19

Persidangan Tahunan SEANF kali ke-19 telah diadakan pada 28 hingga 29 November 2022 secara hibrid di Zamboanga, Filipina dan secara dalam talian. Bersempena dengan MoU mengenai Isu Tanpa Kewarganegaraan di Sabah antara SUHAKAM, Komnas HAM dan CHRP, Persidangan Tahunan ini dianjurkan dengan tema 'Peranan NHRI dalam Mencegah Tiada Kewarganegaraan dan Melindungi Hak Orang yang Berisiko Menjadi Tiada Kewarganegaraan: Perspektif dari Asia Tenggara'. Pelbagai isu mengenai tanpa kewarganegaraan telah dibincangkan bukan sahaja oleh parti kepada MoU, tetapi oleh semua ahli SEANF memandangkan isu tanpa kewarganegaraan adalah antara isu yang dihadapi dalam kalangan negara di rantau Asia Tenggara.




**Wakil SUHAKAM bersama sebahagian ahli SEANF di Persidangan Tahunan SEANF kali ke-19**

Turut dibentangkan semasa persidangan ini adalah laporan aktiviti yang telah dijalankan oleh NHRI yang diamanahkan untuk mengetuai pelaksanaan keutamaan strategik SEANF yang dinyatakan dalam Pelan Strategik SEANF 2022 hingga 2026. Persidangan tahunan ini juga menyaksikan penyerahan jawatan Pengerusi SEANF daripada CHRP kepada NHRCT. Kesemua ahli telah

menzahirkan penghargaan kepada CHRP sebagai Pengerusi SEANF pada tahun 2022 dan menyatakan kesediaan untuk memberikan sokongan dan kerjasama kepada NHRCT sebagai Pengerusi SEANF bagi tahun 2023.

**ii. Forum Asia Pasifik Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (APF)**

Forum Asia Pasifik Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (APF) merupakan rangkaian NHRI serantau yang pada masa ini dianggotai oleh 25 anggota NHRI. Matlamat utama APF adalah untuk mempromosikan penubuhan NHRI yang bebas di rantau Asia Pasifik dan memberikan sokongan kepada ahlinya supaya dapat melaksanakan fungsi dan mandat secara berkesan.

Sebagai salah satu sokongan kepada ahlinya, APF telah menganjurkan Program Tahunan APF mengenai Akreditasi NHRI 2022 pada 14 hingga 18 Februari 2022 yang diadakan secara dalam talian. Program ini dianjurkan bagi memberikan pendedahan kepada NHRI yang akan menjalani proses akreditasi buat kali pertama atau akreditasi semula oleh Jawatankuasa Kecil Akreditasi (SCA) GANHRI, terutamanya mengenai cara untuk membuat permohonan, persediaan dan dokumen yang diperlukan, sesi temuduga oleh SCA dan kepentingan untuk menjadi NHRI berstatus 'A' iaitu yang mematuhi Prinsip Paris. SUHAKAM yang baru sahaja melengkapkan proses akreditasi semulanya pada tahun 2021 dan berjaya mengekalkan status 'A' yang bermaksud pematuhan penuh kepada Prinsip Paris telah dijemput untuk berkongsi pengalamannya dalam 3 tahap proses akreditasi iaitu permohonan bertulis, laporan pihak ketiga dan ringkasan laporan oleh OHCHR, dan temuduga SCA. SUHAKAM telah menekankan kepentingan untuk menyediakan dokumen bertulis lebih awal, memaklumkan proses akreditasi kepada pemegang taruh seperti CSO dan implikasi proses akreditasi terhadap NHRI dan pelaksanaan syor SCA yang terdahulu bagi NHRI yang memohon untuk akreditasi semula.

APF dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Urus APF manakala Jawatankuasa Tadbir Urus APF terdiri daripada 5 orang Ahli Majlis Forum APF yang dilantik di kalangan Ahli Majlis Forum APF yang berstatus 'A' bagi tempoh 2 tahun. Proses lantikan tersebut kebiasaannya diadakan semasa Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) APF. Sebagai ahli APF, Pengerusi SUHAKAM secara langsung turut menjadi Ahli Majlis Forum APF.

Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) APF kali ke-27 telah diadakan pada 14 dan 15 September 2022 secara dalam talian. Sebagai ahli APF dan NHRI dengan status 'A', SUHAKAM boleh mencalonkan diri dalam jawatan yang dibuka selain diberikan hak untuk mengundi semasa AGM, walau bagaimanapun, peraturan baru oleh Kerajaan Australia mewajibkan setiap pengarah di pertubuhan yang berdaftar di Australia untuk mendaftar dan mendapat identifikasi (ID) Pengarah. SUHAKAM telah membuat permohonan seperti yang diperlukan tetapi tidak dapat memperolehi ID Pengarah tersebut sebelum AGM dan oleh yang demikian, SUHAKAM tidak dapat mencalonkan diri dan mengundi semasa AGM. Meskipun begitu, SUHAKAM tetap hadir ke AGM. Keputusan di bawah telah dicapai oleh ahli APF semasa AGM iaitu:

i. Pengerusi NHRI Korea telah dilantik sebagai Pengerusi APF
ii. Pengerusi NHRI Mongolia telah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi APF
iii. Pengerusi NHRI India telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus APF 1

### iii. Forum Komanwel Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (CFNHRI)

Forum Komanwel Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (CFNHRI) merupakan satu rangkaian NHRI di peringkat antarabangsa yang bertujuan untuk memastikan supaya hak asasi manusia dihormati di segenap pelusuk Komanwel. Keanggotaan CFNHRI adalah terdiri daripada NHRI, Ombudsman dan pembela hak asasi manusia yang beroperasi di lima benua di dunia.

Terdapat 2 mesyuarat utama yang dianjurkan oleh CFNHRI pada tahun 2022 seperti berikut:

a. Mesyuarat Tahunan CFNHRI 2022
Mesyuarat Tahunan CFNHRI 2022 telah diadakan pada 7 Mac 2022 secara dalam talian. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Pengerusi Suruhanjaya Kesaksamaan dan Hak Asasi Manusia Great Britain (EHRC). Semasa mesyuarat tersebut, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Bermuda dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dan Anti-Diskriminasi telah diterima sebagai anggota CFNHRI. Selain itu, CFNHRI juga telah menghasilkan animasi pendek mengenai hak orang kurang upaya yang boleh diakses di laman YouTube CFNHRI. Anggota CFNHRI digalakkan untuk menggunakan animasi tersebut untuk tujuan promosi dan pendidikan.

b. Mesyuarat Dwitahunan CFNHRI 2022

Mesyuarat Dwitahunan CFNHRI diadakan pada 16 dan 17 Jun 2022 secara fizikal di Kigali, Rwanda iaitu tempat yang sama berlangsungnya Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM). SUHAKAM telah turut sama menghadiri Mesyuarat Dwitahunan CFNHRI bagi tahun 2022.

Semasa mesyuarat tersebut, Setiausaha SUHAKAM, Dr. Cheah Swee Neo bersama Menteri Kehakiman Rwanda, Penyelaras Setempat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Rwanda, Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malawi, dan Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Rwanda menjadi ahli panel untuk membincangkan mengenai topik 'Tiada sesiapa pun yang terpinggir: Bekerjasama untuk menormalisasikan hak asasi manusia dalam tindak balas kecemasan dan pemulihan'. Antara maklumat yang dikongsikan termasuklah gerak kerja SUHAKAM untuk melindungi dan mempromosi hak asasi manusia dengan kerjasama agensi Kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), entiti korporat dan yang paling utamanya, masyarakat awam bagi tempoh 2 tahun sejak berlakunya pandemik COVID-19.




**Setiausaha SUHAKAM bersama Ahli Panel di Mesyuarat Dwitahunan CFNHRI 2022**

Turut berlangsung semasa mesyuarat tersebut adalah penyerahan jawatan Pengerusi CFNHRI daripada Suruhanjaya Kesaksamaan dan Hak Asasi Manusia Great Britain (EHRC) kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Rwanda.

Semasa penutup Mesyuarat Dwitahunan CFNHRI pada 17 Jun 2022, anggota CFNHRI secara rasmi telah menerima pakai 'Deklarasi Kigali mengenai penegakan hak asasi manusia semasa pandemik dan krisis global yang lain'. Menerusi deklarasi terbabit, CFNHRI menyeru kepada Ketua-ketua Kerajaan Komanwel supaya mengiktiraf kepentingan meletakkan hak asasi manusia untuk semua sebagai nadi dalam proses pemulihan daripada pandemik atau sebarang krisis dunia.

**iv. Pakatan Global Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (GANHRI)**

Mesyuarat Tahunan GANHRI 2022 dan acara sampingan telah dijalankan pada 9 dan 10 Mac 2022 secara dalam talian. Acara sepanjang 2 hari tersebut telah menghimpunkan lebih daripada 150 orang peserta yang terdiri daripada NHRI, rakan kongsi strategik dan pakar hak asasi manusia dari seluruh dunia.

Semasa mesyuarat tesebut, SUHAKAM sebagai NHRI berstatus 'A', telah dipertanggungjawabkan untuk mengundi dalam beberapa agenda yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, SUHAKAM telah menerima pakai dan meluluskan dokumen seperti yang berikut:

- Menerima pakai draf Rekod Keputusan (RoD) daripada Perhimpunan Agung dan Perhimpunan Agung Luar Biasa yang terdahulu iaitu pada 1 Julai 2021 dan 16 hingga 17 Disember 2021;
- Pengesahan ahli Biro baru atau diperbaharui seperti berikut:
  - » Sirpa Rautio, NHRI Finland
  - » Erinda Ballanca, NHRI Albania
  - » Diana Kovatcheva, NHRI Bulgaria
  - » Petter Wille, NHRI Norway
- Menerima pakai laporan Kewangan dan Audit GANHRI 2021;
- Meratifikasi draf Pelan Kerja GANHRI 2022; dan
- Meluluskan Bajet GANHRI 2022 yang telah dikemas kini.

Semasa mesyuarat tersebut juga, anggota GANHRI telah memilih Maryam Abdullah Al-Attiyah, Pengerusi NHRI Qatar sebagai Pengerusi GANHRI yang baharu dan Amina Bouayach, Pengerusi NHRI Maghribi sebagai Setiausaha GANHRI.

## 4. KETERLIBATAN DAN PERKONGSIAN

### i. Kerjasama bersama Kementerian Luar Negeri

- **Pengedaran terjemahan instrumen teras hak asasi manusia antarabangsa**

  Pada 25 April 2022, satu mesyuarat antara Kementerian Luar Negeri (KLN), agensi Kerajaan dan wakil Malaysia ke Suruhanjaya antara Kerajaan ASEAN mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR) telah diadakan secara dalam talian bagi membincangkan mengenai cara terbaik dalam menyebarkan maklumat mengenai kesemua 9 instrumen teras hak asasi manusia antarabangsa, Protokol Opsyenal dan Statut Rom yang telah diterjemahkan ke Bahasa Malaysia. Projek terjemahan tersebut adalah merupakan kerjasama antara KLN dan OHCHR manakala terjemahan tersebut telah dilaksanakan oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM).

  SUHAKAM berdasarkan pengalaman dalam menjalankan promosi dan pendidikan hak asasi manusia telah mencadangkan agar dokumen tersebut dihasilkan semula dalam bentuk yang lebih mudah dihadam oleh kumpulan sasaran seperti infografik dan pautan kepada dokumen penuh disertakan sekiranya mereka berminat untuk mendapatkan terjemahan penuh bagi instrumen yang berkenaan.

  Walau bagaimanapun, proses untuk mengedarkan instrumen tersebut terpaksa ditangguhkan kerana terdapat beberapa isu mengenai terjemahan yang dibangkitkan oleh SUHAKAM dan beberapa agensi Kerajaan yang lain. SUHAKAM berharap agar terjemahan tersebut dapat dimuktamadkan dengan seberapa segera kerana ianya akan dapat membantu orang ramai untuk memahami maksud sesuatu instrumen teras hak asasi manusia antarabangsa dengan lebih berkesan.

- **Sesi taklimat Bahagian Hak Asasi Manusia dan Kemanusiaan (HRHD), KLN dan SUHAKAM**

  Satu sesi taklimat dari Bahagian Hak Asasi Manusia dan Kemanusiaan (HRHD), Kementerian Luar Negeri (KLN) kepada SUHAKAM telah diadakan pada 3 November 2022. SUHAKAM telah diwakili oleh Pengerusi, barisan

Anggota Suruhanjaya dan pegawai manakala HRHD telah diwakili oleh Puan Murni Abdul Hamid, Setiausaha Bahagian, HRHD, KLN dan pegawai. Objektif taklimat ini dijalankan adalah untuk membincangkan mengenai fungsi dan keutamaan HRHD, dan kerjasama 2 hala antara KLN dan SUHAKAM dalam isu hak asasi manusia di peringkat setempat dan antarabangsa. Antara isu yang dibincangkan adalah keahlian Malaysia sebagai Ahli Majlis Hak Asasi Manusia PBB dan bidang keutamaan Malaysia, Projek Terjemahan Instrumen Hak Asasi Manusia Antarabangsa Teras, Penilaian Berkala Sejagat (UPR), Pangkalan Data Pengesanan Syor Nasional (NRTD) dan Sidang Tetap Majlis Hak Asasi Manusia PBB ke-52.

SUHAKAM dan HRHD, KLN telah bersetuju untuk bekerjasama rapat terutama dalam isu yang melibatkan pengedaran terjemahan instrumen hak asasi manusia yang utama, UPR dan usahasama pada Sidang Tetap Majlis Hak Asasi Manusia PBB ke-52 yang dijadualkan pada suku pertama 2023.




**Sesi Taklimat oleh HRHD, KLN bersama Pengerusi dan Anggota Suruhanjaya SUHAKAM**

- **Perjumpaan antara SUHAKAM dan Wakil AICHR Malaysia**

Satu perjumpaan antara Pengerusi SUHAKAM, Prof. Dato' Dr. Rahmat Mohamad, dan wakil AICHR Malaysia, Prof. Dato' Dr. Aishah Bidin telah

diadakan di Pejabat SUHAKAM Kuala Lumpur pada 12 Disember 2022. Perjumpaan tersebut membincangkan mengenai kebarangkalian untuk kerjasama antara AICHR Malaysia dan SUHAKAM pada tahun 2023 terutama dalam isu hak asasi manusia dan perniagaan serta hak kepada alam sekitar. Turut dibincangkan adalah isu mekanisme aduan mengenai isu hak asasi manusia yang boleh diperincikan antara AICHR dan SUHAKAM.



**Perjumpaan wakil AICHR Malaysia bersama Pengerusi dan Pesuruhjaya SUHAKAM**

## 5. PERANAN SUHAKAM DAN MEKANISME HAK ASASI MANUSIA PBB

### i. Kenyataan SUHAKAM semasa Sidang Majlis Hak Asasi Manusia

Sebagai NHRI yang berstatus 'A', SUHAKAM diberikan hak keistimewaan untuk memberikan kenyataan semasa Sidang Majlis Hak Asasi Manusia PBB. Kenyataan tersebut boleh dibuat secara lisan atau bertulis, serta secara langsung atau menerusi rakaman video.

Semasa Sidang ke-49 Majlis Hak Asasi Manusia PBB yang berlangsung pada 28 Februari hingga 1 April, SUHAKAM telah membuat dua kenyataan menerusi rakaman video berdurasi 1 minit 32 saat iaitu semasa sesi dialog interaktif Pelapor Khas mengenai situasi pembela hak asasi manusia pada 11 Mac 2022 dan sesi

dialog interaktif mengenai Laporan Pesuruhjaya Tinggi kepada Myanmar pada 21 Mac 2022. Kedua-dua rakaman video tersebut boleh diakses melalui laman YouTube SUHAKAM.

**ii. Perjumpaan dengan Pelapor Khas PBB mengenai Situasi Hak Asasi Manusia di Myanmar**

SUHAKAM telah berjumpa dengan Pelapor Khas PBB mengenai situasi hak asasi manusia di Myanmar, Encik Thomas Andrews semasa lawatan rasminya ke Malaysia pada 17 Jun 2022. Semasa perjumpaan tersebut, SUHAKAM telah memberi penerangan mengenai aktiviti yang telah dijalankan oleh SUHAKAM sebagai tindak balas kepada situasi hak asasi manusia di Myanmar serta cabaran yang dihadapi di rantau Asia Tenggara dan keadaan warganegara Myanmar di Malaysia. Antara aktiviti yang dikongsikan adalah penganjuran dua siri dialog mengenai 'Isu Hak Asasi Manusia dan Pendemokrasian di Myanmar' yang telah dianjurkan bersama beberapa NHRI di rantau Asia Tenggara dan Wakil AICHR Indonesia, Malaysia dan Thailand. SUHAKAM juga telah menyerahkan dokumen bertulis mengenai tindakan yang telah diambil oleh SUHAKAM sejak tahun 2021 kepada beliau untuk makluman lanjut dan rekod.



**Perjumpaan bersama Pelapor Khas PBB mengenai situasi hak asasi manusia di Myanmar, Encik Thomas Andrews semasa lawatan rasminya ke Malaysia**

## 6. KERJASAMA ANTARABANGSA

### i. Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai Isu Tanpa Kewarganegaraan di Sabah

Pada 22 Mac 2022, Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai Isu Tanpa Kewarganegaraan di Sabah antara NHRI Malaysia (SUHAKAM) dengan Indonesia (Komnas HAM) dan Filipina (CHRP) telah diperbaharui dan disambung untuk tempoh sehingga penghujung tahun 2022 bagi membolehkan kesemua aktiviti yang telah dirancang di dalam Pelan Tindakan MoU tersebut dilaksanakan.




**Pembaharuan MoU Mengenai Isu Tanpa Kewarganegaraan di Sabah antara SUHAKAM, Komnas HAM dan CHRP**

Perbincangan lanjut antara parti kepada MoU turut dijalankan semasa Mesyuarat TWG 2/2022 pada 28 September 2022 di Manila, Filipina manakala Persidangan Tahunan SEANF kali ke-19 pada 28 dan 29 November 2022 telah diadakan di Zamboanga, Filipina bagi memberi peluang kepada ahli SEANF dan parti kepada MoU khususnya untuk melawat tempat memproses orang tanpa dokumen di Filipina. Ini kerana, kebanyakan warga Filipina yang diusir dari Sabah akan dihantar ke Zamboanga, Filipina. Walau bagaimanapun, semasa lawatan tersebut, tiada orang yang sedang berurusan di pusat pemprosesan tersebut.

Bersempena dengan Persidangan Tahunan SEANF kali ke-19 juga, satu sesi dialog yang bertemakan "Peranan NHRI dalam Mencegah Tiada Kewarganegaraan dan Melindungi Hak Orang yang Berisiko Menjadi Tiada Kewarganegaraan: Perspektif dari Asia Tenggara" telah diadakan pada 28 November. Semasa sesi tersebut, YBhg. Datuk Ag. Shahminan Datuk Ag. Sahari, Setiausaha Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan, Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan, Jabatan Ketua Menteri Sabah telah hadir sebagai ahli panel dalam 'Sesi II: Kemaskini dari Kerajaan dan Membentuk Kerjasama Lebih Kukuh Bersama NHRI' dan beliau telah berkongsi mengenai perkembangan terkini isu tanpa kewarganegaraan di Sabah dan usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri Sabah dalam menangani isu tersebut dan kerjasama yang telah dijalankan bersama SUHAKAM.

Seterusnya, satu perbincangan antara parti MoU telah diadakan sekali lagi pada 20 Disember 2022. Melalui perbincangan tersebut, parti kepada MoU secara prinsipnya bersetuju untuk memperbaharui MoU mengenai Isu Tanpa Kewarganegaraan di Sabah untuk tempoh sekurang-kurangnya 2 tahun dan mengemaskini pelan tindakan MoU tersebut untuk memberi fokus kepada aktiviti lain seperti menjalankan promosi dan perbincangan dengan pemegang taruh mengenai isu tanpa kewarganegaraan di Sabah.

**ii. Memorandum Persefahaman (MoU) antara SUHAKAM dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Kebangsaan Nepal (NHRCN) mengenai Hak Pekerja Migran dan Orang yang Menetap di Kedua-dua Negara**

Pada 28 Januari 2022, satu mesyuarat antara SUHAKAM dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Kebangsaan Nepal (NHRCN) telah diadakan secara atas talian untuk memberikan maklumat terkini mengenai status pelaksanaan aktiviti dalam Pelan Tindakan dan membincangkan mengenai kebarangkalian untuk melanjutkan MoU tersebut yang telah ditandatangani buat kali pertama pada 14 November 2019 dan kemudiannya telah diperbaharui sekali lagi pada 17 Disember 2021. Semasa mesyuarat tersebut, kedua-dua pihak telah bersetuju untuk memperbaharui MoU dengan Pelan Tindakan yang akan dikemas kini.

Dari 28 Mac hingga 1 April 2022, NHRCN telah menjalankan lawatan kerja ke Malaysia serta untuk menandatangani semula MoU secara fizikal. Upacara menandatangani MoU antara SUHAKAM dan NHRCN telah berlangsung pada 28

Mac 2022 di Kuala Lumpur, Malaysia dan MoU tersebut akan berkuatkuasa selama dua tahun. Selepas upacara menandatangani MoU tersebut, kedua-dua institusi telah berbincang untuk menambahbaik Pelan Tindakan MoU tersebut.



**Pembaharuan MoU antara SUHAKAM dan NHRCN mengenai Hak Pekerja Migran dan Orang yang Menetap di Kedua-dua Negara**

### iii. Memorandum Persefahaman (MoU) antara SUHAKAM dan Suruhanjaya Bebas Tetap Hak Asasi Manusia (IPHRC) Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)

SUHAKAM telah menghadiri Seminar mengenai Perlindungan Terhadap Pelarian untuk Mendapatkan Pendidikan dari Perspektif Islam pada 5 dan 6 Oktober 2022 di KLIA. Seminar tersebut diadakan bersempena dengan Sidang IPHRC-OIC ke-8 di Kuala Lumpur. Susulan daripada itu, SUHAKAM telah dijemput untuk menghadiri Sidang Tetap Perbahasan Tematik IPHRC Kali ke-20 dari 18 hingga 22 Disember 2022 di Jeddah, Arab Saudi.

Semasa sidang tersebut berlangsung iaitu pada 18 Disember 2022, Anggota Suruhanjaya YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal telah mewakili SUHAKAM sebagai ahli panel pakar dalam perbahasan tematik berkaitan 'Hak kepada Kehidupan Berkeluarga: Perspektif Hak Asasi Manusia dan Islam untuk Menghadapi Cabaran Institusi Perkahwinan'.

Pada 18 Disember 2022 juga, semasa sidang yang sama, SUHAKAM yang diketuai oleh Pengerusi, Prof. Dato' Dr. Rahmat Mohamad dan Suruhanjaya Bebas Tetap Hak Asasi Manusia (IPHRC) Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) telah menandatangani

MoU. Melalui MoU tersebut, kedua-dua pihak bersetuju untuk menjalinkan kerjasama dalam bidang hak asasi manusia, selain memperkasa dan meningkatkan kapasiti masing-masing berdasarkan kepada rangka usaha sama yang ditetapkan bagi mencapai kepentingan dan matlamat bersama. MoU ini akan berkuat kuasa untuk tempoh selama 3 tahun bermula 18 Disember 2022 dan tertakluk kepada sebarang pindaan dengan persetujuan kedua-dua pihak. SUHAKAM berharap agar MoU antara SUHAKAM dan IPHRC akan membuka ruang untuk kerjasama rapat dalam pelbagai isu hak asasi manusia seperti islam dan hak asasi manusia, dan peluang untuk meratifikasi instrumen hak asasi manusia antarabangsa.



**Sidang Menandatangani MoU antara Suruhanjaya Bebas Tetap Hak Asasi Manusia (IPHRC) Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan SUHAKAM**

## HARAPAN MASA HADAPAN

SUHAKAM komited untuk terus menempatkan dirinya sebagai pendukung hak asasi manusia di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa melalui penglibatan aktif dengan pelbagai pihak antaranya agensi kerajaan, mekanisme hak asasi manusia PBB, jaringan NHRI dan pertubuhan masyarakat sivil.

SUHAKAM juga berharap agar komitmen Kerajaan di peringkat serantau dan antarabangsa melalui penyertaan Malaysia sebagai ahli Majlis Hak Asasi Manusia PBB, Penilaian berkala Sejagat (UPR) dan pendirian Malaysia terhadap isu hak asasi manusia semasa krisis di negara lain antaranya, dapat diterjemahkan di peringkat nasional untuk mempromosi dan meningkatkan taraf hak asasi manusia di Malaysia.



BAB 3

# ADUAN DAN PEMANTAUAN TERHADAP PELANGGARAN HAK ASASI MANUSIA

# BAHAGIAN ADUAN DAN PEMANTAUAN

## LATAR BELAKANG

Pada tahun 2022, SUHAKAM telah menerima sebanyak 738 aduan. 355 daripada aduan tersebut telah dibuat di ibu pejabat di Kuala Lumpur, 300 aduan di Pejabat Sabah dan 83 aduan di Pejabat Sarawak. Aduan tersebut telah diterima dalam bentuk memorandum, emel, surat, panggilan telefon, temu duga terbuka, sistem e-aduan dan penyerahan langsung semasa program SUHAKAM Bersama Masyarakat (SBM).

### 1. SIASATAN ADUAN

Setelah diteliti secara keseluruhan, SUHAKAM memutuskan bahawa 211 aduan adalah di luar bidang kuasa SUHAKAM kerana sama ada tidak melibatkan sebarang unsur pelanggaran hak asasi manusia, kes di bawah bidang kuasa agensi lain atau kes yang melibatkan proses mahkamah, atau telah diputuskan secara muktamad oleh mahkamah seperti mana yang dinyatakan dalam Seksyen 12 (2) Akta SUHAKAM 1999. SUHAKAM telah menyelesaikan siasatan terhadap 137 kes daripada 527 aduan. Bakinya sebanyak 390 kes masih dalam siasatan.




**Rajah 1: Aduan berkaitan hak asasi manusia yang diterima, 2018 hingga 2022**




**Rajah 2: Bilangan Kes Selesai dan Masih Dalam Siasatan 2022**

**Jadual 7: Pecahan Aduan berkaitan Hak Asasi Manusia, 2022**

| BIL. | PERKARA | SEMENANJUNG | SABAH | SARAWAK |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Maruah diri | 1 | 0 | 0 |
| 2. | Diskriminasi / Hak Kesaksamaan (perkauman, agama, jantina, kurang upaya, fahaman politik dan lain-lain) | 21 | 2 | 2 |
| 3. | Hak untuk hidup | 17 | 1 | 1 |
| 4. | Hak kebebasan dan keselamatan diri | 15 | 0 | 0 |
| 5. | Pemerdagangan / Penyeludupan | 4 | 0 | 0 |
| 6. | Tindakan seksaan / layanan atau hukuman zalim | 35 | 5 | 1 |
| 7. | Tangkapan, tahanan dan pembuangan negeri | 24 | 4 | 0 |
| 8. | Hak pembelaan / perbicaran adil dan terbuka | 7 | 0 | 1 |
| 9. | Hak kepada privasi | 5 | 1 | 1 |
| 10. | Kebebasan bergerak | 2 | 0 | 0 |

| BIL. | PERKARA | SEMENANJUNG | SABAH | SARAWAK |
|---|---|---|---|---|
| 11. | Hak untuk mendapatkan suaka dan status pelarian | 12 | 0 | 0 |
| 12. | Hak kepada kewarganegaraan | 8 | 104 | 26 |
| 13. | Hak kepada pemilikan harta | 2 | 10 | 2 |
| 14. | Kebebasan berfikir, menentukan salah benar dan beragama | 1 | 0 | 10 |
| 15. | Hak berpendapat dan bersuara | 0 | 0 | 0 |
| 16. | Kebebasan berhimpun secara aman | 0 | 0 | 0 |
| 17. | Kebebasan berpersatuan | 0 | 0 | 0 |
| 18. | Hak untuk mengambil bahagian dalam kerajaan / hak sebagai pengundi | 2 | 0 | 0 |
| 19. | Hak kepada pekerjaan dan hak pekerja migran | 36 | 3 | 4 |
| 20. | Hak untuk berehat dan menikmati masa lapang | 0 | 0 | 0 |
| 21. | Hak kepada taraf kehidupan yang mencukupi (makanan, pakaian, perumahan, penjagaan kesihatan) | 34 | 13 | 7 |
| 22. | Hak kepada pendidikan | 1 | 1 | 1 |
| 23. | Hak untuk menyertai kegiatan kebudayaan masyarakat | 0 | 0 | 0 |
| 24. | Hak alam sekitar | 3 | 1 | 1 |
| 25. | Hak tanah adat anak negeri | 3 | 19 | 1 |
| 26. | Hak kanak-kanak | 46 | 0 | 0 |
| 27. | Hak untuk hidup berkeluarga | 2 | 0 | 1 |
| 28. | Hamba abdi | 0 | 0 | 0 |
| 29 | Ucapan kebencian | 0 | 0 | 0 |
| 30. | Buruh paksa | 6 | 1 | |
| 31. | Lain – lain | 8 | 5 | 3 |
| | **JUMLAH** | **295** | **170** | **62** |

## 2. LAWATAN KE TEMPAT TAHANAN

Bagi menjalankan fungsi SUHAKAM, Kumpulan Aduan dan Pemantauan (CMG) telah membuat lawatan ke tempat-tempat tahanan dan mengemukakan syor-syor berhubung isu hak asasi manusia untuk tujuan penambahbaikan. Lawatan yang dijalankan merangkumi 2 kategori iaitu:

i. lawatan berkala untuk melihat keadaan dan layanan di tempat tahanan
ii. lawatan siasatan kes bagi kes-kes yang diadukan ke Suruhanjaya berhubung pelanggaran hak asasi manusia di tempat tahanan.

Bersesuaian dengan slogan Suruhanjaya iaitu "Hak Asasi Manusia Untuk Semua", fokus lawatan berkala ke tempat-tempat tahanan bukan sahaja kepada keadaan dan layanan kepada tahanan tetapi juga kepada keadaan tempat kerja, kesihatan dan keselamatan kakitangan yang menjaga tahanan.

### 2.1 Polis Diraja Malaysia (PDRM)

Pada tahun 2022, SUHAKAM telah mengadakan lawatan berkala ke 4 lokap Polis Diraja Malaysia di bawah seliaan Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Terengganu dan Ibu pejabat Polis Daerah Hulu Terengganu. 4 lokap ini adalah Lokap Balai Polis Kuala Telemong, Lokap Balai Polis Ajil, Lokap Balai Polis Kuala Terengganu dan Lokap Balai Polis Gong Badak.

Lawatan berkala ke lokap polis ini diadakan sepertimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 4(2)(d) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 (Akta 597) dan bertujuan mendapatkan maklumat berhubung keadaan lokap dan kemudiannya membuat syor sekiranya perlu.

SYOR:

1.1. Penyediaan laluan khas bagi rawatan Orang Kena Tahan (OKT) di klinik kesihatan atau hospital Kerajaan bagi mengurangkan risiko keselamatan terhadap OKT dan anggota pengiring;
1.2. Suntikan vaksin tambahan kepada anggota sentri lokap yang terdedah kepada penyakit berjangkit seperti *tuberculosis* (TB), hepatitis C;

1.3. Peruntukan tambahan bagi pembelian tuala wanita untuk OKT wanita di lokap dan alatan kebersihan lokap;
1.4. Penyelenggaran berkala kuaters penginapan anggota;
1.5. Penyelenggaran berkala bagi tandas lokap yang tersumbat, kipas ekzos bagi pengudaraan dan Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV) di Lokap Balai Polis Ajil;
1.6. Serahan rekod kesihatan banduan atau tahanan yang menumpang di lokap polis sebagai pemakluman kepada anggota di balai; dan
1.7. Mempercepatkan proses pembinaan lokap di IPD Hulu Terengganu yang baharu supaya anggota dapat bertugas dengan lebih baik dan OKT yang ditahan diselia di bawah satu bangunan.

## 2.2 Jabatan Penjara Malaysia

Pada tahun 2022, SUHAKAM telah menjalankan 2 lawatan berkala dan 14 lawatan kes ke penjara seluruh Malaysia bagi menyiasat aduan yang diterima.

Hasil lawatan tersebut, SUHAKAM mendapati terdapat keperluan penambahbaikan di penjara yang harus diambil perhatian. Penambahbaikan ini bukan hanya tanggungjawab pihak Jabatan Penjara semata-mata, sebaliknya agensi Kerajaan yang terlibat secara langsung juga perlu memainkan peranan masing-masing bagi memastikan penjara mematuhi standard tempat tahanan yang minimum. Penjara yang dilawati bagi lawatan berkala adalah seperti berikut:

| Bil | Tempat Tahanan Dan Tarikh | Cadangan / Syor |
|---|---|---|
| 1. | Penjara Seberang Perai Pulau Pinang<br>27 Julai 2022 | **Isu Kesesakan**<br>Blok penempatan banduan reman terlalu sesak dan melebihi kapasiti blok berkenaaan. Perkara ini harus diberi perhatian dan pihak penjara seharusnya menambahkan penggunaan blok lain untuk menempatkan banduan reman atau bekerjasama dengan pusat tahanan terdekat bagi menempatkan banduan-banduan ini. |
| | | **Isu bekalan air terputus**<br>Bekalan air di penjara ini kerap terputus dan menyukarkan pihak penjara dalam menguruskan banduan. Suruhanjaya mengesyorkan supaya pihak Penjara mengadakan mesyuarat bersama pihak Pengurusan Bekalan Air Pulau Pinang bagi menyelesaikan masalah bekalan air. |

| Bil | Tempat Tahanan Dan Tarikh | Cadangan / Syor |
|---|---|---|
| | | **Kekurangan anggota yang menjaga blok tahanan** Jumlah pegawai yang menjaga blok adalah terhad kepada 2 orang anggota sahaja dan bilangan banduan di kebanyakan blok adalah melebihi kapasiti. Sekiranya berlaku sebarang rusuhan atau pergelutan di dalam blok, adalah sukar untuk 2 orang anggota mengawal keadaan dan keselamatan anggota juga tidak terjamin. Suruhanjaya mengesyorkan supaya anggota yang menjaga blok, khususnya blok yang mempunyai banduan yang melebihi kapsiti perlu ditambah dengan kadar segera. |
| 2. | Penjara Tawau Sabah<br>21 September 2022 | **Banduan Dagang yang tamat tempoh tetapi masih belum diambil oleh Jabatan Imigresen** Suruhanjaya mengambil maklum Seksyen 51A 1959/63 Akta Imigresen menyatakan bahawa "Ketua Pengarah boleh menetapkan mana-mana tempat sebagai depot imigresen untuk pemeriksaan, pemeriksaan, penyiasatan atau penahanan orang di bawah Akta ini".<br><br>Walau bagaimanapun, penahanan banduan yang telah tamat hukuman tanpa memulakan proses pengusiran dengan segera boleh menyumbang kepada penahanan yang lama dan kesesakan di penjara. |
| | | **Banduan yang mengalami sakit mental dan tidak dapat dikawal** Merujuk kepada Peraturan 235, Peraturan-Peraturan Penjara 2000, Pegawai Perubatan Psikiatri boleh mengemukakan laporan bertulis serta mencadangkan banduan yang mengalami penyakit mental dan tidak boleh dikawal supaya ditempatkan di hospital untuk rawatan dan pemantauan rapi bagi mengelak sebarang insiden yang tidak diingini berlaku ke atas banduan. Anggota sentri di Penjara juga tidak mempunyai kemahiran untuk menjaga banduan yang mempunyai penyakit mental di tahap bahaya. |
| | | **Kekurangan Perjawatan bagi Pegawai Psikologi** Penjara Tawau hanya mempunyai 1 perjawatan sahaja untuk Pegawai Psikologi bagi mengendalikan program psikologi terhadap keseluruhan banduan di Penjara Tawau termasuk banduan wanita. Ini menyukarkan banduan wanita untuk memaklumkan masalah yang dihadapinya semasa berada di Penjara Tawau sekiranya ianya melibatkan isu sensitif wanita. |

| Bil | Tempat Tahanan Dan Tarikh | Cadangan / Syor |
|---|---|---|
| | | **Rekod kesihatan banduan**<br>Rekod kesihatan banduan yang dihantar oleh PDRM jarang diberikan kepada pihak penjara. Pihak PDRM perlu memberi bersama makluman ubatan dan rekod kesihatan banduan khususnya mereka yang perlu mengambil ubatan secara konsisten sewaktu banduan diserahkan kepada pihak penjara. |
| | | **Kesesakan di blok banduan akhir**<br>Sel banduan akhir tidak mencukupi di mana penjara mempunyai 10 sel tetapi bilangan banduan akhir adalah seramai 19 orang. Oleh itu, penjara terpaksa meletakkan 2 orang banduan akhir dalam sel yang sama. Keadaan ini menyebabkan sel tersebut menjadi sangat sempit dan penempatan dua orang dalam sebuah sel adalah tidak sesuai. Pengasingan banduan akhir penting untuk mengelakkan berlakunya sebarang perkara yang tidak diingini. |

## 2.2 Jabatan Imigresen Malaysia

Pada tahun 2022, SUHAKAM telah melawat 7 depot Imigresen untuk tujuan lawatan berkala dan lawatan kes. Lawatan ini adalah selaras dengan perkara yang termaktub dalam Seksyen 4(2)(d) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 iaitu melawat tempat-tempat tahanan untuk mendapatkan maklumat berhubung keadaan tempat tahanan dan kemudian membuat syor sekiranya perlu. Berikut merupakan senarai depot Imigresen yang telah dilawat:

i. Depot Imigresen Bukit Jalil;
ii. Depot Imigresen Semenyih;
iii. Depot Imigresen Sementara Millenium Beranang:
iv. Depot Imigresen Machap Umboo;
v. Depot Imigresen Langkap;
vi. Depot Imigresen Tawau;
vii. Depot Imigresen Sementara Sungai Bakap.

SYOR:

i. Sebilangan tahanan yang berada di depot-depot imigresen adalah pencari suaka dan orang pelarian. Orang pelarian di dalam depot-depot ini mempunyai sama ada kad UNHCR yang didaftarkan di Malaysia atau kad UNHCR yang didaftarkan di negara Bangladesh atau Indonesia. Terdapat juga pencari suaka yang mempunyai surat temuduga UNHCR di mana tahanan tersebut tidak dapat hadir ke temuduga UNHCR untuk menentukan status pelarian mereka akibat ditahan di dalam depot. Selain itu, terdapat juga tahanan yang tidak mempunyai sebarang surat atau dokumen tetapi mendakwa diri mereka sebagai pencari suaka atau orang pelarian.

   Bagi isu ini, SUHAKAM mengesyorkan supaya pihak UNHCR diberikan akses untuk masuk ke dalam depot-depot Imigresen bagi membolehkan mereka mengesahkan ketulenan kad tersebut, sekaligus mengesahkan status seseorang tahanan.

ii. Terdapat tahanan yang ditahan untuk tempoh masa yang lama di depot bagi tujuan menjadi saksi di mahkamah. Tahanan-tahanan ini masih ditahan di depot walaupun telah selesai menjalani hukuman.

   SUHAKAM berpandangan bahawa pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) perlu mengadakan perbincangan bersama pihak PDRM dan Jabatan Kehakiman Malaysia untuk memperhalusi garis panduan bagi penggunaan tahanan sebagai saksi di mahkamah agar tahanan-tahanan ini tidak ditahan terlalu lama.

iii. Terdapat sebilangan tahanan yang merupakan pencari suaka dan orang pelarian yang berada dalam tempoh yang lama di dalam depot kerana hak kepada lawatan samada secara fizikal atau secara dalam talian harus diberikan kepada ahli keluarga tahanan yang memegang kad UNHCR yang sah. Ini adalah sebagai langkah bagi mengurangkan tekanan dalam kalangan tahanan apabila ditahan untuk tempoh masa yang lama.

iv. Anggota yang menjaga sel di depot-depot Imigresen harus diberikan imunisasi tambahan bagi *hepatitis B dan influenza* kerana anggota yang bertugas di sel berhubung terus dengan tahanan dan berisiko tinggi terhadap sebarang penyakit berjangkit.

## 3. MENAMBAHBAIK KEADAAN TEMPAT TAHANAN

### 3.1 Unit Perubatan Tahanan (CHU) di lokap

SUHAKAM tetap komited untuk berkerjasama dengan PDRM dan KKM bagi memastikan penubuhan Unit Perubatan Tahanan (CHU) di lokap polis. SUHAKAM berharap dengan penubuhan CHU akan dapat mengatasi masalah kesihatan dan kes kematian dalam tahanan polis. Sehingga kini, 4 CHU telah mula beroperasi iaitu:

i. Lokap Berpusat Jinjang, Kuala Lumpur
ii. Lokap Berpusat Bayan Baru, Pulau Pinang
iii. Lokap Berpusat Indera Mahkota, Pahang
iv. Lokap Berpusat Kepayan, Sabah

SUHAKAM menyambut baik cadangan pihak PDRM yang ingin memperluaskan inisiatif penubuhan CHU ini ke lokap-lokap daerah lain di dalam Fasa 2. Selain itu, SUHAKAM juga telah menjalankan pemantauan ke 2 lokap berpusat PDRM yang telah memulakan operasi CHU iaitu Lokap berpusat Bayan Baru dan Lokap Berpusat Kepayan. Berdasarkan pemantauan ini, SUHAKAM mengesyorkan penambahbaikan seperti yang berikut:

- Pemansuhan pemeriksaan bahagian alat sulit di dalam borang persetujuan *(consent form);*
- Pemakluman aduan dan dakwaan tindakan kekerasan OKT kepada SUHAKAM;
- Penambahan peruntukan bagi penambahbaikan fasiliti untuk kelancaran pengoperasian CHU; dan
- Penyeliaan OKT dan perkhidmatan CHU di Lokap Berpusat Bayan Baru dijadikan sebagai amalan terbaik oleh PDRM di kesemua CHU yang beroperasi.

## 4. KEMATIAN DALAM TAHANAN

Pada tahun 2022, SUHAKAM telah menyiasat 3 kes berkaitan kematian dalam tahanan. 2 daripada kes ini berlaku di penjara dan 1 kes di depot imigresen. Sehingga kini, 2 kes telah selesai disiasat, manakala 1 kes lagi masih dalam siasatan.

### 4.1 Siasatan Kematian Dalam Tahanan di Penjara Reman Pulau Pinang

SUHAKAM telah menerima aduan daripada pihak keluarga berkenaan kes kematian dalam tahanan yang melibatkan seorang banduan yang telah meninggal dunia semasa ditahan reman di Penjara Reman Pulau Pinang. Banduan telah dibawa ke Hospital Besar Pulau Pinang dalam keadaan tidak bernafas dan kemudiannya disahkan meninggal dunia oleh pegawai perubatan di Bahagian Kecemasan. Jabatan Forensik Hospital Besar Pulau Pinang mengesahkan bahawa punca kematian banduan adalah *Advanced Intrahepatic Cholangiocarcinoma* iaitu kanser hati tahap 4.

## 5. JAWATANKUASA KHAS MENANGANI MASALAH KUDIS BUTA *(SCABIES)* DI TEMPAT TAHANAN

SUHAKAM telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Bagi Menangani Kudis Buta di Tempat Tahanan pada tahun 2021 bagi mengkaji dan merancang pelaksanaan untuk mengatasi masalah *scabies* mengikut kepakaran bidang masing-masing secara berperingkat supaya masalah ini dapat dikurangkan dan seterusnya dicegah pada masa akan datang. Satu pelan tindakan sedang disediakan bagi memastikan jalan penyelesaian sama ada jangka pendek, sederhana dan jangka panjang untuk mengatasi masalah scabies di tempat tahanan dapat dilaksanakan.

Ahli-ahli Jawatankuasa Khas ini termasuk SUHAKAM; badan penguatkuasa iaitu PDRM, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia, AADK; serta agensi lain seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, KKM dan The *International Committee of the Red Cross* (*ICRC*). Mesyuarat Jawatankuasa Khas ini telah diadakan secara berkala iaitu 4 kali setahun di Pejabat SUHAKAM. Selain mengadakan mesyuarat berkala, ahli Jawatankuasa Khas ini telah mengadakan lawatan ke tempat-tempat

tahanan serta rumah perlindungan yang dikendalikan oleh agensi yang terlibat pada 24 dan 25 Februari 2022 serta 1 April 2022 seperti berikut:

| Tarikh | Tempat Tahanan | Agensi |
|---|---|---|
| 24 Februari 2022 (Khamis) | Rumah Seri Kenangan Taiping | Jabatan Kebajikan Masyarakat |
| | Lokap Ibu Pejabat Daerah Taiping | Polis Diraja Malaysia |
| 25 Februari 2022 (Jumaat) | Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik Bukit Mertajam | Agendi Antidadah Kebangsaan |
| 1 April 2022 (Jumaat) | Penjara Kajang | Jabatan Penjara Malaysia |
| | Depot Imigresen Semenyih | Jabatan Imigresen Malaysia |

Objektif lawatan ini diadakan adalah seperti berikut:

i. Memahami secara lebih mendalam masalah *scabies* yang dihadapi oleh setiap agensi di tempat tahanan;
ii. Meneliti struktur bangunan termasuk pengudaraan dan pencahayaan di tempat tahanan;
iii. Mendapatkan maklumat mengenai program atau tindakan yang dilaksanakan pada masa kini dalam menangani masalah *scabies*;
iv. Menambahbaik Pelan Tindakan Menangani *Scabies* melalui maklumat yang diperolehi dan merancang pelaksanaan Pelan Tindakan tersebut.

Untuk langkah seterusnya, Jawantankuasa Khas ini akan mengemukakan pelan tindakan yang disediakan untuk mendapatkan sokongan daripada KDN dan seterusnya dibincangkan bersama agensi-agensi Kerajaan seperti Kementerian Kewangan Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk menangani isu-isu yang berkaitan.

## 6. PERBINCANGAN BERSAMA DENGAN BAHAGIAN PAROL DAN PERKHIDMATAN KOMUNITI, JABATAN PENJARA MALAYSIA

SUHAKAM telah mengadakan perbincangan bersama Bahagian Parol dan Perkhidmatan Komuniti, Jabatan Penjara Malaysia pada 13 April 2022 bagi

membincangkan usaha Jabatan Penjara Malaysia berhubung pelaksanaan sistem parol menerusi proses integrasi semula banduan dalam komuniti. Perbincangan ini merupakan tindakan susulan daripada Perbincangan Meja Bulat Reintegrasi Semula Bekas Banduan dalam Masyarakat anjuran SUHAKAM pada 24 Jun 2022.

Perbincangan ini telah dipengerusikan oleh TKJP Dato Ibrisam Abdul Rahman, Timbalan Komisioner Jeneral Penjara (Pemasyarakatan), disusuli pembentangan oleh Bahagian Parol mengenai program-program yang telah dilaksanakan oleh pihak Jabatan Penjara Malaysia dalam proses integrasi semula bekas banduan. Antara program yang telah dijalankan ialah program Pemulihan Dalam Komuniti, Sistem Pelepasan Parol, Rumah Perantaraan, Pelepasan Banduan Secara Berlesen, Perintah Kehadiran Wajib, Program Reintegrasi Penghuni (PRP), Program Reintegrasi Penghuni Industri (PRPi) dan *Corporate Smart Internship* (CSI) dalam program PRPi.

## 7. SIASATAN AWAM MENGENAI KEHILANGAN JOSHUA HILMY DAN RUTH SITEPU

SUHAKAM telah selesai menjalankan siasatan awam mengenai kehilangan 2 individu bernama Joshua Hilmy dan Ruth Sitepu pada 20 Januari 2022. Siasatan awam yang bermula sejak Februari 2020 ini telah berlangsung selama 23 bulan. Secara keseluruhannya, 22 sesi pendengaran secara fizikal telah dijalankan dengan 8 sesi daripadanya diadakan secara dalam talian. Panel Siasatan Awam telah memanggil 26 saksi dan sebanyak 126 eksibit dibentangkan dalam siasatan awam ini. Keputusan akhir Panel Siasatan Awam telah diterbitkan dan boleh dimuat turun di laman sesawang SUHAKAM.

## 8. ISU BURUH PAKSA DI MALAYSIA

Pada tahun 2022, SUHAKAM telah menerima sebanyak 7 aduan berkenaan buruh paksa yang melibatkan pekerja migran di Malaysia. Sehingga kini, 6 aduan telah selesai disiasat. Selain itu, SUHAKAM juga telah menjalankan lawatan pemantauan ke 8 buah ladang kelapa sawit dan 4 buah kilang pembuatan di Malaysia.

Antara isu buruh paksaan dan hak pekerja yang dikenal pasti oleh SUHAKAM sepanjang lawatan diadakan adalah:

- penahanan pasport pekerja oleh majikan (*retention of identity document*)
- pembayaran balik hutang untuk pembayaran fi kepada ejen pengrekrutan (*debt bondage*)
- bahasa dan intipati dalam kontrak kerja tidak difahami oleh pekerja
- salinan kontrak kerja tidak diberi kepada pekerja
- tempat tinggal pekerja yang tidak kondusif
- salinan slip gaji tidak diberikan kepada pekerja
- gaji bulanan dibayar secara tunai

## 9. LAPORAN LAWATAN KUNJUNGAN KERJA BERSAMA AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN

Pada 14 April 2022, SUHAKAM telah mengadakan kunjungan kerja ke Ibu Pejabat Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) bagi membincangkan isu-isu hak asasi manusia yang membabitkan klien dan kakitangan AADK. Antara isu yang dibincangkan bersama Timbalan Ketua Pengarah (TKP) AADK ialah isu pandemik Covid-19, program model I-pulih, I-Prihatin dan *Mobile Recovery Treatment* (MRT Mobile) dan MY AADK.

Melalui kunjungan kerja itu, TKP AADK telah memaklumkan bahawa pada tahun 2021, terdapat 5 kes kematian yang melibatkan 4 Pusat Penagihan Narkotik (PUSPEN) iaitu Bukit Mertajam, Raub, Dengkil, dan Kota Tinggi. 1 kes berpunca daripada kejadian bunuh diri manakala 4 kes lagi disebabkan masalah kesihatan.

Isu di mana hampir 200 penubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) atau badan swasta yang terlibat dalam program pemulihan masih tidak berdaftar dengan pihak AADK turut dimaklumkan dalam pertemuan itu. Pertubuhan NGO atau badan swasta tidak berdaftar ini lebih cenderung menggunakan kaedah dan pendekatan keagamaan dalam program pemulihan dadah. Pihak AADK akan membuat pemantauan dan mengenakan denda kepada pertubuhan yang melanggar syarat atau terma yang ditetapkan oleh AADK.

Selain itu, TKP juga membangkitkan isu perkongsian maklumat yang membabitkan pihak PDRM, Jabatan Penjara Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

berkenaan rekod perubatan klien yang dihantar ke PUSPEN AADK. Kesukaran semua pihak berkongsi maklumat kesihatan klien lebih menyukarkan pihak AADK untuk mengesan masalah kesihatan klien yang memerlukan rawatan berkala. TKP mengalu-alukan kerjasama SUHAKAM dalam pelbagai bentuk aktiviti seperti latihan hak asasi manusia yang dapat membantu memperkasakan tugas kakitangan AADK.

## 10. ISU PEMERDAGANGAN MANUSIA

SUHAKAM menerima 4 aduan mengenai dakwaan pemerdagangan manusia pada tahun 2022. SUHAKAM juga mengambil maklum akan pindaan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM 2007) yang dipinda dan diluluskan di Parlimen pada Disember 2021 serta telah berkuatkuasa mulai 22 Februari 2022. SUHAKAM sebagai ahli di bawah jawatankuasa yang ditubuhkan oleh MAPO akan terus komited menyalurkan pandangan dari sudut hak asasi manusia dan bekerjasama dengan pihak Kerajaan bagi membanteras isu pemerdagangan orang di Malaysia.

## 11. ORANG PELARIAN DAN PENCARI SUAKA

Berdasarkan data Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR), sehingga akhir bulan Ogos 2022 terdapat seramai 185,920 orang pelarian dan pencari suaka yang berdaftar dengan UNHCR di Malaysia.




**Rajah 3: Sejumlah 159,190 daripada jumlah pelarian pencari suaka yang berdaftar dengan UNHCR di Malaysia terdiri daripada orang Myanmar.**

Manakala, 26,720 orang pelarian dan pencari suaka adalah individu yang datang daripada 50 buah negara kerana peperangan dan penganiyaan. Ini termasuk 6840 orang Pakistan, 3830 orang Yemen, 3400 orang Syiria, 3220 orang Somali, 3270 orang Afghan, 1570 orang Sri Lanka, 1200 orang Iraq, 780 orang Palestin dan lain-lain. Sebanyak 66% pelarian dan pencari suaka terdiri daripada lelaki dan 34% wanita di samping 48,200 kanak-kanak di bawah umur 18 tahun.

Pada tahun ini, pihak UNHCR masih tidak diberikan akses ke depot-depot imigresen untuk memproses dan mengesahkan status pelarian yang ditahan di depot. Walau bagaimanapun, bermula awal tahun ini pelarian Rohingya di depot-depot imigresen yang mempunyai kad UNHCR keluaran pihak UNHCR Malaysia telah dibebaskan secara berperingkat.

SUHAKAM telah menerima sebanyak 12 aduan melibatkan pencari suaka dan orang pelarian. Kebanyakan aduan ini melibatkan penahanan pencari suaka dan pelarian di depot-depot imigresen untuk tempoh masa yang lama khususnya melibatkan pencari suaka atau pelarian bukan etnik Rohingya, Myanmar.

Sebilangan aduan melibatkan pencari suaka dan orang pelarian yang diterima, bukan dalam bidang kuasa SUHAKAM kerana aduan-aduan tersebut adalah berkenaan isu penempatan ke negara ketiga.

## 12. HAK ORANG ASAL

SUHAKAM telah menerima 3 aduan yang melibatkan hak Orang Asal berkaitan isu tanah di Negeri Perak dan Negeri Pahang serta percerobohan ke atas wilayah tanah adat Orang Asli bagi aktiviti pembalakan tanpa mengadakan proses Izin Maklum Awal Bebas dan Telus (IMABT).

## 13. BANTAHAN PEMBINAAN EMPANGAN HIDROELEKTRIK NENGGIRI, KELANTAN

SUHAKAM telah meneruskan siasatan terhadap bantahan Orang Asli ke atas pembinaan empangan Hidroelektrik Nenggiri di Kelantan setelah penangguhan

dibuat pada tahun 2020 disebabkan penularan wabak COVID-19. Antara tindakan yang telah diambil oleh SUHAKAM berhubung siasatan tersebut adalah seperti berikut:

i. Memohon maklum balas daripada Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada 2 Mac 2021 berhubung status pelaksanaan projek dan tindakan yang diambil oleh TNB berhubung bantahan tersebut;
ii. Mengadakan sesi dialog bersama komuniti Orang Asli Gua Musang untuk mencari pendekatan berhubung bantahan Orang Asli terhadap pembinaan empangan tersebut pada 7 April 2021 di Kuala Lipis, Pahang. Sesi dialog ini dihadiri oleh beberapa agensi dan Komuniti Orang Asli seperti berikut:
    - Tenaga Nasional Berhad;
    - Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan;
    - Jabatan Kemajuan Hal Ehwal Orang Asli;
    - Jaringan Orang Asli Kelantan
    - Wakil-wakil Tok Batin dari perkampungan yang berkenaan
iii. Mengadakan mesyuarat susulan bersama TNB bagi mendapatkan perkembangan terkini berhubung tindakan yang diambil TNB selepas perbincangan bersama di Kuala Lipis, Pahang pada 21 Februari 2022 di Bangsar, Kuala Lumpur;
iv. Mengadakan lawatan ke Perkampungan Orang Asli di Nenggiri, Kelantan dan perjumpaan bersama Jaringan Orang Asli Kelantan pada 29-30 Mac 2022;
v. Mendapatkan maklum balas dari TNB berhubung isu-isu yang dibangkitkan oleh komuniti Orang Asli semasa lawatan SUHAKAM.

Pembinaan empangan Hidroelektrik Nenggiri ini telah dimulakan pada Mac 2022 dan dijangka siap pada tahun 2030. Menurut maklum balas TNB, pembinaan ini diteruskan atas keperluan dan kepentingan seluruh rakyat Malaysia terutama rakyat Kelantan.

SYOR:

i. Meneliti semula kawasan penempatan komuniti Orang Asli sekiranya ia boleh menyebabkan kepadatan penduduk di kawasan tersebut pada masa akan datang.
ii. Kemudahan asas seperti rumah, jalan raya dan pembinaan lain perlulah selesa dan berkualiti.

iii. Mendapatkan persetujuan dari Kerajaan Negeri Kelantan bagi memastikan tiada sebarang pembinaan dibenarkan di atas tanah rizab tasik seluas 5 km di sekeliling empangan. Sebarang pembinaan di atas tanah tersebut dikhuatiri akan mencemarkan air tasik.

iv. Memohon pewartaan bagi perkampungan Orang Asli yang tidak terjejas akibat pembinaan empangan ini iaitu penduduk yang berada di sekeliling tasik Empangan Nenggiri. Ini dapat memberi keyakinan kepada Orang Asli yang lain berhubung pembinaan empangan ini.

v. Mendapatkan pengesahan secara bertulis daripada Kerajaan Negeri bahawa semua hutan di seluruh Negeri Kelantan boleh dijadikan kawasan rayau bagi semua Orang Asli di Kelantan.

vi. Perancangan bagi pengurusan Gua Cha (memandangkan gua ini akan ditenggelami) dan tapak-tapak bersejarah di kawasan tersebut dibuat dengan teliti dan memastikan identiti Orang Asli tidak hilang.

vii. Persetujuan secara bertulis dari semua penduduk kampung Orang Asli mengenai lakaran rumah yang dicadangkan oleh Orang Asli.

SUHAKAM akan memantau dan mendapatkan perkembangan dari semasa ke semasa daripada semua pihak bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran hak asasi sepanjang pembinaan empangan tersebut dijalankan.

## 14. HASIL SIASATAN SUHAKAM MENGENAI DAKWAAN PELANGGARAN HAK ASASI MANUSIA YANG MELIBATKAN PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH DI HOSPITAL PULAU PINANG

SUHAKAM telah menjalankan siasatan terhadap kes kematian yang melibatkan seorang Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di Hospital Pulau Pinang yang ditemui jatuh dari bangunan kediamannya pada 17 April 2022 yang lalu. PPS tersebut didakwa mengalami tekanan perasaan akibat dibuli semasa menjalani latihan PPS di Hospital Pulau Pinang.

Hasil siasatan SUHAKAM mengesahkan berlakunya pelanggaran hak asasi seperti berikut:-

- Kursus induksi tidak holistik di mana kursus tidak menerangkan hak dan kemudahan secara terperinci yang diperolehi oleh PPS semasa sedang menjalani latihan;
- Kebajikan dan kemudahan PPS seperti cuti tahunan dan cuti sakit dinafikan, manakala hari pelepasan tidak dapat dimanfaatkan dengan sepenuhnya;
- Menghadapi tekanan semasa bertugas seperti sistem '*tagging*', tiada waktu rehat, tiada waktu untuk menunaikan solat, dan bebanan kerja yang tinggi;
- Berlakunya diskriminasi terhadap PPS seperti penggunaan selain bahasa rasmi dalam memberi tunjuk ajar dan perbezaan layanan berdasarkan institusi pendidikan;
- Layanan menjatuhkan maruah seperti penggunaan kata-kata kesat dan PPS juga sering dikasari secara verbal dan fizikal.

SUHAKAM mengambil maklum mengenai inisiatif Kerajaan dalam menyiasat isu ini menerusi penubuhan Pasukan Petugas Khas Bagi Penambahbaikan Budaya Kerja Perkhidmatan Kesihatan (*Healthcare Work Culture Improvement Task Force)* dan berharap tindakan penambahbaikan dapat dibuat di kesemua institusi perkhidmatan kesihatan di seluruh negara.

BAB 4

# PEJABAT PESURUHJAYA KANAK-KANAK

# PEJABAT PESURUHJAYA KANAK-KANAK

## LATAR BELAKANG

Selaras Objektif 4 Pelan Strategik SUHAKAM 2021-2025, iaitu untuk meningkatkan realisasi hak kanak-kanak, Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak, SUHAKAM (*Office of the Children's Commissioner*, SUHAKAM - OCC) telah melaksanakan aktiviti yang dirancang bagi tahun 2022 mengikut 4 strategi berikut iaitu mengakhiri diskriminasi terhadap kanak-kanak; kepentingan terbaik kanak-kanak diambil kira di semua peringkat masyarakat, termasuk oleh pembuat keputusan; mempromosi perlindungan hak kanak-kanak untuk hidup, kelangsungan hidup dan perkembangan; dan mempromosi hak kanak-kanak untuk memberi pandangan.

Di bawah Strategi 1, terdapat 3 tema iaitu kanak-kanak tanpa kewarganegaraan dan hak kanak-kanak untuk tidak didiskriminasi; sistem aduan mesra kanak-kanak; dan reservasi Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC). Di bawah Strategi 2, terdapat 4 tema iaitu pendidikan; pindaan kepada Akta Kanak-kanak 2001; alternatif kepada penahanan; dan hak kanak-kanak di sekolah tahfiz. Sementara itu, di bawah Strategi 3, terdapat 4 tema iaitu perkahwinan kanak-kanak; pemantauan tempat tahanan/institusi kanak-kanak; konsultasi aduan (Sabah & Sarawak); dan hak kanak-kanak kepada kesihatan. Di bawah strategi 4, terdapat 2 tema iaitu Majlis Konsultasi Kanak-Kanak dan penyertaan kanak-kanak. Justeru itu, di bawah ialah pelaporan aktiviti bagi 13 tema yang dinyatakan.

### 1. KANAK-KANAK TANPA KEWARGANEGARAAN DAN HAK KANAK-KANAK UNTUK TIDAK DIDISKRIMINASI

Secara keseluruhannya, terdapat 6 aktiviti yang telah dilaksanakan bawah tema ini seperti berikut:

#### 1.1 Kunjung Hormat Kepada Menteri Yang Berkaitan Isu

OCC telah mengadakan kunjung hormat kepada Menteri yang berkaitan isu iaitu Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat, Sabah. Mesyuarat ini turut dihadiri Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Sabah. OCC telah menyentuh beberapa isu hak kanak-kanak di Sabah, termasuk isu pendidikan

untuk kanak-kanak tanpa kewarganegaraan dan keganasan seksual terhadap kanak-kanak yang diutarakan berdasarkan aduan yang diterima OCC.

Hasil kunjung hormat tersebut, OCC mendapati bahawa terdapat kekangan dalam memperjuangkan isu hak kanak-kanak di Sabah berikutan perspektif pelbagai pihak tentang pembahagian bidang kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Walau bagaimanapun, mesyuarat berjaya mencapai kata sepakat untuk menangani isu keganasan seksual terhadap kanak-kanak melalui program kesedaran yang akan dilaksanakan kelak.

### 1.2 Pemantauan Kes Bagi Kes Kumpulan Sokongan Pasangan Warganegara Asing (FSSG)

OCC telah meneruskan pemantauan kes bagi kes Kumpulan Sokongan Pasangan Warganegara Asing (FSSG). Kes di Mahkamah Rayuan ini melibatkan rayuan pihak Kerajaan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi pada 9 September 2021, yang memutuskan bahawa perkataan 'bapa' di perenggan (b) Fasal (1) Perkara 14 Perlembagaan Persekutuan (PP) perlu dibaca merangkumi 'ibu'.

Pada 5 Ogos 2022, Mahkamah Rayuan dengan majoriti 2:1 telah menerima rayuan pihak Kerajaan dalam kes ini, dan menolak Keputusan Mahkamah Tinggi. Majoriti Mahkamah Rayuan telah memutuskan seperti berikut:

a) Merujuk kepada kes CTEB & Anor v Ketua Pengarah Pendaftaran Negara, Malaysia [2021] MLJU 886 (Mahkamah Persekutuan) ('CTEB'), majoriti Mahkamah Rayuan berpendapat bahawa tafsiran terma-terma di bawah PP perlu merujuk kepada PP sendiri. Dalam konteks ini, seperti yang diputuskan di dalam kes CTEB, perkataan 'bapa' harus merujuk kepada bapa kandung kanak-kanak sahaja dan tidak terbuka kepada sebarang tafsiran lain seperti 'ibu'.
b) Dokumen berkaitan perangkaan PP kesemuanya merujuk kepada perkataan 'bapa' dalam konteks kanak-kanak yang lahir di luar negara. Hal ini bermaksud niat PP ialah untuk memberi kewarganegaraan bagi kanak-kanak yang lahir di luar negara melalui bapa sahaja.
c) Doktrin 'tafsiran secara harmoni' *(harmonious construction)* tidak terpakai dalam kes ini memandangkan pada asasnya, tafsiran 'bapa' jelas dan tidak terbuka kepada sebarang tafsiran lain.

d) Perkara 8 PP tidak patut diberi keutamaan berbanding perenggan (b) Fasal (1) Perkara 14 PP. Semua peruntukan di bawah PP adalah sama rata. Sebarang isu berkaitan pemakaian peruntukan tersebut boleh ditangani melalui pindaan.
e) Merujuk kepada Hansard mengenai pindaan kepada Perkara 8(1) PP pada 2001 untuk turut merangkumi kesaksamaan jantina, pihak Kerajaan secara jelas menyatakan bahawa pindaan kepada Perkara 14 tidak dibuat bersama pindaan kepada Perkara 8(1) memandangkan hal ehwal kewarganegaraan adalah rumit dan memerlukan penelitian khusus. Menurut majoriti hakim, ini selaras dengan reservasi dibuat pihak Kerajaan kepada Perkara 9(2) Konvensyen Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW). Reservasi ini menyatakan bahawa hak berkaitan kewarganegaraan di bawah Perkara 9(2) tertakluk kepada PP.

OCC menghormati keputusan Mahkamah Rayuan tersebut. Walau bagaimanapun, keputusan telah memberi impak yang besar kepada hak kanak-kanak yang terkesan apabila status kewarganegaraan kanak-kanak masih lagi tergantung. Pihak Kerajaan telah bercadang untuk menubuhkan Jawatankuasa Cadangan Pindaan perenggan (b) Fasal (1) Perkara 14 PP (Jawatankuasa) dan Jawatankuasa dijangka akan membentangkan hasil konsultasi dan kajian dalam tempoh 6 bulan selepas tarikh penubuhan.

Cadangan tersebut telah diperkenan Majlis Raja-Raja pada 23 November 2021. Walau bagaimanapun, tempoh 6 bulan tersebut telah berlalu dan tiada sebarang pembentangan berhubung yang sama dibuat. OCC menegaskan bahawa pindaan perenggan (b) Fasal (1) Perkara 14 PP tersebut amat mustahak untuk dilaksanakan dengan segera di Parlimen, dan kelewatan dalam melaksanakannya akan menjejaskan hak kanak-kanak kepada kewarganegaraan di Malaysia.

### 1.3 Sesi Dialog Mengenai Isu Tanpa Kewarganegaraan Bagi Kanak-Kanak Yang Lahir Di Luar Perkahwinan Sah Oleh Bapa Kandung Warganegara Malaysia

OCC dengan kerjasama NGO Pembangunan Sumber Manusia Untuk Kawasan Luar Bandar (DHRRA) telah menganjurkan satu sesi dialog mengenai isu tanpa kewarganegaraan bagi kanak-kanak yang lahir di luar perkahwinan sah oleh bapa kandung warganegara Malaysia dan ibu kandung bukan warganegara pada 26 Julai

2022. Program berlangsung di Pejabat SUHAKAM Kuala Lumpur dengan kehadiran seramai 30 peserta daripada pelbagai latar belakang termasuklah peguam, aktivis kanak-kanak, guru dan individu yang terlibat dengan isu. Beberapa syor telah diperolehi daripada dialog iaitu:

a) Pihak Kerajaan hendaklah meminda Fasal 17, Bahagian 3, Jadual ke-2 PP supaya anak yang lahir di luar perkahwinan sah tidak hanya mewarisi status ibu kandung tetapi juga bapa kandung. Hal ini bagi menangani isu ibu kandung yang melarikan diri dan anak dijaga sepenuhnya oleh bapa kandung warganegara Malaysia. Pindaan tersebut harus turut merangkumi kanak-kanak Muslim yang lahir di luar perkahwinan sah, kerana mewarisi kewarganegaraan bapa kandung hendaklah dibezakan dengan mewarisi nasab dan harta pusaka bapa kandung. Berhubung pewarisan nasab dan harta pusaka, undang-undang Islam adalah terpakai seperti biasa iaitu anak tidak sah taraf tidak mewarisi nasab dan harta pusaka bapa kandung.

b) Perkongsian beban pembuktian dalam membuktikan ketiadaan warganegara kanak-kanak hendaklah dibuat dalam hujahan undang-undang. Beban pembuktian juga mestilah digalas bersama oleh pihak Kerajaan dan bukanlah oleh ibu bapa atau penjaga semata kerana pihak Kerajaan mempunyai segala mekanisme, kuasa dan maklumat untuk mengesahkan identiti dan status kanak-kanak.

c) Terdapat keperluan oleh pihak Kerajaan dan badan bukan kerajaan untuk bekerjasama meningkatkan kesedaran berhubung kepentingan pendaftaran perkahwinan dengan melaksanakan program kesedaran secara bersasar kepada komuniti yang memerlukan seperti orang asal/asli, pelarian, dan pekerja migran.

d) Pihak Kerajaan, badan bukan kerajaan hendaklah bekerjasama menghapuskan stigma terhadap kanak-kanak yang lahir di luar perkahwinan. Bagi pihak Kerajaan, ia boleh dilakukan dengan pemberian status kewarganegaraan kepada kanak-kanak tanpa dipengaruh pandangan moral dan atau dasar status perkahwinan ibu bapa kandung kanak-kanak.

e) Badan bukan kerajaan disaran untuk mengadakan sesi libat urus bersama badan kehakiman. Libat urus tersebut penting untuk mendedahkan kepada badan kehakiman kisah sebenar dan pengalaman kanak-kanak yang terkesan dengan isu kerana badan bukan kerajaan ialah agensi yang terlibat secara langsung dengan masyarakat di lapangan. Selain itu, badan bukan kerajaan boleh mendorong badan kehakiman untuk mempertimbang pendekatan mesra

hak asasi dalam proses membuat keputusan selaras dengan prinsip keadilan, tanpa diskriminasi dan kepentingan terbaik kanak-kanak.

f) Pihak Kerajaan juga disaran untuk menggalakkan penjawat awam terutamanya dari Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan PDRM untuk lebih bertimbang rasa dan memiliki semangat ingin membantu komuniti tanpa kewarganegaraan khususnya kanak-kanak memandangkan wujud anggota polis yang ingin membantu individu sebegini namun tidak mengetahui caranya.

g) Pihak Kerajaan hendaklah memastikan dalam apa jua keputusan melibatkan kanak-kanak di Malaysia, pertimbangan terhadap prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak mesti dijadikan fokus utama. Akses sama rata kepada perlindungan sosial dan peluang untuk membesar dan menjalani kehidupan bermaruah termasuk memiliki akses kepada pendidikan dan rawatan kesihatan, hendaklah diberikan kepada semua kanak-kanak tanpa mengira status kewarganegaraan mereka.



**Sesi Dialog Mengenai Isu Tanpa Kewarganegaraan Bagi Kanak-Kanak Yang Lahir Di Luar Perkahwinan Sah Oleh Bapa Kandung Warganegara Malaysia Dan Ibu Kandung Bukan Warganegara**

### 1.4 Program Kesedaran Dan Pendidikan Berhubung Isu Hak Kanak-Kanak Tanpa Kewarganegaraan Untuk Tidak Didiskriminasi

OCC telah menganjurkan satu program kesedaran dan pendidikan berhubung isu hak kanak-kanak tanpa kewarganegaraan untuk tidak didiskriminasi kepada Pegawai Penguatkuasa Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan JKM pada 3 Ogos 2022. Secara umumnya, program merumuskan pengesyoran yang berikut:

a) Pindaan kepada PP dan akta berkaitan adalah penting, sebagai salah satu solusi bagi isu kewarganegaraan, namun sokongan dan usaha proaktif dari pihak Kerajaan amat diperlukan.
b) Mangsa dalam isu tanpa kewarganegaraan ini ialah kanak-kanak yang tidak bersalah, misalnya anak tidak sah taraf.
c) Bagi solusi jangka masa pendek, semua pihak hendaklah bekerjasama menyebarkan kefahaman mengenai hak kanak-kanak tanpa kewarganegaraan untuk tidak didiskriminasi.
d) Tidak mendiskriminasi itu bermaksud tidak memberi layanan buruk kepada kanak-kanak tanpa kewarganegaraan. Kanak-kanak wajar diberikan pendidikan dan penjagaan kesihatan tanpa perlu menjalani prosedur yang rumit dan caj bayaran yang tinggi.
e) Bagi menjaga hak kanak-kanak pelarian dalam tahanan, terdapat keperluan untuk membangunkan rangka kerja yang baik merentasi semua agensi berkaitan iaitu PDRM, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (*Office of the United Nations High Commissioner for Refugees* - UNHCR) bagi mengesahkan status pelarian seseorang kanak-kanak.
f) Kerajaan disaran untuk mempercepatkan pelaksanaan projek rintis ATD bagi menangani isu kanak-kanak pelarian yang ditahan tanpa ditemani penjaga.
g) Terdapat keperluan untuk menambah peruntukan belanjawan untuk menambah baik fasiliti di tempat tahanan kanak-kanak dan depot imigresen supaya kanak-kanak tidak dinafikan hak asas kepada pendidikan dan persekitaran yang baik (bermain, kesihatan, dan kebersihan).




**Program Kesedaran dan Pendidikan Berhubung Isu Hak Kanak-Kanak Tanpa Kewarganegaraan Untuk Tidak Didiskriminasi kepada Pegawai Penguatkuasa KDN dan JKM**

### 1.5 Video Animasi Pendek Hak Kanak-Kanak

OCC telah menerbitkan satu video animasi pendek yang mesra kanak-kanak untuk menyebar dan mempromosi hak kanak-kanak kepada masyarakat umum termasuklah kanak-kanak. Video tersebut berkisar mengenai perbualan antara seorang kakak bersama adiknya tentang hak asasi kanak-kanak berdasarkan CRC.

### 1.6 Risalah Mengenai Kanak-Kanak Tanpa Kewarganegaraan Dalam Konteks Malaysia

OCC juga telah menghasilkan satu risalah kecil mengenai kanak-kanak tanpa kewarganegaraan dalam konteks Malaysia. Risalah tersebut menjelaskan kategori kanak-kanak berisiko tanpa kewarganegaraan di Malaysia dan cabaran kanak-kanak tanpa kewarganegaraan di Malaysia secara umum. Risalah tersebut dihasilkan untuk edaran kepada masyarakat awam semasa program kesedaran dan pendidikan OCC.

## 2. PENDIDIKAN, CERAMAH DAN LATIHAN HAK KANAK-KANAK

OCC telah menganjurkan 7 program kesedaran dan pendidikan sepanjang tahun 2022.

### 2.1 Webinar 'Sampai Bila Kes Buli Akan Berakhir?'

Webinar bertajuk 'Sampai Bila Kes Buli akan Berakhir?' telah diadakan pada 20 Januari 2022 secara dalam talian. Program dihadiri oleh 500 orang peserta yang terdiri daripada guru, ibu bapa, pelajar, kanak-kanak serta wakil badan bukan kerajaan. Webinar juga disiarkan secara langsung dalam laman *Facebook* OCC.

Webinar bertujuan untuk memberi pendidikan dan kesedaran kepada masyarakat umum tentang isu buli dalam kalangan kanak-kanak. Pada kebanyakan waktu, perbincangan isu buli lebih tertumpu ke pada perspektif kanak-kanak yang dibuli tanpa mengambil kira perspektif kanak-kanak yang membuli. Oleh itu, webinar telah membawa kelainan apabila isu buli yang dibincangkan turut merangkumi hak kanak-kanak yang dibuli dan membuli. Program merumuskan seperti berikut:

a) Antara punca kejadian buli berlaku ialah pengaruh rakan sebaya/senior yang suka membuli; aduan kejadian buli tidak diendahkan/dipandang ringan oleh pihak sekolah; dan kekurangan bantuan psikososial, psikologi/terapi kepada pembuli dan mangsa buli.
b) Secara umumnya, buli boleh menyebabkan masalah kesihatan mental yang berpanjangan kepada mangsa buli dan pembuli. Sebenarnya, pembuli akan turut dihantui perbuatannya seumur hidup apatah lagi jika perbuatan buli sehingga menyebabkan kematian.
c) Adalah dicadangkan supaya pendidikan/pembinaan 'Faktor Pelindung' dilaksanakan ke atas semua kanak-kanak untuk mengurangkan risiko masalah kesihatan mental berkaitan buli.
d) Contoh pendidikan/pembinaan 'Faktor Pelindung' ialah kemahiran hidup kesihatan mental seperti kemahiran mengawal diri, menyelesai masalah, menangani emosi, percaya diri; daya ketahanan seperti memiliki tahap keyakinan dan kawalan diri yang tinggi; kualiti persahabatan seperti mempunyai interaksi positif bersama rakan sebaya; kekuatan individu seperti memiliki prestasi akademik, aktif bersukan; sokongan keluarga, sekolah, komuniti dengan persekitaran yang positif, selamat dan menyokong; serta intervensi awal kesihatan mental.
e) Ibu bapa hendaklah lebih peka terhadap perkembangan anak.

f) Pihak sekolah dan guru perlu lebih proaktif dalam menangani isu buli di sekolah.
g) KPM disaran untuk menyediakan satu sistem yang boleh membantu penjagaan atau pemulihan psikologi, sahsiah, rohani, mental dan emosi murid dan pelajar. Hal ini kerana kewujudan guru kaunseling di sekolah didapati tidak membantu murid dan pelajar dalam isu buli.

## 2.2 Program Hak Kanak-Kanak kepada komuniti di Kota Marudu, Sabah

Program Kesedaran dan Pendidikan Mengenai Hak Kanak-Kanak kepada komuniti telah diadakan di Kota Marudu Sabah pada 29 Mac 2022 yang dianjurkan oleh OCC dengan kerjasama JKM Negeri Sabah. Program diadakan bertujuan untuk memberi pendidikan dan kesedaran serta mempromosi hak kanak-kanak kepada penduduk kampung Kota Marudu serta semua yang terlibat terutamanya individu atau organisasi yang bekerja rapat dengan kanak-kanak termasuk pihak JKM, polis, hospital, ibu bapa dan orang awam. Program telah diadakan secara fizikal di dewan Kota Marudu dan dihadiri seramai 160 orang peserta.

## 2.3 Webinar 'Ibu bapa/Penjaga Cuai Atau Abai: Di Mana Hak Anak?'

Seterusnya, webinar dalam talian bertajuk 'Ibu bapa/Penjaga Cuai atau Abai: Di Mana Hak Anak?' telah diadakan pada 1 Jun 2022 dan dihadiri lebih dari 600 peserta yang mana, 500 peserta melalui aplikasi Zoom dan selebihnya melalui laman *Facebook* OCC.

Webinar dilaksanakan bertujuan untuk memberi pendidikan dan kesedaran tentang isu cuai atau abai terhadap kanak-kanak oleh ibu bapa atau penjaga. Selain itu, webinar bertujuan mempromosi hak kanak-kanak kepada ibu bapa, penjaga, guru dan mana-mana individu serta organisasi yang bertanggungjawab menjaga dan melindungi keselamatan kanak-kanak. Antara rumusan penting webinar ialah:

a) Pengabaian merupakan satu kesalahan jenayah menurut Akta Kanak-Kanak 2001[2].
b) Walau bagaimanapun, takrifan abai atau cuai tidak begitu jelas kerana dalam sesetengah perkara, pelaku abai atau cuai tersebut berhujah bahawa ia adalah kemalangan.
c) Contohnya, seorang wanita mengambil keputusan untuk melahirkan anak di rumah tetapi berakhir dengan kematian bayi akibat komplikasi bersalin. Wanita tersebut berhujah bahawa kematian tersebut merupakan satu kemalangan.
d) Walau bagaimanapun, hakikatnya, tindakan wanita tersebut wajar diklasifikasi sebagai abai atau cuai kerana jika beliau bersalin dengan pemantauan doktor, risiko komplikasi dapat ditangani dan kematian bayi dapat dielakkan. Justeru, kematian bayi bukanlah satu kemalangan tetapi satu kecuaian oleh ibu.
e) Begitu juga kes anak bermain basikal lajak sehingga lewat malam yang mengakibatkan kemalangan maut di jalan raya, anak terjatuh dari koridor atau tingkap rumah, anak lemas dalam baldi di bilik air dan anak jatuh dari eskalator, yang mana kesemua insiden tersebut menjurus kepada takrifan cuai.
f) Selain itu, ibu bapa dan penjaga yang gagal untuk mengawasi anak-anak sehingga anak-anak terlibat dalam pergaulan tidak sihat, gagal memberi pemeliharaan, makanan, pakaian dan tempat berteduh, semua dinyatakan terjumlah kepada perlakuan abai.
g) Ibu bapa atau penjaga hanya berkemungkinan dikecualikan daripada tuduhan abai dan cuai jika telah mengambil semua langkah keselamatan sewajarnya untuk mengelakkan anak daripada mengalami kecederaan atau kematian.
h) Didapati bahawa ibu bapa atau penjaga yang bertindak abai/cuai kadang kala mempunyai masalah tersendiri seperti tekanan kerja, rumahtangga, kewangan dan masalah ketagihan.
i) OCC menerima sebanyak 96 aduan melibatkan pengabaian atau kecuaian dari 2019 hingga 2022. Jumlah kes yang melibatkan pengabaian ialah 81 sementara kecuaian 12.

Antara syor yang diterima ialah:

a) Terdapat keperluan bagi perlindungan kanak-kanak daripada kecuaian seperti peguam boleh bertindak secara percuma untuk mengambil tindakan saman ke

[2] Seksyen 17 (c) dan (d) Akta Kanak-Kanak 2001

atas ibu bapa yang cuai; pegawai pelindung JKM hendaklah melapor kecuaian ibu bapa kepada pihak polis; penyediaan khidmat pakar psikologi yang boleh mengenalpasti kes kecuaian di sekolah; dan latihan kepada pegawai perubatan untuk mengenal pasti isu kecuaian dan melapor kepada pihak polis.

b) Mewujudkan rangka kerja yang holistik bagi pihak berkuasa khususnya JKM untuk menangani kes abai atau cuai dalam kalangan kanak-kanak.

c) Komuniti juga digesa mengambil peranan yang proaktif dalam rangka kerja ini dengan melaporkan kes kecuaian dan pengabaian ibu bapa/penjaga kepada pihak berkuasa.

## 2.4 Program Hak Kanak-Kanak dan Kesihatan Reproduktif Wanita di Felda Palong 7 & 8

Pada 28 Jun 2012, Program Kesedaran dan Pendidikan Mengenai Hak Kanak-Kanak dan Kesihatan Reproduktif Wanita anjuran OCC dengan kerjasama FELDA Palong 7, JKKR Felda Palong 7 & 8 serta pihak Klinik Kesihatan Palong 7 & 8 yang telah diadakan di Felda Palong 7 & 8.

Program tersebut diadakan untuk memberi pendidikan dan kesedaran serta mempromosi hak kanak-kanak kepada penduduk kampung. Program tersebut turut menawarkan perkhidmatan ujian kesihatan reproduktif wanita secara percuma untuk penduduk kampung seperti *PapSmear* dan *human papillomavirus* (HPV). Program telah diadakan secara fizikal di Dewan Semai Bakti, Felda Palong 7 dan dihadiri oleh 90 orang peserta yang terdiri daripada penduduk Kampung Felda Palong 7 & 8.

## 2.5 Program Pendidikan Lain

Di samping itu, OCC telah menganjurkan 4 lagi program pendidikan lain iaitu Ceramah Bersiri Hak Kanak-Kanak untuk Sekolah Tahfiz (Negeri Sabah dan Sarawak) pada 7 Mac 2022; Ceramah Hak Kanak-Kanak di Yayasan Kasih Sayang, Negeri Sembilan pada 14 April 2022; Dialog Isu Kanak-Kanak Lahir di Luar Perkahwinan Sah oleh Bapa Kandung Warganegara Malaysia dan Ibu Kandung Bukan Warganegara pada 26 Julai 2022; dan Program Kesedaran dan Pendidikan Isu Kanak-Kanak Tanpa Kewarganegaraan atau Dokumen untuk Pegawai Penguatkuasa pada 3 Ogos 2022.

### 2.6 Ceramah Dan Latihan Berkenaan Hak Kanak-Kanak

Di samping itu, Pesuruhjaya Kanak-kanak (CC) dan OCC juga telah mengambil bahagian dalam kira-kira 79 acara (syarahan, mesyuarat, bengkel, persidangan) di peringkat kebangsaan dan antarabangsa sama ada sebagai penceramah atau ahli panel bagi isu hak kanak-kanak.

## 3. PERKAHWINAN KANAK-KANAK DAN HAK KANAK-KANAK KEPADA KESIHATAN

Pada 30 dan 31 Oktober 2022, OCC dengan kerjasama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan dan Exco Pendidikan Negeri Kelantan telah menganjurkan Program Pendidikan dan Kesedaran mengenai Hak Kanak-Kanak yang melibatkan para imam dan masyarakat di sekitar jajahan Kota Bharu, Kelantan.

Program bertujuan untuk memberikan pendidikan dan kesedaran mengenai isu semasa yang melibatkan kanak-kanak khususnya perkahwinan kanak-kanak di negeri Kelantan. Program yang dihadiri oleh seramai 379 orang peserta ini membincangkan mengenai takrifan dan had umur individu yang dikenal pasti sebagai kanak-kanak dalam Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] serta statut di beberapa negeri di Malaysia dan proses keadilan yang melibatkan kanak-kanak.

Selain itu, program turut menyebarluaskan lagi maklumat berkenaan Dasar Kanak-Kanak Fitrah (DKF) yang dirangka oleh kerajaan negeri Kelantan selaras dengan CRC dan Perjanjian Mengenai Hak Kanak-Kanak, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) kepada para peserta. DKF ini menjadikan negeri Kelantan sebagai satu-satunya negeri di Malaysia yang mempunyai kerangka dasar berkenaan dengan pembangunan sahsiah dan perlindungan kanak-kanak sebagai pemegang taruh penting dalam pembinaan generasi akan datang.

OCC menggunakan pendekatan berbeza dalam mengetengahkan isu perkahwinan kanak-kanak kepada masyarakat Kelantan dengan tidak membawa tajuk besar “Menghapuskan Perkahwinan Kanak-kanak” kerana naratif sedemikian sukar diterima masyarakat tempatan. Pendekatan OCC ialah dengan membawa naratif hak kanak-kanak kepada pendidikan dan kesihatan yang sempurna, yang dilihat lebih mudah diterima masyarakat Kelantan.



**Program Pendidikan dan Kesedaran Hak Kanak-Kanak kepada Pegawai Agama JAHEAIK dan Para Imam di Bawah MAIK**

Selain itu, pada 31 Oktober 2022, telah berlangsung sesi kunjung hormat tidak rasmi oleh Prof. Dato’ Noor Aziah, Anggota Suruhanjaya kepada YB Dato Hajah Mumtaz Md Nawi, Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan (Exco Kebajikan). Perbincangan berkisar usaha yang telah dilaksanakan kerajaan Kelantan berkenaan isu kanak- kanak, DKF Kelantan, dan kerjasama yang boleh diusahakan antara OCC dan Exco Kebajikan bagi menangani isu perkahwinan kanak-kanak di Kelantan.

Bagi perancangan masa hadapan, OCC berhasrat meneruskan kerjasama dengan pihak JAHEAIK, MAIK, Exco Pendidikan, serta Exco Kebajikan untuk melawat kawasan selain dan jajahan Kota Bharu bagi melaksanakan program kesedaran ini. Selain itu, OCC berhasrat untuk mengadakan libat urus bersama JAHEAIK, MAIK dan Mahkamah Syariah Negeri Kelantan bagi cadangan mewujudkan kursus pra perkahwinan dan selepas perkahwinan kepada pasangan berkahwin bawah umur dan ibu bapa mereka.

## 4. HAK KANAK-KANAK DI SEKOLAH TAHFIZ

### 4.1 Ceramah Hak Kanak-Kanak Sekolah Tahfiz Sabah dan Sarawak

Pada 7 Mac 2022, OCC dengan usahasama badan bukan kerajaan Ikatan Pengamal Perubatan dan Kesihatan Muslim Malaysia (I-Medik) dan Persatuan Institusi Tahfiz al-Quran Kebangsaan (PINTA) telah menganjurkan satu Siri Ceramah Hak Kanak-Kanak untuk Sekolah Tahfiz yang diadakan untuk pentadbir/pengusaha sekolah tahfiz yang berdaftar dan dalam proses pendaftaran di Sabah dan Sarawak secara dalam talian. Antara topik yang dibentangkan ialah hak kanak-kanak secara umum; kepentingan pendaftaran tahfiz; pendidikan kesihatan seksual dan reproduktif; isu keselamatan bangunan; dan isu tanah di sekolah tahfiz.

Tujuan program adalah untuk memberi kesedaran dan mempromosi hak kanak-kanak agar kebajikan kanak-kanak di sekolah tahfiz lebih terpelihara. Seramai 30 orang wakil daripada sekolah tahfiz telah menyertai sesi tersebut. Dengan berakhirnya ceramah ini, berakhirlah ceramah bersiri hak kanak-kanak sekolah tahfiz yang telah dilaksanakan untuk 5 zon secara keseluruhan bermula tahun 2020. OCC akan menyediakan laporan khas yang merangkumkan dapatan daripada semua siri ceramah di 5 zon tersebut dan memberikan pengesyoran lanjut untuk tujuan penambahbaikan.

### 4.2 Isu Buruh Kanak-kanak oleh Ma’ahad Tahfiz Dar As-Thaqofah, Kuala Selangor

Pada 7 Mac 2022, OCC telah mengadakan lawatan ke sebuah pusat tahfiz di Kuala Selangor bagi menyiasat satu aduan berhubung isu buruh kanak-kanak di sebuah taman haiwan milik pusat tahfiz tersebut. Siasatan awal mendapati, kanak-kanak dalam lingkungan usia 7 hingga 14 tahun yang bersekolah di pusat tahfiz berkenaan akan bekerja di taman haiwan terbabit selepas waktu persekolahan atau pada hujung minggu. Namun begitu, terdapat juga segelintir pelajar yang diberi tugas menjaga taman haiwan ketika sesi persekolahan berlangsung.

Isu yang timbul ialah keselamatan kanak-kanak yang bekerja tanpa pengawasan orang dewasa, buruh kanak-kanak dan hak kanak-kanak kepada pendidikan. Semasa lawatan ke taman haiwan dan pusat tahfiz, OCC mendapati kanak-

kanak tersebut bekerja mengendalikan haiwan serta menjual makanan untuk mendapatkan pendapatan bagi menampung kos pengurusan dan pengoperasian pusat kerana masalah kekurangan dana dan kemampuan penggajian pekerja. Pusat tahfiz juga memberikan pendidikan percuma kepada beberapa pelajar asnaf.

Menurut pemilik pusat tahfiz, keterlibatan pelajar di taman haiwan bukan sebagai pekerja sebaliknya sebagai 'Latihan Modul Cungkil Bakat'. Malah, pelajar akan diberi wang saku tambahan sebagai ganjaran. OCC telah menulis surat kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan PERHILITAN bagi memohon penjelasan berhubung status pendaftaran pusat tahfiz dan taman haiwan dengan jawapan yang diberikan ialah pusat tahfiz tersebut berdaftar di bawah JAIS dan taman haiwan juga berdaftar serta memiliki permit. Jabatan PERHILITAN Negeri akan melakukan pemantauan sekurang-kurangnya setahun sekali ke atas taman haiwan terbabit bagi memastikan operator mengikut prosedur operasi standard yang dibenarkan.

Syor:
a) memastikan kanak-kanak tidak bekerja sewaktu sesi persekolahan;
b) melaksanakan semakan terhadap silibus dan jadual pembelajaran yang ditawarkan di pusat tersebut bagi memastikan kanak-kanak mendapat pendidikan sewajarnya;
c) melakukan semakan terhadap sumber kewangan sekolah agar dapat mengurangkan atau memansuhkan keperluan untuk pelajar bekerja;
d) melakukan pemantauan berkala terhadap pusat bagi memastikan pematuhan berterusan kepada hak pendidikan kanak-kanak; dan
e) memberi bantuan kewangan yang sewajarnya kepada pusat tahfiz supaya pusat tahfiz dapat beroperasi tanpa perlu mencari sumber kewangan lain.

Selain itu, OCC juga menulis surat kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi memohon bantuan kewangan untuk pusat terbabit memandangkan ia turut menjaga kebajikan pelajar asnaf agar terus mendapat hak pendidikan yang sepatutnya.

## 5. LAPORAN ALTERNATIF SUHAKAM KEPADA LAPORAN BERKALA KE-2 HINGGA KE-5 MALAYSIA UNTUK *COMMITTEE ON THE RIGHTS OF THE CHILD*

Pada tahun 2022, OCC masih dalam proses menyediakan draf Laporan Alternatif untuk dinilai oleh Jawatankuasa Hak Kanak-kanak *(Committee on the Rights of the Child)* berdasarkan Laporan Ke-2 hingga 5 CRC yang telah dihantar oleh Kerajaan Malaysia pada 5 Ogos 2021. Laporan Alternatif SUHAKAM ialah komentar atas Laporan Ke-2 hingga 5 CRC Malaysia berkenaan status pelaksanaan CRC oleh kerajaan Malaysia. Laporan Alternatif disediakan berdasarkan pemerhatian OCC sepanjang 3 tahun beroperasi, termasuk melalui aduan yang diterima daripada pelbagai pihak, lawatan berkala ke institusi yang menempatkan kanak-kanak dan libat urus bersama pemegang taruh.

## 6. ALTERNATIF KEPADA PENAHANAN

### 6.1 Lawatan ke Rumah Perlindungan Program Alternatif Kepada Penahanan (*Alternative to Detention*-ATD)

OCC telah melaksanakan 2 lawatan bagi tujuan di atas iaitu ke Yayasan Chow Kit (YCK) dan Persatuan Kebajikan Suara Kanak-Kanak (SUKA *Society*) masing-masing pada 26 September dan 17 Oktober 2022. YCK merupakan rumah perlindungan, rawatan dan bantuan bagi kanak-kanak yang tinggal di lorong dan rumah setinggan sekitar Chow Kit termasuk kanak-kanak tanpa dokumen. YCK mempunyai 2 pusat iaitu PAKK Chow Kit untuk kanak-kanak berumur 7 hingga 12 tahun, dan Kuala Lumpur Krash Pad (KLKP) untuk kanak-kanak berumur antara 13 hingga 18 tahun.

YCK telah terpilih sebagai rumah perlindungan bagi pelaksanaan ATD bagi kanak-kanak tanpa ibu bapa atau penjaga dan tidak mempunyai dokumen pengenalan diri. Walaupun pelaksanaan program rintis ATD masih berada di peringkat awal, namun YCK telah membuat persediaan sepenuhnya bagi memberi perlindungan terbaik kepada peserta yang bakal terlibat dalam projek tersebut. 5 orang kanak-kanak yang terpilih bagi projek rintis ini akan ditempatkan di bawah jagaan pihak YCK melalui perintah mahkamah berdasarkan Akta 611, supaya kanak-kanak mendapat perlindungan dan perkhidmatan sokongan melalui pemeliharaan berasaskan keluarga sebelum mereka dihantar pulang ke negara asal.

Melalui pemerhatian OCC, aktiviti/program yang dianjurkan oleh YCK berjaya membendung budaya lepak selepas waktu persekolahan di kafe siber dan tempat perjudian, selain mengurangkan risiko kanak-kanak terdedah kepada aktiviti yang tidak sihat. Walau bagaimanapun, pihak berwajib disyorkan untuk mengambil langkah sewajarnya bagi mengubah stigma dan pandangan negatif masyarakat terhadap kanak-kanak di Chow Kit dan Lorong Haji Taib, supaya kanak-kanak ini tidak terus dieksploitasi akibat status mereka.

Lawatan ke SUKA *Society* membolehkan OCC mendapat maklumat lanjut berhubung perincian pelaksanaan projek rintis ATD. SUKA *Society* memaklumkan bahawa selepas kertas cadangan projek rintis ATD diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 21 April 2021, satu mesyuarat telah diadakan antara pihak KPWKM, KDN, YCK dan SUKA *Society* untuk berbincang mengenai prosedur pelaksanaan projek rintis, syarat program dan hal teknikal berkaitan projek.

Menurut SUKA *Society*, satu mekanisme kerja telah dipersetujui oleh organisasi atau agensi yang terlibat di mana SUKA *Society* menguruskan kes, JKM menapis dan memproses pemilihan tahanan kanak-kanak, YCK menyediakan tempat perlindungan kepada 5 kanak-kanak yang terpilih, manakala JIM mengendalikan urusan kanak-kanak untuk keluar dari tempat tahanan. Kesemua organisasi atau agensi akan bekerjasama dan menjalankan tanggungjawab di peringkat masing-masing. Projek rintis terdiri daripada 2 fasa iaitu fasa pertama memfokuskan kepada penghantaran pulang kanak-kanak ke negara asal *(repatration)*, manakala untuk fasa kedua belum ada syarat khas yang ditetapkan.

Namun begitu, antara syarat yang ditetapkan bagi pemilihan kanak-kanak bagi fasa satu adalah bukan warga Rohingya, tidak melibatkan kanak-kanak pelarian, mestilah memiliki dokumen diri yang lengkap dan tidak ditemani ibu bapa atau penjaga. OCC difahamkan bahawa pelaksanaan fasa satu yang dirancang berlangsung selama 1 tahun bermula 14 Februari 2022 hingga 14 Februari 2023 belum berjaya dilaksanakan kerana berdasarkan makluman JIM, tiada kanak-kanak yang memenuhi kriteria. OCC berpandangan bahawa kriteria yang ditetapkan adalah tidak realistik kerana jika kanak-kanak mempunyai dokumen yang lengkap, tiada keperluan untuk mereka mengikuti projek ATD atas faktor kanak-kanak berdokumen akan dihantar pulang ke negara asal tanpa perlu menetap lama di dalam tahanan. Objektif asal penubuhan ATD ialah untuk menangani isu

kanak-kanak dalam tahanan imigresen dalam tempoh yang lama. Justeru, jika pelaksanaan ATD seperti ini berterusan, ia tidak akan mencapai tujuan yang dihasratkan. OCC menggesa pihak KDN untuk melaksanakan projek ATD yang selaras dengan objektif asal penubuhannya.

## 7. PINDAAN KEPADA AKTA KANAK-KANAK 2001 [AKTA 611]

Pada Disember 2021, OCC dengan usahasama UNICEF telah memanjangkan cadangan pindaan Akta 611 kepada KPWKM untuk pertimbangan. Namun begitu, pihak KPWKM telah memaklumkan bahawa sebarang pertimbangan hanya akan dibuat selepas kerja libat urus berkaitan pembaharuan Dasar Kanak-Kanak Kebangsaan selesai. OCC berhasrat untuk mengadakan libat urus bersama pihak KPWKM, Jabatan Peguam Negara dan UNICEF pada tahun 2023 bagi membincangkan hala tuju pindaan Akta 611 yang tertangguh.

## 8. SISTEM ADUAN MESRA KANAK-KANAK DAN MAJLIS RUNDINGAN KANAK-KANAK (*CHILDREN'S CONSULTATIVE COUNCIL*-CCC)

OCC telah melaksanakan 4 aktiviti berkaitan tema. Aktiviti pertama ialah satu mesyuarat bersama ahli Majlis Konsultasi Kanak-kanak (CCC) 2020/2022 pada 4 Mac 2022. Selain perbincangan tentang isu sistem aduan mesra kanak-kanak di SUHAKAM, mesyuarat merupakan pertemuan terakhir bersama CCC 2020/2022 kerana tempoh 2 tahun keahlian mereka telah tamat. Mesyuarat turut memaklumkan kepada ahli CCC akan dapatan tinjauan Pengajaran dan Pembelajaran Dari Rumah (PdPR) di samping memberikan penghargaan kepada ahli CCC atas usaha mereka merangka soalan tinjauan. OCC telah memberi jaminan untuk mengadakan sidang media bagi membentang dapatan tinjauan dan akan membuat tindakan susulan kepada KPM berhubung tindakan yang diambil ke atas isu. Ahli CCC turut melahirkan harapan mereka terhadap penyampaian pendidikan pada masa hadapan kepada kanak-kanak terutamanya yang melibatkan PdPR.

Aktiviti kedua ialah penganjuran webinar secara dalam talian bertajuk Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dan Kesihatan Mental oleh CCC pada 24 April 2022 dengan OCC bertindak sebagai penasihat program. Webinar dianjurkan bagi membolehkan wakil kanak-kanak berkongsi pengalaman dan pandangan mereka berhubung PdPR dan kaitannya dengan kesihatan mental kepada masyarakat umum. Secara keseluruhannya, antara rumusan webinar ialah:

a) PdPR memberi impak berterusan kepada kesihatan mental kanak-kanak berdasarkan kesukaran yang dihadapi daripada pelbagai aspek seperti fasiliti, persekitaran, capaian internet, kekangan masa dan sokongan moral daripada orang sekeliling.
b) Komunikasi 2 hala yang berkesan menjadi salah satu faktor bagi membantu mewujudkan ekosistem pembelajaran dan pengajaran yang berkesan di rumah.
c) Pandangan yang disuarakan oleh kanak-kanak perlu diambil perhatian secara terbuka supaya ibu bapa dan guru lebih memahami perasaan dan masalah yang dihadapi kanak-kanak sepanjang PdPR berikutan jangkaan tinggi oleh ibu bapa dan guru terhadap kanak-kanak.
d) Keberkesanan PdPR adalah kurang berikutan penurunan prestasi akademik kanak-kanak.
e) Tugasan sekolah yang terlalu banyak dalam satu masa berikutan keperluan untuk menyiapkan tugasan kurikulum dan ko-kurikulum membawa kepada masalah kesihatan mental kanak-kanak.
f) Guru perlu mengenal pasti gaya pengajaran PdPR yang menarik supaya murid dapat menguasai kandungan mata pelajaran dan terlibat secara lebih aktif semasa PdPR.
g) PdPR memberi kesan kepada kesihatan mental kanak-kanak berikutan tekanan perasaan, rasa keseorangan akibat kurangnya sokongan moral, dan tidak bersemangat untuk menjalani sesi pembelajaran dan pengajaran.
h) Terdapat teknik mengatasi tekanan semasa PdPR seperti menarik nafas panjang, terapi *grounding* dan regangan otot yang wajar dipraktikkan guru semasa PdPR.
i) Pihak terdekat dengan kanak-kanak terutama ibu bapa dan guru perlu mengambil perhatian yang lebih serius terhadap pandangan kanak-kanak bagi memastikan kebajikan mental kanak-kanak terjaga.

Aktiviti ketiga ialah penglibatan 2 orang ahli CCC sebagai urusetia bagi Program Hak Kanak-Kanak dan Kesihatan Reproduktif Wanita di Felda Palong 7 & 8 pada 28 Jun 2022. Pada konsultasi bersama ahli CCC sebelum ini, terdapat ahli CCC yang menyuarakan keinginan untuk turut terlibat secara fizikal dalam program bersama masyarakat dianjurkan oleh OCC. Oleh itu, bagi meraikan permintaan, OCC telah membuka peluang tersebut kepada semua ahli CCC, di mana seramai 2 orang ahli CCC telah mengambil bahagian.

Aktiviti keempat ialah pengiklanan pencarian ahli baru CCC bagi sesi 2023-2025 yang dilaksanakan dari 9 Ogos hingga 30 Ogos 2022 melalui sosial media OCC dan perkongsian di *whatsapp* dan *telegram*. Antara kriteria yang dinyatakan ialah penyertaan terbuka kepada semua kanak-kanak di Malaysia termasuk bukan warganegara, kanak-kanak kurang upaya, orang asal/asli dan pelarian. OCC telah menerima 35 penyertaan dan akan memilih 20 kanak-kanak sebagai ahli CCC 2023/2025 melalui temuduga dalam talian yang dijangka selesai sekitar pertengahan Disember 2022.

## 9. PENYERTAAN KANAK-KANAK

### 9.1 Konsultasi dengan Kementerian Berhubung Pelaksanaan 'Penyertaan Kanak-Kanak' dalam Perangkaan Dasar dan Belanjawan

Pada 21 September 2022, OCC telah menganjurkan konsultasi bersama beberapa kementerian dan jabatan berhubung pelaksanaan 'penyertaan kanak-kanak' dalam merangka dasar dan belanjawan. Konsultasi ini dihadiri oleh 10 orang wakil kementerian/jabatan terdiri daripada KPWKM, KPM, KBS, Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Parlimen), Kementerian Kewangan dan JKM.

Objektif utama sesi adalah untuk mengenalpasti sama ada wujudnya kerangka kerja dan amalan setiap kementerian yang mengambilkira pendapat kanak-kanak dalam hal ehwal dasar dan belanjawan, selaras dengan tanggungjawab antarabangsa Malaysia di bawah Perkara 12(1) CRC, untuk memberi kebebasan kepada kanak-kanak membentuk pandangan mereka sendiri dan orang dewasa memberi pertimbangan sewajarnya terhadap pandangan tersebut. Hasil daripada konsultasi ini, OCC memperolehi maklumat berikut:

a) Tiada kerangka kerja berkenaan penyertaan kanak-kanak di peringkat kementerian dalam apa jua urusan termasuk soal dasar dan belanjawan.
b) Wujud mekanisme tidak rasmi untuk melibatkan kanak-kanak pada skala yang kecil. Misalnya, kanak-kanak dilibatkan dalam proses pembinaan silibus buku teks baharu di peringkat KPM, bagi menilai kebolehterimaan buku teks tersebut dari perspektif kanak- kanak. Manakala di peringkat JKM pula, kanak-kanak di institusi kebajikan diberi peluang untuk memberi pendapat tentang pilihan

makanan. Namun begitu, proses pengumpulan maklumat dan pertimbangan selanjutnya berkaitan pendapat yang diberi kurang jelas.

OCC sangat berharap konsultasi telah bertindak sebagai permulaan kerjasama berterusan antara OCC dan juga pihak kementerian/jabatan berkaitan ke arah memperkasakan lagi penyertaan kanak-kanak dalam perangkaan dasar dan belanjawan kementerian/jabatan masing-masing.

## 10. SIASATAN ADUAN

Pada tahun 2022, OCC menerima 46 aduan berkenaan isu hak kanak-kanak dari seluruh Malaysia. OCC telah menyelesaikan sebanyak 16 aduan manakala selebihnya masih dalam siasatan. Klasifikasi kes adalah seperti berikut:

**Jadual 8: Klasifikasi Aduan**

| BIL. | PERKARA | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1. | Hak kepada Penjagaan | 9 |
| 2. | Hak kepada Pendidikan | 9 |
| 3. | Hak untuk dilindungi daripada Penderaan | 5 |
| 4. | Hak kepada Dokumen/Kewarganegaraan | 14 |
| 5. | Isu Perkahwinan Kanak-Kanak | 1 |
| 6. | Isu Buruh Kanak-Kanak | 2 |
| 7. | Hak Kanak-Kanak Pelarian | 1 |
| 8. | Hak Kanak-Kanak dalam Tahanan | 4 |
| 9. | Hak Kanak-Kanak di Rumah Perlindungan | 1 |
| | **JUMLAH** | **46** |

### 10.1 Siasatan Khas Kes Pukul dan Rotan Kanak-kanak di Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan Serendah (PPKKS)

OCC telah menerima satu aduan berhubung kes kanak-kanak yang melarikan diri dari sebuah pusat perlindungan kanak-kanak di bawah kelolaan JKM akibat tidak tahan dipukul dan dirotan oleh pegawai bertugas. OCC telah menyiasat aduan dan melaksanakan lawatan ke pusat tersebut sebanyak 2 kali iaitu pada 27 Mei

dan 20 Julai 2022. OCC turut mengunjungi Balai Polis Sri Murni, Kuala Lumpur dan Balai Polis Serendah bagi mendapatkan maklumat lanjut berhubung aduan.

Syor:

a) Ketika pertemuan pada 27 Mei 2022, OCC telah dimaklumkan oleh PPKKS hanya terdapat 4 orang kanak-kanak yang melarikan diri dari pusat. Walau bagaimanapun, setelah selesai siasatan, jumlah kelarian didapati adalah lebih ramai. Melalui pertemuan bertarikh 20 Julai 2022, dimaklumkan bahawa sebenarnya terdapat 22 kes kelarian di PPKKS dari bulan Februari 2022 hingga Mei 2022 yang bersamaan 24% daripada jumlah keseluruhan.
b) OCC kesal dengan maklumat terdahulu yang tidak tepat dan menggesa pihak PPKKS lebih telus dalam memberikan maklumat kepada OCC.
c) Berhubung kes kelarian yang tinggi, pihak PPKKS digesa untuk mencari punca mengapa kanak-kanak sering melarikan diri termasuklah mengadakan sesi kaunseling yang lebih efektif.
d) Satu SOP yang jelas mengenai kaedah mendisiplinkan kanak-kanak di PPKKS (yang selaras dengan hak kanak-kanak) dan tidak mengganggu persekolahan harus diwujudkan.
e) Terdapat kanak-kanak yang tidak hadir ke sekolah selama hampir sebulan kerana ditahan di dalam bilik rawat PPKKS sebagai hukuman melanggar disiplin. Pihak PPKKS disaran untuk melaksanakan sistem disiplin yang tidak mengganggu waktu persekolahan kanak-kanak.
f) Temubual OCC bersama kanak-kanak mendedahkan antara punca kanak-kanak dipukul dan dibelasah ialah kerana kanak-kanak melanggar peraturan asrama dan terdapat kes disiplin. Pihak PPKKS disyor untuk melapor sebarang kes pukul kepada pihak polis.
g) Berhubung aduan kanak-kanak bahawa mereka ditahan di bilik rawat yang sempit dikenali sebagai "lokap", pihak PPKKS disyorkan untuk memperbaiki keadaan bilik rawat tersebut sesuai namanya sebagai "bilik rawat" dan bukan "lokap".
h) Kemudahan di asrama terutamanya bilik dan tandas hendaklah dibaik pulih demi menjamin keselesaan kanak-kanak.
i) Pihak PPKKS disyor berbincang dengan JKM berhubung keperluan menambah bilangan kakitangan di PPKKS.
j) Pihak PPKKS tidak boleh melayan kanak-kanak seperti pesalah kerana tujuan asal mereka ditempatkan di PPKKS adalah untuk penjagaan dan perlindungan.

Hasil dapatan dan pengesyoran telah dipanjangkan kepada JKM dan KPWKM untuk tindakan lanjut. OCC berpandangan bahawa kesihatan mental, hak dan kebajikan pekerja juga harus dijaga agar mereka dapat menjalankan tugas mengurus kanak-kanak dengan baik.

## 10.2 Siasatan Khas Kes Liwat Pelajar Sekolah di Perak

OCC telah menerima aduan berhubung gangguan seksual oleh seorang guru sekolah merangkap warden asrama terhadap 11 orang kanak-kanak lelaki di sebuah sekolah menengah di Perak pada tahun 2020. Laporan polis telah dibuat oleh salah seorang warga sekolah pada 29 Ogos 2020. Guru tersebut telah dituduh di Mahkamah dan perbicaraan kes telah berlangsung. OCC telah menghantar peguam untuk menjadi pemerhati kes di Mahkamah. Walaupun tertuduh telah didakwa di Mahkamah, pengadu bimbang akan status kes tersebut kerana terdapat beberapa ibu bapa mangsa kanak-kanak ingin menarik diri daripada pertuduhan kes. Selain itu, tempoh siasatan kes ini terlalu lama dan tertuduh juga telah diikat jamin. Pengadu bimbang akan kesihatan mental mangsa dan memaklumkan bahawa mangsa liwat tidak diberikan bantuan kaunseling oleh pihak JKM mahupun pihak sekolah.

Selain itu, terdapat beberapa isu yang timbul antaranya, tiada respon yang diterima daripada pihak Jabatan Peguam Negara apabila OCC cuba mendapatkan maklumat mengenai 10 kes lain berkaitan tertuduh. Malahan, terdapat kelompangan dalam pengurusan kes jenayah seksual membabitkan kanak-kanak bawah umur oleh pihak hospital dan balai polis. Menurut pihak JKM, mereka tidak dimaklumkan oleh hospital atau polis mengenai kes tersebut dan hanya mengetahui melalui berita dalam akhbar tempatan setahun selepas kejadian. Di samping itu, pihak ibu bapa mangsa juga tidak memiliki salinan laporan polis kerana semua dokumen berkaitan kes telah diserahkan kepada pihak sekolah. Justeru, ia menyukarkan ibu bapa untuk memohon khidmat pendamping guaman daripada Jabatan Bantuan Guaman (JBG).

Pada 11 Ogos 2022, OCC telah mengadakan lawatan ke sekolah tersebut untuk menyiasat dan mendapatkan maklumat lanjut mengenai kes serta dokumen yang berkaitan. Berdasarkan siasatan, OCC mendapati:

a) Tertuduh masih berhubung dengan mangsa kanak-kanak melalui telefon atau pertemuan secara fizikal.
b) Mangsa kanak-kanak telah terpengaruh dengan kata-kata manis tertuduh dan merasakan bahawa tindakan mereka membawa kes ini ke muka pengadilan adalah tindakan yang salah.
c) Mangsa juga sudah penat dengan siasatan polis dan pengurusan kes. Mereka ingin melupakan peristiwa tersebut dan memulakan hidup baharu.
d) Terdapat segelintir mangsa yang mengalami trauma dan perubahan tingkah laku namun tidak mendapat rawatan kaunseling yang sewajarnya.

Syor:
Jabatan Pendidikan Negeri (JPN):
a) Menyelia warden dan tidak memberi autoriti sepenuhnya kepada warden untuk berkuasa penuh ke atas asrama tanpa campur tangan pihak sekolah.
b) Tidak membenarkan tertuduh yang kini bebas kerana telah diikat jamin memasuki kawasan sekolah dan mendekati pelajar.
c) Memberi amaran keras kepada guru yang menyumbang bayaran wang ikat jamin tertuduh kerana perbuatan ini menjatuhkan moral mangsa kanak-kanak. Kanak-kanak akan merasakan bahawa para guru lebih prihatin dan bersimpati terhadap tertuduh dan bukannya mangsa kanak-kanak.
d) Menepati janji untuk memberikan rawatan kaunseling/psikologi secara berkala kepada mangsa kanak-kanak.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM):
a) Berkomunikasi dengan pihak sekolah agar tidak berlaku salah faham mengenai proses kaunseling kepada mangsa terlibat.
b) Pegawai JKM disyor untuk mendapatkan perintah Mahkamah bagi tujuan intervensi dalam melindungi kanak-kanak (iaitu mengambil kanak-kanak daripada jagaan ibu bapa dan menempatkan kanak-kanak di tempat yang selamat untuk diberi kaunseling dan rawatan psikologi) sekiranya ibu bapa enggan membenarkan kanak-kanak mendapat rawatan kaunseling atau psikologi.
c) Pegawai JKM perlu menghubungi Jabatan Bantuan Guaman Perak atau Jabatan Bantuan Guaman Taiping untuk mendapatkan maklumat lanjut berhubung perkhidmatan Pendamping Guaman. Hal ini berikutan pegawai JKM boleh

mengusahakan supaya mangsa kesalahan jenayah seksual kanak-kanak boleh mendapat khidmat tersebut pada masa akan datang.

Bagi siasatan lanjut kes, OCC telah mengadakan mesyuarat bersama pihak polis pada 25 Ogos 2022. Hasil pertemuan dengan pihak polis, OCC mendapati pegawai kes gagal melaporkan kes ini kepada pegawai pelindung. Tiada komunikasi berlaku antara pegawai polis dan pegawai pelindung. Ketika perbicaraan kes di mahkamah juga, pegawai kes gagal memaklumkan tarikh perbicaraan kepada pegawai pelindung. Pegawai pelindung hanya mengetahui tentang perkara tersebut apabila dihubungi oleh ibu bapa mangsa. Mangsa kanak-kanak yang dipanggil ke perbicaraan adalah kanak-kanak di bawah umur 18 tahun. Justeru, mereka perlu didampingi dan ditemani oleh pegawai pelindung untuk hadir ke Mahkamah.

Usaha untuk mengadakan mesyuarat bersama pihak hospital berkaitan prosedur pengendalian kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak mengikut prosedur operasi standard (SOP) *One Stop Crisis Centre* (OSCC) pada awalnya gagal dilaksanakan. Walau bagaimanapun, melalui kunjung hormat SUHAKAM kepada Menteri Kesihatan, YB Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar pada 5 Oktober 2022, disahkan bahawa sekiranya siasatan hanya melibatkan prosedur, mesyuarat adalah dibenarkan. OCC akan mengaturkan mesyuarat bersama pihak hospital pada awal tahun 2023, dan akan terus memantau perkembangan kes ini dari semasa ke semasa.

### 10.3 Siasatan Aduan Keganasan Berasaskan Gender (GBV) dalam Kalangan Pencari Suaka Dan Migran

OCC telah menerima satu aduan berkaitan kes perkahwinan kanak-kanak melibatkan seorang kanak-kanak perempuan Rohingya berumur 16 tahun dengan seorang lelaki dewasa di Jeli, Kelantan. Menurut aduan, kes melibatkan keganasan rumahtangga yang mana kanak-kanak tersebut telah didera secara fizikal oleh suaminya. Kanak-kanak itu telah membuat laporan polis berhubung perkara tersebut di Ibu Pejabat Polis Daerah Jeli pada 28 Mac 2002. Namun begitu, kanak-kanak tersebut telah ditahan kerana tidak mempunyai dokumen sah walaupun mempunyai status sebagai ‘orang yang berkenaan’ (*persons of concern*) sebagaimana yang disahkan oleh UNHCR. Menurut aduan lagi, tiada sebarang penjelasan diberikan kepada kanak-kanak tentang sebab penahanan.

OCC telah menyiasat kes dengan mengadakan perbincangan tertutup masing-masing bersama Pejabat Ketua Polis Kontijen Kelantan dan JKM Kelantan pada 17 April 2022. Hasil perbincangan, OCC mendapati:

a) Pihak JKM seharusnya dihubungi untuk memastikan kebajikan mangsa, sungguhpun mangsa telah disahkan sebagai orang dewasa dan dari golongan pencari suaka atau migran;
b) Mangsa tidak seharusnya ditahan di lokap kerana UNHCR telah pun mengesahkan bahawa kad UNHCR mangsa sedang diproses. Sebaliknya, mangsa patut dibenarkan untuk pulang bersama keluarganya di Malaysia, atau ditempatkan di sebuah tempat selamat.
c) OCC berpandangan bahawa Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumahtangga ('Garis Panduan') yang sedia ada hendaklah ditambahbaik untuk memberi panduan lebih komprehensif berkaitan pengendalian kes keganasan rumahtangga melibatkan migran dan pencari suaka. Garis Panduan ini perlu, antara lain, menekankan perkara berikut:
   (i) Pemakaian Akta Keganasan Rumahtangga 1994 [Akta 521] hendaklah turut merangkumi semua mangsa, termasuk daripada golongan migran atau pencari suaka, selaras peruntukan Seksyen 1(2) Akta 521, yang menyatakan bahawa undang-undang ini terpakai kepada semua individu di dalam Malaysia;
   (ii) Mangsa daripada golongan migran atau pencari suaka yang mempunyai masalah dokumentasi tidak digari dan ditahan di lokap. Sebaliknya, mereka perlu ditempatkan di sebuah lokasi yang selamat;
   (iii) Peranan UNHCR, sebagai agensi mengesahkan dan mendaftarkan migran hendaklah disertakan dalam Garis Panduan tersebut. Antara lain, peranan UNHCR perlu ditekankan dalam aspek berikut:
      (a) Jika mangsa didapati merupakan seorang pemegang kad UNHCR, agensi pertama yang mengendalikan mangsa hendaklah menghubungi UNHCR agar UNHCR dapat memantau kebajikan mangsa dan bekerjasama dalam mengaturkan tempat selamat untuk mangsa;
      (b) Sekiranya wujud kesangsian tentang status pelarian mangsa, satu pengesahan dalam kadar yang segera diperolehi daripada UNHCR;
      (c) Bantuan terjemahan boleh diperolehi dari UNHCR apabila pihak berkuasa ingin mengambil keterangan mangsa dan menerangkan tindakan pihak berkuasa kepada mangsa.

(iv) Mengenai umur mangsa, Garis Panduan perlu memperuntukkan satu prosedur berkenaan penentuan umur selaras dengan piawaian yang ditetapkan oleh *Committee on the Rights of the Child* di bawah *General Comment No. 6: Treatment of unaccompanied and separated children outside their country of origin,* seperti berikut:

(a) Proses pengesahan ke atas umur mangsa yang mendakwa mereka di bawah umur hanya dilaksanakan di dalam situasi unik yang mana wujud keraguan munasabah berkaitan umur sebenar mangsa;

(b) Mangsa hendaklah dianggap sebagai kanak-kanak sepanjang proses pengesahan;

(c) Sebarang laporan perubatan dan pergigian mengenai umur mangsa yang dilaksanakan mengambilkira sensitiviti jantina dan integriti kanak-kanak; dan

(d) Laporan tersebut dinilai bersama hasil temubual dengan mangsa mengenai sejarah dan situasi hidup mangsa, mengambilkira *'margin of error'* dan mempertimbang kematangan fizikal dan juga mental. Hal ini selaras dengan *Guidelines on Policies and Procedures in dealing with Unaccompanied Children Seeking Asylum* yang dikeluarkan oleh UNCHR dan Perkara 12(2) CRC berkenaan hak kanak-kanak untuk didengari.

OCC telah memanjangkan semua pengesyoran di atas kepada pihak KPWKM untuk pertimbangan dan tindakan sewajarnya.

## 11. LAWATAN PEMANTAUAN PUSAT TAHANAN/KEBAJIKAN KANAK-KANAK DAN LAWATAN KERJA KE AGENSI KERAJAAN DAN BADAN BUKAN KERAJAAN

OCC telah membuat beberapa lawatan pemantauan ke pusat tahanan/kebajikan kanak-kanak dan lawatan kerja ke agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan yang berkaitan kanak-kanak di seluruh Malaysia.

### 11.1 Lawatan Kerja ke Kuching, Sarawak

Bagi lawatan pemantauan ke 4 institusi kanak-kanak di bawah JKM, di Kuching, Sarawak, lawatan telah dilaksanakan ke Sekolah Tunas Bakti (L) Kuching (STBKU)

dan Asrama Akhlak (L) Kuching (AALKU), Taman Seri Puteri Kuching (TSPKU) dan Asrama Akhlak (P) Kuching (AAKU) pada 24 dan 25 Januari 2022.

Isu/Syor:

a) Terdapat isu terputus hubungan dengan keluarga akibat kemudahan telefon yang rosak di STBKU. Penyenggaraan segera bagi kemudahan telefon yang digunakan oleh pelatih untuk menghubungi keluarga perlu dilaksanakan. Memandangkan negara juga sudah berada dalam fasa endemik, dicadangkan supaya lawatan keluarga segera dibenarkan, mengikut kepada SOP yang ditetapkan.
b) Terdapat aduan berkenaan keperluan untuk rak buku baru serta penambahan buku untuk persediaan pelatih menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di STBKU. Disyorkan pihak STBKU menyediakan kemudahan yang mencukupi supaya pelatih memperolehi akses kepada pendidikan sewajarnya.
c) Terdapat keperluan untuk penambahan kakitangan bagi jawatan pembantu penyediaan makanan di STBKU. OCC menggesa agar pihak JKM dapat menambah kakitangan dengan jumlah sewajarnya bagi penyediaan makanan, melihat kepada kapasiti penuh STBKU.
d) Terdapat isu pelanggaran maruah diri kanak-kanak apabila tiada penghadang atau pintu tandas di bilik mandi di semua institusi dinyatakan di atas. OCC menggesa pihak JKM supaya lebih prihatin akan isu ini dan membaikpulih kemudahan tandas di semua institusi dengan segera kerana isu ini melibatkan penjagaan maruah diri kanak-kanak yang mesti dilindungi selaras dengan Perkara 39 CRC[3].
e) Terdapat isu akses kepada pendidikan yang berkualiti di TSPKU apabila kelas tuisyen MCPlus yang disediakan untuk pelatih yang bakal menduduki SPM tidak mencukupi. OCC berpendapat bahawa setiap institusi JKM yang

---

[3] Perkara 39: Jagaan Pemulihan

Negara-Negara Pihak hendaklah mengambil segala langkah yang sewajarnya untuk menggalakkan pemulihan fizikal dan psikologi dan intergrasi semula sosial bagi mangsa kanak-kanak daripada apa-apa bentuk pengabaian, eksploitasi atau penyalahgunaan; penyeksaan atau apa-apa bentuk layanan atau hukuman yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah; atau konflik bersenjata. Pemulihan dan intergrasi semula sedemikian hendaklah mengambil tempat dalam persekitaran yang merangsangkan kesihatan, hormat kendiri dan maruah kanak-kanak.

menempatkan kanak-kanak perlulah mempunyai lantikan guru tetap dari KPM bagi memastikan kanak-kanak di institusi menerima pendidikan bertauliah dan tidak keciciran.

f) OCC amat berterima kasih kepada pihak TSPKU yang telah menganjurkan pelbagai aktiviti untuk pengisian pelatih. Walaubagaimanapun, terdapat keperluan untuk Modul Pendidikan Kesihatan Seksual dan Reproduktif diwujudkan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atau mana-mana agensi perubatan yang ingin bekerjasama. Modul tersebut boleh digunakan di awal kemasukan bagi setiap pelatih.

Seterusnya, lawatan diteruskan ke institusi kanak-kanak di bawah Jabatan Penjara di Kuching, Sarawak iaitu Sekolah Henry Gurney, Kuching (SHGKU) dan Sekolah Integriti, Kuching (SIKU) pada 24 Januari 2022.

Isu/Syor:

a) Terdapat keperluan penambahan guru serta latihan berkaitan di SHGKU dan SIKU kerana kedua-dua institusi berkongsi 6 guru tetap yang sama di mana guru perlu mengajar 8 subjek di kedua-dua buah institusi.
b) Disyorkan juga agar semua guru yang berkhidmat di SHGKU dan SIKU diberikan latihan serta pendedahan berkaitan kaedah mengendalikan kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang, melihat kepada cabaran berlainan yang dihadapi oleh guru.
c) Terdapat aduan berhubung keselesaan dan keperluan pelatih di asrama seperti kekurangan sabun mandi dan selipar. Oleh itu, OCC menggesa keperluan asas diberikan secukupnya kepada pelatih.
d) Pihak Jabatan Penjara disyor menambah baik diet pemakanan dan kualiti makanan kerana terdapat aduan pelatih kerap terjumpa kertas dan benda asing dalam lauk dan ikan yang hancur.
e) Disyorkan supaya pihak Jabatan Penjara mengusahakan semua banduan muda bawah 21 tahun diberikan peluang mendapat pendidikan serta mengambil SPM.
f) Terdapat keperluan pengasingan kanak-kanak dari banduan muda berumur 18-21 tahun selaras dengan peruntukan Perkara 37(c) CRC[4].

---

[4] pemisahan tahanan kanak-kanak dengan tahanan dewasa adalah wajib dan kegagalan pihak-pihak berwajib untuk mematuhinya adalah pelanggaran jelas hak asasi kanak-kanak.

Di samping itu, OCC turut mengadakan mesyuarat bersama NGO Wanita untuk Wanita Sarawak *(Sarawak Women for Women Society-SWWS)* pada 25 Januari 2022 di pejabat SWWS.

Isu/Syor:

a) Bagi isu kanak-kanak tanpa dokumen/warganegara, pihak KDN disyor untuk membubarkan SOP meletakkan status "Bukan Warganegara" dan "Belum Ditentukan" di sijil kelahiran kanak-kanak.

b) Sistem NAMES *(Native Marriage Electronic System)*[5] dilihat masih mempunyai banyak kelompangan yang perlu dibaikpulih kerana data perkahwinan kebanyakan masyarakat orang asal/asli tidak dikemaskini dengan baik menyebabkan maklumat perkahwinan adat individu tidak diketahui oleh pihak JPN dan Jabatan Agama Islam Sarawak (JAISK).

c) Isu perkahwinan kanak-kanak di Sarawak boleh ditangani dengan menambahbaik peruntukan umur berkahwin dalam Ordinan Perkahwinan, fungsi Mahkamah Anak Negeri dan fungsi sistem NAMES[6].

Sementara itu, mesyuarat OCC bersama Majlis Adat Istiadat Sarawak (MAIS) pada 26 Januari 2022 mendedahkan dapatan dan pengesyoran berikut:

a) Kebanyakan Ketua Adat dan masyarakat orang asal/asli tidak bersetuju dengan cadangan menaikkan umur perkahwinan kepada 18 tahun. Justeru, terdapat pengesyoran supaya satu kajian menyeluruh dilaksanakan berkenaan isu tersebut di kawasan pedalaman jika undang-undang tersebut ingin diwujudkan.

b) Selain itu, jika undang-undang di atas diperkenalkan, sistem NAMES hendaklah dinaiktaraf menjadi ordinan; 3 tahun pertama pelaksanaan tidak boleh terus menguatkuasakan undang-undang sebaliknya wajar bersifat program kesedaran sahaja; dan hendaklah terdapat pengecualian dalam peruntukan undang-undang tersebut iaitu penalti hanya dikenakan kepada golongan kanak-kanak yang berkemampuan.

---

[5] Sistem NAMES dibuat bertujuan memudahkan proses permohonan perkahwinan bagi pasangan yang ingin berkahwin selain memastikan status pasangan tersebut sama ada masih bujang atau telah berkahwin. Hal ini kerana terdapat kes pasangan yang telah berkahwin secara adat dan belum bercerai tetapi ingin berkahwin lain dengan menggunakan perkahwinan sivil.

[6] Misalnya, jika berlaku perkahwinan kanak-kanak orang asal/asli, ia hendaklah direkodkan di sistem NAMES dengan kewujudan cip khas sebagai data berasingan untuk tindakan penyelidikan/kajian isu.

c) Terdapat keperluan untuk para peguam dilatih berhubung undang-undang adat.
d) Undang-undang adat dan Mahkamah Adat/Mahkamah Anak Negeri hendaklah ditambah baik.
e) Sistem NAMES hanya dilaksanakan secara pentadbiran dan tiada undang-undang yang memberi kesan terhadapnya. Oleh itu, terdapat keperluan undang-undang diwujudkan untuk memperkasakan sistem tersebut.

Akhir sekali, mesyuarat OCC bersama JAISK pada 26 Januari 2022 membawa kepada dapatan dan pengesyoran berikut:

a) Bagi isu pertukaran status agama dalam kalangan mualaf yang ingin kembali kepada agama asal, permohonan hendaklah dibuat di Mahkamah Syariah negeri.
b) Menurut pihak Jabatan Peguam Sarawak, Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak dan JAISK pada mesyuarat bertarikh 7 Julai 2021, proses permohonan di atas secara keseluruhannya mengambil kira-kira setahun.
c) OCC mengutarakan kebimbangan berhubung isu status agama anak kepada ibu atau bapa yang keluar daripada Islam kerana jika proses penukaran status agama anak di kad pengenalan lambat dilaksanakan, kanak-kanak akan berisiko mengalami trauma. Hal ini kerana kanak-kanak akan keliru jika diminta untuk menyertai kelas agama Islam dan memakai tudung oleh guru Pendidikan Islam, kerana kanak-kanak percaya mereka bukan beragama Islam.
d) Pihak JAISK menegaskan bahawa isu penukaran agama kanak-kanak pada kad pengenalan merupakan bidang kuasa JPN. Sementara itu, KPM, selain ustaz atau ustazah yang dilantik di Sekolah Kelas Al-Quran & Fardu Ain (KAFA) wajar memainkan peranan untuk tidak memaksa golongan kanak-kanak sebegini mengikuti kelas agama.
e) OCC memaklumkan bahawa daripada perbincangan bersama pihak JPN, JPN hanya akan membenarkan pertukaran agama berlaku jika pemohon dapat menyediakan satu deklarasi daripada Mahkamah Shariah untuk pertukaran status agama di kad pengenalan. Justeru itu, OCC melihat bahawa Mahkamah Shariah juga turut mempunyai peranan dan tanggungjawab terhadap isu.
f) OCC mengesyorkan supaya satu memorandum persefahaman diwujudkan antara JAISK, Mahkamah Syariah dan JPN di Putrajaya dan di Cawangan Sarawak bagi membolehkan pemprosesan kes dilaksanakan dengan lebih efisien.

g) JAISK menegaskan bahawa pemohon hendaklah menggunakan perkhidmatan peguam. Hal ini kerana jika pemohon membawa kes sendiri, ia berisiko lebih melambatkan kes akibat gagal mematuhi prosedur yang disyaratkan.
h) Walau bagaimanapun, OCC berpandangan ada ruang untuk tempoh kes dipendekkan, dan pemohon membawa kes sendiri sebagaimana kes permohonan cerai dan penjagaan anak. JAISK disyor untuk membuat carta alir prosedur/pamphlet untuk tujuan tersebut.
i) Bagi isu perkahwinan kanak-kanak dan kesedaran peri pentingnya hak kanak-kanak, pihak-pihak bersetuju bahawa terdapat keperluan untuk lebih banyak program pendidikan berhubung isu dilaksanakan.

## 11.2 Lawatan Kerja ke Miri, Sarawak

OCC telah menyertai program kesedaran hak asasi bersama komuniti di perkampungan Iban dan Penan di Niah-Suai dan Tinjar pada 15 hingga 17 Februari 2022 anjuran Pejabat SUHAKAM Sarawak berikutan aduan isu perkahwinan kanak-kanak dan keciciran pendidikan dalam kalangan kanak-kanak komuniti.

Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah perjumpaan bersama NGO *SAVE Rivers* dan beberapa individu pada 14 Februari 2022; sesi perbincangan bersama ketua komuniti pada 15 Februari 2022; dan sesi perbincangan dan lawatan ke Perkampungan Iban di Suai, Niah dan Perkampungan Penan di Tinjar masing-masing pada 16 Februari 2022. Secara umumnya, antara isu kanak-kanak di Miri ialah:
a) Keselamatan dan kesihatan kanak-kanak yang terdedah kepada kejadian bencana alam dan akibat migrasi komuniti migran bandar ke pedalaman.
b) Diskriminasi kanak-kanak yang lahir dari ibu yang tidak berkahwin sehingga tidak diberikan bantuan.
c) Kanak-kanak tanpa kewarganegaraan akibat ibu bapa tidak mendaftarkan perkahwinan/kelahiran kanak-kanak, dan perkahwinan tidak teratur.
d) Hak kanak-kanak minoriti/penduduk asal/asli dan taraf hidup mereka akibat tiada pengiktirafan Kerajaan ke atas tanah adat.
e) Hak pendidikan yang dinafikan berikutan capaian internet lemah.
f) Bantuan JKM tidak diberikan kepada bapa OKU yang berumur 40 tahun ke atas.

g) Isu agama kanak-kanak[7].
h) Keciciran pendidikan akibat tidak mempunyai dokumen.
i) Isu perkahwinan kanak-kanak yang tinggi mengakibatkan ramai kanak-kanak yang keciciran pendidikan.
j) Masalah sosial yang tinggi dalam kalangan kanak-kanak bumiputera.
k) Terdapat kesilapan pentadbiran JPN mendaftarkan status agama beberapa wanita Penan sebagai Islam di MyKad sedangkan mereka bukan Islam[8].

Terdapat aduan berkaitan seorang kanak-kanak yang tidak dapat menduduki SPM berikutan statusnya yang belum ditentukan taraf kewarganegaraan/tiada MyKad. Aduan tersebut telah dipanjangkan kepada Menteri Kanan Pendidikan Malaysia, YB Senator Datuk Dr. Mohd Radzi Md Jidin pada 24 Februari 2022. Pada 10 Mac 2022, OCC telah menerima surat maklum balas daripada KPM yang memaklumkan bahawa kanak-kanak tersebut telah didaftarkan sebagai calon SPM.

Bagi isu-isu lain, OCC telah merancang untuk mengadakan pertemuan bersama Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti, Sarawak, YB Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah dan pertemuan telah dipersetujui Menteri. Walau bagaimanapun, mesyuarat terpaksa ditangguhkan pada saat akhir berikutan YB Dato mempunyai komitmen lain. OCC akan terus membuat susulan kepada Pejabat Menteri untuk satu pertemuan bagi isu-isu diatas dibincangkan sewajarnya. OCC juga akan membentang dapatan yang diperolehi daripada lawatan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita Dan Kanak-Kanak Dan Pembangunan Sosial untuk perbincangan lanjut.

---

[7] Kanak-kanak Sarawak yang belajar di Semenanjung tidak wajar dipengaruhi mana-mana pihak untuk memeluk Islam kerana berdasarkan Perkara 12(4) PP, agama seorang kanak-kanak itu hendaklah ditentukan oleh kedua ibu bapanya. Justeru itu, kebenaran kedua ibu bapanya adalah wajib sebelum kanak-kanak boleh memeluk Islam atau agama lain daripada agama ibu bapanya.

[8] Kesilapan berlaku kerana wanita-wanita tersebut mempunyai "binti" pada nama mereka. Memandangkan OCC telah bermesyuarat dengan Jabatan/Majlis Agama Islam Sarawak berhubung isu, OCC akan mengemukakan aduan kepada Jabatan/Majlis untuk tindakan mereka.

## 11.3 Lawatan Kerja ke Kota Kinabalu dan Kota Marudu, Sabah

Terdapat 3 aktiviti lawatan dilaksanakan dalam lawatan kerja ke Kota Kinabalu dan Kota Marudu. Lawatan pemantauan ke **Rumah Kanak-Kanak Kota Kinabalu, Beringgis** (RKB) telah diadakan pada 28 Mac 2022.

Isu/Syor:

a) Berikutan aduan oleh kanak-kanak bahawa mereka telah lama tidak berjumpa dengan keluarga akibat sekatan PKP, disyorkan supaya lawatan keluarga segera dibenarkan, mengikut SOP yang ditetapkan.

b) OCC mengesyorkan agar jumlah kakitangan dan pegawai ditambah berikutan institusi mempunyai jumlah bilangan kanak-kanak yang ramai, dan terdapat ramai bayi yang memerlukan perhatian dan penjagaan yang lebih rapi dan rumit.

c) OCC berpendapat bahawasanya setiap institusi JKM yang menempatkan kanak-kanak hendaklah mempunyai lantikan guru tetap dari KPM bagi memastikan kanak-kanak di institusi menerima pendidikan bertauliah dan tidak keciciran.

d) OCC juga mengesyorkan 2 orang kanak-kanak mangsa penderaan seksual dari Kota Marudu yang ditempatkan di institusi wajar diberikan rawatan kaunseling secara berkala kerana difahamkan mereka hanya mendapat rawatan tersebut beberapa kali sahaja.

Pada 29 Mac 2022, OCC telah melawat **Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Marudu** untuk mengadakan mesyuarat berhubung aduan kes penderaan seksual kanak-kanak di Kota Marudu. Pihak IPD Kota Marudu memaklumkan bahawa siasatan kes telah selesai pada 25 November 2020. Walau bagaimanapun, kes kini berada di peringkat Timbalan Pendakwa Raya untuk keputusan sama ada pertuduhan akan dibuat atau sebaliknya. Pada 28 September 2022, pihak IPD Kota Marudu mengesahkan kepada OCC bahawa suspek dalam kes penderaan tersebut telah dituduh di bawah Seksyen 376(2) Kanun Keseksaan[9].

---

[9] Maklumat dari akhbar dalam talian, Rujuk: https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2022/09/28/foreigner-claims-trial-to-raping-7-year-old/

Terdapat isu lain turut dibangkitkan di dalam mesyuarat antaranya ketiadaan Bahagian Siasatan Jenayah Komersil yang bertanggungjawab untuk isu jenayah dalam talian, kekurangan pegawai polis dengan nisbah seorang pegawai untuk antara 600 hingga 700 orang penduduk, dan isu banjir yang sering berlaku sehingga menyebabkan kerosakan dan kehilangan harta benda, yang memberi kesan terhadap lebih 3,000 penduduk Kota Marudu. OCC dalam perancangan untuk memanjangkan isu-isu kepada pihak KDN dan KPWKM masing-masing.

Ketiga, lawatan ke **Pejabat Daerah Kota Marudu** pada 30 Mac 2022.

Isu/Syor:

a) Bekalan air yang selalu terputus dan kawasan yang tiada air mencukupi.
b) Kesesakan lalu lintas di pekan Kota Marudu kerana terdapat 86 simpang masuk dari bulatan Gohsen ke Bulatan Popok, dan terdapat 36 simpang masuk sebelah kiri dan 50 simpang masuk sebelah kanan menuju ke Daerah Pitas. Justeru itu, disyorkan projek pembinaan jalan dua hala Jalan Langkon - Pitas iaitu daripada Jambatan Banda ke Jambatan Sumbilingan sejauh 2.7 km dilaksanakan dengan segera. Projek telah dijanjikan siap pada 2016 tetapi masih belum siap hingga kini.
c) Bekalan elektirk yang kerap terputus di daerah ini. Oleh itu, pihak Sabah Electricity Sdn. Bhd. digesa untuk merangka pelan penyelesaian jangka masa panjang untuk menangani isu.
d) Kemiskinan kerana Kota Marudu antara 9 daerah termiskin di Malaysia.
e) Penanaman padi semakin berkurangan keluasannya.
f) Isu mengenai sistem perparitan yang tidak terurus di pasar tamu telah menyebabkan banjir kilat kerap berlaku di bulatan berdekatan Balai Bomba Kota Marudu dan Pasar Tamu.
g) Jalan dan parit di Kota Marudu yang tidak terurus oleh syarikat yang diberikan konsesi.
h) Terdapat keperluan untuk diwujudkan sistem pengurusan sampah yang moden dan pelan pengurusan sampah yang sistematik untuk Pekan Kota Marudu.

OCC mengambil maklum dan akan memanjangkan segala isu yang dibangkitkan kepada pihak kementerian berkaitan. Walau bagaimanapun, pihak Pejabat Daerah Kota Marudu disyorkan untuk turut proaktif dalam membawa isu kepada Jabatan

Alam Sekitar Sabah, Jabatan Kerja Raya Sabah, Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas Sabah, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, Jabatan Pengangkutan Jalan Sabah dan agensi kerajaan lain yang berkaitan dalam menyelesaikan isu.

## 11.4 Lawatan ke 4 Depot Imigresen

Pada 4 hingga 7 Julai 2022, OCC telah menyertai Bahagian Aduan dan Pemantauan (CMD) melakukan lawatan berkala ke 4 depot imigresen bagi menyiasat aduan mengenai kanak-kanak yang ditahan tanpa ditemani ibu bapa atau penjaga. Lawatan mendapati seramai 70 orang kanak-kanak Rohingya tanpa ibu bapa atau penjaga telah ditahan di Depot Imigresen Sementara Millennium, Beranang manakala kesemua kanak-kanak di depot lain ditahan bersama ibu atau bapa. Antara isu yang menjadi perhatian OCC ialah:

a) Isu keselamatan dan kesihatan kanak-kanak dalam tahanan;
b) Kebimbangan terhadap kanak-kanak yang berada dalam sel atau blok tahanan dewasa;
c) Kanak-kanak tanpa dokumen termasuk kanak-kanak tidak mempunyai sijil lahir;
d) Isu keperluan asas bayi seperti susu dan lampin yang tidak disediakan oleh depot atas faktor kekangan bajet;
e) Isu hak bermain dan belajar di ruangan yang lapang dan selamat. Tidak semua depot menyediakan kemudahan ini berikutan faktor fasiliti dan ruangan depot yang terhad; dan
f) Isu kanak-kanak tanpa ibubapa atau penjaga terutamanya yang berumur 12 tahun ke bawah[10]. Hal ini akan menjejaskan emosi dan psikologi kanak-kanak.

OCC telah memanjangkan pengesyoran lanjut kepada pihak JIM dan berharap tindakan telah diambil dengan sewajarnya.

[10] Di Depot Imigresen Sementara Millennium, Beranang, didapati seramai 70 orang tahanan kanak-kanak tidak ditemani ibubapa atau penjaga. Kanak-kanak dalam lingkungan umur 6 hingga 17 tahun di mana 25 orang adalah kanak-kanak lelaki dan 45 orang adalah kanak-kanak perempuan. Kanak-kanak perempuan ditempatkan dalam blok wanita manakala kanak-kanak lelaki yang berusia 13 tahun ke atas ditempatkan dalam blok lelaki bersama tahanan dewasa lelaki.

## 11.5 Lawatan Kerja ke Beluran, Sabah

OCC telah dijemput oleh Pejabat SUHAKAM Sabah untuk menyertai lawatan kes ke 2 buah ladang kelapa sawit milik Syarikat Cepat Wawasan Group Sdn. Bhd. dari 12 hingga 15 Julai 2022. Tujuan lawatan adalah untuk menyiasat kewujudan buruh kanak-kanak di ladang terbabit. Berikut merupakan dapatan yang diperoleh:

a) Kemungkinan wujud isu buruh kanak-kanak kerana kebanyakan pekerja ladang kelihatan muda daripada usia yang dinyatakan mereka. Namun begitu, tiada dokumen pengenalan diri untuk mengesahkan usia sebenar kerana pasport mereka dipegang oleh majikan.
b) Terdapat isu tempat tinggal yang tidak kondusif dan kurang selamat untuk kanak-kanak kerana pihak pengurusan ladang masih menggunakan sistem pendawaian lama dan hal ini boleh menyebabkan berlaku litar pintas yang akan menyumbang kepada kebakaran.
c) Isu hak pendidikan dimana pihak ladang menyediakan pusat jagaan untuk anak-anak pekerja yang berusia 1 hingga 12 tahun, namun pendidikan secara formal tidak diberi kepada kanak-kanak tersebut.
d) Isu pengabaian ibu bapa yang meninggalkan anak sendirian di rumah ketika keluar bekerja.
e) Isu perkhidmatan kesihatan di mana tiada Penolong Pegawai Perubatan atau *Medical Assistant (MA)* atau doktor disediakan di ladang tersebut. Menurut pihak pengurusan ladang, sejak Covid-19 melanda, MA bertugas telah berhenti kerja dan mereka tidak mendapat pengganti sehingga sekarang.
f) Isu pendokumentasian dan kewarganegaraan anak pekerja yang lahir di Malaysia. Tiada inisiatif dilakukan oleh pihak pengurusan ladang bagi pendaftaran kelahiran anak dan permohonan status kewarganegaraan anak pekerja. Malahan, paspot dan dokumen pengenalan diri pekerja juga dipegang oleh majikan.

OCC akan memanjangkan isu yang dibangkitkan kepada pihak Kementerian Sumber Manusia untuk diambil perhatian dan tindakan lanjut kepada syarikat kelapa sawit berkenaan.

## 11.6 Lawatan Kerja ke Keningau, Sabah

OCC telah mengadakan lawatan pemantauan ke Ibu Pejabat Polis Daerah Keningau pada 13 September 2022. Lawatan yang diadakan bertujuan untuk memantau sebarang kes jenayah melibatkan pesalah kanak-kanak, melawat fasiliti lokap dan balai serta memantau isu mengenai kebajikan pegawai dan tahanan lokap. Berikut merupakan statistik pesalah kanak-kanak dari tahun 2019 hingga 2022 di Keningau:

**Jadual 9: Statistik Pesalah Kanak-Kanak dari 2019 dan 2022 di Keningau**

| Kategori | 2019 | 2020 | 2021 | 2022 | Jumlah Keseluruhan |
|---|---|---|---|---|---|
| Lelaki | 8 | 39 | 8 | 12 | 67 |
| Perempuan | 8 | 24 | 3 | 1 | 36 |
| **Jumlah** | **16** | **63** | **11** | **13** | **103** |

Secara purata, pesalah kanak-kanak yang ditahan oleh IPD Keningau berumur antara 12 hingga 18 tahun bagi beberapa jenis kesalahan seperti kes dadah, rogol, pecah masuk rumah dan mencederakan dengan sengaja.

Seterusnya, terdapat aduan yang diterima berkaitan pelaksanaan sistem tahanan di Sekolah Henry Gurney, Keningau yang dikatakan tidak mematuhi Akta 611, dan mencabuli hak kanak-kanak dari sudut keselamatan dan kebajikan. Oleh itu, OCC telah mengadakan lawatan pemantauan ke Sekolah Henry Gurney, Keningau (SHG Keningau) pada 14 September 2022. Berikut ialah dapatan lawatan dan penambahbaikan yang disyorkan:

a) Tiada kakitangan kesihatan wanita untuk merawat penghuni kanak-kanak perempuan. Secara keseluruhannya, kekuatan penjawatan 160 orang telah diisi dan pihak SHG Keningau tidak mempunyai masalah kekurangan kakitangan. Walau bagaimanapun, terdapat keperluan untuk melantik seorang kakitangan kesihatan wanita di klinik bagi mengurus dan merawat isu kesihatan melibatkan tahanan perempuan.

b) Terdapat aduan mengenai eksploitasi buruh kanak-kanak. Pada 4 November 2022, OCC dimaklumkan bahawa seorang tahanan kanak-kanak lelaki yang bekerja di ladang telah melarikan diri dari SHG Keningau kerana tidak tahan

dikerah bekerja di bawah terik matahari. SHG Keningau disyor melihat isu ini dan memastikan tiada elemen buruh atau eksploitasi kanak-kanak berlaku dalam sistem pemulihan kanak-kanak.

c) OCC dimaklumkan oleh doktor yang bertugas bahawa terdapat 3 orang penghuni yang mempunyai masalah rabun mata dan telah dibawa untuk menjalani pemeriksaan. Namun begitu, pihak klinik tidak mempunyai peruntukan untuk membuat cermin mata bagi ketiga-tiga penghuni tersebut. Pihak Jabatan Penjara disyor untuk menyediakan peruntukan sewajarnya bagi menangani isu.
d) Terdapat penempatan tahanan yang berusia melebihi 21 tahun di SHG Keningau. OCC menegaskan perkara ini tidak sewajarnya berlaku kerana SHG ialah institusi untuk pesalah kanak-kanak berumur 14 hingga 21 tahun.

OCC berpandangan terdapat keperluan untuk mengatur perbincangan bersama Pejabat Jabatan Peguam Negara, Negeri Sabah berhubung isu tahanan di SHG Keningau kerana difahamkan pihak SHG Keningau hanya melaksanakan perintah yang diputuskan Mahkamah.

## 11.7 Lawatan Pemantauan ke Institusi Kanak-Kanak JKM di Zon Tengah

Antara institusi yang dilawati ialah Rumah Kanak-Kanak Tengku Budriah (RKKTB), Cheras dan Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi (STBSB) masing-masing pada 3 dan 4 Oktober 2022.

Isu/Syor:

a) Terdapat kekurangan kakitangan bertugas untuk menjaga penghuni yang berusia 1 hingga 7 tahun di RKKTB. Disyorkan supaya pihak JKM mempertimbangkan untuk menambah kakitangan yang bertugas bagi menjaga taska terutamanya untuk syif malam.
b) Terdapat isu ketiadaan kepakaran menguruskan kanak-kanak berkeperluan khas di RKKTB. OCC mengesyorkan supaya pihak JKM mengadakan perbincangan bersama pihak KPWKM dan JPA untuk melantik kakitangan yang mempunyai kepakaran atau latar belakang menguruskan kanak-kanak berkeperluan khas.
c) Kanak-kanak yang belajar di tadika RKKTB berusia antara 4 hingga 6 tahun diajar kemahiran asas 3M (membaca, menulis dan mengira). Namun begitu,

apabila mereka memasuki alam sekolah rendah, mereka jauh ketinggalan dalam pelajaran berbanding kanak-kanak sebaya yang lain. Pihak JKM disyorkan untuk memperhalusi modul pembelajaran tadika, menyediakan kursus Pendidikan Awal Kanak-Kanak kepada guru tadika, dan menyediakan tempat pembelajaran yang kondusif untuk kanak-kanak bagi memupuk minat terhadap pelajaran.

d) Pada tahun 2022, terdapat 2 orang kakitangan RKKTB mengalami tekanan di tempat kerja *(burnt out)* dan terpaksa menjalani rawatan psikiatri. OCC mengesyorkan agar pihak JKM menjalankan ujian saringan kesihatan mental secara berkala terhadap kakitangan contohnya seperti Ujian Saringan Minda Sihat (DASS) dan menganjurkan program kesedaran kesihatan mental kepada semua kakitangan yang bertugas di semua institusi menempatkan kanak-kanak.

e) Terdapat isu mengenai penempatan tahanan sementara di lokap STBSB terlalu lama berikutan tiada komunikasi antara pihak polis dan pihak STBSB mengenai tarikh perbicaraan tahanan. Justeru, disyorkan supaya dilantik seorang pegawai penguatkuasa khas yang bertugas untuk menjaga dan menguruskan tahanan sementara di lokap tersebut.

f) Selain itu, OCC berpandangan bahawa lokasi tandas di bilik lokap STBSB yang kedudukannya jauh di belakang adalah tidak strategik dan tidak selamat. Oleh itu, pihak STBSB disyor untuk menangani isu tersebut demi keselamatan pelatih.

g) Hanya 3 orang pelatih di STBSB mengikuti pendidikan arus perdana manakala selebihnya mengikuti Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). STBSB perlu memperkasakan pendidikan TVET kepada para pelatih supaya mereka berpeluang untuk menyambung pelajaran di peringkat pengajian tinggi seperti diploma dan sarjana muda.

h) OCC dimaklumkan bahawa pegawai dan kakitangan STBSB telah mengambil inisiatif menggunakan telefon bimbit peribadi mereka untuk membuat panggilan video kepada keluarga pelatih bagi tujuan komunikasi. OCC mengesyorkan agar STBSB mendapatkan peruntukan bagi menyediakan satu komputer khas bagi tujuan pelatih membuat panggilan video tersebut. Pihak JKM hendaklah mengusahakan peruntukan bagi perkara ini.

i) Terdapat isu pelatih terlibat aktiviti liwat dan cuba mencari mangsa di STBSB. OCC mengesyorkan supaya rawatan psikiatri diberikan kepada pelatih kerana difahamkan pelatih berkelakuan sedemikian akibat pernah diliwat dalam

tempoh yang lama sebelum masuk ke STBSB. Selain itu, penekanan kepada kefahaman agama dan penghayatan terhadapnya hendaklah diusahakan pihak STBSB dan JKM bagi menangani isu. Kerjasama boleh diusahakan dengan pihak JAKIM.

## 11.8 Lawatan Pemantauan ke Institusi Kanak-Kanak JKM di Zon Pantai Timur

Antara institusi yang dilawati ialah Rumah Kanak-Kanak Mini Kelantan (RKKMK) pada 30 Oktober 2022 dan Rumah Tunas Harapan Pakatan Kasih (RTHPK) pada 31 Oktober 2022.

Isu/Syor:

a) Terdapat isu kekurangan kakitangan bagi penjawatan pemandu, Pegawai Pembangunan Masyarakat S19 dan Pegawai Psikologi. OCC mengesyorkan supaya pihak KPWKM dapat mempertimbangkan untuk menambah jumlah kakitangan bagi penjawatan ini berdasarkan keperluan dan faktor semasa.

b) Terdapat isu ketiadaan rumah transit di negeri Kelantan sebagaimana wujud di institusi kanak-kanak di pantai barat[11]. OCC berpandangan bahawa kewujudan rumah transit sangat penting bagi menjamin keselamatan dan kebajikan kanak-kanak sebelum mereka dilepaskan dari RKKMK. Kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan dan mempunyai persekitaran keluarga yang tidak kondusif memerlukan perlindungan Rumah Transit dan tidak wajar terus dihantar kembali ke rumah keluarga mereka sementara menunggu perintah bebas sepenuhnya.

c) Wujud kelompangan pada pelaksanaan pengkategorian semula RKKMK[12]. OCC mengesyorkan supaya pihak KPWKM, JKM, dan kerajaan negeri Kelantan

---

[11] Rumah transit berfungsi sebagai tempat transit selama 1 tahun bagi kanak-kanak yang dibebaskan dari institusi sebelum mereka bebas sepenuhnya. Rumah transit menempatkan kanak-kanak dari keluarga yang bermasalah sosial atau terlibat dengan kes penderaan dan dadah.

[12] Pada 10 Ogos 2017, pengkategorian semula kemasukan kanak-kanak ke RKKMK telah dilakukan yang mana RKKMK hanya menerima kanak-kanak perempuan bawah 18 tahun dan kanak-kanak lelaki bawah umur 2 tahun. Namun begitu, apabila RKKMK menerima kanak-kanak perempuan berumur 0 hingga 12 tahun dan 13 hingga 18 tahun, terdapat beberapa permasalahan yang dihadapi seperti pengaruh buruk (terdapat kanak-kanak remaja 13 hingga 18 tahun berkongsi kes seksual mereka kepada penghuni 12 tahun ke bawah), penyusunan aktiviti oleh kakitangan dan kepakaran kemahiran.




**Lawatan Pemantauan Ke Rumah Kanak-Kanak Mini Kelantan**

(termasuk JAHEAIK dan MAIK) mengadakan perbincangan untuk mendapatkan solusi terbaik mengenai penempatan kanak-kanak.

d) Wujud isu cuti kelepasan am bagi kakitangan MySTEP (shif)[13]. OCC mengesyorkan kepada pihak KPWKM dan JPA untuk memberi pencerahan kepada kakitangan MySTEP yang bekerja di pusat penjagaan dan perlindungan kanak-kanak mengenai cuti dan kerja shif kakitangan ketika hari cuti umum.

e) Selain itu, terdapat isu keperluan penjawatan kontrak MySTEP ditukar kepada penjawatan tetap. OCC amat bersetuju dengan cadangan tersebut dan mengesyorkan agar perkara serupa dapat dipertimbangkan oleh KPWKM dan JPA bagi kakitangan yang telah berkhidmat lebih dari 6 tahun.

[13] RKKMK mempunyai 9 orang kakitangan kontrak *Personal MyStep* yang bertugas sebagai Pembantu Pejabat dan Pembantu Pengurusan Penghuni. Bagi jawatan Pembantu Pejabat, mereka bekerja mengikut waktu pejabat dan akan bercuti pada hari kelepasan AM sepertimana kakitangan tetap. Namun begitu, bagi jawatan Pembantu Pengurusan Penghuni, mereka bekerja mengikut waktu shif termasuk pada hari kelepasan AM.

f) Tiada rumah perlindungan kanak-kanak lelaki di Kelantan menyebabkan kanak-kanak lelaki akan dihantar ke negeri lain seperti rumah perlindungan di Pahang. OCC mengesyorkan kepada KPWKM agar dapat berbincang mengenai cadangan mewujudkan rumah perlindungan untuk kanak-kanak lelaki di negeri Kelantan. Perbincangan juga boleh diaturkan bersama pihak Kerajaan Negeri Kelantan khususnya Pejabat Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kelantan.

Sementara itu, berikut merupakan dapatan lawatan dan penambahbaikan yang disyorkan untuk RTHPK:

a) Berikutan konsep RTHPK di mana keluarga angkat diberikan seramai 10 orang kanak-kanak untuk dijaga dan dibesarkan di rumah keluarga angkat, terdapat kebimbangan mengenai batas pergaulan dan aurat antara ahli keluarga yang bukan mahram[14]. OCC mengesyorkan supaya pihak JKM Kelantan memanjangkan isu ini kepada Pejabat Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kelantan untuk diperhalusi dan dipertimbangkan solusinya.
b) Terdapat isu kekurangan dana untuk tujuan program atau aktiviti luar kanak-kanak. OCC mencadangkan agar pihak Lembaga Pelawat dengan kerjasama JKM dapat berbincang untuk mendapatkan tajaan dari agensi atau badan bukan kerajaan luar bagi tujuan tersebut.

## 12. PEMANTAUAN KES (*WATCHING BRIEF*)

OCC telah melaksanakan 9 pemantauan kes Mahkamah. Butiran kes dan aspek hak kanak-kanak yang terlibat dalam setiap kes tersebut disenaraikan seperti berikut:

[14] Misalnya antara ayah angkat dengan kanak-kanak remaja perempuan, atau ibu angkat dengan kanak-kanak remaja lelaki, dan sesama adik beradik angkat yang berlainan jantina.

**Jadual 10: Butiran Pemantauan Kes Melibatkan Hak Kanak-kanak**

| BIL. | BUTIRAN KES | ISU HAK KANAK-KANAK |
|---|---|---|
| 1. | PP v Ragasuthen A/L Jayasankar & 4 Yang Lain (Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, Kes Jenayah No. PA-45B-1-02/2018) | Hak untuk hidup. |
| 2. | Kementerian Dalam Negeri & 2 Yang Lain v Lew Yee Hong @ Liew Yee Hong & Satu Lagi (Mahkamah Rayuan, Rayuan Sivil No. W-01(A)-278-05/2019) | Hak untuk mendapatkan kewarganegaraan. |
| 3. | PP v 2 Penama (Mahkamah Tinggi Temerloh Kes Jenayah No. CB-45B-1-05/2020) | Hak kanak-kanak berkonflik dengan undang-undang; Kepentingan terbaik kanak-kanak. |
| 4. | Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara & 2 Yang Lain v Suriani Kempe & 6 Yang Lain (Mahkamah Rayuan, Rayuan Sivil No. W-01(NCvC)(A)-531-09/2021) | Hak untuk mendapatkan kewarganegaraan. |
| 5. | PP v Zuraini Razzi (Mahkamah Tinggi Miri, Rayuan Jenayah No. MYY-627JSK-1/1-2021) | Hak kanak-kanak berkonflik dengan undang-undang. |
| 6. | PP v Mohd Faizal bin Amir (Mahkamah Sesyen Teluk Intan, Kes Jenayah No. AC-61JSK-10-09/2021) | Kepentingan terbaik kanak-kanak; Hak untuk dilindungi daripada keganasan, penderaan dan pengabaian. |
| 7. | PP v Siti Bainun (Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, Kes Jenayah No. WA-62-81-08/2021) | Kepentingan terbaik kanak-kanak; Hak untuk dilindungi daripada keganasan, penderaan dan pengabaian; Hak kanak-kanak kurang upaya. |
| 8. | Min Sam v Joyce Choong Yian May (Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Kes Sivil No. WA-24F-51-02/2021) | Kepentingan terbaik kanak-kanak; Hak kanak-kanak kurang upaya; Hak jagaan kanak-kanak rentas negara; Hak mendapatkan kewarganegaraan. |
| 9. | Pendakwa Raya v Penama (Seorang Kanak-Kanak), (Mahkamah Majistret Kemaman, Kes Jenayah No. TB-81-6-02/2022) | Kanak-kanak berkonflik dengan undang-undang; Hak untuk dilindungi daripada keganasan, penderaan dan pengabaian. |

## 13. KENYATAAN MEDIA DAN SIDANG MEDIA

OCC telah menerbitkan 8 kenyataan media dan mengadakan 1 sidang media yang melibatkan hak kanak-kanak. Sidang media telah diadakan dengan kerjasama Unit Media, Bahagian Media dan Promosi (MPD) pada 1 April 2022 untuk memaklumkan kepada khalayak akan kerja dan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh OCC sepanjang hampir 3 tahun beroperasi sejak November 2019. Selain itu, sidang media bertujuan membentangkan dapatan tinjauan dalam talian ahli CCC 2020/2022 bertajuk "Kajian Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)". Kesimpulan daripada tinjauan telah merekodkan bahawa 76.7% daripada 7,332 responden kanak-kanak memilih kelas fizikal berbanding kelas dalam talian. Tinjauan juga menunjukkan bahawa pembelajaran dalam talian adalah mencabar bagi pelajar dan menjejaskan kesihatan mental mereka, yang mana membimbangkan semua pihak.

# HARAPAN MASA HADAPAN

Berikutan isu kekangan masa dan kapasiti pegawai, OCC hanya akan melaksanakan 7 tema dan 40 aktiviti pada tahun 2023, berbanding 13 tema dan 70 aktiviti pada tahun 2022. Hal ini bertujuan memastikan keberkesanan setiap aktiviti yang dijalankan. Selain itu, OCC akan berkolaborasi dengan lebih banyak bahagian/pejabat di SUHAKAM seperti Bahagian Dasar, Pendidikan dan Kemasyarakatan, Aduan dan Pemantauan, Media dan Promosi, Pejabat SUHAKAM Sabah dan Pejabat SUHAKAM Sarawak. OCC juga akan memastikan setiap aktiviti yang dijalankan mencapai Matlamat Pembangunan Mampan yang berkaitan, yang telah ditetapkan oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2015.

Justeru, bagi strategi 1 iaitu mengakhiri diskriminasi terhadap kanak-kanak, tema dipilih ialah kanak-kanak tanpa kewarganegaraan dan hak kanak-kanak untuk tidak didiskriminasi; sistem aduan mesra kanak-kanak; reservasi CRC; dan pindaan kepada Akta Kanak-kanak 2001. Sementara itu, bagi strategi 2 iaitu kepentingan terbaik kanak-kanak hendaklah diambil kira di semua peringkat masyarakat, termasuk oleh pembuat keputusan, tema dipilih ialah pendidikan bersama hak kanak-kanak di sekolah tahfiz.

Untuk strategi 3 iaitu mempromosi perlindungan hak kanak-kanak untuk hidup, kelangsungan hidup dan perkembangan, tema dipilih ialah perkahwinan kanak-kanak;

hak kanak-kanak kepada kesihatan; pemantauan tempat tahanan/institusi kanak-kanak; konsultasi aduan (Pejabat SUHAKAM Sabah dan Sarawak); dan alternatif kepada penahanan. Bagi strategi 4 iaitu mempromosi hak kanak-kanak untuk memberi pandangan, tema dipilih ialah Majlis Konsultasi Kanak-kanak dan penyertaan kanak-kanak.

Bagi memastikan kesemua 40 program yang dirancang berjaya dilaksanakan, OCC sangat memerlukan kerjasama dan keprihatian pihak Kerajaan khususnya Kementerian Kewangan untuk menambah peruntukan kewangan kepada SUHAKAM yang kini menaungi OCC, demi memastikan OCC dapat terus beroperasi memperkasa dan melindungi hak semua kanak-kanak di Malaysia.



BAB 5

# PEJABAT SUHAKAM SABAH

# PEJABAT SABAH

## LATAR BELAKANG

Pejabat SUHAKAM Sabah (Pejabat Sabah) dipertanggungjawabkan untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di Negeri Sabah dengan melaksanakan fungsi dan kuasa yang termaktub di dalam Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597). Antara aktiviti yang dilaksanakan oleh Pejabat Sabah adalah pengurusan aduan dan siasatan kes yang melibatkan dakwaan pelanggaran hak asasi manusia, lawatan ke tempat tahanan dan mengemukakan syor untuk penambahbaikan, menjalinkan kerjasama dengan pemegang taruh terutamanya dalam isu hak asasi manusia tematik, dan menjalankan aktiviti promosi hak asasi manusia sama ada menerusi anjuran Pejabat Sabah atau berdasarkan jemputan yang diterima.

Penting untuk ditekankan bahawa perkhidmatan yang diberikan oleh SUHAKAM termasuklah Pejabat Sabah khususnya seperti yang dinyatakan di atas adalah percuma dan tiada sebarang bayaran atau caj dikenakan kepada pengadu atau mana-mana pihak. Pejabat Sabah juga tidak boleh bertindak sebagai peguam untuk mewakili pengadu dalam kes mahkamah dan tidak mempunyai kuasa untuk membawa kes yang diadukan kepada Pejabat Sabah ke mahkamah. Orang ramai khususnya pengadu dinasihatkan untuk merujuk kepada SUHAKAM dan pihak berkuasa yang berkaitan sekiranya terdapat mana-mana pihak yang meminta bayaran atau mengenakan sebarang caj bagi mendapatkan perkhidmatan SUHAKAM.

Pada tahun ini, meskipun Sabah telah beralih ke fasa endemik, kesan pandemik COVID-19 masih dapat dirasai terutamanya oleh golongan rentan yang terjejas daripada segi sosial dan ekonomi. Perkara ini turut memberi implikasi kepada penganjuran aktiviti Pejabat Sabah terutamanya aktiviti mempromosikan hak asasi manusia yang melibatkan masyarakat awam seperti program 'SUHAKAM bersama Masyarakat' (SBM). SBM terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu manakala sebahagiannya dilaksanakan dalam skala yang lebih kecil. Selain itu juga, terdapat trend penurunan jumlah aduan yang diterima oleh Pejabat Sabah berbanding tahun-tahun sebelum pandemik COVID-19 tercetus.

Sehubungan itu, pada tahun 2022, Pejabat Sabah telah memberikan tumpuan kepada beberapa isu tematik hak asasi manusia antaranya seperti isu tanpa kewarganegaraan, isu hak tanah adat, serta perniagaan dan hak asasi manusia. Pejabat Sabah juga terus meningkatkan jaringan kerjasamanya dengan mengadakan perjumpaan dan sesi libat urus dengan pemegang taruh. Pejabat Sabah berharap agar semua aktiviti tersebut dapat membantu menyumbang kepada peningkatan kadar penyelesaian aduan hak asasi manusia di negeri Sabah dan seterusnya akan dapat meningkatkan lagi perlindungan dan pematuhan kepada prinsip dan piawaian hak asasi manusia khususnya di negeri Sabah.

## 1. PENGURUSAN ADUAN DAN SIASATAN

Bagi tahun 2022, Pejabat Sabah telah menerima sebanyak 300 aduan yang mana 170 aduan dikategorikan sebagai kes hak asasi manusia manakala baki 130 aduan adalah diklasifikasikan sebagai aduan di luar bidang kuasa SUHAKAM kerana sama ada tidak melibatkan sebarang unsur pelanggaran hak asasi manusia, kes di bawah bidang kuasa agensi lain atau kes yang melibatkan proses mahkamah atau telah diputuskan secara muktamad oleh mahkamah sepertimana yang dinyatakan dalam Seksyen 12 (2) Akta SUHAKAM 1999.

**Jadual 11: Pecahan Aduan berkaitan Hak Asasi Manusia di Sabah, 2022**

| Bil. | Kategori Aduan | Jumlah Kes |
|---|---|---|
| 1. | Hak kepada kewarganegaraan | 104 |
| 2. | Hak tanah adat anak negeri | 19 |
| 3. | Hak kepada taraf kehidupan yang mencukupi (makanan, pakaian, perumahan, penjagaan kesihatan) | 13 |
| 4. | Hak kepada pemilikan harta | 10 |
| 5. | Tindakan seksaan/layanan atau hukuman zalim | 5 |
| 6. | Tangkapan, tahanan dan pembuangan negeri | 4 |
| 7. | Hak kepada pekerjaan dan hak pekerja migran | 3 |
| 8. | Diskriminasi/Hak Kesaksamaan (perkauman, agama, jantina, kurang upaya fahaman politik dan lain-lain) | 2 |
| 9. | Hak untuk hidup | 1 |
| 10. | Hak kepada privasi | 1 |
| 11. | Hak kepada pendidikan | 1 |
| 12. | Hak alam sekitar | 1 |

| Bil. | Kategori Aduan | Jumlah Kes |
|---|---|---|
| 13. | Buruh paksa | 1 |
| 14. | Lain-lain[15] | 5 |
| | **Jumlah Keseluruhan** | **170** |

Merujuk kepada Jadual 11, daripada keseluruhan 170 aduan berkaitan hak asasi manusia yang diterima oleh Pejabat Sabah pada tahun 2022, sejumlah 104 aduan yang diterima adalah berkaitan dengan isu hak kepada kewarganegaraan, 19 aduan mengenai hak tanah adat anak negeri, 13 aduan mengenai hak kepada kehidupan yang mencukupi iaitu meliputi isu infrastruktur, perumahan dan keperluan asas, dan 10 aduan adalah mengenai hak kepada pemilikan harta. Pejabat Sabah juga turut menerima beberapa aduan mengenai isu yang berkaitan dengan perniagaan dan hak asasi manusia seperti isu hak kepada pekerja dan pekerja migran serta isu buruh paksa.

**Rajah 4: Bilangan Kes Selesai dan Masih Dalam Siasatan bagi Pejabat Sabah, 2022**




[15] Kategori aduan lain-lain biasanya merujuk kepada isu hak asasi manusia yang melibatkan pertikaian antara dua individu persendirian (Pelaku bukan negara) atau isu yang di luar bidang kuasa SUHAKAM seperti permohonan membebaskan tahanan dari tempat tahanan.

Berdasarkan Rajah 4 hanya 8 kes yang berjaya diselesaikan manakala sejumlah 162 aduan lagi masih dalam siasatan. Kadar penyelesaian aduan yang rendah adalah disebabkan oleh beberapa faktor utama seperti berikut:

i. Kebergantungan kepada maklum balas daripada agensi berkaitan

   Pejabat Sabah mempunyai hubungan kerjasama yang baik dengan agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri terutamanya apabila melibatkan aduan dakwaan pelanggaran hak asasi manusia. Walau bagaimanapun, dalam aduan melibatkan hak kepada kewarganegaraan, pengadu memohon untuk mendapatkan maklum balas mengenai status permohonan kewarganegaraan mereka dan pejabat Sabah telah memohon untuk mendapatkan status tersebut daripada pihak Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN). Sehubungan itu kadar penyelesaian adalah bergantung kepada maklum balas yang diberikan oleh agensi berkaitan berhubung aduan yang telah dikemukakan.

ii. Pengadu tidak dapat dihubungi

   Terdapat juga kes di mana Pejabat Sabah tidak dapat menyerahkan maklum balas yang diterima daripada agensi Kerajaan kepada pengadu kerana pengadu tidak dapat dihubungi atas faktor tidak mempunyai alamat tetap atau nombor telefon yang boleh dihubungi.

iii. Faktor geografi

   Pejabat Sabah juga menghadapi kekangan dalam pengurusan aduan dan siasatan kes berhubung isu tuntutan hak tanah adat anak negeri antaranya, melibatkan isu logistik disebabkan faktor keluasan Sabah dan lokasi aduan yang berlaku di kawasan pedalaman. Justeru, Pejabat Sabah perlu merancang siasatan lapangan dengan teliti supaya dapat bertemu dengan semua pihak yang terlibat semasa siasatan lapangan dijalankan.

iv. Kekurangan perjawatan di Pejabat Sabah

   Pada tahun 2022, pengurusan aduan dan siasatan di Pejabat Sabah dikendalikan oleh 2 orang pegawai dengan pemantauan oleh seorang Anggota Suruhanjaya Sabah dan dibantu oleh kakitangan sokongan. Pegawai yang sama juga perlu melaksanakan fungsi dan mandat SUHAKAM yang lain, antaranya promosi hak asasi manusia, jalinan kerjasama dengan pemegang taruh dan lawatan ke pusat tahanan. SUHAKAM telah melaksanakan beberapa langkah penambahbaikan termasuk menambah perjawatan seorang lagi pegawai bagi menangani perkara ini.

## 1.1 Aduan berkaitan dokumen pengenalan diri dan hak kepada kewarganegaraan

Seperti mana yang dinyatakan dalam Artikel 15, Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR), setiap orang adalah berhak kepada kewarganegaraan dan tidak ada seorang pun yang boleh dilucutkan kewarganegaraannya dengan sewenang-wenangnya. Pada tahun 2022, Pejabat Sabah telah mengkategorikan 104 aduan yang diterima sebagai isu hak kepada kewarganegaraan. Berdasarkan aduan yang diterima, isu hak kepada kewarganegaraan kebiasaannya melibatkan permohonan pengadu untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan Malaysia. Permohonan tersebut dibuat atas pelbagai sebab, antaranya kelewatan mendaftar kelahiran, perkahwinan yang tidak didaftarkan, serta individu yang mendakwa telah lahir di Sabah tetapi tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri.

Pejabat Sabah sedia maklum bahawa isu berkenaan hak kewarganegaraan berada di bawah bidang kuasa Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN). Oleh yang demikian, Pejabat Sabah sentiasa menasihati pengadu untuk terus membuat permohonan atau mendapatkan maklum balas berhubung permohonan mereka kepada agensi yang berkaitan. Walau bagaimanapun, terdapat pengadu yang mendakwa bahawa mereka tidak mendapat sebarang maklum balas berhubung status permohonan mereka atau sekiranya dimaklumkan bahawa permohonan mereka ditolak, mereka tidak dimaklumkan mengenai sebab-sebab penolakan dan ini menyukarkan mereka untuk membuat permohonan baharu atau mengemukakan rayuan. Selain itu, ada pengadu yang mendakwa bahawa mereka perlu membuat semakan di pejabat agensi berkaitan di Putrajaya sedangkan mereka menghadapi beberapa kekangan seperti tidak boleh bergerak kerana tidak mempunyai sumber kewangan atau dokumen. Terdapat juga pengadu yang bimbang atau takut untuk berurusan dengan agensi kerajaan terutamanya mereka yang tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri kerana mereka bimbang ditangkap oleh pihak berkuasa.

Berdasarkan aduan tersebut, Pejabat Sabah berpandangan bahawa selain hak kepada kewarganegaraan, isu lain yang berkaitan dengan permasalahan ini adalah akses kepada maklumat yang mana ianya merupakan salah satu daripada hak asasi manusia asas yang menyatakan bahawa setiap orang adalah berhak

untuk mendapatkan maklumat terutamanya mengenai dirinya daripada badan berkaitan. Sehubungan itu, Pejabat Sabah telah bertindak memanjangkan aduan pengadu kepada agensi Kerajaan yang berkaitan untuk mendapatkan status terkini permohonan dokumen atau kewarganegaraan pengadu dan sebab-sebab penolakan, sekiranya permohonan tersebut telah ditolak bagi membantu pengadu untuk mengemukakan permohonan baharu atau memulakan proses rayuan.

### 1.2 Aduan mengenai hak tanah adat anak negeri Sabah (NCR)

Pada tahun 2022, 19 aduan yang diterima oleh Pejabat Sabah telah dikategorikan sebagai kes hak asasi manusia mengenai hak tanah adat anak negeri (NCR). Aduan mengenai hak tanah adat (NCR) melibatkan dakwaan seperti isu Permohonan Tanah (PT) yang tidak diproses atau lambat diproses, pertindihan PT antara dua atau lebih pemohon, pertikaian tanah NCR antara penduduk asal dan syarikat swasta atau syarikat milik kerajaan negeri, serta pertikaian mengenai status tanah seperti hutan simpan, kawasan tadahan air dan sebagainya.

Pejabat Sabah telah mendapatkan maklumat lanjut dan maklum balas daripada semua pihak yang terlibat seperti pengadu, penduduk kampung, pihak yang diadukan, pihak syarikat dan agensi kerajaan antaranya Jabatan Tanah dan Ukur (JTU) Negeri Sabah, Penolong Pemungut Hasil Tanah (PPHT) dan Pejabat Daerah bagi memastikan maklumat yang diadukan kepada Pejabat Sabah adalah tepat dan mempunyai bukti pelanggaran hak asasi manusia yang jelas.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh Pejabat Sabah dalam menyiasat aduan tanah NCR, antaranya:

i. Cabaran daripada segi logistik dan sumber manusia kerana keadaan geografi Sabah yang luas menyebabkan perjalanan untuk ke kawasan yang menjadi pertikaian boleh mengambil masa sehingga 10 jam. Selain itu, kenderaan sedia ada juga kadangkala tidak dapat memasuki kawasan pertikaian terutamanya yang melibatkan kawasan ladang, kawasan berbukit dan tanah yang masih belum dibuka atau diusahakan. Sehubungan itu, Pejabat Sabah tidak dapat membuat pemerhatian ke keseluruhan kawasan pertikaian terutamanya bagi aduan yang melibatkan keseluruhan kawasan kampung dan tanah yang luas.

ii. Pejabat Sabah juga tidak mempunyai kepakaran dalam menganalisis peta dan grid lokasi sebenar sepertimana yang terdapat di dalam borang permohonan tanah; dan
iii. Pejabat Sabah tidak mempunyai akses kepada prosedur operasi standard (SOP) yang digunakan oleh Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah untuk memproses setiap permohonan tanah.

Pejabat Sabah memuji inisiatif Kerajaan Negeri yang melaksanakan Program Perkhidmatan Tanah Adat Negeri Sabah (PANTAS) yang bertujuan untuk menyelesaikan isu pengukuran tanah adat anak negeri (NCR).

Syor:
i. Sekiranya boleh, Pejabat Sabah mengesyorkan supaya sebarang pertikaian berhubung hak tanah NCR diselesaikan melalui mekanisme rundingan atau dialog antara semua pihak yang terlibat dan terkesan.
ii. Pejabat Sabah menggesa supaya semua pihak untuk menghormati prinsip izin, makluman awal, bebas dan telus (IMABT) sebelum membuat sebarang keputusan atau memberi kelulusan projek pembangunan yang akan memberi kesan kepada penduduk asal.
iii. Memperkasa prosedur permohonan tanah terutamanya pemprosesan permohonan tanah oleh PPHT dengan kadar segera apabila permohonan telah dibuat oleh pemohon. Perkara ini adalah selaras dengan peruntukan yang dinyatakan di dalam Seksyen 70 (1) Ordinan Tanah Sabah 1930 (Cap. 68). Pemerkasaan ini termasuklah dari segi penambahan sumber manusia seperti menambah perjawatan juru ukur di peringkat daerah dan peruntukan, serta peralatan yang diperlukan.
iv. Pihak yang berwajib perlu mematuhi Seksyen 44 (1) Ordinan Tanah Sabah 1930 (Cap.68) yang menyatakan bahawa setiap notis yang dikeluarkan untuk penyiasatan tanah perlulah diserahkan kepada penuntut-penuntut atau penduduk yang terlibat di dalam sesuatu pertikaian tanah tersebut tanpa melalui wakil. Perkara ini bagi memastikan penuntut atau penduduk kampung yang terlibat mendapat makluman yang sewajarnya mengenai siasatan tanah yang akan dijalankan. Hal ini kerana Pejabat Sabah kerap menerima makluman bahawa pengadu tidak mendapat sebarang notis atau notis tersebut diserahkan kepada pihak lain yang kemudiannya dikatakan tidak menyerahkan notis

berkenaan kepada pihak yang terkesan atau wakil tersebut tidak memihak kepada pengadu.

v. Mengikut aduan yang dikemukakan kepada Pejabat Sabah, pengadu mendakwa bahawa mereka telah membuat permohonan tanah sejak sekian lama tetapi tidak mendapat sebarang maklum balas berhubung permohonan mereka. Terdapat juga kes di mana pengadu mendakwa bahawa mereka telah terlebih dahulu membuat permohonan tanah, tetapi akhirnya mendapat tahu bahawa tanah tersebut telah diberikan hak milik kepada pihak lain. Sehubungan itu, Pejabat Sabah menyarankan agar maklum balas berhubung status permohonan dan sebab-sebab permohonan ditolak disampaikan kepada pemohon tanah selari dengan salah satu prinsip hak asasi manusia iaitu akses kepada maklumat. Hal ini akan dapat membantu pemohon untuk mendapatkan status sebenar permohonan mereka dan seterusnya boleh digunakan untuk mengemukakan permohonan baru atau rayuan terhadap permohonan sebelum ini.



**Pegawai Pejabat Sabah mengadakan perbincangan dengan pengadu dan pihak CSO untuk mendapatkan gambaran menyeluruh**

## 2. LAWATAN KE TEMPAT TAHANAN

Pejabat Sabah telah menjalankan lawatan ke tempat tahanan dan seterusnya mengemukakan syor mengenai isu hak asasi manusia untuk tujuan penambahbaikan serta pematuhan kepada standard minimum yang telah ditetapkan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Lawatan berkala ke tempat tahanan bukan sahaja untuk mendapatkan maklumat berhubung keadaan fasiliti dan layanan kepada tahanan, tetapi juga meliputi aspek kebajikan kakitangan yang bertugas sebagai penjaga tempat tahanan. Pendekatan ini bertepatan dengan slogan SUHAKAM iaitu 'Hak Asasi untuk Semua'.




**Lawatan ke klinik di PUSPEN Papar dan taklimat daripada Penolong Pegawai Perubatan**

Pada 2022, Pejabat Sabah telah menjalankan beberapa lawatan berkala ke tempat tahanan. Lokasi tempat tahanan dan syor yang telah dikemukakan oleh Pejabat Sabah adalah seperti berikut:

| Bil. | Tempat Tahanan/ Tarikh | Syor |
|---|---|---|
| 1. | Lokap Balai Polis Wallace Bay, Tawau<br>12 Februari 2022 | **Isu Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV)**<br>CCTV berfungsi dan memberi gambaran keseluruhan sel termasuk tandas dengan jelas. Adalah disyorkan supaya video di kawasan tandas dikaburkan atau pemantauan hanya dibuat oleh anggota kawalan lelaki bagi lokap lelaki dan wanita bagi lokap wanita. |
| 2. | Lokap Berpusat Kepayan, IPD Kota Kinabalu<br>30 September 2022 | **Membaik Pulih Jeriji Sel Lokap**<br>Pejabat Sabah mendapati jeriji sel lokap telah berkarat didakwa akibat semburan cecair pembasmi kuman. Adalah disyorkan supaya peruntukan tambahan untuk membaik pulih dan mengecat semula jeriji diberikan bagi memastikan keselamatan anggota dan tahanan di lokap.<br><br>**Akses air minuman**<br>Bekalan air minuman berterusan merupakan perkara yang perlu ditambah baik di semua di lokap di Balai Polis di Malaysia dan ini selaras dengan Peraturan 22 dalam Peraturan Mandela mengenai Standard Minimum Layanan Terhadap Banduan yang menyatakan bahawa air minuman perlu tersedia kepada tahanan bila masa diperlukannya. |
| 3. | Pusat Pemulihan Narkotik (PUSPEN) Papar<br>19 Disember 2022 | **Pemasangan CCTV**<br>Adalah disyorkan supaya CCTV dipasang di PUSPEN untuk meningkatkan keselamatan dan memantau kakitangan dan klien.<br><br>**Suntikan Imunisasi kepada Petugas**<br>Petugas di PUSPEN berdepan risiko terdedah kepada penyakit berjangkit dan adalah disyorkan supaya pihak pentadbir tahanan merujuk kepada PKD untuk mendapatkan suntikan imunisasi yang berkaitan antaranya Hepatitis-B dan Influenza. |

| Bil. | Tempat Tahanan/ Tarikh | Syor |
|---|---|---|
| 4. | Depot Tahanan Imigresen (DTI) Papar<br>19 Disember 2022 | **Menaik Taraf Skim Peruntukan Makanan**<br>Adalah disyorkan supaya peruntukan makanan ditambah baik dengan menggunapakai skim peruntukan makanan JIM dan penyediaan makanan 4 kali sehari mengikut diet makanan dan pengambilan kalori yang telah ditetapkan oleh KKM.<br><br>**Penyakit *Scabies***<br>Pejabat Sabah mendapati beberapa tahanan yang mengalami penyakit *scabies* tidak diasingkan kerana kekurangan fasiliti yang khusus untuk tujuan pengasingan. Adalah disyorkan supaya tindakan rawatan dan pencegahan berhubung perkara ini dapat segera laksanakan dengan membekalkan ubat dan peralatan kebersihan diri yang mencukupi.<br><br>**Bekalan Ubatan dan Fasiliti Kesihatan**<br>Pejabat Sabah mendapati bahawa bekalan ubat di DTI Papar berada dalam keadaan kritikal di mana pihak petugas kesihatan terpaksa mencatu ubat sedia ada kerana kekurangan bekalan. Tindakan segera pihak berkenaan termasuk agensi kesihatan Kerajaan dalam menangani perkara ini adalah penting kerana ianya melibatkan hak kepada nyawa dan juga kesihatan awam. |
| 5. | Depot Tahanan Imigresen (DTI) Kota Kinabalu<br>20 Disember 2022 | **Pemasangan CCTV**<br>Adalah disyorkan supaya CCTV dipasang di DTI Kota Kinabalu dan semua DTI lain di Sabah sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan keselamatan dan pemantauan.<br><br>**Bekalan Ubatan dan Fasiliti Kesihatan**<br>Bekalan ubat terutamanya untuk penyakit kulit, *scabies* dan demam telah berkurangan dan fasiliti kesihatan seperti ruang pemeriksaan dan rawatan, serta peralatan kesihatan tidak berada pada tahap yang memuaskan dan perlu ditambah baik. |

| Bil. | Tempat Tahanan/ Tarikh | Syor |
|---|---|---|
| 6. | Penjara Pusat Kota Kinabalu<br>20 Disember 2022 | **Penyerahan Rekod Kesihatan Tahanan**<br>Adalah disyorkan supaya pihak penjara dapat berkongsi rekod kesihatan tahanan yang akan dipindahkan ke Depot Tahanan untuk proses pengusiran dengan penyelia tempat tahanan tersebut.<br><br>**Penukaran Bekas Makanan**<br>Pejabat Sabah mengesyorkan agar bekas makanan diganti dengan bekas yang berasaskan getah untuk menjamin kebersihan dan keselamatan. |




**Lawatan ke Lokap Berpusat Kepayan mendapati CCTV berfungsi dan berada dalam keadaan yang baik**

Selain daripada lawatan berkala, SUHAKAM juga mempunyai kuasa untuk melawat tempat tahanan bagi menyiasat sebarang aduan berhubung dakwaan pelanggaran hak asasi manusia. Pejabat Sabah sepertimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 4(2)(c) dan Seksyen 4(2)(d) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597) telah mengadakan lawatan siasatan di Depot Tahanan Imigresen Tawau,

Sabah pada 8 November 2022 untuk menjalankan siasatan dan pemeriksaan berikutan dakwaan bahawa jumlah kematian di depot ini adalah tinggi.

Isu/Syor:

i. Isu kematian dalam tahanan di DTI Tawau

   Semasa lawatan, DTI Tawau memaklumkan bahawa berdasarkan rekod statistik kematian tahanan, terdapat 54 kes kematian direkodkan pada tahun 2021 manakala 36 kes kematian telah direkodkan sehingga 3 November 2022. Pejabat Sabah mendapati bahawa jumlah kematian yang berlaku di DTI Tawau adalah tinggi dan perlu diberikan perhatian yang sewajarnya oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memandangkan kes kematian tersebut dikaitkan dengan isu penyakit berjangkit dan kesihatan awam. Selain itu, usaha untuk mencegah penyakit berjangkit seperti penyakit kulit dan kencing tikus juga perlu dipergiat dengan pemantauan pihak berwajib.

ii. Bekalan ubatan dan fasiliti kesihatan

   SUHAKAM dimaklumkan bahawa perolehan ubat-ubatan adalah menggunakan peruntukan mengurus JIM. Walau bagaimanapun, SUHAKAM mendapati bahawa bekalan ubatan-ubatan di DTI Tawau tidak mencukupi dan memerlukan tindakan segera daripada pihak agensi kesihatan Kerajaan kerana ia melibatkan hak kepada nyawa dan juga risiko kesihatan awam.

iii. Alternatif kepada penahanan kanak-kanak

   Melihat kepada keadaan kanak-kanak di pusat tahanan yang terkurung, boleh disimpulkan kanak-kanak tersebut tidak mempunyai kebebasan bergerak. Ini menyebabkan perkembangan kanak-kanak bukan sahaja terbantut tetapi juga berada dalam keadaan resah dan tertekan. Sehubungan itu, adalah disarankan agar kanak-kanak berpeluang beriadah pada satu masa yang ditetapkan secara rutin.

Kerajaan juga digesa untuk mempercepatkan program 'alternatif kepada penahanan kanak-kanak' bagi mengelakkan penahanan kanak-kanak di Depot Tahanan Imigresen.

## 3. ISU TANPA KEWARGANEGARAAN DI SABAH

Menurut Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR), tiada kewarganegaraan bermaksud apabila seseorang itu tidak dianggap sebagai warganegara oleh mana-mana negara mengikut undang-undang. Di Sabah, isu tanpa kewarganegaraan sering berpunca daripada faktor sejarah dan corak migrasi semasa. Orang tanpa kewarganegaraan berisiko untuk terdedah kepada eksploitasi dan menjadi mangsa kepada pelanggaran hak asasi manusia yang serius. Bertepatan dengan prinsip hak asasi manusia untuk semua, Pejabat Sabah telah memberikan perhatian kepada isu ini dan melaksanakan beberapa aktiviti bagi menggerakkan usaha ke arah mencapai sasaran Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Sasaran 16.9 iaitu menyediakan pengenalan yang sah untuk semua, termasuk pendaftaran kelahiran menjelang 2030.

### 3.1 Akses kepada kesihatan untuk orang tanpa kewarganegaraan di Lahad Datu, Sabah

Pejabat Sabah telah menerima aduan berhubung dakwaan terdapat beberapa kes orang tanpa kewarganegaraan daripada komuniti Bajau Laut di Lahad Datu yang dinafikan akses kepada rawatan perubatan yang sewajarnya, selain dilayan dengan prejudis dan didiskriminasi oleh petugas kesihatan di hospital apabila dihalau dari premis hospital atau diperlakukan dengan kasar. Berikutan aduan tersebut, Pejabat Sabah telah mengadakan lawatan ke sebuah penempatan Bajau Laut di Lahad Datu dan merekodkan maklumat berikut:

i. Menurut aduan yang dikemukakan, komuniti tersebut telah pergi mendapatkan rawatan kecemasan di hospital, dan mereka yang ditempatkan di Zon Kuning mendakwa tidak diberikan rawatan yang sewajarnya sehingga menyebabkan komplikasi dan perlu dipindahkan ke Zon Merah. Mereka diarahkan untuk membayar yuran pendaftaran dan deposit pada kadar yang sama seperti warga asing terutamanya bagi kes di Zon Hijau dan Zon Kuning, manakala hanya

pesakit yang berada di Zon Merah yang boleh terus diberikan rawatan tanpa melalui proses pendaftaran terlebih dahulu.

ii. Selain itu, mereka mendakwa perlu membuat bayaran sebelum mendapatkan perkhidmatan diagnosis seperti imbasan sinar-X dan pemeriksaan darah.

iii. Situasi sebegini menyebabkan komuniti ini menjadikan rawatan di hospital sebagai pilihan terakhir apabila keadaan kesihatan kritikal. Selain itu, mereka juga cenderung untuk mendapatkan rawatan alternatif dan melahirkan anak dengan menggunakan perkhidmatan bidan kampung. Keadaan ini boleh menjadi isu kesihatan awam yang serius, terutamanya sekiranya berlaku jangkitan wabak dalam komuniti kerana pengesanan di peringkat awal tidak dapat dilakukan.



**Sesi pertemuan dengan komuniti Bajau Laut di Lahad Datu, Sabah**

Bagi mendapatkan penjelasan berhubung perkara ini, Pejabat Sabah telah mengadakan perjumpaan dengan Pengarah dan pihak pengurusan Hospital Lahad Datu, Sabah pada 1 November 2022. Berdasarkan perjumpaan tersebut Pejabat Sabah dimaklumkan bahawa:

i. Pihak hospital menerangkan bahawa setiap pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan akan diberikan layanan dan rawatan yang sewajarnya. Walau bagaimanapun, pihak hospital akur bahawa mereka tidak dapat mengawal tindakan setiap kakitangan dan tidak menafikan bahawa kemungkinan terdapat kakitangan yang bersikap prejudis dan secara tidak langsung mendiskriminasi komuniti Bajau Laut. Selain itu, terdapat isu komunikasi antara pihak hospital dan komuniti Bajau Laut disebabkan kekangan bahasa kerana mereka tidak fasih bertutur dalam Bahasa Malaysia.
ii. Pihak hospital mengakui bahawa setiap orang harus mempunyai akses kepada rawatan dan kesihatan. Walau bagaimanapun, pihak hospital terikat kepada perintah dan dasar yang telah ditetapkan antaranya seperti Perintah Fi (Perubatan) 1982 dan Perintah Fi (Perubatan)(Kos Perkhidmatan) 2014 untuk pelaksanaan fi bagi warga asing. Berdasarkan perintah tersebut, komuniti Bajau Laut yang dikategorikan sebagai bukan warganegara kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah perlu membayar wang pendaftaran dan deposit wad sebelum mendapat rawatan di Jabatan Kecemasan. Bayaran tersebut bagaimanapun tidak termasuk bayaran untuk rawatan, ujian makmal, siasatan dan imbasan sinar-X yang mana perlu dijelaskan secara berasingan sebelum perkhidmatan tersebut dilaksanakan. Bayaran pendaftaran dikecualikan untuk pesakit yang kritikal dan perlu diberikan rawatan segera di Zon Merah.
iii. Pihak hospital tidak dapat memberikan pengecualian fi sewenang-wenangnya kerana di luar bidang kuasa dan pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib. Ini kerana pihak hospital perlu menghantar laporan jumlah penerimaan bayaran atau hutang perubatan yang tertunggak kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) secara berkala. Pejabat Sabah dimaklumkan bahawa Hospital Lahad Datu merupakan antara hospital yang mempunyai tunggakan, bayaran hutang tertinggi di Sabah disebabkan isu ini.




**Perjumpaan bersama Pengarah Hospital Lahad Datu, Sabah**

Pejabat Sabah mengambil maklum akan status komuniti Bajau Laut yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri dan dikategorikan sebagai orang tanpa kewarganegaraan di Sabah. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada prinsip hak asasi manusia, yang menyatakan setiap individu berhak kepada rawatan dan penjagaan kesihatan, penafian akses kepada kesihatan merupakan satu pelanggaran hak asasi manusia yang serius.

Sehubungan itu, Pejabat Sabah sedang dalam proses untuk mengadakan perjumpaan bersama Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) bagi membincangkan tindakan yang boleh diambil dalam mencari penyelesaian terbaik bagi permasalahan ini supaya setiap individu di Sabah mempunyai akses untuk mendapatkan rawatan kesihatan yang sewajarnya serta dalam masa yang sama menangani risiko kesihatan awam yang boleh tercetus sekiranya isu ini tidak diatasi.

Walau bagaimanapun, sebagai langkah penyelesaian sementara berhubung isu ini, Pejabat Sabah mencadangkan agar pihak KKM dapat memberi kebenaran khas kepada Pengarah Hospital supaya menggunakan kuasa yang telah diperuntukkan kepada beliau untuk memberi pengecualian fi pendaftaran dan deposit kepada pesakit daripada komuniti Bajau Laut yang tidak berkemampuan.

### 3.2 Memorandum Persefahaman (MoU) Mengenai Isu Tanpa Kewarganegaraan di Sabah

Isu tanpa kewarganegaraan merupakan antara isu tematik yang menjadi perhatian Pejabat Sabah. Salah satu inisiatif yang telah dijalankan adalah MoU Mengenai Isu Tanpa Kewarganegaraan di Sabah yang melibatkan kerjasama antara SUHAKAM dengan Komnas HAM dan CHRP. MoU ini telah mula ditandatangani pada tahun 2019 dan telah diperbaharui serta disambung sehingga penghujung tahun 2022 bagi membolehkan kesemua aktiviti yang telah dirancang dalam Pelan Tindakan MoU tersebut dilaksanakan.

Antara aktiviti yang telah dirancang dalam MoU tersebut adalah mengadakan perbincangan mengenai isu tanpa kewarganegaraan dengan pihak berkepentingan dan agensi kerajaan yang berkaitan. Bagi tujuan tersebut, Pejabat Sabah pada tahun 2022 telah mengadakan perjumpaan seperti berikut:

i. Perjumpaan bersama Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Mulia, Utusan Khas, Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur - Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) pada 20 Mac 2022.

   Lawatan kerja ini bertujuan meneroka peluang kerjasama 2 hala terutama dalam isu yang melibatkan pekerja asing dan orang tanpa kewarganegaraan di Sabah. Selain itu, Tan Sri Pandikar Amin juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Kecil Berkenaan Pendatang Asing Tanpa Izin dan Pekerja Asing.

ii. Timbalan Ketua Menteri Sabah, YB Datuk Seri Bung Moktar Radin pada 18 April 2022.

Pejabat Sabah telah mengadakan kunjungan hormat kepada Timbalan Ketua Menteri Sabah, YB Datuk Seri Bung Moktar Radin di pejabat beliau di Kementerian Kerja Raya Sabah. Beberapa isu dibangkitkan semasa perjumpaan bersama YB Datuk Seri Bung Moktar Radin yang juga Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Warga Asing di Sabah, antaranya isu orang tanpa kewarganegaraan, pemeteraian MoU dan potensi kerjasama masa hadapan antara Pejabat Sabah dengan Jawatankuasa tersebut.

### 3.3 Semakan terhadap Kajian Mengenai Isu Tanpa Kewarganegaraan di Sabah

Isu tanpa kewarganegaraan di Sabah telah berlarutan sejak sekian lama. Terdapat banyak kajian mengenai isu ini yang telah dijalankan sama ada oleh agensi Kerajaan, ahli akademik, badan pemikir, dan badan bukan kerajaan. Sehubungan itu, Pejabat Sabah merasakan adalah penting agar satu semakan semula atas kajian yang telah dijalankan sebelum ini dibuat dengan tujuan untuk menyusun semula dapatan kajian, penemuan dan syor mengenai isu tanpa kewarganegaraan di Sabah. Semakan semula ini boleh dijadikan rujukan, seterusnya menghasilkan laporan yang lengkap untuk membantu Pejabat Sabah menyelesaikan isu ini.

Bagi mencapai matlamat tersebut, Pejabat Sabah telah bekerjasama dengan sekumpulan pensyarah dan penyelidik dari Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah (UiTM Sabah). Dua sesi konsultasi telah diadakan melalui webinar Perbincangan Meja Bulat pada 9 Mac dan 16 Mac 2022 untuk mendapatkan maklumat lanjut daripada pemegang taruh. Seterusnya, dapatan daripada sesi konsultasi tersebut dan kajian sebelum ini telah diperhalusi dan akan disatukan dalam laporan. Laporan tersebut kini sedang berada dalam fasa akhir dan dijangka akan dimuktamadkan pada tahun 2023.

## 4. MEMUPUK KESEDARAN DAN PROMOSI HAK ASASI MANUSIA

Salah satu usaha berterusan Pejabat Sabah adalah untuk memupuk kesedaran dan promosi hak asasi manusia kepada masyarakat umum di Sabah. Selari dengan fungsi SUHAKAM sepertimana yang termaktub di dalam Akta SUHAKAM 1999.

Selain itu, Pejabat Sabah juga aktif menjalankan program untuk menerangkan fungsi dan peranan SUHAKAM kepada golongan sasaran yang terdiri daripada pelbagai latar belakang seperti orang awam, belia, pelajar, agensi penguatkuasa dan kakitangan awam.

### 4.1 Program SUHAKAM bersama Masyarakat (SBM)

Program Pengenalan Hak Asasi Manusia dengan Penduduk Kampung Bergusong, Tawau dengan kerjasama *CSO Platform for Reform* telah diadakan pada 12 Februari 2022. Dianggarkan seramai 50 orang penduduk kampung yang terdiri daripada warga emas, belia dan kanak-kanak telah hadir ke sesi pengenalan ini. Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk memberi penjelasan berhubung fungsi dan kuasa SUHAKAM dan isu-isu hak asasi manusia. *CSO Platform for Reform* juga menerangkan peranannya selaku sebuah organisasi masyarakat sivil yang memantau isu hak asasi manusia di Malaysia.

Antara isu yang dibangkitkan oleh penduduk kampung adalah isu kekurangan kemudahan asas seperti bekalan air bersih, di mana mereka masih lagi bergantung kepada air hujan yang ditadah dan disimpan untuk kegunaan seharian termasuklah minum, mandi, mencuci pakaian dan memasak. Selain itu, kedudukan kampung yang terletak di kawasan pulau menyebabkan penduduk kampung menghadapi kesukaran untuk ke bandar Tawau bagi urusan pendaftaran dokumen dan kelahiran yang menyebabkan isu dokumen pengenalan diri bagi sesetengah penduduk. Penduduk juga memaklumkan bahawa hanya terdapat sebuah sekolah menengah di Pulau Sebatik, sedangkan jumlah penduduk di 13 buah kampung dianggarkan seramai 10,000 orang. Ini menyebabkan ramai kanak-kanak terpaksa bersekolah di bandar dan tinggal di asrama, manakala mereka yang tidak berkemampuan terpaksa berhenti sekolah.

Pejabat Sabah mengambil maklum isu yang telah dikemukakan. Kebanyakan isu yang disuarakan turut dialami oleh penduduk lain di kawasan pulau. Sehubungan itu, Pejabat Sabah mencadangkan supaya:

i. Pemegang taruh perlu memastikan pendidikan di peringkat awal diberikan secara percuma dan sokongan sewajarnya seperti pengangkutan atau penginapan asrama harus disediakan bagi memastikan hak ini dapat dinikmati oleh setiap kanak-kanak.

ii. Pejabat Sabah mengesyorkan supaya pindaan undang-undang dibuat untuk melanjutkan tempoh pendaftaran kelahiran. Walau bagaimanapun, bagi penyelesaian sementara, Pejabat Sabah menyokong cadangan yang dibuat oleh penduduk iaitu supaya Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Mahkamah bergerak dapat dilaksanakan bagi memudahkan urusan pendaftaran dilakukan.

### 4.2 Sesi Perkongsian Mengenai SUHAKAM dan Hak Asasi Manusia kepada Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Pada 12 Disember 2022, Pejabat Sabah telah dijemput untuk berkongsi maklumat mengenai SUHAKAM dan hak asasi manusia bersama pelajar-pelajar dari Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Malaysia Sabah (UMS). Seramai 80 orang pelajar telah turut serta dalam sesi perkongsian ini. Sepanjang 2 jam sesi tersebut, Pejabat Sabah telah berpeluang untuk berkongsi mengenai fungsi dan peranan SUHAKAM, isu-isu hak asasi manusia di Sabah dan mengadakan sesi soal jawab bersama pelajar.

SUHAKAM berharap sesi perkongsian ini dapat diteruskan pada masa hadapan, bukan sahaja untuk memberi kefahaman dan pengetahuan mengenai isu hak asasi manusia dalam kalangan penuntut universiti tempatan, tetapi juga untuk mendapatkan maklum balas mengenai pandangan mereka terhadap usaha SUHAKAM dalam memperjuangkan isu hak asasi manusia.



**Sesi pengenalan SUHAKAM dan hak asasi manusia bersama pelajar FSSK, UMS**

## 5. JARINGAN KERJASAMA DAN KUNJUNGAN HORMAT

Pejabat Sabah sentiasa mengalu-alukan jalinan kerjasama yang baik dengan pemegang taruh dalam usaha melindungi dan mempromosi hak asasi manusia di Sabah. Sehubungan itu, Pejabat Sabah telah menjalankan usaha yang berterusan untuk memastikan hubungan 2 hala dan pelbagai hala yang telah dibina sebelum ini dapat diperkukuh, serta meneroka peluang untuk usahasama baharu.

### 5.1 Kunjungan Hormat

Pejabat Sabah telah menerima beberapa kunjungan hormat pada tahun 2022 seperti berikut:

i. Kunjungan hormat oleh Dr. Elaine Kong, Pakar Program UNICEF

Pejabat Sabah telah menerima kunjungan hormat oleh Dr. Elaine Kong, Pakar Program UNICEF pada 5 Oktober 2022. Antara isu yang dibincangkan adalah cadangan usahasama antara Pejabat Sabah dan UNICEF dalam menjalankan program dan aktiviti berkaitan hak kanak-kanak di Negeri Sabah seperti hak kepada kesihatan dan cadangan mewujudkan bandar mesra kanak-kanak.

ii. Kunjungan hormat oleh delegasi Kedutaan Filipina di Malaysia

Pejabat Sabah telah menerima kunjungan hormat oleh delegasi Kedutaan Filipina di Malaysia, Ms. Johaira C. Wahab Manantan, Setiausaha Ketiga dan Ms. Amelyn Julio-Obong pada 27 Oktober 2022. Objektif pertemuan adalah untuk memperkenalkan delegasi kedutaan yang bertanggungjawab dalam isu-isu keselamatan dan bertukar pandangan mengenai isu yang melibatkan warganegara Filipina yang berada di Sabah. Selain itu, delegasi kedutaan juga turut membangkitkan cabaran dan isu perubahan iklim di dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia.

iii. Kunjungan hormat oleh Wakil Suruhanjaya Tinggi Kanada di Malaysia

Pada 9 Disember 2022, Pejabat Sabah telah menerima kunjungan hormat oleh wakil Suruhanjaya Tinggi Kanada di Malaysia. Delegasi tersebut telah diketuai oleh Kaunselor, Robert Bissett, Setiausaha Pertama, Alina Kwan dan Pegawai Advokasi, Dayalan Rajoo. SUHAKAM dimaklumkan bahawa mereka dalam misi lawatan ke Sabah buat kali pertama dan tujuan kunjungan hormat tersebut adalah untuk memahami isu-isu hak asasi manusia di Sabah dan kemungkinan kerjasama antara Pejabat Sabah dan Suruhanjaya Tinggi Kanada di Malaysia.




**Pesuruhjaya SUHAKAM Sabah, Datuk Hajah Mariati Robert bersama delegasi Suruhanjaya Tinggi Kanada di Malaysia**

## 5.2 Sesi Pertemuan dan Pengenalan antara Pejabat SUHAKAM Sabah dan Organisasi Masyarakat Sivil (CSO)

Sesi pertemuan dan pengenalan antara Anggota Suruhanjaya, Datuk Hajah Mariati Robert dan CSO yang berpangkalan di Sabah telah diadakan pada 1 Oktober 2022 secara hibrid di Pejabat Sabah dan aplikasi dalam talian. Objektif program tersebut adalah untuk mengukuhkan jalinan kerjasama Pejabat Sabah dan CSO berkaitan hak asasi manusia di Sabah selain memberi penerangan berhubung fungsi dan peranan Pejabat Sabah.

Sesi tersebut turut membincangkan pelbagai isu hak asasi manusia di Sabah seperti hak pekerja, alam sekitar, kemudahan asas dan keadaan di pusat tahanan. Selain itu, taklimat berhubung isu perniagaan dan hak asasi manusia turut diadakan bagi memberi maklumat berhubung proses pembangunan Pelan Tindakan Kebangsaan mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR).



**Sesi perjumpaan antara Pejabat Sabah dan CSO di Sabah**

### 5.3 Kumpulan Kerja Buruh dalam Jawatankuasa Pemandu *Jurisdictional Certification Steering Committee* (JCSC)

Pejabat Sabah telah menghadiri Mesyuarat Kumpulan Kerja Buruh dalam Jawatankuasa Pemandu *Jurisdictional Certification Steering Committee* (JCSC) pada 25 Oktober 2022. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Cik Anne Baltazar, Tabung Alam Malaysia (WWF Malaysia) selaku pengerusi kumpulan kerja tersebut.

Kerajaan Negeri Sabah telah membuat keputusan untuk mencapai pengiktirafan minyak sawit mampan dengan pelaksanaan serentak 2 mekanisme pensijilan yang saling melengkapi melalui inisiatif *Jurisdictional Certified Sustainable Palm Oil* (JSCPO) Sabah iaitu *Roundtable on Sustainable Palm Oil-Certified Sustainable Palm Oil* (RSPO-CSPO) dan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan (MSPO).

Inisiatif ini akan diterajui oleh Jawatankuasa Pemandu yang dianggotai oleh pemegang taruh daripada jabatan kerajaan, industri serta badan bukan kerajaan, di mana Pejabat Sabah turut dipelawa untuk turut serta sebagai ahli jawatankuasa.

## HARAPAN MASA HADAPAN

Setiap individu di Sabah berhak untuk menikmati hak asasi masing-masing. Justeru, Pejabat Sabah kekal komited untuk meneruskan peranan dan tanggungjawabnya dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia dengan matlamat untuk menjadi pemangkin kepada peningkatan taraf hak asasi manusia di Sabah. Walau bagaimanapun, Pejabat Sabah tidak dapat bergerak secara bersendirian dan memerlukan sokongan serta kerjasama rapat daripada pelbagai pemegang taruh khususnya dalam menangani isu-isu hak asasi manusia tematik. Usaha untuk memperkasa jalinan kerjasama sedia ada akan diteruskan di samping meneroka sebarang peluang kerjasama yang baru terutamanya bagi melaksanakan aktiviti yang telah dirancang dalam Pelan Kerja 2023 dan Pelan Strategik SUHAKAM 2021 hingga 2025.

Seiring dengan perkembangan teknologi semasa, Pejabat Sabah juga berhasrat untuk menggalakkan supaya mana-mana pihak yang ingin mengemukakan aduan atau membuat pertanyaan dapat memanfaatkan alternatif lain yang disediakan seperti kemudahan sistem aduan dalam talian, e-mel, dan aplikasi perkhidmatan mesej percuma bagi menyalurkan sebarang maklumat. Inisiatif ini akan dapat membantu merapatkan jurang komunikasi yang disebabkan oleh pelbagai faktor seperti jarak, masa dan kos.



BAB

# 6

# PEJABAT SUHAKAM SARAWAK

# PEJABAT SUHAKAM SARAWAK

Terdapat perubahan yang signifikan terhadap kejayaan Pejabat SUHAKAM Sarawak (Pejabat Sarawak) pada tahun 2022 terutamanya daripada segi peningkatan jumlah aduan yang diterima dan jenis serta penyelesaian aduan berkaitan hak asasi di Negeri Sarawak. Walaupun konsep hak asasi manusia bukanlah merupakan perkara baharu di negeri ini, namun masih wujud salah faham tentang konsep hak asasi manusia dan perbezaan pendapat mengenai hak asasi manusia sama ada daripada individu mahupun organisasi masyarakat sivil di Sarawak. Pejabat Sarawak percaya bahawa usaha meningkatkan kesedaran berkenaan hak asasi manusia dan memperbaiki tahap perlindungan hak asasi di negeri ini hanya boleh dilakukan dengan berkesan sekiranya prosedur serta polisi berkaitan hak asasi manusia dihargai, dilaksanakan serta dihormati. Pada tahun 2022, Pejabat Sarawak lebih banyak menumpukan kepada usaha meningkatkan jumlah aduan, kesedaran dan pendidikan hak asasi manusia di Sarawak melalui peningkatan aktiviti yang telah dijalankan. Hak kepada kewarganegaraan telah mencatatkan jumlah aduan tertinggi sepanjang tahun ini.

## 1. GAMBARAN KESELURUHAN STATISTIK

Pada tahun 2022, Pejabat Sarawak telah menerima 43 aduan dan pertanyaan mengenai hak asasi manusia daripada orang awam.

**Jadual 12: Aduan yang Diterima oleh Pejabat Sarawak, 2022**

| BIL. | KATEGORI | JUMLAH KES |
|---|---|---|
| 1. | Hak kepada kewarganegaraan | 18 |
| 2. | Kebebasan berfikir, menentukan salah benar dan beragama | 10 |
| 3. | Hak kepada taraf kehidupan yang mencukupi (makanan, pakaian, perumahan, penjagaan kesihatan) | 4 |
| 4. | Hak kepada pekerjaan dan hak pekerja migran | 3 |
| 5. | Diskriminasi / Hak kesaksamaan (perkauman, agama, jantina, kurang upaya fahaman politik dan lain-lain) | 2 |
| 6. | Lain-lain | 2 |
| 7. | Jumlah | 43 |

**Hak Kepada Kewarganegaraan**

Isu kewarganegaraan menjadi antara isu utama berdasarkan aduan yang diterima oleh Pejabat Sarawak khususnya berkenaan dengan isu taraf kewarganegaraan kanak-kanak yang disebabkan oleh perkahwinan lelaki tempatan dengan ibu bukan warganegara Malaysia dan tidak didaftarkan dengan betul atau tidak didaftarkan langsung di Malaysia. Berdasarkan aduan yang diterima, hal ini tidak hanya berlaku dan lebih signifikan di kawasan bandar seperti Kuching, malah turut berlaku di kawasan pedalaman Sarawak. Hasil pemerhatian dan temubual oleh Pejabat Sarawak kepada pengadu-pengadu kes berkaitan hak kepada kewarganegaraan mendapati, punca utama berlakunya permasalahan ini ialah kurangnya kesedaran tentang kepentingan untuk mendaftarkan perkahwinan mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri sam ada bagi perkahwinan sivil mahupun perkahwinan adat. Jika ditelusuri dengan lebih lanjut, isu ini kebanyakannya berlaku di kawasan sempadan di antara Sarawak dan Indonesia. Antara faktor lain ialah kurangnya kesedaran terhadap kepentingan untuk mendaftarkan anak yang dilahirkan dengan segera disebabkan kekangan ekonomi terutamanya wang untuk keluar ke kawasan pekan atau bandar bagi mendaftarkan kelahiran anak. Hal ini sangat ketara bagi pengadu-pengadu yang tinggal jauh di kawasan pedalaman. Aduan-aduan berkaitan isu ini telah dimajukan kepada agensi yang berkenaan untuk tindakan lanjut.

## 2. LAPORAN PRESTASI

***Isu 1: Pendidikan dan Hak Asasi Manusia***

Pejabat Sarawak optimis untuk memperbanyakkan aktiviti bagi mempromosi, melindungi dan mengawasi hak asasi manusia di Sarawak, selaras dengan fungsi serta kuasa yang termaktub di dalam Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597). Pejabat Sarawak percaya bahawa kesedaran terhadap hak asasi manusia dalam kalangan orang awam adalah sangat penting bagi menyemai konsep hak asasi manusia di Sarawak.

***Isu 2: Peningkatan Jumlah Aduan dan Proses Penyelesaian Kes***

Pejabat Sarawak juga akan memperbaiki jumlah aduan serta proses penyelesaian kes melalui penganjuran aktiviti yang berterusan dalam usaha meningkatkan kesedaran awam berkenaan sistem aduan dalam talian.

## 3. PENGLIBATAN BERSAMA ORANG AWAM

Sebagaimana tahun terdahulu, Pejabat Sarawak meneruskan program yang melibatkan orang awam terutamanya di kawasan terpencil.

Objektif program adalah seperti berikut:

i) untuk membina hubungan yang produktif dengan CSO;

ii) untuk menyediakan ruang kepada CSO bagi mengutarakan pendapat dan memberi respon kepada isu-isu yang relevan; dan

iii) sebagai sebahagian strategi diplomasi awam Pejabat Sarawak untuk memenangi hati dan minda orang awam di Sarawak.

**Jadual 13: Program yang dilaksanakan sepanjang 2022**

| BIL. | TARIKH | PERKARA | LOKASI |
|---|---|---|---|
| 1. | 17-21 Jan | Lawatan lapangan (aduan) Rumah Panjang Ulu Nanga Sumpa, Lubok Antu dan Rumah Panjang di Engkelili | Lubok Antu dan Engkelili |
| 2. | 31 Jan | Lawatan lapangan ke Kampung Semera | Asajaya |
| 3. | 3 Feb | Lawatan ke penempatan komuniti Kampung Kudei Dungu dan Kampung Semariang Baru | Kuching |
| 4. | 4 Feb | Lawatan ke penempatan komuniti Kampung Tabuan Dayak | Kuching |
| 5. | 15 Feb | Sesi Perbincangan Bersama Ketua Masyarakat dan Agensi Kerajaan bertempat di Pejabat Pusat Khidmat Masyarakat, DUN N.69 Kemena, Niah Miri | Miri |
| 6. | 15 Feb | Perjumpaan bersama pengadu & *SAVE RIVER*, 15.2.2022 - *Lobby Pullman The Waterfront* | Miri |

| BIL. | TARIKH | PERKARA | LOKASI |
|---|---|---|---|
| 7. | 16 Feb | Lawatan ke penempatan komuniti Penan di Rumah Mareng, Jambatan Suai Niah Miri | Miri |
| 8. | 16 Feb | Lawatan ke penempatan komuniti Penan dan Iban di Rumah Larek Mat, Lapok Tinjar Miri | Miri |
| 9. | 14 Mac | Mesyuarat Suruhanjaya Bil 3-2022 di Hotel Tanahmas | Sibu |
| 10. | 14 Mac | Sesi Perbincangan bersama NGO | Sibu |
| 11. | 15 Mac | Lawatan berjumpa Pihak Pengurusan Tertinggi Universiti Teknologi Sarawak di Universiti Teknologi Sarawak | Sibu |
| 12. | 15 Mac | Lawatan ke Ibu Pejabat Polis Daerah Sibu | Sibu |
| 13. | 2-6 Apr | Lawatan ke penempatan komuniti Long Panai | Baram, Miri |
| 14. | 15-17 Jun | Lawatan kerja ke Pejabat Daerah Sebuyau dan Program SUHAKAM Bersama Masyarakat (SBM) | Sebuyau |
| 15. | 20-22 Jun | Lawatan kerja ke Pejabat Daerah Gedong dan Program SUHAKAM Bersama Masyarakat (SBM) | Gedong |
| 16. | 23 Jun | Penyerahan memorandum daripada Sahabat Alam Malaysia ke Pejabat SUHAKAM Sarawak | Kuching |
| 17. | 20 Jul | Program Kesedaran Hak Asasi Manusia Malaysia – SUHAKAM Bersama Masyarakat (SBM) | Pakan, Sarikei |
| 18. | 29-31 Jul | Pameran Info Kiosk Agensi Agensi Awam dan Swasta Bersempena Festival Sambutan Maal Hijrah 2022 | Kuching |
| 19. | 12-14 Ogos | Pameran Ekso Pembangunan sempena Pesta Daro | Daro, Mukah |
| 20. | 24 Ogos | Kunjungan Hormat kepada Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Sarawak | Kuching |
| 21. | 25 Ogos | Lawatan Berkala Depot Tahanan Imigresen Semuja | Serian |
| 22. | 7 Sep | Ceramah di *Management and Science University* (MSU), Sarawak: Hak Berpendapat Dan Bersuara | Kuching |
| 23. | 20 Sep | Sesi Pertemuan dan Perbincangan Bersama Masyarakat Madani dengan Anggota Suruhanjaya dan Pihak Pengurusan SUHAKAM | Kuching |

| BIL. | TARIKH | PERKARA | LOKASI |
|---|---|---|---|
| 24. | 20 Sep | Lawatan Kerja kepada Dato Sri Haji Mohamad Abu Bakar Marzuki, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak | Kuching |
| 25. | 24 Sep | SUHAKAM Bersama Masyarakat (SBM) dan lawatan ke sekitar Kg. Hilir | Sri Aman |
| 26. | 1 Okt | Ceramah Kesedaran Hak Asasi Manusia dalam Kalangan Guru di Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang | Rajang |
| 27. | 1 Okt | Lawatan ke Kampung Beladin | Pusa |
| 28. | 6 Okt | Lawatan kerja ke Majlis Adat Istiadat Sarawak (MAIS), Pejabat Premier Sarawak | Kota Samarahan |

## 4. LAWATAN KE PUSAT TAHANAN

Pejabat Sarawak telah mengadakan beberapa siri lawatan ke pusat-pusat tahanan untuk meninjau keadaan dan memastikan pusat-pusat tahanan tersebut menepati standard hak asasi manusia.

**Jadual 14: Lawatan ke Pusat Tahanan, 2022**

| BIL. | TARIKH | PERKARA | LOKASI |
|---|---|---|---|
| 1. | 15 Mac | Lawatan ke Ibu Pejabat Polis Daerah Sibu | Sibu |
| 2. | 25 Ogos | Lawatan Berkala Depot Tahanan Imigresen Semuja | Serian |

## 5. LAWATAN KERJA

Dalam usaha untuk merapatkan hubungan dengan Kerajaan Negeri dan pemegang taruh di Sarawak, Pejabat Sarawak telah mengadakan lawatan kerja kepada pelbagai pihak antaranya:

### 5.1 Lawatan Kerja kepada Pihak Pengurusan Tertinggi Universiti Teknologi Sarawak di Bilik Senat, Tingkat 1, Blok Pentadbiran, Universiti Teknologi Sarawak

Pada 15 Mac 2022, Anggota Suruhanjaya telah melakukan lawatan kerja kepada pihak pengurusan tertinggi Universiti Teknologi Sarawak. Antara isu yang dibincangkan adalah seperti berikut:

i) bentuk kerjasama yang boleh dilaksanakan antara kedua belah pihak pada masa hadapan; dan
ii) situasi semasa berkaitan hak asasi manusia di Sarawak terutamanya berkaitan peluang pendidikan kepada rakyat Sarawak.

### 5.2 Lawatan Kerja kepada Dato Sri Haji Mohamad Abu Bakar Marzuki, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak

Delegasi SUHAKAM diketuai oleh Anggota Suruhanjaya Dr. Chew Chee Ming, Setiausaha Dr. Cheah Swee Neo, Timbalan Setiausaha Ann Jennifer Victor Isaacs dan Ketua Pejabat Sarawak, En. Sophian Osman.

Antara isu yang dibincangkan adalah seperti berikut:

i) kerjasama pada masa hadapan antara pihak Suruhanjaya dengan agensi Kerajaan Negeri; dan
ii) situasi semasa berkaitan hak asasi manusia di Sarawak termasuklah berkaitan dengan isu-isu hak asasi manusia di Sarawak, peluang pendidikan dan dokumentasi perundangan berkaitan kanak-kanak yang tidak memiliki taraf kewarganegaraan Malaysia di Sarawak.

### 5.5 Lawatan Kerja ke Majlis Adat Istiadat Sarawak (MAIS)

Majlis Adat Istiadat Sarawak (MAIS) merupakan agensi Kerajaan Negeri yang berperanan untuk mengawal selia hal-hal berkaitan adat di Sarawak. Dalam konteks aduan hak asasi manusia, antara jenis aduan yang paling banyak diterima oleh Pejabat Sarawak ialah aduan yang berkait rapat dengan adat seperti isu-isu perkahwinan adat dan hak tanah adat. Justeru, lawatan kerja ke MAIS pada

6 Oktober 2022 adalah mustahak bagi meningkatkan pemahaman kakitangan Pejabat Sarawak berkenaan isu-isu serta undang-undang berkaitan adat di Sarawak.

Antara perkara yang dibincangkan adalah seperti berikut:

i) kerjasama pada masa hadapan antara pihak Suruhanjaya dengan MAIS;
ii) isu perkahwinan bawah umur;
ii) isu perkahwinan adat yang tidak berdaftar dan tidak mengikuti prosedur yang betul serta kaitannya dengan permasalahan tanpa kewarganegaraan di Sarawak;
iv) isu berkaitan undang-undang adat di Sarawak secara umum;
v) penyelesaian aduan yang berkaitan dengan adat; dan
vi) hal berkaitan kerjasama untuk menterjemah terma-terma hak asasi manusia bersifat nasional yang digunapakai oleh Suruhanjaya mahupun terma-terma yang terkandung dalam triti, konvensyen mahupun kovenan antarabangsa dalam bahasa-bahasa tempatan di Sarawak supaya lebih mudah untuk difahami oleh Orang Asal di Sarawak.

## 6. HARAPAN MASA HADAPAN

Disebalik cabaran-cabaran yang dihadapi, Pejabat Sarawak berjaya menjalankan hampir keseluruhan aktiviti yang telah dirancang. Namun, terdapat beberapa aktiviti yang telah digugurkan seperti Majlis Jamuan Makan Tengah Hari bersama Jabatan Tanah dan Survei, MAIS dan Mahkamah Bumiputera disebabkan beberapa perkara yang tidak dapat dielakkan.

Bagi mengatasi cabaran-cabaran ini, Pejabat Sarawak akan terus mengukuhkan hubungannya dengan Kerajaan Negeri, badan Bukan Kerajaan dan orang awam untuk meningkatkan kesedaran tentang hak asasi manusia menerusi program jerayawara, seminar dan perbincangan meja bulat.

Pejabat Sarawak komited dalam menyumbang kepada pembangunan budaya hak asasi manusia di Sarawak. Selain itu, Pejabat Sarawak juga akan terus menyokong usaha pemegang taruh khususnya yang melibatkan hak asasi manusia. Usaha ini akan dapat direalisasikan melalui penerapan konsep hak asasi manusia dalam polisi kerajaan dan undang-undang di negeri ini.

Pejabat Sarawak juga akan terus mempelajari praktis-praktis terbaik dalam mempromosikan hak asasi manusia sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa dan ianya akan dilakukan menerusi pemfokusan kepada pelanggan sebagai usaha untuk proses penambahbaikan yang berterusan.



BAB 7

# BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

# LATAR BELAKANG

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan menyediakan perkhidmatan pentadbiran, kewangan dan pengurusan sumber manusia bagi menyokong operasi SUHAKAM dalam melaksanakan fungsi dan mandat yang termaktub dalam Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597). Pada tahun ini, Bahagian ini berjaya melaksanakan fungsi sokongan dalam pentadbiran serta beberapa program dan aktiviti termasuk pembangunan kapasiti dan kemahiran pegawai walaupun terpaksa mengharungi cabaran yang dibawa pasca COVID-19.

## 1. PEMBANGUNAN KAPASITI DAN PENINGKATAN PENGETAHUAN

Unit Pengurusan Sumber Manusia (UPSM) yang merupakan salah satu unit di bawah Bahagian Pentadbiran dan Kewangan terus menyediakan pelbagai latihan dan kursus bagi meningkatkan kemahiran teknikal dan hak asasi manusia pegawai SUHAKAM. Untuk tujuan ini, SUHAKAM secara konsisten menekankan kepentingan peningkatan pengetahuan berterusan dan pembangunan kemahiran dalam aspek hak asasi manusia, bagi membolehkan dan menyokong pembangunan kerjaya dan kemajuan pegawai. Unit ini turut menyelia pelaksanaan dan peruntukan faedah kebajikan untuk pegawai.

